A

Pendakwa Raya lwn Tan Sri Mohd Isa bin Abdul Samad

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO WA-45–14–04 TAHUN 2019
MOHD NAZLAN H
30 MAC 2021

C

Keterangan — Saksi — Keterangan bercanggah — Sama ada terdapat percanggahan keterangan saksi pendakwaan dan pegawai penyiasat — Sama ada pernyataan bertulis saksi pendakwaan diajar oleh pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia — Sama ada keterangan saksi pendakwaan konsisten dan jelas — Sama ada saksi pendakwaan, suruhanjaya pencegah rasuah Malaysia dan pendakwaan mempunyai niat untuk menunjukkan kebersalahan tertuduh dengan menghitamkan (bold) perkataan dalam pernyataan bertulis saksi pendakwaan

D

E

Keterangan — Saksi — Keterangan sokongan — Keperluan untuk keterangan sokongan — Keterangan saksi yang terlibat dalam perlakuan kesalahan di bawah undang-undang berkaitan rasuah — Sama ada penglibatan seseorang dalam perlakuan kesalahan di bawah undang-undang mengenai rasuah menjadikannya seorang rakan sejenayah — Sama ada keterangan rakan sejenayah memerlukan keterangan sokongan — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 52 — Akta Keterangan 1950 s 133

F

G

Prosedur Jenayah — Penghukuman — Prinsip-prinsip — Kesalahan rasuah — Tertuduh selaku pengerusi lembaga FELDA dan ahli lembaga FELDA menerima wang suapan untuk membantu meluluskan pembelian sebuah hotel ('MPHS') — Suapan diminta dan diterima oleh SP21 sebagai orang tengah daripada SP16 bagi pihak tertuduh — Sama ada sembilan kesalahan berkait rapat antara satu sama lain — Sama ada hukuman penjara untuk sembilan sabitan kesalahan harus berjalan secara serentak — Sama ada 'special circumstances' yang memberi justifikasi kepada penangguhan perlaksanaan hukuman penjara dan denda

H

I

Undang-Undang Jenayah — Pecah Amanah Jenayah — Kanun Keseksaan s 409 — Tuduhan melakukan pecah amanah ke atas dana FICB — Sama ada tertuduh dengan curangnya melepaskan harta dana dengan meluluskan cadangan pembelian hotel tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) — Sama ada tertuduh seorang agen di bawah s 409 Kanun Keseksaan — Sama ada dalam kapasiti agen, tertuduh diamanahkan dengan harta FICSB — Sama ada tertuduh melakukan pecah

amanah jenayah — Sama ada tertuduh diberi pengamanahan atas harta FICSB — Sama ada tertuduh mempunyai kepentingan dalam cadangan pembelian MPHS — Sama ada s 409A KK terpakai dan menghalang pembelaan bergantung kepada keterangan menunjukkan pelupusan harta oleh FICSB — Kanun Keseksaan ss 402A & 409

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Permintaan dan pemerolehan wang suapan secara rasuah — Tertuduh selaku pengerusi lembaga FELDA dan ahli lembaga FELDA menerima wang suapan untuk membantu meluluskan pembelian hotel — Sama ada tertuduh memaksa atau mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk meluluskan pembelian — Sama ada tertuduh mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk memberi kelulusan pembelian — Sama ada kiriman salam tertuduh kepada SP16 melalui SP21 bukan kirim salam biasa tetapi merupakan isyarat kepada SP16 dan SP21 untuk mendapatkan suapan untuk tertuduh — Sama ada SP21 dan SP16 mempunyai motif untuk menganiaya tertuduh — Sama ada anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dipatahkan — Sama ada tertuduh telah menerima wang suapan sebagai dorongan untuk melakukan satu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya — Sama ada elemen-elemen pertuduhan dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 16(a)(A)

Pendakwaan ini melibatkan satu pertuduhan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan ('KK') dan sembilan pertuduhan penerimaan suapan rasuah di bawah s 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') terhadap tertuduh, yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan dan pada masa material pertuduhan-pertuduhan tersebut, memegang jawatan pengerusi Federal Land Development Authority ('FELDA'). Pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh adalah berkisar ketika tertuduh memegang jawatan pengerusi FELDA dan salah seorang ahli lembaga FELDA antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2017. Sebagai pengerusi, tertuduh juga bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat lembaga FELDA, yang dihadiri oleh ahli lembaga FELDA, dan juga bagi pihak pengurusan, pengarah besar FELDA serta timbalan-timbalan pengarah besar FELDA, selain daripada setiausaha syarikat. Dalam mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 pada 25 Jun 2013, Lembaga FELDA telah meluluskan penubuhan Felda Investment Corp Sdn Bhd ('FICSB'), sebuah anak syarikat milik penuh FELDA, sebagai sebuah entiti bertujuan khas (*special purpose vehicle*) bagi melaksanakan aktiviti pelaburan strategik FELDA, dengan rancangan awal perniagaan pelaburan anak syarikat tersebut merangkumi empat bidang utama iaitu pengurusan dana, inisiatif pembiayaan swasta, pelaburan mapan kemelesetan dan pengurusan sumber dalaman. FICSB dibiayai dengan modal berbayar permulaan sebanyak RM500 juta, yang disuntik oleh FELDA secara berperingkat. Di dalam mesyuarat tersebut juga,

Lembaga FELDA telah bersetuju bahawa tiga ahli lembaga pengarah FICSB yang pertama atau permulaan ialah tertuduh, Datuk Faizoull bin Ahmad (Pengarah Besar FELDA ketika itu) dan Muhammad Sufi bin Mahbub (Timbalan Pengarah Besar). Lembaga FELDA memberi mandat kepada Lembaga Pengarah FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek bernilai tidak lebih daripada RM100 juta. Ikhwan bin Zaidel ('SP16') merupakan seorang pengarah syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd ('GAPSB') yang juga mempunyai saham dalam GAPSB yang merupakan pemilik Merdeka Palace Hotel & Suites ('MPHS') yang beroperasi di Kuching, Sarawak. GAPSB telah menawarkan untuk menjual MPHS kepada FELDA pada harga RM200 juta. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah FICSB berkeputusan untuk menolak tawaran yang dikemukakan GAPSB untuk menjual MPHS kepada FICSB kerana pelaburan ke atas MPHS adalah tidak berdaya maju dan tidak menguntungkan FICSB. Kemudiannya, melalui surat tawaran bertarikh 28 Mac 2014 ('P249') yang dihantar kepada Pengerusi FELDA, GAPSB telah membuat tawaran semula kepada FICSB untuk menjual MPHS pada harga RM165 juta. Sebagai langkah lanjutan daripada surat GAPSB tersebut, SP16 dan Ibrahim bin Baki daripada GAPSB telah berjumpa tertuduh di pejabatnya dan memohon tertuduh menimbangkan semula keputusan FICSB berdasarkan tawaran baru. Tertuduh memberi respon positif tetapi tidak menjanjikan apa-apa kerana kata putus terletak kepada keputusan Lembaga Pengarah FICSB. Sebelum tawaran baru (RM165 juta) dapat dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB, SP16 telah menghantar satu surat faksimili kepada FICSB yang mengandungi tawaran terkini oleh GAPSB untuk menjual MPHS pada harga RM160 juta setelah diskaun diberikan sebanyak RM5 juta. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FICSB (SP15) memaklumkan tawaran terkini yang diterima daripada GAPSB kepada tertuduh yang mengarahkan SP15 meneruskan pembentangan kertas cadangan ke mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang akan datang iaitu Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10. Menurut SP15, sebelum pembentangan oleh SP15, tertuduh memberitahu Ahli Lembaga Pengarah FICSB bahawa Perdana Menteri mengarahkan FICSB mengkaji semula keputusan Lembaga Pengarah FICSB yang telah menolak cadangan pengambilalihan MPHS. Tertuduh juga mencadangkan Lembaga Pengarah FICSB bersetuju membeli MPHS berdasarkan harga terkini RM160 juta yang ditawarkan GAPSB. Ahli Lembaga Pengarah FICSB dengan sebulat suara tanpa sebarang soalan, bersetuju dengan cadangan pengambilalihan MPHS, tertakluk kepada perundingan akhir harga tidak melebihi RM160 juta dan kuasa diberikan kepada CEO untuk melaksanakan dokumen yang relevan dengan cadangan pembelian MPHS tersebut. Cadangan pengambilalihan MPHS tersebut perlu dibentang dalam mesyuarat Lembaga FELDA untuk kelulusan Lembaga FELDA memandangkan nilai pelaburan MPHS melebihi RM100 juta. Tertuduh, walau bagaimanapun mengarahkan perkara itu tidak perlu dibentangkan di Lembaga FELDA kerana sebahagian Ahli Lembaga Pengarah FELDA juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang

telahpun meluluskan cadangan pengambilalihan MPHS tersebut. Akhirnya pada 27 Jun 2014, FICSB dan GAPSB telah menandatangani perjanjian jual beli MPHS (P258) pada harga RM160 juta yang butirannya mengandungi purchase consideration sejumlah RM153 juta (tanah dan bangunan hotel), RM6 juta (kontrak dan *goodwill*) dan RM1 juta (aset tetap). Pada 26 Julai 2017, SPRM telah menerima maklumat berkaitan tertuduh, yang telah dikatakan telah menyalahgunakan kedudukan sebagai pengerusi FICSB antara tahun 2013 hingga 2016 untuk mendapat suapan bagi dirinya berhubung urusan pembelian MPHS tersebut. Tertuduh kemudiannya telah dipertuduh dengan satu pertuduhan kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 KK dan sembilan pertuduhan keatas kesalahan menerima suapan secara rasuah di bawah s 16 ASPRM berjumlah RM3.09 juta daripada SP16 melalui SP21 sebagai upah kepada tertuduh yang telah membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB pada harga RM160 juta. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kewujudan kes prima facie terhadap sembilan pertuduhan rasuah dan oleh yang demikian memerintahkan tertuduh untuk membela diri. Walau bagaimanapun, mahkamah berkeputusan sebaliknya mengenai pertuduhan tunggal pecah amanah jenayah dan telah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut tanpa memanggil tertuduh untuk membela diri. Pihak pembelaan telah menegaskan, bagi pertuduhan pertama, antara lain, bahawa: (a) tertuduh tidak mempunyai kuasa mutlak meluluskan pembelian MPHS kerana keputusan membeli MPHS merupakan keputusan sebulat suara Ahli Lembaga Pengarah FICSB; (b) keputusan membeli MPHS dibuat Lembaga FICSB berdasarkan faktor yang akan menguntungkan FICSB setelah mengambil kira cadangan pihak pengurusan FICSB berdasarkan penilaian dan pembangunan masa hadapan MPHS; (c) tertuduh hanya menyampaikan permintaan Perdana Menteri ketika itu kepada FICSB untuk mengkaji semula keputusan penolakan pembelian MPHS dan ianya bukan arahan tertuduh untuk pembelian MPHS diluluskan; (d) tertuduh tiada kepentingan dalam pembelian MPHS; dan (e) sebagai pengerusi FICSB, tertuduh tidak mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain dalam membuat keputusan membeli MPHS. Bagi sembilan pertuduhan penerimaan suapan pula, antara pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah bahawa: (i) pindaan kepada tarikh-tarikh dalam sembilan pertuduhan penerimaan rasuah dipersoalkan dan keterangan SP21 mengenai tarikh-tarikh suapan yang diterima tertuduh dikatakan tidak boleh dipercayai; (ii) tiada langsung keterangan permintaan oleh tertuduh, terutamanya sebelum kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB, tetapi juga selepas; (iii) tiada keterangan dalam bentuk dokumentari seperti catitan atau rekod penyerahan atau akuan terima wang sejumlah RM3.09 juta tersebut bagi menyokong penerimaan suapan-suapan sebanyak sembilan kali daripada SP16 melalui SP21; (iv) keterangan SP21 dalam pernyataan bertulis bukan keterangan SP21 tetapi diajar oleh SPRM; dan (v) SP15, SP16, SP17 dan SP21 sebenarnya berkomplot untuk mendapatkan wang komisen hasil pembelian

MPHS, dan SP16 juga saksi yang tidak konsisten, diragui dan tidak boleh dipercayai. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah: (A) sama ada tertuduh seorang agen di bawah s 409 KK; (B) sama ada dalam kapasiti agen tersebut, tertuduh diamanahkan dengan harta FICSB; (C) sama ada tertuduh melakukan pecah amanah jenayah; (D) sama ada kelulusan pembelian MPHS dibuat oleh tertuduh atau Lembaga Pengarah FICSB; (E) sama ada tertuduh diberi mandat oleh Lembaga FELDA untuk melaksanakan pelaburan bagi projek bernilai RM100 juta ke bawah sahaja; (F) sama ada tertuduh memaksa atau mempengaruhi Lembaga Pengarah FICSB; (G) sama ada penerimaan wang suapan oleh tertuduh dalam sembilan pertuduhan tersebut adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah kepada tertuduh atas penglibatan tertuduh meluluskan pembelian MPHS; (H) sama ada tertuduh berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s 50(1) ASPRM bahawa penerimaan tersebut dilakukan secara rasuah sebagai upah atas tindakan tertuduh membantu meluluskan pembelian MPHS; dan (I) sama ada SP21 mempunyai niat untuk mengenakan tertuduh.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh atas tuduhan pecah amanah jenayah; mensabitkan tertuduh atas sembilan pertuduhan penerimaan suapan rasuah:

(1) Pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh merujuk kepada tertuduh sebagai seorang ejen FICSB kerana kedudukan tertuduh memegang jawatan seorang pengarah syarikat FICSB. Status tertuduh sebagai pengarah adalah termasuk dalam definisi agen di bawah peruntukan jelas s 402A KK. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah, tiada kesangsian terhadap jawatan tertuduh sebagai pengarah syarikat (dan pengerusi) FICSB pada masa yang material seperti dirujuk dalam pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, inti pati mengenai tertuduh merupakan agen FICSB dalam jawatan pengarah syarikat adalah telah berjaya ditunjukkan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 164–165 &171).

(2) Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sebagai seorang pengarah syarikat, tertuduh secara amnya atas tanggungjawab statutori dan fidusiari terhadap syarikat diamanahkan dengan seluruh harta kepunyaan syarikat. Mahkamah juga berpendapat tiada masalah tentang elemen harta FICSB dalam pertuduhan ini. Dana syarikat telah dispesifikasi sebagai subjek kepada pengamanahan tersebut. Dana atau wang syarikat, walaupun harta alih (*moveable*) adalah masih sememangnya harta atau aset milik syarikat. Terdapat dua 'pengamanahan' berdasarkan fakta. Pertama, adalah pengamanahan harta wang oleh FICSB kepada tertuduh sebagai salah seorang pengarah FICSB. Dalam konteks ini, FELDA, sebuah entiti yang berbeza, adalah tidak relevan. Ini adalah kerana walaupun modal dan wang FICSB disuntik dan dibekalkan oleh FELDA, apabila wang tersebut diterima oleh FICSB (dan diletak dalam

akaun bank FICSB), di bawah undang-undang, ianya menjadi milik FICSB. Ahli Lembaga Pengarah FICSB adalah bertanggungjawab dan mempunyai pengamanahan terhadapnya. Kedua ialah berkaitan dengan keputusan oleh FELDA bahawa kuasa untuk meluluskan pelaburan oleh FICSB bernilai di bawah RM100 juta kepada Lembaga Pengarah FICSB. Tertuduh selaku seorang pengarah FICSB telah diamanahkan untuk menguruskan dana FICSB selaras dengan tujuan FICSB diwujudkan iaitu sebagai syarikat tujuan khas untuk melaksanakan pelaburan strategik FELDA mengikut had pelaburan yang ditetapkan oleh Lembaga FELDA. Juga, tertuduh selaku Pengarah FICSB dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB telah diamanahkan dengan dana FICSB dan perlu menguruskan dana tersebut mengikut mandat pelaburan yang telah ditetapkan oleh Lembaga FELDA (dan mungkin juga diterima dalam Resolusi Pengarah FICSB). Oleh yang demikian, inti pati pengamanahan harta FICSB kepada tertuduh berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 175, 180, 189–190, 205 & 207).

(3) Tanggungjawab pengarah di bawah s 132 (1) Akta Syarikat 1965 umpamanya, hanyalah bersifat am dan tidak boleh, menurut s 405 KK, dianggap suatu arahan undang-undang yang merujuk kepada harta yang diamanahkan. Dalam kes ini, walaupun pihak pendakwaan bergantung kepada mandat yang diberikan Lembaga FELDA mengenai keperluan kelulusan Lembaga FELDA bagi mana-mana pelaburan suatu pembelian oleh FICSB pada harga RM100 juta ke atas, secara teknikalnya arahan tersebut bukanlah suatu perintah peruntukan mana-mana undang-undang, lebih-lebih lagi ianya arahan oleh FELDA yang walaupun memegang keseluruhan saham dalam FICSB adalah merupakan suatu entiti luar dan berbeza dari FICSB. Suatu ketetapan yang dibuat Lembaga FELDA, terutamanya yang berkenaan dengan aktiviti anak syarikat boleh dianggap dirangkumi dalam skop pecah amanah jenayah s 405 KK sebagai peraturan Lembaga FELDA yang diterimapakai oleh FICSB sebagai suatu arahan bersifat undang-undang mengenai harta FICSB yang diamanahkan kepada Lembaga Pengarah FICSB. Namun, walaupun mandat atau pengamanahan pembelian lebih daripada RM100 juta mesti diluluskan oleh Lembaga FELDA dipertanggungjawabkan kepada setiap seorang Ahli Lembaga Pengarah FICSB, sebarang pembelian atau pelupusan wang untuk membayar pembelian tidak boleh dilakukan oleh seorang Ahli Lembaga Pengarah FICSB bersendirian. Tidak boleh dinafikan bahawa pembelian MPHS yang memerlukan bayaran RM160 juta oleh FICSB diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Ianya bukan diluluskan oleh tertuduh. Oleh yang demikian, tertuduh tidak boleh di bawah undang-undang dianggap telah melakukan pecah amanah jenayah dengan melupuskan harta wang FICSB bagi tujuan pembayaran pembelian MPHS kerana bukan sahaja tertuduh secara individu sebagai pengarah dan pengerusi tiada kuasa

untuk meluluskan pembelian tersebut, tetapi yang lebih penting lagi, pembelian tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB yang dianggotai tujuh pengarah syarikat, lima daripadanya hadir di mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS tersebut, termasuk tertuduh dan SP15 yang juga CEO syarikat (lihat perenggan 214–216, 227–228 & 230).

(4) Apapun cadangan yang dikatakan dilakukan oleh pengurusan, sama ada pada harga RM153 juta atau RM160 juta, dan sama ada melibatkan campur tangan tertuduh, mestilah akhirnya dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah untuk menerima tawaran RM160 juta. Keputusan adalah hasil budi bicara yang terletak atas para pengarah syarikat di bawah undang-undang. Mahkamah mendapati tidak ada keterangan yang membuktikan pengarah lain diarah atau dipaksa untuk meluluskan cadangan yang dikatakan dipengaruhi oleh tertuduh. Juga, syor yang dibuat tertuduh sebagai Pengerusi tidak boleh dikatakan sebagai arahan atau pengaruh kepada Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS dengan harga RM160 juta. Secara objektifnya kenyataan tersebut adalah bersifat *neutral* dalam sesuatu perbincangan dan tidak mempamerkan unsur arahan (lihat perenggan 253–254 & 261).

(5) Adalah dihujahkan oleh pendakwaan bahawa pembelian MPHS yang diusahakan oleh tertuduh menyebabkan kerugian kepada FICSB kerana harga semasa hotel tersebut hanya berjumlah RM77.5 juta berbanding harga pembelian hotel tersebut pada RM160 juta. Walau bagaimanapun, sekiranya benar ada kerugian, kelulusan pembelian MPHS pada RM160 juta adalah keputusan Lembaga Pengarah FICSB, bukan oleh tertuduh berseorangan. Dakwaan tertuduh telah berlaku curang dengan meluluskan pembelian MPHS dan melepaskan dana/wang syarikat kurang berasas kerana tertuduh tidak mempunyai sebarang kaitan dengan penyediaan penilaian, dan faktor asas bagi kedua-dua penilaian dalam tahun 2014 dan 2017 tersebut adalah juga berbeza (lihat perenggan 284–285 & 287).

(6) Penglibatan tertuduh dalam urusan arahan pembayaran wang pembelian MPHS adalah merupakan consequential atau semestinya berlaku akibat pembelian yang telah dilulus oleh Lembaga Pengarah FICSB dan dimeterai oleh FICSB dalam perjanjian jual beli MPHS. Penglibatan tertuduh dalam urusan pembayaran RM160 juta tersebut tidak boleh dijadikan asas kepada pertuduhan pecah amanah jenayah terhadapnya. Mahkamah tidak nampak bagaimana sesuatu tindakan susulan seperti ini boleh dianggap sebagai bukti kesalahan tertuduh melakukan pecah amanah kerana ini semua berlaku menurut kelulusan Lembaga Pengarah FICSB terhadap pembelian MPHS (lihat perenggan 288–289 & 297).

(7) Tidak dinafikan penilaian adalah hasil kerja yang dijalankan oleh para penasihat profesional termasuk jurunilai hartanah, yang telah mengambil kira potensi pembangunan kawasan sekitar lokasi MPHS tersebut di Kuching. Tiada keterangan yang dapat menunjukkan tertuduh telah mengambil bahagian di dalam penilaian tersebut, tiada keterangan bahawa penilai tersebut telah dibayar lebih lagi diarah oleh tertuduh untuk meningkatkan nilai daripada harga sebenar dan tidak wujud langsung keterangan bahawa tertuduh terlibat dalam penyediaan kertas kerja sehingga tertuduh boleh mengubah jumlah harga tersebut. Segala persediaan sebelum pembentangan kertas kerja tersebut telah dijalankan oleh pengurusan FICSB sendiri mengikut bidang kerja mereka. Oleh yang demikian, keterangan-keterangan yang dikemukakan pendakwaan hanya boleh disimpulkan bahawa dalam konteks pertuduhan pecah amanah jenayah ini tertuduh tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam pembelian MPHS. Keterangan juga menunjukkan bahawa walaupun keputusan terdahulu Lembaga Pengarah FICSB adalah tidak bersetuju dengan cadangan pembelian MPHS, permintaan untuk Lembaga Pengarah FISB mengkaji semula cadangan tersebut telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri ketika itu, yang juga merupakan Menteri yang bertanggungjawab ke atas FELDA. Ianya bukan ditimbulkan oleh tertuduh. Tindakan tertuduh mengarahkan SP15 mengkaji semula cadangan pembelian MPHS setelah ditolak sebelumnya tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang salah atau pun melampaui bidang kuasa beliau kerana perkara itu memang berada di bawah bidang tugas seorang Pengerusi FELDA. Kajian semula yang diketuai oleh SP15 lagi sekali tidak melibatkan tertuduh (lihat perenggan 300–302 & 304–306).

(8) Tiada bukti tertuduh memaksa atau mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk meluluskan pembelian MPHS tersebut. Kalau adapun keterangan sebegitu, pendakwaan masih tidak dapat menyangkal bahawa keputusan adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB, bukan tertuduh secara berseorangan. Kelulusan bukan dibuat oleh tertuduh dan pertuduhan ini juga tidak mengatakan tertuduh melakukan persubahatan yang mengakibatkan Lembaga Pengarah membuat keputusan pembelian tersebut. Juga, tiada keterangan yang boleh dipercayai menunjukkan tertuduh mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk memberi kelulusan. Oleh yang demikian, pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh tidak boleh berjaya. Justeru, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut tanpa perlu dipanggil untuk membela diri (lihat perenggan 308–310 & 432).

(9) Keterangan saksi pendakwaan SP16 dan SP21 menunjukkan permintaan dan penerimaan wang suapan oleh tertuduh disampaikan (dan kemudiannya wang-wang dalam setiap pertuduhan semuanya diterima) oleh pegawai khas tertuduh sendiri (SP21), bagi pihak tertuduh.

Permintaan untuk mendapatkan suapan melalui SP21, adalah berkait dan relevan serta boleh dianggap sebagai sebahagian daripada satu transaksi yang serupa dengan penerimaan suapan-suapan tersebut. Pendakwaan telah menunjukkan inti pati penting pertuduhan iaitu penerimaan wang suapan sebanyak RM100,000 oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21. Justeru, kesalahan di bawah s 16 ASPRM yang pertama (pertuduhan pindaan kedua), telah berjaya dibuktikan (lihat perenggan 447, 451 & 473).

(10) Keterangan yang dikemukakan pendakwaan mengenai lapan pertuduhan menerima suapan yang lain, iaitu pertuduhan pindaan ketiga hingga pertuduhan pindaan kesepuluh menunjukkan perlakuan permintaan suapan oleh tertuduh dan yang lebih penting lagi kepada inti pati pertuduhan, penerimaan wang-wang suapan oleh tertuduh dalam dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah hampir serupa dan tiada perbezaan material dengan modus operandi yang dianalisa mengenai pertuduhan pertama kecuali perkara yang berkaitan dengan tarikh kejadian dan jumlah wang yang terlibat. Dalam setiap sembilan situasi, tertuduh memberi isyarat kepada SP21 untuk menyampai salam tertuduh kepada SP16. SP16 kemudiannya membuat usaha untuk mendapatkan wang tunai untuk seterusnya diserahkan oleh SP16 sendiri kepada SP21 bagi tujuan pemberian oleh SP21 kepada tertuduh. Dalam setiap situasi juga SP21 menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh ketika SP21 berjumpa tertuduh di pejabat Pengerusi FELDA beberapa hari selepas penerimaan oleh SP21. Dalam kes ini, adalah juga jelas wang suapan tidak dijumpai dengan atau bersama tertuduh tetapi pendakwaan telah berjaya membuktikan berdasarkan keterangan SP21 bahawa SP21 telah menyerahkan dalam sembilan kali tersebut jumlah keseluruhan RM3.09 juta wang tunai kepada tertuduh (lihat perenggan 476–477 & 548).

(11) Hujahan tertuduh bahawa tiada bukti ada sebarang permintaan oleh tertuduh kepada SP16 ketika mereka bertemu sebanyak dua kali dan dakwaan permintaan melalui SP21 yang dilakukan selepas kelulusan pembelian oleh Lembaga Pengarah FICSB dikatakan melemahkan kes pendakwaan adalah tidak bermerit. Juga, hujahan tertuduh bahawa adalah munasabah untuk mengandaikan jikalau beliau berniat untuk mendapatkan wang suapan daripada SP16 hasil daripada meluluskan pembelian MPHS, tertuduh pastinya meminta wang suapan tersebut ketika bertemu dengan SP16 juga tidak bermerit. Ini adalah kerana pertuduhan-pertuduhan adalah atas dasar penerimaan suapan sebagai upah disebabkan penglibatan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB. Tertuduh tidak dituduh dengan kesalahan meminta suapan. Tiada keperluan untuk pihak pendakwaan menunjukkan ada permintaan atau sebarang persefahaman antara

tertuduh dan SP16 mengenai sebarang upah dan suapan sebelum kelulusan pembelian MPHS dibuat (lihat perenggan 551–553).

(12) Dalam konteks s 16(a)(A) ASPRM, permintaan untuk mendapatkan suapan bukanlah inti pati yang perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum kesalahan penerimaan suapan dibuktikan terhadap tertuduh. Oleh itu, tiada kecacatan dalam versi pendakwaan bahawa permintaan dilakukan oleh tertuduh melalui SP21 setelah kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Pertuduhan suapan — sembilan semuanya — bukanlah berpaksi kepada suapan yang dijanji oleh pemberi suapan sebagai balasan sekiranya atau sebelum sesuatu tindakan dilakukan oleh peminta suapan. SP16 telah memberi keterangan bahawa setelah permintaan dibuat beliau telah bersetuju untuk memberi RM3 juta kerana bimbang pembelian MPHS tersebut tidak terlaksana walaupun telah diluluskan atas sebab pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi FELDA dan FICSB. Ini juga boleh dianggap sebagai upah untuk memastikan FICSB meneruskan pelaksanaan pembelian MPHS setelah memberi kelulusan terhadapnya. Oleh yang demikian, ketiadaan keterangan tertuduh membuat permintaan suapan kepada SP16 ketika bertemu sebanyak dua kali sebelum dan selepas kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB adalah tidak sama sekali mencacatkan pertuduhan-pertuduhan di bawah ASPRM terhadap tertuduh (lihat perenggan 554–557).

(13) Sumber kewangan yang digunakan oleh SP16 untuk memberi suapan-suapan berjumlah RM3.09 juta kepada tertuduh melalui SP21 datang daripada komisen RM10 juta yang dibayar oleh GAPSB kepada syarikat JV Evolution Sdn Bhd ('JVESB'), ejen hartanah untuk menguruskan penjualan MPHS, setelah pembayaran-pembayaran dilaksanakan oleh FICSB kepada GAPSB di bawah perjanjian jual beli MPHS. Walau bagaimanapun, tiada keperluan untuk pendakwaan membuktikan sumber kewangan bayaran oleh SP16 kepada tertuduh. Itu bukanlah inti pati pertuduhan-pertuduhan penerimaan wang suapan terhadap tertuduh. Seksyen 16(a)(A) ASPRM yang menjadi asas kepada pertuduhan-pertuduhan tersebut juga tidak menyebut keperluan membuktikan sebarang punca kepada wang suapan (lihat perenggan 584–585).

(14) Keterangan-keterangan yang credible adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa terdapatnya penerimaan oleh tertuduh daripada SP21 wang sebanyak RM100,000 (pertuduhan pertama), RM140,000 (pertuduhan kedua), RM300,000 (pertuduhan ketiga), RM250,000 (pertuduhan keempat), RM500,000 (pertuduhan kelima), RM500,000 (pertuduhan keenam), RM300,000 (pertuduhan ketujuh), RM500,000 (pertuduhan kelapan) dan RM500,000 (pertuduhan kesembilan). Tidak timbul isu munasabah atau tidak apabila tiada catatan dibuat oleh SP16,

kenalan SP21 iaitu Azizi bin Abdul Wahab (SP17), Roney Zaidel (SP18) dan SP21 dalam kesemua sembilan transaksi tersebut. Keterangan pengeluaran wang dari bank jelas disokong dokumen-dokumen, manakala penyerahan daripada SP17 kepada SP16 dan daripada SP16 kepada SP21 juga berpaksikan kepada kepercayaan pihak-pihak antara satu sama lain yang telah berurusan tentang cadangan penjualan MPHS dari awal lagi (lihat perenggan 601–602).

(15) SP21 dengan jelas telah dalam soalan balas menafikan bahawa keterangan beliau adalah merupakan keterangan *cut and paste*, dan juga telah menerangkan semasa pemeriksaan semula bahawa keterangan merujuk kepada perkara yang sememangnya berlaku setiap kali penerimaan wang daripada SP16 dan penyerahan wang kepada tertuduh. Ini adalah munasabah kerana adalah menjadi kes pendakwaan bahawa jalan cerita dan corak permintaan oleh tertuduh, yang kemudiannya disampaikan kepada SP16 oleh SP21, penerimaan oleh SP21 wang-wang tersebut daripada SP16, dan penyerahan wang-wang tersebut kepada tertuduh oleh SP21 adalah serupa, berulangan dan tiada banyak perbezaan. Walaupun perkataan yang digunakan tepat kesamaannya, penggunaannya adalah berdasarkan perkara yang berlaku, dan sekiranya pun tidak seratus peratus tepat, kemungkinan penggunaan perkataan lain yang tidak material dan yang hampir serupa tidak mencacatkan kes pendakwaan sedikitpun (lihat perenggan 613–614).

(16) Pertuduhan-pertuduhan pindaan hanya memanjangkan tempoh masa. Tetapi semua sembilan pertuduhan asal, yang tidak dibantah oleh pembelaan, juga merujuk kepada tempoh masa, bukannya tarikh-tarikh spesifik. Oleh itu, isu tertuduh diprejudis kerana butiran tidak lengkap atau spesifik tidak timbul. Tambahan pula, berdasarkan penyataan pembelaan yang disediakan oleh tertuduh di bawah s 62 ASPRM pembelaan tertuduh mengenai sembilan pertuduhan menerima suapan adalah penafian. Sekiranya tarikh-tarikh dalam pertuduhan asal dan juga dalam pertuduhan pindaan merupakan perkara material kepada pembelaan tertuduh, pihak pembelaan semestinya mengemukakan notis alibi tetapi ini tidak dilakukan. Ini menunjukkan pertuduhan pindaan sudah tentunya difahami oleh tertuduh dan hak beliau untuk mengemukakan pembelaan yang efektif lanjutan daripada pindaan pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak diprejudiskan (lihat perenggan 622–623).

(17) Tiada cacat pertuduhan-pertuduhan di bawah s 153 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang mensyaratkan setiap pertuduhan mengandungi butiran masa, tarikh, tempat, dan orang yang dituduh secara cukup sebagai notis kepada tertuduh mengenai pertuduhan terhadapnya. Juga, tiada peruntukan undang-undang yang menghendaki tarikh yang perlu dinyatakan di dalam suatu pertuduhan mesti dinyatakan secara spesifik,

dan tiada larangan terhadap anggaran tempoh dinyatakan di dalam pertuduhan. Perkara yang penting ialah sama ada tempoh dan jangka masa tarikh yang dinyatakan dalam sembilan pertuduhan menidakkan kebolehan tertuduh mengemukakan pembelaan dan mendapat perbicaraan yang adil (lihat perenggan 626–628).

(18) Keterangan SP21 tidak bercanggah dengan keterangan SP22 di mahkamah dan sememangnya saling menyokong antara satu sama lain berkenaan tarikh-tarikh wang suapan diserahkan kepada tertuduh. Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang SP21 membuat apa-apa tambahan keterangan secara lisan di mahkamah setelah isu yang sama ditanya oleh pihak pendakwaan lanjutan daripada keterangan SP21 dalam pernyataan bertulis PSSP21. Sebarang percanggahan jika adapun adalah tidak material langsung (lihat perenggan 638 & 640).

(19) Hujahan pihak pembelaan yang mendakwa SP21, SPRM dan pihak pendakwaan mempunyai niat untuk menunjukkan kebersalahan tertuduh dengan menghitamkan (*bold*) tajuk utama iaitu 'Permintaan suapan daripada Hj Ikhwan bagi pihak Tan Sri Isa' dan 'Arahan Tan Sri Isa kepada Zahid Md Arip' dalam pernyataan bertulis SP21 di pernyataan bertulis PSSP21 adalah tidak bermerit. Pernyataan bertulis PSSP21 tidak melanggar mana-mana peruntukan s 402B(2)(5) dan (6) KTJ. Banyak lagi perkataan yang ditekan-hitamkan dalam pernyataan bertulis PSSP21. Tetapi SP21 telah menjelaskan beliau dan bukan SPRM yang berkeputusan menekan-hitamkan (*bold*) semua tersebut bagi tujuan kefahaman dan untuk mengingatkan perkara yang penting pada SP21 sendiri, serta lebih kepada dialog-dialog yang diungkap oleh tertuduh, seperti 'kalau diaorang bagi apa-apa nanti kau ambil lah', 'kirim salam tanya khabar' dan 'nah ambil sikit ni'. Bukan bertujuan untuk membayangkan kebersalahan atau *implicate* tertuduh. Hujahan bahawa perkara ini dilakukan untuk *implicate* tertuduh dan untuk mengelirukan mahkamah adalah isu kecil memandangkan ianya tidak langsung berkebolehan mempengaruhi mahkamah yang membuat keputusan berdasarkan fakta dan keterangan serta berpandukan undang-undang sahaja (lihat perenggan 643–645).

(20) Hujahan pembelaan bahawa terdapat pakatan atau komplot antara Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FICSB (SP15), SP16, SP17 dan SP21 untuk mendapatkan wang bernilai RM3.09 juta dan akhirnya terpaksa *implicate* tertuduh apabila siasatan dilakukan SPRM adalah tidak berasas dan tidak membantu kes tertuduh. Pelbagai cadangan-cadangan yang dilontarkan kepada saksi pendakwaan seperti SP15, SP16, SP17 dan SP21 tentang kewujudan dan penglibatan mereka dalam komplot menipu GAPSB dan FICSB dan membuat pula penganiyaan kepada tertuduh ditolak dan dinafikan secara tegasnya oleh semua saksi tersebut. Segala cadangan tersebut adalah bukan keterangan melainkan

dipersetujui oleh saksi yang disoal. Tiada persetujuan langsung dalam kes ini. Pegawai penyiasat (SP22) juga jelas dan konsisten menyatakan tiada keterangan wujud komplot antara saksi-saksi tersebut dan keterangan hanya terhadap tertuduh yang menerima wang suapan, bukannya yang lain (lihat perenggan 651, 653 & 655).

(21) Dakwaan pembelaan bahawa saksi-saksi pendakwaan adalah berkepentingan tidak dapat diterima. Undang-undang adalah mantap bahawa apabila saksi dapat ditunjukkan dalam keterangannya mempunyai kepentingan dan motif tertentu terhadap tertuduh, maka keterangan saksi berkepentingan itu seharusnya dinilai dengan berhati-hati dan perlu sokongan. Tetapi hanya kerana saksi-saksi pendakwaan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FICSB (SP15), SP16, SP17 dan SP21 sememangnya terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pembelian MPHS semata-mata tanpa lainnya (*merely, without more*), ianya tidak boleh menjadikan mereka sebagai saksi berkepentingan. Pembelaan mestilah memberikan satu asas yang membolehkan mahkamah membuat pertimbangan sama ada terdapat kepentingan dalam mana-mana saksi pihak pendakwaan. Dalam kes ini, ianya tidak boleh bersandarkan kepada penglibatan saksi-saksi tersebut dalam pembelian MPHS semata-mata atau hanya kerana mereka memberi keterangan yang tidak menyebelahi tertuduh. Oleh yang demikian, teori yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan bahawa wang suapan sebenarnya dikeluarkan atas rancangan konspirasi oleh SP15, SP17, SP16 dan SP21 atas dasar keperluan untuk 'political funds' yang sebenarnya diseleweng oleh mereka yang berkomplot dan menjadikan tertuduh sebagai mangsa adalah tidak bermerit (lihat perenggan 656 & 660–661).

(22) Dakwaan bahawa kredibiliti SP16 tercabar juga kurang asasnya. Keterangan SP16 kukuh ketika disoal balas dan alasan terdapat percanggahan ketika SP16 menjawap isu yang ditimbulkan peguam tertuduh iaitu mengenai perletakan jawatannya sebagai Pengarah Urusan GAPSB, persoalan tentang bagaimana SP16 mengetahui sebab penolakan oleh FICSB berhubung cadangan pembelian dan pengambilalihan MPHS adalah atas alasan harga yang tinggi yang ditawarkan jika tidak ada orang dalam yang memberitahu SP16, kegagalan SP16 membawa dan menunjukkan dokumen tentang usahanya mencari pelabur lain kepada mahkamah menunjukkan kesungguhan SP16 untuk merealisasikan pembelian oleh FICSB sepertimana yang dirancang, telah semuanya dijawap oleh SP16 dengan munasabah dan konsisten dengan keseluruhan keterangan kes (lihat perenggan 665).

(23) Kebolehpercayaan keterangan SP21 dipertikaikan oleh tertuduh. Antara lainnya penglibatan dalam cadangan pembelian MPHS, tindakan beliau

meminda tempoh tarikh dalam sembilan pertuduhan, peranan beliau meminta wang bagi pihak tertuduh yang didakwa diarah oleh tertuduh, penyerahan wang kepada tertuduh, perjumpaan beliau dengan SP16 semuanya dipertikaikan. SP21 juga dituduh sebagai seorang saksi yang berkepentingan kerana wang tersebut adalah untuk SP21 sebenarnya. Setelah meneliti keseluruhan keterangan kes, mahkamah tidak dapat terima hujahan ini. Jika benarpun SP21 berkepentingan (tetapi tidak benar), tidak bermakna keterangan SP21 tidak boleh dipercayai. Sebab musabab mesti dikemukakan berdasarkan keterangan yang bertentangan dan keadaan sekeliling. Sebab-sebab yang dibangkitkan untuk mencabar credibility SP21 tidak bermerit dan tiada keterangan yang menyokong sebab-sebab tersebut (lihat perenggan 667–669).

(24) Keterangan SP21 ada asas kebenaran atau 'ring of truth'. Tiada percanggahan material dalam keterangan SP21. Tiada juga percanggahan antara keterangan SP21 dengan keterangan saksi pendakwaan lain. Seperti yang dirungkai sebelum ini, keterangan SP21 adalah keseluruhannya amat konsisten dengan keterangan SP16 dan selari dengan kebarangkalian (*inherent probabilities*) kes ini. Oleh yang demikian, tiada asas untuk mahkamah membuat dapatan bahawa kredibiliti SP21 adalah dipersoalkan atau keterangan SP21 tidak patut dipercayai dan harus ditolak (lihat perenggan 673).

(25) Kemungkinan SP21 mengambil wang suapan tersebut untuk diri sendiri dan tidak diserahkan kepada tertuduh juga telah diteliti. Tetapi mahkamah menolak andaian ini kerana tiada asas kepada teori ini. SP21 sendiri adalah pegawai khas tertuduh dan berkhidmat di bawah arahan tertuduh sebagai Pengerusi FELDA. Tiada juga keterangan SP21 yang berkhidmat dengan tertuduh mempunyai motif untuk menyalahgunakan kedudukan tertuduh bagi meminta suapan daripada SP16 untuk diri SP21 sendiri. Juga, tiada asas untuk mengandaikan beliau menyalah guna kedudukan beliau untuk memperdayakan SP16 dan tertuduh sendiri. Lebih-lebih lagi, beliau tidak terlibat secara langsung dengan proses pembelian MPHS selain daripada mengikuti lawatan ke Kuching dan berdasarkan apa-apa yang diberitahu secara selektif kepada beliau seperti oleh SP16 apabila SP16 memerlukan bantuan (umpamanya bayaran daripada FICSB) atau tertuduh sendiri (lihat perenggan 674–675).

(26) Seksyen 50(1) ASPRM memperuntukkan bahawa sekiranya elemen atau inti pati penerimaan wang oleh tertuduh daripada SP16 telah dapat dibuktikan, undang-undang menganggap, melainkan dibuktikan sebaliknya dengan cara mematahkan anggapan tersebut, penerimaan tersebut dilakukan secara rasuah sebagai upah dan juga upah itu diterima atas tindakan tertuduh membantu meluluskan pembelian MPHS. Oleh kerana, pihak pendakwaan telah pada peringkat akhir kes pendakwaan

berjaya membuktikan penerimaan wang suapan oleh tertuduh dalam sembilan transaksi berjumlah RM3.09 juta daripada SP16 (melalui perantara SP21), undang-undang dalam s 50(1) ASPRM telah diaktifkan dengan penggunaan anggapan tersebut, di mana elemen atau inti pati penerimaan tersebut telah dianggap dibuat secara rasuah dan penerimaan upah itu disebabkan oleh bantuan kelulusan MPHS oleh tertuduh (lihat perenggan 680–681).

(27) Adalah tidak munasabah untuk SP21 membawa masuk suapan di hadapan orang yang sedang menunggu untuk berjumpa tertuduh. Sudah tentunya SP21 memastikan penyerahan wang kepada tertuduh dilaksanakan dalam keadaan yang tidak menimbulkan syak dalam pandangan sesiapa yang mungkin berada di persekitaran pejabat tertuduh. Adalah jelas bahawa tiada seorang pun berada dalam pejabat tertuduh dan menyaksikan setiap kali suapan diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh. Akan tetapi, keterangan SP21 sendiri adalah suapan-suapan telah diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh tanpa diketahui oleh orang lain. Transaksi-transaksi dalam pertuduhan-pertuduhan didakwa telah berlaku sebanyak sembilan kali yang berlaku dalam tempoh masa yang menjangkau lebih kurang 18 bulan, daripada Julai 2014 sehingga Disember 2015. Oleh yang demikian, mahkamah tidak setuju dengan hujahan pihak pembelaan keterangan SP21 berkenaan penyerahan wang di dalam bilik pejabat tertuduh tidak disokong dengan mana-mana keterangan lain (lihat perenggan 719 & 776–777).

(28) Walaupun dalam kes semasa, teras pembelaan adalah penafian kejadian penyerahan wang berlaku perincian hanya dibangkitkan di peringkat pembelaan yang tidak membolehkan prosiding bicara mendengar jawapan saksi pendakwaan mengenai perincian yang relevan kepada saksi tersebut. Isu sekiranya setiausaha (SB2) dan pegawai pengiring (SB3) nampak atau tidak SP21 membawa beg kertas atau beg warna hitam (yang mengandungi wang suapan), sudah tentu perkara tersebut perlu dan boleh diajukan kepada SP21 ketika SP21 disoal balas di peringkat pendakwaan. Ketiadaan soalan mengenai perincian pembelaan tersebut seperti jenis dan warna beg, kehadiran polis bantuan, keadaan dalam bilik pejabat tertuduh tidak patut dirumuskan sebagai pembelaan. Ini satu pemikiran terkemudian. Walau bagaimanapun, keterangan SB2 dan SB3 tidak membantu kes pembelaan, tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, dan jauh sekali menyangkal atau mematahkan anggapan penerimaan wang secara rasuah di bawah s 50(1) ASPRM atas imbangan kebarangkalian (lihat perenggan 786–790 & 798).

(29) Naratif SP21 mendapat upah RM2 juta kerana bantuan beliau sebagai orang tengah dalam pembelian MPHS bercanggah dengan keseluruhan

keterangan kes ini. Perkara ini tidak pernah timbul dalam keterangan saksi pendakwaan. Apapun, jika betul pun pengakuan penerimaan RM2 juta oleh SP21, ini tidak secara terusnya menidakkan penerimaan wang suapan sejumlah RM3.09 juta oleh tertuduh. RM2 juta sebagai hadiah kepada SP21 mungkin saja wang yang lain daripada wang suapan yang diberikan kepada tertuduh. Juga, dakwaan tertuduh bahawa SP21 mempunyai motif untuk mengenakan atau *implicate* tertuduh dengan kesalahan menerima suapan tidak disokong oleh keterangan yang menyokong naratif ini. (lihat perenggan 839, 844 & 900).

(30) Usaha pihak pembelaan menyoal isu kebolehpercayaan keterangan SP21 (dan SP16) tidak bermerit kerana tiada keterangan pembelaan yang mengugat penemuan terdahulu mengenai *credibility* mereka. Walaupun pegawai penyiasat SP22 sahkan tiada keterangan lain kecuali keterangan lisan SP21 mengenai serahan suapan kepada tertuduh oleh beliau, juga tiada dokumen atau CCTV, dan wang suapan pun tidak diketahui jumlah oleh SP21, serta wang tunai pun tidak dikemukakan, mahupun dimasukkan ke dalam mana-mana akaun bank, ini tidak bermakna kes pendakwaan adalah tidak dibuktikan. Keterangan SP21 mengenai suapan yang telah diterima tertuduh pada tarikh-tarikh dalam pertuduhan pindaan selari dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam kes ini. Pihak pembelaan juga tidak secara jelas mempertikaikan kredibiliti SP21 dan juga SP16 atas sebab mereka berdua berperanan dalam pertuduhan kesalahan penerimaan wang suapan oleh tertuduh di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Mereka adalah saksi yang *credible* dan keterangan mereka boleh dipercayai (lihat perenggan 915–916).

(31) Sekiranya SP21 dan SP16 dianggap rakan sejenayah (*accomplices*), s 133 Akta Keterangan 1950 menyebut bahawa seseorang rakan sejenayah ialah saksi yang berwibawa terhadap orang tertuduh; dan sesuatu sabitan tidak menyalahi undang-undang semata-mata oleh sebab sabitan itu berpunca daripada testimoni tidak disokong yang diberikan oleh seorang rakan sejenayah. Tambahan juga, s 52 ASPRM pula menyatakan walau apapun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah ASPRM, tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah memberikan apa-apa suapan, atau telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu. Oleh yang demikian, mahkamah kekal dengan penemuan bahawa perkara ini bukan saja gagal disangkal oleh pihak pembelaan. Sebarang keraguan munasabah juga gagal ditimbulkan oleh pihak pembelaan terhadap kes pendakwaan ini (lihat perenggan 917–918 & 935).

(32) Selain daripada anggapan statutori s 50(1) ASPRM, pihak pendakwaan telah membuktikan elemen atau inti pati bahawa wang-wang suapan dalam semua sembilan pertuduhan di bawah s 16(a)(A) tersebut adalah telah diterima oleh tertuduh sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB, dimana tertuduh memberi kelulusan sebagai sebahagian daripada Lembaga Pengarah FICSB yang juga dipengerusikan olehnya. Seksyen 50(1) ASPRM menganggap penerimaan wang oleh tertuduh adalah dilakukan secara rasuah dan sebagai upah penglibatannya dalam kelulusan pembelian MPHS oleh FICSB. Tiada keterangan saksi pembelaan atau mana-mana keterangan lain yang berupaya menyangkal anggapan statutori ini (lihat perenggan 959–960).

(33) Mahkamah membenarkan surat akuan sumpah (D283) dan surat akuan sumpah (D285) (dan yang lain) dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan pembelaan kerana kandungannya konsisten dengan inti pati pembelaan yang dinyatakan dalam notis pembelaan (D12) iaitu penafian penerimaan suapan oleh tertuduh. Dalam sistem keadilan jenayah, dan untuk memastikan perbicaraan yang adil, tertuduh hendaklah sentiasa diberi peluang dan ruang untuk membuat pembelaan yang efektif. Oleh yang demikian, dokumen-dokumen yang dibantah pihak pendakwaan telah diterima masuk kerana ketidakpatuhan s 62(b) ASPRM tidak menjejaskan kebolehmasukan atau admissibility dokumen-dokumen tersebut. Tetapi admissibility dokumen-dokumen tersebut tidak bermakna 'weight' atau nilai mereka adalah diterima sepenuhnya. Kenyataan dalam dokumen-dokumen tersebut merupakan meragukan, satu afterthought atau rekaan semata-mata. Tiada nilai bermakna yang dibangkitkan oleh dokumen-dokumen tersebut. Oleh itu, pihak pembelaan tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan dan sama sekali gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM di atas imbangan kebarangkalian (perenggan 967 & 976–977).

(34) Tertuduh mempunyai niat menerima wang suapan secara rasuah apabila tertuduh telah mengatur rancangan untuk meminta suapan daripada SP16 selepas pertemuan kedua antara tertuduh dengan SP16 dan Ibrahim Baki di pejabat Pengerusi di Menara FELDA. Tertuduh juga telah memberi arahan kepada SP21 untuk mendapatkan suapan untuk dirinya. Inferens kewujudan niat menerima suapan secara rasuah juga boleh dilihat melalui cara bagaimana suapan-suapan tersebut diterima oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21. Kesemua suapan-suapan tersebut telah diterima oleh tertuduh tanpa bukti dokumen penerimaan kerana suapan adalah dalam bentuk wang tunai yang diiisi dalam beg-beg kertas (dan beg hitam bagi penerimaan yang ketujuh) dan diberikan secara berperingkat sebanyak sembilan kali dalam jangkamasa tempoh lebih dari setahun. Kesemua suapan tersebut juga diserahkan di pejabat

tertuduh dan diketahui oleh tertuduh, SP21 (penghantar) dan SP16 (pemberi) sahaja. Justeru, pendakwaan telah membuktikan bahawa pada tarikh-tarikh dalam pertuduhan pindaan kedua hingga kesepuluh, tertuduh telah menerima suapan untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 (lihat perenggan 944–945 & 947).

(35) Pihak pembelaan telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM di atas imbangan kebarangkalian bahawa penerimaan-penerimaan wang suapan oleh tertuduh seperti dalam sembilan pertuduhan tersebut adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak bernilai RM160 juta oleh FICSB. Pembelaan tertuduh adalah bersifat pemikiran terkemudian, tidak konsisten dan hanyalah penafian tanpa sokongan yang berasas atau yang boleh dipercayai. Pembelaan tertuduh dalam konteks keseluruhan keterangan kes ini juga telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah (lihat perenggan 978–979).

(36) Pembelaan tertuduh bukan sahaja tidak boleh dipercayai atau diterima, malah juga tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah tentang kebersalahan tertuduh di bawah sembilan pertuduhan s 16(a)(A) ASPRM tersebut. Pihak pendakwaan dengan itu telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dalam semua sembilan pertuduhan penerimaan suapan terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan dengan kesemua sembilan pertuduhan di bawah s 16(a)(A) ASPRM tersebut (lihat perenggan 980–981).

(37) Tertuduh berumur 72 tahun, bermasalah kesihatan dan tiada punya kewangan selain sebagai seorang pesara. Dengan itu, setelah mengambil kira dan menilai setiap faktor mitigasi dan pemberatan mahkamah menjatuhkan enam tahun penjara bagi setiap satu sabitan kesalahan pertuduhan dan denda sejumlah RM15,450,000. Kesemua sembilan kesalahan adalah berkait rapat antara satu sama lain kerana melibatkan perkara penerimaan suapan atas peranan tertuduh dalam urusan pembelian MPHS yang diserahkan dalam sembilan transaksi oleh orang yang sama (SP16) melalui individu yang sama (SP21) bersumberkan dana wang yang juga sama. Kesemuanya adalah 'intimately connected with each other' yang mewajarkan hukuman penjara untuk semua sembilan sabitan kesalahan tersebut dijalankan secara serentak. Hukuman pemenjaraan dua tahun sebagai 'default penalty' juga dijatuhkan jika tertuduh gagal membayar denda. Ini adalah secara berturutan menurut sembilan sabitan yang tersebut (perenggan 1004, 1012–1013 & 1015).

(38) Berdasarkan hujahan berkaitan fakta dan tempoh pemenjaraan yang tidak dapat diberi pampasan sekiranya rayuan kemudiannya dibenarkan

(*irreversible*) dan juga risiko jangkitan virus Covid-19 sekiranya tertuduh yang berusia 72 tahun dimasukkan ke penjara ketika situasi mengusarkan pandemik yang melanda ketika ini, terdapatnya kewujudan keadaan khas atau 'special circumstances' yang memberi justifikasi kepada penangguhan kepada perlaksanaan hukuman — bukan sahaja pemenjaraan tetapi juga denda. Sehubungan dengan itu, mahkamah memerintahkan jaminan sebanyak RM1.5 juta mestilah dibayar oleh tertuduh, dan bagi tujuan tersebut tertuduh perlu menambah jumlah RM700,000 kerana jaminan yang telah dikenakan ke atas beliau sebelum ini ketika mula dipertuduhkan adalah RM800,000. Syarat lain jaminan awal adalah dikekalkan dan sebagai tambahannya, beliau juga dikehendaki melaporkan diri ke balai polis berdekatan rumah pada setiap satu haribulan sehingga tamat proses rayuan (perenggan 1016 & 1019–1020).

[English summary

This was a prosecution of criminal breach of trust under s 409 of the Penal Code ('the PC') and nine charges on receiving bribes under s 16(a)(A) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the MACC') against the accused, who had served as the Menteri Besar of Negeri Sembilan and at the time material time based on the charges, held the position of chairman of the Federal Land Development Authority ('FELDA'). The charges against the accused was when the accused held the position of FELDA chairman and one of the FELDA board members between October 2012 and January 2017. As chairman, the accused was also responsible for chairing FELDA board meetings, attended by FELDA board members, as well as on behalf of the management, general directors of FELDA and as deputy general directors of FELDA, besides the company secretary. At the FELDA Board meeting No 303 on 25 June 2013, the FELDA Board approved the establishment of Felda Investment Corp Sdn Bhd ('FICSB'), a wholly-owned subsidiary of FELDA, as a special purpose vehicle to carry out FELDA's strategic investment activities, with the initial plan of the subsidiary's investment business covering four main areas, namely fund management, private financing initiatives, recession sustainable investments and internal resource management. FICSB was funded with an initial paid-up capital of RM500m by FELDA in stages. At the meeting, the FELDA Board agreed that the first or initial three FICSB board members were the accused, Datuk Faizoull bin Ahmad (General Director of FELDA at the time) and Muhammad Sufi bin Mahbub (Deputy General Director). The FELDA Board mandated the Board of Directors of FICSB to make investment decisions involving projects worth not more than RM100m. Ikhwan bin Zaidel ('SP16') was a director of Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd ('GAPSB') and a shareholder in GAPSB which was the owner of Merdeka Palace Hotel & Suites ('MPHS') operating in Kuching, Sarawak. GAPSB had offered to sell MPHS to FELDA for RM200m. However, the Board of Directors of FICSB decided to reject the offer submitted by GAPSB to sell

MPHS to FICSB as the investment in MPHS was non-viable and unprofitable for FICSB. Then, vide a letter of offer dated 28 March 2014 ('P249') sent to the Chairman of FELDA, GAPSB made an offer again to FICSB to sell MPHS for RM165m. Following the GAPSB letter, SP16 and Ibrahim bin Baki of GAPSB met the accused in his office and persuaded the accused to reconsider the decision of the FICSB based on the new offer. The accused responded positively but did not promise anything because the final decision was on the FICSB Board of Directors. Prior to the new offer (RM165m) being tabled at the FICSB Board meeting, SP16 sent a facsimile letter to FICSB with the latest offer by GAPSB to sell MPHS for RM160m after a discount of RM5m. The Chief Executive Officer (CEO) of FICSB (SP15) informed the latest offer received from GAPSB to the accused instructed SP15 to proceed with the presentation of the proposal to the next meeting of the FICSB Board of Directors, on the tenth FICSB Board Meeting. According to SP15, prior to the presentation by SP15, the accused informed the Board of Directors of FICSB that the Prime Minister instructed FICSB to review the decision of the FICSB Board of Directors who had rejected the proposed takeover of MPHS. The accused also recommended that the Board of Directors of FICSB to agree with the purchase MPHS based on the current price of RM160m offered by GAPSB. The Board of Directors of FICSB unanimously without question, agreed to the proposed acquisition of MPHS, subject to final consultation of a price not exceeding RM160m and authority given to the CEO to execute documents relevant to the proposed purchase of the MPHS. The proposed acquisition of MPHS must be presented at the FELDA Board meeting for the approval of the FELDA Board as the value of the MPHS investment exceeds RM100m. The accused, however, instructed that the matter not need to be presented to the FELDA Board as some of the FELDA Board of Directors were also members of the FICSB Board of Directors who had already approved the proposed acquisition of MPHS. Finally on 27 June 2014, FICSB and GAPSB signed a sale and purchase agreement for MPHS (P258) for RM160m as a purchase consideration of RM153m (hotel land and building), RM6m (contract and goodwill) and RM1m (fixed assets). On 26 July 2017, the MACC received information about the accused, who allegedly abused his position as chairman of FICSB between 2013 and 2016 to obtain a bribe for himself in relation to the purchase of the MPHS. The accused was subsequently charged with one charge for criminal breach of trust under s 409 of the PC and nine charges of receiving bribes under s 16 of the ASPRM amounted to RM3.09m from SP16 through SP21 as payment to the accused who assisted in approving the purchase of MPHS by FICSB for RM160m. At the end of the prosecution case, the court found that the prosecution had successfully proved a prima facie case for the nine corruption charges and therefore ordered the accused to enter his defence. However, the court ruled otherwise on the charge of criminal breach of trust, acquitted and discharged the accused without calling the accused to defence. The defence averred that, for the first charge, amongst others, that: (a) the accused did not have the

A B C D E F G H I

absolute authority to approve the purchase of MPHS because the decision to purchase MPHS was on the unanimous decision of the FICSB Board of Directors; (b) the decision to purchase MPHS was made by the FICSB Board based on criteria that would benefit FICSB after taking into account the recommendations of the FICSB management based on the assessment and future development of MPHS; (c) the accused only conveyed the then Prime Minister's request to FICSB to review the decision on the rejection of the purchase of MPHS and it was not the accused's instruction for the purchase of MPHS to be approved; (d) the accused had no interest in the purchase of MPHS; and (e) as chairman of FICSB, the accused did not influence other FICSB Board Members in making the decision to purchase MPHS. As for the nine charges for the receipt of the bribe, among the defences raised by the accused were: (i) amendments to the dates on the nine charges of receiving the bribe were disputed and SP21's evidence of the dates of the bribes received by the accused was said to be unreliable; (ii) there was no evidence of a request by the accused, especially before approval was given by the Board of Directors of the FICSB, but also after that; (iii) there was no documentary evidence such as records or records of submissions or acknowledgment of receipt of RM3.09m to support the receipt of bribes for nine times from SP16 through SP21; (iv) SP21's evidence in a written statement was not evidence of SP21 but was guided by the MACC; and (v) SP15, SP16, SP17 and SP21 actually conspired to obtain commission money as a result of the purchase of MPHS, and SP16 was also an inconsistent, dubious and unreliable witness. The issues raised for consideration were: (A) whether the accused was an agent under s 409 of the PC; (B) whether in the capacity of the agent, the accused was entrusted with the property of the FICSB; (C) whether the accused committed criminal breach of trust; (D) whether the approval of the purchase of MPHS was made by the accused or the Board of Directors of FICSB; (E) whether the accused was authorised by the FELDA Board to conduct investments for projects worth RM100m and below only; (F) whether the accused coerced or influenced the Board of Directors of FICSB; (G) whether the receipt of bribes by the accused in the nine charges was done in bribes as payment to the accused on the involvement of the accused in approving the purchase of MPHS; (H) whether the accused successfully rebutted the statutory presumption under s 50(1) of the ASPRM that the receipt was made in bribes as payment for the accused in assisting to approve the purchase of MPHS; and (I) whether SP21 had the intention to charge the accused.

Held, acquitting and discharging the accused for the charge on criminal breach of trust; convicted the accused for nine charges in receiving bribe:

(1) The charge for criminal breach of trust against the accused stated that the accused was an agent of the FICSB due to the position of the accused holding the position of a director of the FICSB company. The status of the accused as a director was stated in the definition of agent under the

express provision of s 402A of the PC. Based on the evidence before the court, there was no doubt in the position of the accused as a director of the company (and chairman) of the FICSB at the material time as referred to in the charge of criminal breach of trust. As such, the element of the accused being an agent of the FICSB in the position of director of the company had been successfully shown by the prosecution (see paras 164–165 & 171).

(2) Undeniably that as a director of a company, the accused generally on statutory and fiduciary duty towards the company was entrusted with the entire property belonged to the company. The court also was of the view that there was no issue on the property element of the FICSB in this charge. The company's funds had been specified as the subject of the trust. Funds or company money, even if it was the movable property, was still the property or assets of the company. There were two 'trusts' based on the facts of the case. First, the entrustment of money property by FICSB to the accused as one of the directors of the FICSB. In this context, FELDA, a different entity, was irrelevant. This was because even though FICSB's capital and money were paid by FELDA, when the money was received by FICSB (and placed in a FICSB bank account), under the law, it became the property of FICSB. The Board of Directors of FICSB was responsible and was entrusted to it. Second, on the decision by FELDA that the power to approve investments by FICSB was worth below RM100m to the Board of Directors of FICSB. The accused as a director of FICSB was entrusted to manage the FICSB fund in line with the purpose of FICSB being created as a special purpose company to carry out FELDA's strategic investments in accordance with the investment limits set by the FELDA Board. Also, the accused as a Director of FICSB and a member of the Board of Directors of FICSB was entrusted with the FICSB fund and had to manage the fund in accordance with the investment authorised by the FELDA Board (and might also be approved in the FICSB Board Resolution). As such, the element of the entrustment of FICSB's property to the accused was successfully proved by the prosecution (see paras 175, 180, 189–190, 205 & 207).

(3) The responsibilities of a director under s 132(1) of the Companies Act 1965, for instance, were only general in nature and should not, pursuant to s 405 PC, considered as the legal direction referred to the property entrusted. In this case, even though the prosecution relied on the authorisation given by the FELDA Board on the FELDA Board's approval requirement for any investment of a purchase by FICSB at RM100m and above, technically the directive was not an order under any laws, especially for an instruction by FELDA that holding the entire share in FICSB was an external entity and was different from FICSB. The resolution made by the FELDA Board, especially in respect of the

activities of subsidiaries might be considered to be covered within the scope of criminal breach of trust s 405 of the PC as a regulation of the FELDA Board adopted by FICSB as a legal instruction on the property of the FICSB entrusted to the FICSB Board of Directors. However, even though the authorisation or entrustment of the purchase of more than RM100m must be approved by the FELDA Board of Directors to each member of the FICSB Board of Directors, any purchase or disposal of money to pay for the purchase should not be done by a member of the FICSB Board of Directors alone. It could not be denied that the purchase of MPHS which required a payment of RM160m by FICSB was approved by the Board of Directors of FICSB. It was not approved by the accused. As such, the accused shall not under law be deemed to have committed criminal breach of trust by disposing of FICSB's money for the purpose of payment of the purchase of MPHS due to not only was the accused individually a director and chairman without the authority to approve the purchase, but more importantly, the purchase had been approved by the FICSB Board of Directors comprised of seven directors of the company, five of them were present at the meeting approved the purchase of the MPHS, including the accused and SP15 who was also the CEO of the company (see paras 214–216, 227–228 & 230).

(4) Whatever the proposal was said to be made by the management, whether on RM153m or RM160m, and whether it was with the assistance of the accused, it must ultimately be decided by the FICSB Board of Directors. The decision was made by the Board to accept an offer of RM160m. The decision was the result of discretion of the directors of the company pursuant to the law. The court found no evidence to prove other directors were directed or forced to approve proposals allegedly influenced by the accused. Also, the recommendation made by the accused as Chairman could not be said to be an instruction or influence to the Board of Directors to make the decision to approve the purchase of MPHS for RM160m. Objectively the statement was neutral in a discussion and did not amount to instruction (see paras 253–254 & 261).

(5) It was argued by the prosecution that the purchase of MPHS conducted by the accused caused losses to FICSB as the current price of the hotel amounted to only RM77.5m compared to the purchase price of the hotel at RM160m. However, if there was a loss, the approval of the purchase of MPHS at RM160m was the decision of the Board of Directors of FICSB, not by the accused alone. The accused's claim that he had been cheated by approving the purchase of MPHS and releasing the company's funds/money was unfounded because the accused had nothing to do with the valuation, and the factors for the two valuations in 2014 and 2017 were also different (see paras 284–285 & 287).

(6) The involvement of the accused for the payment of money purchase of

MPHS was consequential or necessarily occurred as a result of the purchase which was approved by the Board of Directors of FICSB and entered by FICSB in the MPHS sale and purchase agreement. The involvement of the accused in the RM160m payment should not be used as a basis for a charge of criminal breach of trust against him. The court did not see how a follow-up could be considered as evidence of the accused's breach of trust as this all occurred pursuant to the approval of the FICSB Board of Directors on the purchase of MPHS (see paras 288–289 & 297).

(7) There was no doubt that the valuation was the result of work carried out by professional advisors including property valuers, who had taken into account the potential development of the area around the MPHS location in Kuching. No evidence shown that the accused had participated in the assessment, there was no evidence that the valuer had been paid more and instructed by the accused to increase the value of the actual price and there was no evidence that the accused was involved in the preparation of the paperwork so that the accused could change the total price. All preparations prior to the presentation of the papers were carried out by the FICSB's own management according to their areas of work. Therefore, the evidences by the prosecution could only be concluded that in the context of the charge of criminal breach of trust, the accused did not have any interest in the purchase of MPHS. The evidence also show. that even though the previous decision of the Board of Directors of FICSB was to disagree with the proposed purchase of MPHS, the request for the FISB Board of Directors to review the proposal was raised by the then Prime Minister, who was also the Minister in charge of FELDA. It was not raised by the accused. The act of the accused instructed SP15 to review the proposed purchase of MPHS after the previous rejection should not be considered to be anything wrong or beyond his jurisdiction as the matter was indeed under the jurisdiction of a FELDA Chairman. The review led by SP15 did not involve the accused (see paras 300–302 & 304–306).

(8) There was no evidence that the accused forced or influenced the Board to approve the purchase of the MPHS. In the event of such evidence, the prosecution still could not deny that the decision was made by the Board of Directors of the FICSB, not the accused alone. The approval was not made by the accused and the charge did not state the accused committed abetting which resulted in the Board making the decision on the purchase. Also, there was no credible evidence to suggest the accused influenced the Board to give approval. Therefore, the charge of criminal breach of trust against the accused could not stand. Thus, the accused was discharged and acquitted of the charge without called for his defence (see paras 308–310 & 432).

(9) The evidence by the prosecution witnesses SP16 and SP21 had shown that the request and receipt of bribes by the accused delivered (and subsequently the money in each charges were all received) by the special officer of the accused himself (SP21), on behalf of the accused. Requests for bribery through SP21, were relevant and might be considered as part of a transaction similar to the receipt of such bribery. The prosecution had shown the important element of the charge which was the receipt of RM100,000 as bribes by the accused from SP16 through SP21. Thus, the offence under s 16 of the first MACC (the charge of the second amendment), had successfully been proved (see paras 447, 451 & 473).

(10) The evidence tendered by the prosecution on the eight other charges of receiving bribes, namely the third amended charge to the tenth amended charge had shown the conduct of the request for bribes by the accused and more importantly to the element of the charge, the receipt of bribes by the accused in the charges were very similar and there was no material difference with the modus operandi on the first charge except for the relevant matter with the date of the incident and the amount of money involved. In each of the nine situations, the accused gestured to SP21 to greet the accused to SP16. SP16 then made an effort to obtain cash to be subsequently handed over by SP16 itself to SP21 for the purpose of giving by SP21 to the accused. In each situation, SP21 handed over the money to the accused when SP21 met the accused at the FELDA Chairman's office a few days after receipt by SP21. In this case, it was also clear that the bribe money was not found or with the accused but the prosecution had managed to prove based on SP21's evidence that SP21 had handed over for nine times for the total amount of RM3.09m in cash to the accused (see paras 476–477 & 548).

(11) The accused's submission on that there was no evidence of any request by the accused to SP16 when they met twice and the alleged request through SP21 made after approval of the purchase by the FICSB Board of Directors was said to undermine the prosecution's case was without merit. Also, the accused's submission that it was reasonable to assume that if he intended to obtain the bribe money from SP16 as a result of approving the purchase of MPHS, the accused would have requested the bribe money when meeting with SP16 was also without merit. This was because the charges were on the receipt of bribes as payment due to the involvement of the accused in the approval of the purchase of MPHS by the Board of Directors of FICSB. The accused was not charged with the offence of soliciting bribes. There was no requirement for the prosecution to show there was a request or any understanding between the accused and SP16 with regards to any payments and bribes prior to the approval of the purchase of MPHS (see paras 551–553).

(12) In the context of s 16(a)(A) of the MACC, a request for a bribe is not the

essence that needs to be proved in advance before the offence of receipt of the feed is proved against the accused. Therefore, there is no flaw in the prosecution's version that the request was made by the accused through SP21 after approval was granted by the FICSB Board of Directors. The bribery charge — nine of them — was not based on the bribe promised by the briber as return or before an conduct was performed by the briber. SP16 had testified that after the request was made he had agreed to give RM3m due to the concern that the purchase of the MPHS had not been fulfilled even though it was approved due to the influence of the accused as the Chairman of FELDA and FICSB. This could also be considered as a reward to ensure that FICSB continues with the implementation of the purchase of MPHS after giving approval to it. Therefore, the absence of evidence of the accused making a request for bribes to SP16 when meeting twice before and after approval was given by the Board of Directors of FICSB was not in detrimental to the charges under the MACC against the accused (see paras 554–557).

(13) The financial resources used by SP16 to provide bribes amounting to RM3.09m to the accused through SP21 came from a commission of RM10m paid by GAPSB to the company JV Evolution Sdn Bhd ('JVESB'), the real estate agent to manage the sale of MPHS, after payments were made by FICSB to GAPSB under the MPHS sale and purchase agreement. However, there was no need for the prosecution to prove the financial source of payment by SP16 to the accused. That was not the essence of the charges of receiving bribes against the accused. Section 16(a)(A) of the MACC which was the crux of these charges also did not mention the need to prove any source of the bribe money (see paras 584–585).

(14) The credible evidences were sufficient to show that there was an receipt by the accused of SP21 of RM100,000 (first charge), RM140,000 (second charge), RM300,000 (third charge), RM250,000 (fourth charge), RM500,000 (fifth charge), RM500,000 (sixth charge), RM300,000 (seventh charge), RM500,000 (eighth charge) and RM500,000 (nineth charge). There was no issue on whether it was reasonable or not when no records were made by SP16, contacts of SP21 namely Azizi bin Abdul Wahab (SP17), Roney Zaidel (SP18) and SP21 in all of nine transactions. The withdrawal of money from the bank was clearly supported by the documents, while the submission from SP17 to SP16 and from SP16 to SP21 was also based on the trust of the parties to each other who have dealt with the proposed sale of MPHS from the very beginning (see paras 601–602).

(15) SP21 had clearly in cross examination denied that his evidence was cut and paste evidence, and had also made it clear during the re-examination that the evidence was indeed happened each time the money was received

from SP16 and there was money handed over to the accused. This was reasonable because it was the prosecution's case that the storyline and pattern of the request by the accused, which was then communicated to SP16 by SP21, the receipt by SP21 of such money from SP16, and the deliverance of such money to the accused by SP21 were similar, repetitive and of little difference. Despite the fact that the word used was precisely similar on based on what happened, and in the event that it was not one hundred percent accurate, the possibility of other words used were immaterial and almost similar words did not defect the prosecution case at all (see paras 613–614).

(16) The amended charges only extended the time period. But in all nine of the original charges, which the defence did not dispute, also referred to the time period, rather than specific dates. Therefore, the issue of the accused was prejudiced due to the incomplete or specific details did not arise. Furthermore, based on the defence statement by the accused under s 62 of the MACC, it was found that the defence of the accused on the nine charges of receiving bribes was a denial. If the dates in the original charge as well as in the amended charges were material to the defence, the accused must necessarily file an alibi notice but this was not done. This indicated that the amended charges were certainly understood by the accused and his right to effective defence on the amended charges were not prejudiced (see paras 622–623).

(17) There were no error on the charges under s 153 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') which requires each charge to contain details of the time, date, place, and person accused sufficiently as a notice to the accused for charge preferred against him. Also, no legal provision required that the date in a charge must be specified, and no prohibition on the approximate period of time to be stated in the charge. The important thing was whether the period of time stated in the nine charges prevented the accused for a defence and fair trial (see paras 626–628).

(18) SP21's evidence did not contradict SP22's evidence in court and corroborated each other regarding the dates of the bribe money was handed over to the accused. There was no legal provision prevented SP21 from making any additional oral evidence in court after the same issue was asked by the prosecution following SP21's evidence in the witness statement of PSSP21. Any discrepancy, if any, was immaterial at all (see paras 638 & 640).

(19) The submission by the defence that SP21, MACC and the prosecution had the intention to show the guilt of the accused by blackening (bold) the headlines 'Request for bribes from Hj Ikhwan on behalf of Tan Sri Isa' and 'The Instruction of Tan Sri Isa to Zahid Md Arip' in the witness statement of SP21 in the witness statement of PSSP21 was without merit. The witness statement of PSSP21 did not in breach of any of the

provisions of s 402B(2)(5) and (6) of the CPC. Many words were blackened in the witness statement of PSSP21. But SP21 had made it clear that he and not the MACC decided to blacken it all for the purpose of understanding and to remind the important points of SP21 itself, as well as more to the words expressed by the accused, such as 'if he give something, you just take it' (*kalau diaorang bagi apa-apa nanti kau ambil lah*), 'send greetings' (*kirim salam tanya khabar*) and 'take this' (*nah ambil sikit ni*). It was not intended to imply the guilt or implicate the accused. The submission that this was done to implicate the accused and to mislead the court was a minor issue as it was not directly influenced the court to decide based on facts and evidence as the court was guided by law alone (see paras 643–645).

(20) The submission by the defence that there was a conspiracy between the Chief Executive Officer (CEO) of FICSB (SP15), SP16, SP17 and SP21 to obtain money worth RM3.09m and to implicate the accused when the investigation was carried out by the MACC was unfounded and did not assist the accused's case. The various suggestions made to prosecution witnesses such as SP15, SP16, SP17 and SP21 regarding their existence and involvement in the conspiracy to defraud GAPSB and FICSB and make the allegations to the accused were dismissed and vehemently denied by all the witnesses. All such suggestions were not evidence unless agreed by the witness being questioned. There was no direct agreement in this case. The investigating officer (SP22) also clearly and consistently stated that there was no evidence of any conspiracy between the witnesses and the evidence was only against the accused who received the bribe money, not the others (see paras 651, 653 & 655).

(21) The defence's claim that prosecution witnesses had an interest was unacceptable. It was trite that when a witness in his evidence had shown to have a particular interest and motive towards the accused, then the evidence of the interested witness should be assessed with caution and must be corroborated. However, just because the prosecution witnesses of the Chief Executive Officer (CEO) of FICSB (SP15), SP16, SP17 and SP21 were indeed directly and indirectly involved with the purchase of MPHS solely without others (merely, without more), it could not make them an interested witnesses. The defence must provide a basis that allows the court to consider whether there was an interest in any of the prosecution's witnesses. In this case, it could not be based on the involvement of such witnesses in the purchase of MPHS solely or simply because they give evidence that was not in favour of the accused. Therefore, the theory raised by the defence that the bribe money was actually issued on a conspiracy plan by SP15, SP17, SP16 and SP21 on the basis of the need for 'political funds' which were actually misappropriated by those who conspired and made the accused a victim was without merit (see paras 656 & 660–661).

(22) The submission that SP16's credibility was challenged was also without basis. SP16's evidence was strong when questioned and the reason for the discrepancy when SP16 responded to the issue raised by the accused's lawyer namely regarding his resignation as Managing Director of GAPSB, the question of how SP16 knew the reason for the rejection by FICSB in relation to the proposed purchase and acquisition of MPHS was on the grounds of the high price offered if no insider informed SP16, SP16's failure to bring and show documents about its efforts to find other investors to the court shows SP16's determination to realise the purchase by FICSB as planned, had all been answered by SP16 reasonably and consistent with the rest of the evidences (see para 665).

(23) The admissibility of SP21's evidence was disputed by the accused. Amongst others, the involvement in the proposal of purchase of MPHS, his actions amended the period of time in the nine charges, his role in soliciting money on behalf of the accused allegedly instructed by the accused, the handing over of money to the accused, his meeting with SP16 were all disputed. SP21 was also claimed to be interested witness by the defence because the money was said actually for SP2 . After examined the entire evidence of the case, the court could not accept this point of argument. If it was true that SP21 was interested (but not true), it did not mean that the SP21 evidence was not reliable. The causality must be produced based on the adverse evidence and the circumstances of the case. The reasons raised to challenge the credibility of SP21 was without merit and there was no evidence to support such reasons (see paras 667–669).

(24) SP21's evidence had a 'ring of truth'. There were no material contradictions in the evidence of SP21. There was also no contradiction between SP21's evidence and the testimony of other prosecution witnesses. As previously stated, the evidence of SP21 was entirely consistent with the evidence of SP16 and was in line with the inherent probabilities of this case. As such, there was no basis for the court to make a finding that the credibility of SP21 was questionable or that SP21's evidence was not be credible and should be rejected (see para 673).

(25) The possibility of SP21 took the money for himself and not being handed over to the accused had also been scrutinised. However, the court rejected this assumption because there was baseless. SP21 himself was a special officer of the accused and served under the direction of the accused as the Chairman of FELDA. None of the evidence of SP21 who have served under the accused had a motive to abuse the accused's position in order to solicit a bribe from SP16 for SP21's own self. Also, there was no basis to assume he abused his position to defraud SP16 and the accused himself. Moreover, he was not directly involved with the MPHS purchase process other than visiting Kuching and based on

selective information to him by SP16 when SP16 needed his assistance (eg for payment from FICSB) or the accused himself (see paras 674–675).

(26) Section 50(1) of the MACC provides that if the element or essence of the receipt of money by the accused from SP16 was proved, the law presumes, unless proved otherwise by way of rebutting the presumption, such receipt was done in bribes as payments and that payments were received on the actions of the accused assisted to approve the purchase of MPHS. Since the prosecution had in the end the prosecution case successfully proved the receipt of bribes by the accused in nine transactions amounting to RM3.09m from SP16 (through the middleman SP21), the elements in s 50(1) of the MACC had been established with presumption, where the element or essence of the receipt was deemed to have been made as bribe and the receipt of the payments due to the approval of the MPHS by the accused (see paras 680–681).

(27) It was unreasonable for SP21 to bribe in front of a person who was waiting to meet the accused. It was clear that SP21 ensured the handing over of money to the accused was carried out in circumstances that did not arouse suspicion in the view of anyone who might be in the office. It was also clear that no one was in the accused's office to witness the bribe was handed over by SP21 to the accused each time. However, SP21's evidence was that the bribes were handed over by SP21 to the accused without anyone else knowing. The transactions in the charges were alleged to have taken place nine times over a period of time spanning approximately 18 months, from July 2014 to December 2015. Therefore, the court disagreed with the defence that SP21's evidence regarding the handing over of money in the accused's office was not supported by any other evidence (see paras 719 & 776–777).

(28) Even though in the present case, the crux of the defence was the denial of the incident of handing over money, the details of it was only raised at the defence stage which did not allow the trial to hear further prosecution witness's answers on their answer to it. If the secretary (SB2) and the escort officer (SB3) saw or not whether SP21 carried a paper bag or a black bag (which contained the bribe money), of course, the matter was necessary and could be put to SP21 when SP21 was questioned at the prosecution stage. The absence of such questions about the details such as the type and colour of the bag, the presence of auxiliary police, the circumstances in the office room could not act as a defence. It was an afterthought. However, the evidence of SB2 and SB3 did not assist the defence case, did not raise any reasonable doubt on the prosecution's case, and did not deny or rebut the presumption on receipt of bribe money under s 50(1) of the MACC on the balance of probabilities (see paras 786–790 & 798).

(29) The narrative of SP21 was paid RM2m due to his assistance as a middleman in the purchase of MPHS contradicted with the whole evidence of this case. This matter was never raised on the prosecution witness. In any case, if it was true that the admission of the receipt of RM2m by SP21, this did not negate the facts that there was a receipt of RM3.09m as bribe by the accused. RM2m as a gift to SP21 might be money other than the bribe money given to the accused. Also, the accused's claim that SP21 had a motive to charge or implicate the accused with the offence of receiving bribes was not supported by any other evidence (see paras 839, 844 & 900).

(30) The defence's efforts to question the issue of the reliability of SP21 (and SP16) evidence were without merit because there was no defence evidence that could rebut the previous findings about their credibility. Although the investigating officer SP22 confirmed that there was no other evidence except for SP21's oral evidence regarding the handing over of bribes money to the accused by him and there were also no documents or CCTV, nor was the bribe money known to be amount by SP21, nor the cash was not tendered, nor deposited into any bank account, this did not mean that the prosecution's case was not proven. SP21's evidence on the bribe money that the accused had received on the dates in the amended charges were corroborated with the entire evidences tendered in this case. The defence also did not dispute the credibility of SP21 and SP16 on the grounds that they were material in the charge of receiving bribes by the accused under s 16(a)(A) of the MACC. They were credible witnesses and their evidences too were credible (see paras 915–916).

(31) If SP21 and SP16 were accomplices, s 133 of the Evidence Act 1950 stated that an accomplice is reliable witness against the accused; and a conviction was not unlawful solely because the uncorroborated evidence given by an accomplice. In addition, s 52 of the MACC stated that notwithstanding any written law or the adverse rule of law, in any proceedings against any person for an offence under the MACC, no witness shall be deemed to be an accomplice simply because the witness had given any bribe, or had in any way been involved in the commission of the offence. As such, the court held that the matter had not only failed to be rebutted by the defence, the defence also failed to cast reasonable doubt on the prosecution case (see paras 917–918 & 935).

(32) Apart from the statutory presumption of s 50(1) of the MACC, the prosecution had proved the element of the money bribery in all nine charges under s 16(a)(A) that it was received by the accused as payments to assist in approving the purchase of MPHS by FICSB, where the accused gave approval as part of the Board of Directors of the FICSB which was also chaired by him. Section 50(1) of the MACC presumed that the receipt of money by the accused as bribery and as a reward for his

involvement in the approval of the purchase of MPHS by FICSB. There was no evidence of a defence witness or any other evidence to rebut this statutory presumption (see paras 959–960).

(33) The court allowed the statutory declaration (D283) and statutory declaration (D285) (and others) to be tendered as part of the defence's exhibits due to its contents were consistent with the the defence set out in the Notice of Defence (D12) that, the denial of receipt of the bribe by the accused. In the criminal justice system, and to ensure a fair trial, the accused should always be given the opportunity to make an effective defence. Therefore, the documents which were objected by the prosecution were admitted due to non-compliance with s 62(b) of the ASPRM and it did not affect the admissibility of the documents. However, the admissibility of such documents did not mean that 'weight' or their value was fully accepted. The statements in the documents were unconvincing, an afterthought or fabricated. No value were observed on the documents. Therefore, the defence failed to cast any reasonable doubt on the prosecution's case and failed to rebut the presumption under s 50(1) of the MACC on the balance of probabilities (paras 967 & 976–977).

(34) The accused had the intention to receive the bribes when the accused had arranged a plan to ask for a bribe from SP16 after the second meeting between the accused and SP16 and Ibrahim Baki at the Chairman's office in Menara FELDA. The accused had also given instructions to SP21 to ask for the bribe for himself. The inference of the existence of the intention of receiving bribes also be seen in the manner in which the bribes were received by the accused from SP16 through SP21. All the bribes were received by the accused without proof of receipt documents as the bribes were in the form of cash filled in paper bags (and black bags for the seventh receipt) and given in stages for nine times over a period of more than a year. The bribes were also handed over at the accused's office and were known to the accused, SP21 (sender) and SP16 (giver) only. Thus, the prosecution had proven that on the dates in the second to tenth amended charges, the accused received a bribe for himself from SP16 through SP21 (see paras 944–945 & 947).

(35) The defence had failed to rebut the presumption under s 50(1) of the MACC on the balance of probabilities that the receipt of bribes by the accused as stated in the nine charges was done in bribery as payments for him to assist in approving the purchase of Merdeka Palace Hotel & Suites in Kuching, Sarawak worth RM160m by FICSB. The accused's defence was an afterthought, inconsistent in nature and a bare denial without basis and unreliable. The accused's defence in overall had failed to cast any reasonable doubt (see paras 978–979).

(36) The defence was not only unreliable or acceptable, but also did not cast

any reasonable doubt on the accused's guilt under the nine charges s 16(a)(A) of the MACC. Therefore, the prosecution had proven all nine charges of receiving bribes against the accused beyond reasonable doubt. As such, the accused was found guilty and convicted of all nine charges under s 16(a)(A) of the MACC (see paras 980–981).

(37) The accused was 72 years old, had health problems and had no income other than his pension. Thus, after took into account and evaluated the mitigation and aggravating factors, the court sentenced him to six years imprisonment for each conviction of the charge and a fine of RM15,450,000. All nine charges were closely related to each other as they involved the fact of receiving bribes for the role of the accused in purchasing MPHS in nine transactions by the same person (SP16) through the same individual (SP21). It was sourced with the same money funds. All of them were 'closely connected with each other' which justified imprisonment sentences for all nine convictions of the charges to be carried out concurrently. A two-year imprisonment sentence as 'default penalty' was also handed down if the accused fails to pay a fine. This was consecutively to the said nine convictions (paras 1004, 1012–1013 & 1015).

(38) Based on the submission on the facts and the period of imprisonment could not be compensated if the appeal is allowed (irreversible) as well as the risk of Covid-19 virus infection if the 72-year-old accused was put in prison during the current pandemic situation, there was a special circumstances that justified the stay of the execution — not only imprisonment sentence but also fines. In this regard, the court ordered a bail of RM1.5m to be paid by the accused, and for that purpose the accused must add a sum of RM700,000 as the bail imposed on him previously when he was first charged was RM800,000. The conditions of the previous bail were maintained and in addition, he was also required to report to nearest the police station to his house once a month until the disposal of the appeal (paras 1016 & 1019–1020).]

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Shah bin Hashim v PP [1980] 1 MLJ 77, MP (dirujuk)
Aisyah bt Mohd Rose & Anor v PP [2016] 1 MLJ 840, MR (dirujuk)
Al Bakhtiar bin Ab Samat v PP [2012] 4 MLJ 713; [2012] 3 MLRA 547, MR (dirujuk)
Alma Nudo Atenza v PP and another appeal [2019] 4 MLJ 1, MP (dirujuk)
Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143b (dirujuk)
Aziz bin Muhamad Din v PP [1996] 5 MLJ 473, MT (dirujuk)
Baharudin bin Ahmad v PP [2010] 7 MLJ 577; [2010] 3 CLJ 59, MT (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Benjamin William Hawkes v PP [2020] 5 MLJ 417; [2020] 8 CLJ 267, MP (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Chean Siong Guat v PP [1969] 2 MLJ 63 (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar Ibrahim v PP [2004] 1 MLJ 497; [2004] 1 CLJ 592, MT (dirujuk)
Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Pendakwa Raya [2019] MLJU 190; [2019] 5 CLJ 93, MT (dirujuk)
Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors v PP [1978] 1 MLJ 240, MP (dirujuk)
Ezli Efifuddin Chik & Satu Lagi lwn Pendakwa Raya [2018] 1 LNS 1096, MT (dirujuk)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857, MP (dirujuk)
Hj Maamor bin Hj Abdul Manap v PP [2002] 6 MLJ 668, MT (dirujuk)
Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors [1998] 3 MLJ 457, MT (dirujuk)
Ku Lip See v PP [1982] 1 MLJ 194, MP (dirujuk)
Letitia Bosman v PP and other appeals (No 1) [2020] 5 MLJ 277, MP (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2012] 5 MLRA 333, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (diikut)
Md Zailani bin Md Zain v PP [2018] MLJU 1563; [2018] MLRHU 1, MT (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167; [1987] 2 CLJ 405, MA (dirujuk)
Ng Yiu Kwok and Ors v PP [1989] 3 MLJ 166, MA (dirujuk)
Noordin bin Sadakathullah & Ors v PP [2018] MLJU 1721; [2019] 1 CLJ 748, MR (dirujuk)
Nordin B Atan & Hamsan Hamid v PP [1999] MLJU 646; [2000] 5 CLJ 334, MT (dirujuk)
PP v Alias bin Md Yusof [2019] 6 MLJ 392; [2019] 7 CLJ 618, MR (dirujuk)
PP v Amrizal bin Abdullah [2017] MLJU 219; [2016] MLRHU 108, MR (dirujuk)
PP v Cho Sing Koo & Anor [2015] 4 MLJ 689; [2015] 4 CLJ 491, MR (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215, MT (dirujuk)
PP v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319, MT (dirujuk)
PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101; [2005] 1 CLJ 421, MP (dirujuk)

A *PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Hj Hussin bin Hj Mohd Rejab [1992] MLJU 3; [1994] 3 CLJ 93, MT (dirujuk)
PP v Khairuddin [1982] 1 MLJ 331 (dirujuk)
B *PP v Lawrence Tan Hui Seng* [1993] 4 CLJ 221, MA (dirujuk)
PP v Loo Chang Hock [1988] 1 MLJ 316; [1988] 1 CLJ 76 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohd Asyraf Thiru Abdullah [2015] 5 CLJ 938, MR (dirujuk)
PP v Mohd Fazil bin Awaludin [2009] 7 MLJ 741; [2009] 2 CLJ 862, MT
C (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (refd)
PP v Murugesan a/l Muniyandi [2012] 6 MLJ 805, MR (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 MLRH 91 (dirujuk)
D *PP v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor* [2013] 8 MLJ 70, MT (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek & other appeals [2005] 2 MLJ 685, MP (refd)
PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk)
PP v Teo Heng Chye [1989] 3 MLJ 205; [1990] 1 CLJ 194, MT (dirujuk)
PP v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v PP [1981] 2 MLJ 176, MP
E (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89, PC (diikut)
Pendakwa Raya v Arumugam a/l Muniandy & Ors [2018] MLJU 374; [2018] MLRAU 1, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Chua Beng Seong and another appeal [2016] MLJU 1212,
F MT (dirujuk)
Pendakwa Raya v Huang Qiang [2020] MLJU 895; [2020] 7 AMR 160, MT (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnappan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557; [1996] 3 CLJ 187, MR (dirujuk)
G *Prasit Punyang v PP* [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392, MR (dirujuk)
R v Ipeelee [2012] SCC 13, MA (dirujuk)
Rex v Lee Siong Kiat [1935] 1 MLJ 53 (dirujuk)
Rex v Teo Cheng Lian [1949] 1 MLJ 170 (dirujuk)
Sanusi bin Abdul Rashid lwn Pendakwa Raya [2018] MLJU 1879, MT
H (dirujuk)
Sathiadas v PP [1970] 2 MLJ 241 (dirujuk)
Sim Ah Leng v Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) [2019] MLJU 1823, MT (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)
I *Tan Liang Chew & Ors v PP* [1997] 5 MLJ 338, MT (dirujuk)
Thavanathan a/l Balasubramaniam v PP [1997] 2 MLJ 401, MA (dirujuk)
Wong Kai Chuen Philip v PP [1991] 1 MLJ 321, MT (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)
Yap Sing Hock & Anor v PP [1992] 2 MLJ 714, MA (dirujuk)

Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya [1994] MLJU 134; [1994] 4 CLJ 629, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kemajuan Tanah 1956 ss 3, 3(ca), 4, 15(2), 67
Akta Keterangan 1950 ss 8, 60(1)(b), 133, 134
Akta Pencegah Rasuah 1961 (dimansuhkan oleh Akta Pencegahan Rasuah 1997) s 14
Akta Pencegahan Rasuah 1997 (dimansuhkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) ss 10(a)(aa), 11(a), 42
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 16, 16(a)(A), 17(a), 24, 50, 50(1), 52, 55(1), 62, 62(1)(a), (1)(b)
Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) ss 131B, 132, 132(1), (1F), (3), 156
Kanun Keseksaan ss 402A, 403, 405, 407, 408, 409, 409B
Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 k 11(2)(c)
Kanun Tatacara Jenayah ss 51, 51A, 51A(3), (4), (5), 153, 158, 158(1), (2), 162, 180, 181(1), 182A, 183, 283, 409A, 402B, 402B(1), (1)(b) (2), (5), (5)(e), (6), 417
Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Khas) No 22 Tahun 1970 s 2(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 8

Afzainizam Abd Aziz (Nithia a/p Sivasamy, Natasha Chin Le Jy, Nurdihana bt Rosdi dan Muhammad Asyraf bin Mohamed Tahir bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak pendakwaan.
Salehuddin Saidin (Siti Sarah bt Khalil, Julia Farisha Abdul Jais, Abu Bakar Isa Ramat dan Amirul Jamaludin bersamanya) (Salehuddin Saidin & Assoc) bagi pihak tertuduh.

Mohd Nazlan H:

PEMBUKAAN

[1] Pendakwaan ini melibatkan satu pertuduhan pecah amanah jenayah di bawah Kanun Keseksaan ('KK') dan sembilan pertuduhan penerimaan suapan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') terhadap tertuduh, yang pernah berkhidmat sebagai menteri besar Negeri Sembilan dan pada masa material pertuduhan-pertuduhan tersebut, memegang jawatan pengerusi Federal Land Development Authority ('FELDA').

[2] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kewujudan kes prima facie terhadap sembilan pertuduhan rasuah dan oleh yang demikian memerintahkan

tertuduh untuk membela diri. Walau bagaimanapun, mahkamah berkeputusan sebaliknya mengenai pertuduhan tunggal pecah amanah jenayah dan telah melepas dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut tanpa memanggil beliau untuk membela diri. Mahkamah ini telah, dalam mahkamah terbuka mengumumkan secara ringkas, ketika memberi keputusan-keputusan tersebut, sebab-sebab utama dapatan mahkamah.

[3] Di akhir bicara keseluruhan kes berkaitan sembilan pertuduhan rasuah tersebut pula, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan telah berjaya untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah dan dengan itu mensabitkan tertuduh atas kesemua sembilan pertuduhan tersebut.

[4] Penghakiman bertulis ini mengandungi keseluruhan analisa dan sebab-sebab keputusan dalam kes ini.

FAKTA UTAMA DAN LATAR BELAKANG KES

[5] Sepuluh pertuduhan tersebut telah pada asalnya dibentangkan dan dibaca kepada tertuduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 14 Disember 2018. Tertuduh telah mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan. Tidak lama selepas itu, atas permohonan pendakwaan, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan pemindahan kes ini di bawah s 417 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

[6] Lanjutan daripada arahan pindahan tersebut, apabila kes ini dipanggil untuk kali pertama di mahkamah ini pada 11 April 2019, pertuduhan-pertuduhan telah dibaca semula dan tertuduh mengekalkan pengakuan tidak bersalah dan permintaan untuk dibicarakan di atas setiap satu pertuduhan. Mahkamah ini juga, setelah mengambil kira kesesuaian tarikh bagi semua pihak, menetapkan perbicaraan kes pihak pendakwaan untuk bermula pada 7 Oktober 2019 dan diteruskan untuk beberapa hari.

[7] Walau bagaimanapun, pada sesi pengurusan kes pada 23 September 2019, pihak pendakwaan mengemukakan permohonan secara lisan untuk tarikh permulaan bicara kes ini ditangguh dan dianjakkan ke tahun 2020. Satu-satunya alasan yang dinyatakan oleh pihak pendakwaan yang pada masa itu diwakili oleh Dato' Seri Gopal Sri Ram ialah Peguam Negara telah melantik peguam senior terpelajar Dato' Sri Gopal Sri Ram untuk mengetuai pendakwaan kes ini tetapi beliau pada waktu yang sama juga sibuk mengendalikan pendakwaan kes-kes jenayah berprofil tinggi yang lain seperti yang melibatkan bekas Perdana Menteri dalam perbicaraan kes berkaitan 1MDB di Mahkamah Tinggi Jenayah 1 dan terhadap isteri bekas Perdana

Menteri tersebut di Mahkamah Tinggi Jenayah 2, kedua-duanya juga di Kuala Lumpur. A

[8] Pihak pembelaan pula menyerahkan keputusan permohonan penangguhan tersebut kepada mahkamah, dan memaklumkan kepada mahkamah bahawa walaupun tertuduh baru sahaja menukar barisan pasukan peguam, yang kini diketuai oleh peguam senior terpelajar, Dato' Setia Sallehudin Saidin, tertuduh kekal bersedia untuk dibicarakan pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum ini. B

C

[9] Mahkamah ini membuat keputusan menolak permohonan pihak pendakwaan tersebut. Mahkamah telah menyatakan bahawa tarikh perbicaraan telah ditetapkan lebih awal dan telah juga dipersetujui oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan sebelum ini. Mahkamah juga berpendapat Dato' Seri Gopal Sri Ram tidak dapat mengendalikan pendakwaan kes ini, jika benar, sepatutnya bukanlah suatu masalah kritikal kerana Pejabat Peguam Negara sebenarnya mempunyai lebih 500 timbalan pendakwa raya. Tambahan pula tiada pencerahan bila kes-kes berprofil tinggi lain tersebut yang mana pendakwaan diketuai oleh Dato' Seri Gopal Sri Ram akan selesai untuk membolehkan kes terhadap tertuduh di mahkamah ini dimulakan. Tiada kepastian kes pendakwaan dalam mana-mana perbicaraan berprofil tinggi tersebut boleh ditutup walaupun dalam tahun 2020. Selain daripada itu, mahkamah juga berpendapat tertuduh berhak untuk mendapat perbicaraan yang tidak tertangguh untuk memberi peluang beliau berusaha membersihkan nama daripada pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas beliau dengan lebih cepat. D E F

[10] Seperti yang ditetapkan, perbicaraan bermula pada 7 Oktober 2019. Pihak pendakwaan memanggil 22 orang saksi. Kes pendakwaan ditutup pada 14 Januari 2020. Sesi hujahan lisan, setelah hujahan bertulis dikemukakan oleh semua pihak, akhirnya diadakan pada 20 Mei 2020 selepas beberapa kali terpaksa ditangguh kerana penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan oleh pihak berkuasa pada mulanya merangkumi seluruh negara, bermula pertengahan Mac 2020 ketika gelombang pertama pandemik Covid-19. G H

[11] Pada 16 Jun 2020, mahkamah telah melepas dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan pecah amanah jenayah tetapi telah memerintahkan beliau membela diri terhadap sembilan tuduhan rasuah tersebut. Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan pembebasan tertuduh daripada tuduhan pecah amanah jenayah tetapi Mahkamah Rayuan dalam pengurusan kes mengenai rayuan tersebut telah mengarahkan bahawa rayuan itu akan didengar bersama dengan rayuan, sekiranya ada, terhadap keputusan di akhir kes sembilan pertuduhan rasuah. I

[12] Perbicaraan kes pembelaan mengenai sembilan pertuduhan penerimaan suapan rasuah bermula pada 17 Ogos 2020. Pembelaan memanggil enam orang saksi. Kes pembelaan ditutup pada 3 September 2020. Setelah pihak-pihak berbalas hujahan bertulis, sesi hujahan lisan diadakan pada 3 Disember 2020. Untuk rekod, perjalanan prosiding kes pembelaan juga telah terganggu beberapa kali, umpamanya sesi hujahan lisan di akhir kes pembelaan terpaksa ditangguh kerana penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan bersyarat oleh pihak berkuasa di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya bermula pertengahan Oktober 2020 ketika apa yang dikatakan sebagai gelombang ketiga jangkitan pandemik Covid-19. Pada 3 Februari 2021, mahkamah menyampaikan keputusan di akhir kes ini.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN TERHADAP TERTUDUH

[13] Terdapat sepuluh pertuduhan terhadap tertuduh. Yang pertama adalah bagi kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 KK. Sembilan yang lain adalah berkenaan kesalahan menerima suapan di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Sembilan pertuduhan di bawah ASPRM ini adalah disusun pertuduhannya secara kronologi tarikh jenayah tersebut dikata telah dilakukan.

[14] Pertuduhan tunggal pecah amanah jenayah di bawah KK adalah seperti berikut:

> Pertuduhan pertama
>
> Bahawa kamu pada 29 April 2014 di Tingkat 50, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang ejen iaitu Pengarah Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd (surat tawaran Syarikat 1052445-A) dan di dalam kapasiti tersebut diamanahkan dengan harta tertentu iaitu dana syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd telah melakukan pecah amanah jenayah ke atas dana tersebut, di mana kamu telah dengan curangnya melepaskan harta tersebut dengan meluluskan cadangan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak dengan harga RM160 juta tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 yang dibuat berkenaan pelaksanaan amanah tersebut di mana Ahli Lembaga Pengarah Felda memberi mandat kepada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek yang bernilai RM100 juta ke bawah dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan pecah amanah jenayah iaitu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan.

[15] Pertuduhan-pertuduhan di bawah ASPRM, pada asalnya adalah seperti berikut:

> Pertuduhan kedua

Bahawa kamu di antara 21 Julai 2014 hingga 28 Julai 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM100,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu di antara 21 Julai 2014 hingga 28 Julai 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM140,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan keempat

Bahawa kamu di antara 17 Oktober 2014 hingga 24 Oktober 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM300,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan kelima

Bahawa kamu di antara 15 November 2014 hingga 22 November 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM250,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan keenam

Bahawa kamu di antara 25 Jun 2015 hingga 27 Jun 2015, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan ketujuh

Bahawa kamu di antara 9 Julai 2015 hingga 11 Julai 2015, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan kelapan

Bahawa kamu di antara 20 Ogos 2015 hingga 27 Ogos 2015, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM300,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan kesembilan

Bahawa kamu di antara 12 September 2015 hingga 14 September 2015, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd

melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan kesepuluh

Bahawa kamu di antara 4 Disember 2015 hingga 11 Disember 2015, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, 50088, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN PINDAAN DI BAWAH ASPRM

[16] Setelah salah seorang saksi utama pendakwaan Muhammad Zahid bin Md Arip (SP21) selesai memberi keterangan dalam pemeriksaan balas, pihak pendakwaan memohon untuk meminda kesemua sembilan pertuduhan di bawah ASPRM mengenai bila tempoh jangkamasa tarikh-tarikh suapan dikatakan diberikan oleh SP21 kepada tertuduh selepas SP21 menerimanya daripada Ikhwan bin Zaidel (SP16). Ini dibantah oleh pihak pembelaan.

[17] Mahkamah membenarkan pindaan-pindaan tersebut dilakukan berdasarkan peruntukan s 158 KTJ yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk meminda pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan penghakiman dibuat. Mahkamah mengambil kira bahawa pindaan-pindaan tersebut hanya melibatkan tarikh-tarikh dan langsung tidak menyentuh perkara lain, lebih-lebih lagi inti pati pertuduhan-pertuduhan tersebut yang kekal tidak berubah. Pihak pembelaan juga masih diberi peluang untuk melakukan pemeriksaan balas tambahan kepada SP21 selepas pindaan-pindaan tersebut dibenarkan oleh mahkamah.

[18] Mahkamah juga memerintahkan pihak tertuduh dibenarkan untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan yang telah selesai memberi keterangan untuk disoal semula lanjutan daripada pindaan mengenai tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam sembilan pertuduhan tersebut. Dalam situasi ini, mahkamah tidak nampak bagaimana pindaan-pindaan itu boleh memprejudis atau mengakibatkan ketidakadilan kepada tertuduh. Walau bagaimanapun, pihak pembelaan kemudiannya memaklumkan bahawa

tertuduh tidak berhasrat memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan.

[19] Pindaan-pindaan terhadap sembilan pertuduhan bagi kesalahan menerima suapan di bawah s 16(a)(A) ASPRM adalah seperti berikut:

Pertuduhan pindaan kedua

Bahawa kamu *di antara 15 Julai 2014 dan 30 Julai 2014*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM100,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan ketiga

Bahawa kamu *di antara 20 Julai 2014 dan 30 Julai 2014*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM140,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan keempat

Bahawa kamu *di antara 15 Oktober 2014 dan 30 Oktober 2014*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM300,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kelima

Bahawa kamu *di antara 1 November 2014 dan 15 November 2014*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri

kamu iaitu wang tunai berjumlah RM250,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan keenam

Bahawa kamu *di antara 20 Jun 2015 dan 30 Jun 2015*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan ketujuh

Bahawa kamu *di antara 13 Julai 2015 dan 16 Julai 2015*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kelapan

Bahawa kamu *di antara 20 Ogos 2015 dan 30 Ogos 2015*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM300,000.00 daripada Ikhwan bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kesembilan

Bahawa kamu *di antara 1 September 2015 dan 15 September 2015*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan Bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan pindaan kesepuluh

Bahawa kamu *di antara 1 Disember 2015 dan 15 Disember 2015*, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM500,000.00 daripada Ikhwan Bin Zaidel iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama. (Penekanan ditambah.)

KES PENDAKWAAN

[20] Inti pati kes pendakwaan, yang berkenaan dengan kesemua pertuduhan, sepertimana yang dinyatakan oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan, 22 kesemuanya, adalah digariskan di bawah ini, yang dihuraikan secara kronologi, konsisten dengan kandungan hujahan bertulis pendakwaan. Ada juga fakta kes yang akan dirujuk dalam analisa mahkamah ini di bahagian kemudian penghakiman ini.

FELDA dan Felda Investment Corp Sdn Bhd

[21] Pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh adalah berkisar ketika beliau memegang jawatan penting di FELDA dan sebuah anak syarikatnya. FELDA adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Tanah 1956. Sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 3, FELDA bertanggungjawab seperti berikut:

3 Establishment, duties and powers of Authority

...

(2) The Authority shall have the following duties:

(a) to undertake and carry out land development projects;

(b) to promote and assist in the investigation, formulation and implementation of projects for development, settlement and management of land in the Federation;

(c) to promote, stimulate, facilitate and undertake economic, social, residential, agricultural, industrial and commercial development and management and other ancillary activities and services in any area for which the Authority has been vested with the power to carry out land development projects or any other area which has been acquired, purchased, leased by or alienated to or is otherwise held or enjoyed by the Authority or its corporations or companies for the performance of its functions;

(d) to undertake and carry out such activities as may assist in the modernisation of the agricultural sector in the area mentioned under paragraph (c); and in particular activities relating to the production, utilisation, processing and marketing of crops, livestock and fresh water fisheries;

(e) to assist, guide, advise, manage, administer and coordinate economic, social, residential, agricultural, industrial and commercial activities whether within or outside the area mentioned under paragraph (c).

...

[22] Pihak-pihak tidak menyangkal bahawa di bawah ss 3 dan 4 Akta ini, FELDA adalah di bawah seliaan Perdana Menteri. Badan paling berkuasa di dalam insititusi ini adalah Lembaga FELDA yang dianggotai oleh Ahli Lembaga FELDA, dan yang mana seorang daripada mereka dinamakan sebagai Pengerusi FELDA, yang mana kesemua Ahli Lembaga FELDA, termasuk Pengerusi dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab di bawah s 15(2) Akta Kemajuan Tanah 1956.

[23] Tertuduh memegang jawatan Pengerusi Lembaga FELDA dan salah seorang Ahli Lembaga FELDA antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2017. Sebagai Pengerusi, tertuduh juga bertanggungjawab mempengerusikan Mesyuarat Lembaga FELDA, yang dihadiri oleh Ahli Lembaga FELDA, dan juga bagi pihak pengurusan, Pengarah Besar FELDA serta Timbalan-Timbalan Pengarah Besar FELDA, selain daripada setiausaha syarikat.

[24] Tertuduh dan Ahli Lembaga FELDA bertanggungjawab memutuskan perkara berkaitan polisi, dasar termasuk pelaburan oleh FELDA dan Kumpulan FELDA yang terdiri daripada anak syarikat FELDA. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga FELDA merupakan arahan atau punca kuasa dilaksanakan oleh FELDA dan Kumpulan FELDA. Pelbagai arahan tersebut direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA. Minit-Minit Mesyuarat tersebut dicatat oleh Erwan bin Aman (SP19), Setiausaha Lembaga FELDA dan Wan Zulina bt Wan Embong (SP20) yang kemudiannya

menggantikan SP19. Keputusan-keputusan Lembaga FELDA kemudian tersebut diedar kepada Pengarah Besar, Timbalan Pengarah Besar dan anak syarikat FELDA (jika berkenaan dengan keputusan).

[25] Lembaga FELDA diberi kuasa di bawah s 3(ca) Akta Kemajuan Tanah 1956 dengan kebenaran Menteri untuk menubuhkan syarikat bertujuan menjalankan atau melibatkan dalam aktiviti yang telah dirancang atau akan dilaksanakan oleh FELDA.

[26] Dalam mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 pada 25 Jun 2013 Lembaga FELDA telah meluluskan penubuhan Felda Investment Corp Sdn Bhd (FICSB), sebuah anak syarikat milik penuh FELDA, sebagai sebuah entiti bertujuan khas (*special purpose vehicle*) bagi melaksanakan aktiviti pelaburan strategik FELDA, dengan rancangan awal perniagan pelaburan anak syarikat tersebut merangkumi empat bidang utama iaitu pengurusan dana, inisiatif pembiayaan swasta, pelaburan mapan kemelesetan dan pengurusan sumber dalaman. FISB akan dibiayai dengan modal berbayar permulaan sebanyak RM500 juta, yang akan disuntik oleh FELDA secara berperingkat.

[27] Di dalam mesyuarat tersebut juga, Lembaga FELDA telah bersetuju bahawa tiga ahli lembaga pengarah FICSB yang pertama atau permulaan ialah tertuduh, Datuk Faizoull bin Ahmad (Pengarah Besar FELDA ketika itu) dan Muhammad Sufi bin Mahbub (Timbalan Pengarah Besar). Penting untuk ditekankan bahawa Lembaga FELDA memberi mandat kepada Lembaga Pengarah FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek bernilai tidak lebih daripada RM100 juta.

[28] Pihak pendakwaan berkata, dan ini tidak nampaknya dibangkang oleh pihak pembelaan, bahawa ini bermakna, pelaburan yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah FICSB yang melebihi nilai RM100 juta mestilah diluluskan oleh Lembaga FELDA. Keputusan Lembaga FELDA ini direkodkan di dalam Minit Nombor 6627 perkara 3(i) hingga (viii) ms 26–27 Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (eksh P40). FICSB telah kemudiannya diperbadankan pada 2 Julai 2013.

[29] Selanjutnya, di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 305 bertarikh 30 Julai 2013, Mohd Zaid bin Abdul Jalil (SP15) telah diluluskan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FICSB bermula 1 Ogos 2013. Lembaga FELDA juga meluluskan perlantikan barisan ahli Lembaga Pengarah FICSB yang baru iaitu tertuduh sendiri, Datuk Faizoull bin Ahmad, Mohd Zaid bin Abdul Jalil (SP15), Datuk Dr Omar bin Salim dan Datuk Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid berkuatkuasa tarikh yang sama. Kecuali SP15, ahli yang lain semuanya adalah juga Ahli Lembaga FELDA.

Muhammad Sufi bin Mahbub pula yang terdahulunya dinamakan salah seorang pengarah FICSB yang pertama, tidak pula dilantik sebagai seorang pengarah FICSB pada kali ini.

Tawaran pengambilalihan Merdeka Palace Hotel & Suites ('MPHS') dan perjanjian jual beli MPHS

[30] Ikhwan bin Zaidel (SP16) ialah seorang Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd ('GAPSB'). Beliau juga ada saham dalam GAPSB. GAPSB adalah pemilik Merdeka Palace Hotel & Suites ('MPHS') yang beroperasi di Kuching, Sarawak. Dalam bulan Julai 2013, SP16 telah berkenalan dengan Azizi bin Abdul Wahab (SP17) yang merupakan seorang ahli perniagaan ketika sama-sama mengerjakan ibadah Umrah di Arab Saudi. SP16 memberitahu SP17 bahawa GAPSB adalah dalam proses cadangan untuk menjual MPHS. Di sana, mereka bertukar nombor telefon untuk berhubung selepas pulang ke tanah air.

[31] Tidak berapa lama setelah pulang, dalam satu pertemuan di Menara FELDA di bulan September 2013, SP17 telah memperkenalkan SP16 kepada Muhammad Zahid bin Md Arip (SP21). SP21 adalah kenalan SP17, yang ketika itu seorang pegawai khas kepada tertuduh sebagai Pengerusi FELDA. SP16 menyerahkan kepada SP21 sepucuk surat bertarikh 2 September 2013 (dialamatkan kepada Pengerusi FELDA) yang mengandungi cadangan tawaran pembelian MPHS oleh FELDA. GAPSB menawar untuk menjual MPHS kepada FELDA pada harga RM200 juta.

[32] Surat ini kemudiannya diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh. Tertuduh seterusnya mengarahkan Mohd Zaid bin Abdul Jalil (SP15) selaku CEO FICSB untuk mengkaji cadangan pembelian MPHS tersebut. Ini adalah kerana FICSB adalah, seperti yang dinyatakan di atas, anak syarikat yang ditugaskan untuk menjalankan pelaburan strategik untuk FELDA.

[33] Sehubungan dengan kajian tersebut, dalam bulan November 2013, wakil pengurusan FICSB yang diketuai oleh SP15 sendiri telah ke Kuching untuk melawat MPHS. SP21 juga mengikuti rombongan tersebut setelah memperolehi kebenaran daripada tertuduh. Mereka dibawa melihat MPHS dan diberi taklimat berhubung MPHS. Rombongan FICSB juga dibawa berjumpa Datuk Abang Johari Tun Openg, yang ketika itu Timbalan Ketua Menteri Sarawak di kediaman rasmi beliau. Berdasarkan penjelasan oleh Datuk Abang Johari, SP15 dan SP21 dimaklumkan mengenai rancangan pembangunan di sekitar MPHS, dan peruntukan RM250 juta yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak dari Kerajaan Pusat untuk pembangunan di Kuching.

[34] Aktiviti lawatan di Kuching adalah diatur oleh Ikhwan bin Zaidel (SP16). Azizi bin Abdul Wahab (SP17) juga turut serta dalam aktiviti lawatan tersebut, atas jemputan SP16 kerana SP17 juga mengenali SP21. Sememangnya sebelum lawatan tersebut, syarikat JV Evolution Sdn Bhd ('JVESB') yang dimiliki sepenuhnya oleh SP17 dan rakannya, Mazeed bin Abdul Wahab secara samarata, telah dilantik oleh SP16 (bagi pihak GAPSB) sebagai ejen hartanah untuk menguruskan penjualan MPHS. Menurut perjanjian dalam surat kepada JVESB bertarikh 29 Oktober 2013 (P262) yang ditandatangani persetujuannya oleh GAPSB dan JVESB, sekiranya MPHS berjaya dijual pada harga melebihi RM150 juta, lebihan nilai akan diberi kepada JVESB sebagai insentif. Pelantikan ini sepatutnya tamat pada 29 Januari 2014 tetapi disambung melalui satu surat daripada GAPSB kepada JEVSB bertarikh 30 Januari 2014 (P263) sehingga 31 Disember 2014.

[35] Selepas lawatan kerja ke MPHS, pada 30 Disember 2013 SP15 sebagai CEO FICSB telah membentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-6 satu kertas cadangan bertajuk 'Proposed Acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites, Kuching Sarawak' (P65).

[36] Selaras dengan pembentangan kertas cadangan (P65) ini, Lembaga Pengarah FICSB dimaklumkan mengenai penilaian awal ke atas MPHS berjumlah RM109,018,000, lawatan kerja yang telah dibuat ke MPHS, potensi dan cabaran yang terlibat jika FICSB berhasrat untuk membeli MPHS tersebut selain daripada lokasi strategik MPHS di Kuching dan pembangunan di kawasan sekitar MPHS yang berkembang.

[37] Di dalam pembentangan kertas cadangan mengenai MHPS kali pertama di Lembaga Pengarah FICSB ini, Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada pengurusan FICSB untuk meneruskan dengan perlantikan perunding-perunding profesional untuk membuat penilaian yang berkaitan ke atas MPHS.

[38] Kertas kedua mengenai cadangan pembelian MPHS yang dibentang di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-8 pada 26 Februari 2014 adalah bertajuk 'Update On The Proposed Acquisition of Merdeka Palace Suites & Hotel, Kuching, Sarawak' (P67). Ianya juga dibentangkan oleh SP15. Di dalam mesyuarat ini, berdasar kertas cadangan (P67), Lembaga Pengarah FICSB telah dimaklumkan mengenai penilaian ke atas MPHS dari aspek 'legal due dilligence', 'financial due dilligence' dan 'property valuation'.

[39] Pihak pengurusan melaporkan bahawa penilaian profesional MPHS adalah sebanyak RM137,640,965.89. Lembaga Pengarah FICSB telah dimaklumkan bahawa pulangan kadar dalaman (Internal Rate of Return or IRR) adalah berjumlah 5.99% dan kadar pulangan pelaburan (*Average Return*

of Investment atau *ROI*) berjumlah 3.44%. Berdasarkan kepada kadar IRR dan ROI tersebut, ia akan mengambil masa or 'payback period' selama 27 tahun untuk FICSB memperolehi pulangan daripada pembelian atas dasar harga RM200 juta yang ditawarkan oleh GAPSB ketika itu. Pihak pengurusan, dalam kertas tersebut (P67) oleh itu tidak mengesyorkan cadangan pembelian MPHS diteruskan.

[40] Di dalam mesyuarat tersebut, Lembaga Pengarah FICSB berkeputusan untuk menolak tawaran yang dikemukakan GAPSB untuk menjual MPHS kepada FICSB pada harga RM200 juta. Lembaga Pengarah FICSB memutuskan untuk tidak meneruskan cadangan pengambilalihan MPHS kerana pelaburan ke atas MPHS adalah tidak berdaya maju dan tidak menguntungkan FICSB. Keputusan Lembaga FICSB direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-8 bertarikh 26 Februari 2014 (P68).

[41] FICSB melalui surat kepada GAPSB bertarikh 28 Februari 2014 (P248) telah memaklumkan bahawa FICSB berkeputusan untuk tidak meneruskan cadangan pembelian MPHS. SP16 juga ada berjumpa SP21 di Darby Park Kuala Lumpur di mana SP16 memberitahu SP21 mengenai keputusan FICSB menolak tawaran penjualan MPHS kepada FICSB. SP16 memberitahu SP21 bahawa GAPSB akan mencuba alternatif lain seperti mencari pelabur lain. SP17 juga diberitahu oleh SP16 tentang keputusan FICSB tersebut. SP16 juga mengatakan kepada SP17 bahawa GAPSB akan membuat cadangan semula kepada FELDA dalam masa terdekat.

[42] Dalam bulan Mac 2014 ketika berada di lobi Parlimen, tertuduh menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri ketika itu, Dato Sri Najib bin Tun Abdul Razak. SP21 yang berada bersama tertuduh mendengar tertuduh memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa Lembaga Pengarah FICSB telah menolak cadangan pembelian MPHS tetapi boleh dikaji semula jika diarah berbuat demikian. Tertuduh kemudian memberitahu SP21 arahan Perdana Menteri supaya FICSB mengkaji semula keputusan Lembaga Pengarah FICSB. Keesokannya, SP15 bertemu tertuduh di pejabatnya untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang arahan Perdana Menteri tersebut. SP15 berkata beliau diberitahu oleh tertuduh supaya meneruskan pembelian MPHS bagi membantu aktiviti politik di Sarawak.

[43] Dalam bulan yang sama, melalui surat tawaran bertarikh 28 Mac 2014 (P249) yang dihantar kepada Pengerusi FELDA, GAPSB telah membuat tawaran semula kepada FICSB untuk menjual MPHS pada harga RM165 juta. Ini bermakna harga tawaran penjualan MPHS telah diturunkan oleh GAPSB daripada RM200 juta kepada RM165 juta.

[44] Sebagai langkah lanjutan daripada surat GAPSB tersebut, SP16 dan Ibrahim bin Baki daripada GAPSB telah berjumpa tertuduh di pejabatnya di Menara FELDA, setelah temujanji diatur oleh pegawai khasnya, SP21. Dalam perjumpaan tersebut, SP16 memohon tertuduh menimbangkan semula keputusan FICSB berdasarkan tawaran baru GAPSB untuk menjual MPHS pada harga RM165 juta. Tertuduh memberi respons positif tetapi tidak menjanjikan apa-apa kerana kata putus terletak kepada keputusan Lembaga Pengarah FICSB. Ini penting. Selepas itu dan sementara menunggu keputusan baru FICSB, SP16 memaklumkan kepada SP17 bahawa tawaran baru telah dikemukakan kepada FICSB.

[45] Salinan surat tawaran daripada GAPSB tersebut (P249) kemudiannya telah diterima oleh SP15 pada 18 April 2014 yang dimaklumkan oleh tertuduh untuk membentangkan tawaran baru daripada GAPSB dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB akan datang.

[46] Sebelum tawaran baru (RM165 juta) dapat dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB, SP16 telah menghantar satu surat faksimili bertarikh 22 April 2014 (P250) kepada FICSB yang mengandungi tawaran terkini oleh GAPSB untuk menjual MPHS pada harga RM160 juta setelah diskaun diberikan sebanyak RM5 juta. SP15 memaklumkan tawaran terkini yang diterima daripada GAPSB kepada tertuduh yang mengarahkan SP15 meneruskan pembentangan kertas cadangan ke mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang akan datang iaitu Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10.

[47] Di dalam sesi taklimat CEO kepada Pengerusi FICSB mengenai agenda dan kertas-kertas yang akan dibawa masuk ke dalam mesyuarat Lembaga FICSB pada 28 April 2014 iaitu sehari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10, yang juga melibatkan cadangan tawaran terkini berjumlah RM160 juta daripada GAPSB (berbanding tawaran asal RM200 juta), pihak pengurusan FICSB dalam kertas cadangan (P69) membuat syor FICSB membeli MPHS pada harga penilaian semula iaitu RM153 juta, setelah mengambil kira pelan pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tempoh 10–15 tahun akan datang.

[48] Cadangan turut dikemukakan agar FICSB meminta diskaun sebanyak RM10 juta daripada GAPSB. Menurut SP15, tertuduh bersetuju dengan cadangan SP15 dan memberitahu SP15 beliau akan meminta Ahli Lembaga Pengarah FICSB untuk sama bersetuju dengan diskaun RM10 juta. Ini bermakna untuk mendapat harga belian sebanyak RM150 juta.

[49] SP15 telah kemudiannya memaklumkan perkara yang sama kepada Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain iaitu Datuk Dr Omar bin Salim,

Datuk Ehsanuddin dan Datuk Faizoull bin Ahmad mengenai agenda mesyuarat dan cadangan pengambilalihan MPHS yang telah ditolak sebelum ini. SP15 memaklumkan bahawa cadangan pengambilalihan MPHS akan dibentang semula dalam mesyuarat atas arahan Pengerusi. SP15 juga memberitahu mereka bahawa tertuduh telah menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri yang mengarahkan cadangan pengambilalihan MPHS dikaji semula. SP15 turut memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah FICSB bahawa penilaian ke atas MPHS telah dilakukan semula dengan mengambil kira pelan pembangunan Kerajaan Sarawak dalam 10–15 tahun akan datang.

[50] Walau bagaimanapun, pada 29 April 2014, sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 bermula, menurut SP15, beliau telah dipanggil oleh tertuduh ke pejabatnya, di mana tertuduh mengarahkan SP15 supaya mengekalkan pembelian MPHS pada harga RM160 juta (tawaran terkini oleh GAPSB) dan SP15 tidak perlu membincangkan perkara diskaun RM10 juta dalam mesyuarat Lembaga FICSB. Menurut SP15 lagi, yang membangkitkan soalan bagaimana untuk menjustifikasi pembelian MPHS pada harga RM160 juta sedangkan harga yang dicadangkan oleh pengurusan seperti dalam kertas (P69) adalah RM153 juta, tertuduh mengatakan bahawa FICSB perlu mengambil kira elemen ihsan atau 'goodwill' MPHS yang telah lama beroperasi dan namanya yang sudah lama digunakan sebagai justifikasi bagi FICSB membeli MPHS.

[51] Sejurus kemudian, di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 pada hari tersebut, SP15 telah membentangkan kertas cadangan bertajuk 'FIC Board Paper Meeting Paper surat tawaran 4/4/2014 Proposed Acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak' (P69) yang memaklumkan tentang tawaran semula cadangan pengambilalihan MPHS yang dikemukakan GAPSB daripada RM165 juta kepada yang terkini berjumlah RM160 juta; semakan semula oleh pengurusan berdasarkan potensi perkembangan dari industri pelancongan di lokasi sekitar MPHS di Kuching, dan juga syor daripada pengurusan FICSB akan harga belian sebanyak RM153 juta. Ini direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut (P41).

[52] Menurut SP15, sebelum pembentangan oleh SP15, tertuduh memberitahu Ahli Lembaga Pengarah FICSB bahawa Perdana Menteri mengarahkan FICSB mengkaji semula keputusan Lembaga Pengarah FICSB yang telah menolak cadangan pengambilalihan MPHS. Menurut SP15, tertuduh meminta arahan Perdana Menteri tidak direkodkan. Setelah pembentangan oleh SP15, tertuduh juga dikatakan oleh SP15 memaklumkan mesyuarat bahawa FICSB perlu mengambil kira 'goodwill' MPHS, dan

mencadangkan Lembaga Pengarah FICSB bersetuju membeli MPHS berdasarkan harga terkini RM160 juta yang ditawarkan GAPSB. Ini juga tiada dalam minit (P41).

[53] Ahli Lembaga Pengarah FICSB dengan sebulat suara tanpa sebarang soalan, bersetuju dengan cadangan pengambilalihan MPHS, tertakluk kepada perundingan akhir harga tidak melebihi RM160 juta dan kuasa diberikan kepada CEO untuk melaksanakan dokumen yang relevan dengan cadangan pembelian MPHS tersebut. Ini jelas direkodkan dalam minit (P41).

[54] Mengikut keterangan SP15 lagi, selepas semua kertas-kertas selesai dibentangkan, SP15 memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah FICSB bahawa cadangan pengambilalihan MPHS yang baru sahaja diluluskan oleh Lembaga FICSB perlu dibentang dalam mesyuarat Lembaga FELDA untuk kelulusan Lembaga FELDA memandangkan nilai pelaburan MPHS melebihi RM100 juta. SP15 mengatakan di mahkamah bahawa tertuduh mengarahkan perkara itu tidak perlu dibentangkan di Lembaga FELDA kerana sebahagian Ahli Lembaga Pengarah FELDA juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang telah pun meluluskan cadangan pengambilalihan MPHS tersebut.

[55] Walau bagaimanapun, arahan ini yang dikatakan oleh SP15 dibuat oleh tertuduh tidak dicatat dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 (P41) itu.

[56] Lanjutan daripada keputusan pembelian tersebut, FICSB telah menghantar surat bertarikh 30 April 2014 (P254) kepada GAPSB memaklumkan persetujuan tawaran pembelian GAPSB pada harga RM160 juta dengan bersyarat.

[57] Sementara itu, dalam bulan April 2014 juga, tetapi sebelum FICSB memutuskan untuk membeli MPHS, SP16 mengadakan pertemuan dengan SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya untuk menjelaskan tentang komisen yang akan dibayar kepada JVESB sekiranya transaksi dengan FICSB berjaya. SP16 menyatakan walaupun GAPSB akan membayar komisen sebanyak RM10 juta (sekiranya FICSB setuju dengan harga RM160 juta, yang bermakna JVESB akan dapat jumlah yang lebih daripada RM150 juta) kepada JVESB, daripada RM10 juta tersebut, JVESB akan hanya menerima komisen RM1 juta, kerana setelah ditolak cukai syarikat JVESB sebanyak RM2.25 juta, RM6.750 juta perlu dikembalikan kepada SP16 untuk tujuan dana politik. Oleh kerana SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab sebagai pemilik bersama JVESB memang kurang terlibat dalam perbincangan dan proses penjualan MPHS untuk kali kedua tersebut maka mereka bersetuju dengan cadangan SP16.

[58] FICSB kemudiannya menghantar surat bertarikh 22 Mei 2014 (P255) yang melampirkan surat penerimaan atau 'letter of acceptance' ('LOA') berserta syarat atau 'salient terms and conditions', yang memaklumkan persetujuan secara prinsip atau *in principle* oleh FICSB membeli MPHS pada harga RM160 juta berserta syarat yang dinyatakan dan tertakluk kepada perjanjian jual beli MPHS yang akan ditandatangani. SP16 telah pada 26 Mei 2014 menandatangani persetujuan GAPSB atas *LOA* tersebut.

[59] SP16 kemudiannya meneruskan perbincangan dengan FICSB berkaitan dokumentasi yang diperlukan bagi perjanjian jual beli MPHS. Proses perbincangan turut melibatkan firma guaman yang mewakili FICSB iaitu Mohamed Ridza & Co, dan juga firma guaman Idris Zaidel & Partners yang mewakili GAPSB.

[60] Dalam bulan Mei 2014, SP16 dan Ibrahim bin Baki telah bertemu tertuduh buat kali kedua di pejabatnya di Menara FELDA untuk mengucapkan terima kasih kepada tertuduh atas persetujuan pembelian MPHS oleh FICSB pada harga RM160 juta. Temujanji diatur oleh SP21 atas permintaan SP16. Lebih kurang dua hingga tiga minggu selepas pertemuan SP16 dan Ibrahim Baki dengan tertuduh, SP21 (yang dikatakan tidak terlibat dengan proses dan perbincangan atau mesyuarat mengenai cadangan pembelian MPHS kecuali menyertai lawatan ke Kuching) mendapat tahu bahawa FICSB telah bersetuju membeli MPHS.

[61] Di dalam satu pertemuan di bilik tertuduh pada tarikh yang SP21 tidak ingat, bila bercakap mengenai pembelian MPHS, tertuduh memberitahu SP21 bahawa SP16 juga telah menyatakan kepada tertuduh bahawa mereka boleh membantu sedikit sebanyak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Sarawak. Dalam perbualan dengan SP21 tersebut, tertuduh, menurut SP21, menyatakan kepada SP21 'Kalau diaorang bagi apa-apa nanti kau ambil lah'. Ini penting. Menurut SP21, maksud tertuduh adalah apa-apa jua yang diberikan oleh SP16 atau Ibrahim Baki kepada beliau, maka SP21 perlu menerimanya bagi pihak tertuduh.

[62] Bagi pihak GAPSB pula, pada penghujung bulan Mei 2014 juga, SP16 telah membentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah GAPSB mengenai persetujuan FICSB akan pembelian MPHS daripada GAPSB pada harga RM160 juta.

[63] Awal Jun 2014, SP16 berjumpa SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab di Restoran Kayu Nasi Kandar, Damansara dan memaklumkan bahawa FICSB telah bersetuju membeli MPHS pada harga RM160 juta.

[64] SP16 sering ke Kuala Lumpur bagi urusan memuktamadkan perjanjian jual beli dengan MPHS. Dalam situasi begini, SP16 ada beberapa kali berjumpa SP21. Dalam satu perjumpaan di Restoran Binjai, yang berdekatan dengan Menara FELDA, SP21 memaklumkan kepada SP16 bahawa 'Tan Sri merupakan orang politik' dan memerlukan dana bagi kerja-kerja politik. SP16 faham maksud SP21 merujuk kepada wang untuk tertuduh bagi tujuan kerja politik beliau. Pada masa itu, SP16 tidak membuat sebarang keputusan mengenainya.

[65] Selepas itu ada pula SP21 menghubungi SP16 bertanyakan berkaitan dengan dana politik yang diminta untuk tertuduh. Tetapi masih tiada keputusan diberikan oleh SP16. SP16 kemudiannya telah berbincang dengan Ibrahim Baki dan akhirnya bersetuju untuk memenuhi apa yang dikatakan pendakwaan adalah permintaan tertuduh yang disampaikan oleh SP21. SP16 dalam keterangannya menyatakan beliau tiada pilihan dan terpaksa akur dengan permintaan tersebut. Menurut SP16, beliau sebenarnya percaya wang yang diminta tertuduh melalui SP21 bukan untuk tujuan dana politik tetapi upah kepada tertuduh kerana peranannya membantu kelulusan diberikan kepada pembelian MPHS oleh FICSB.

[66] SP16 juga berkata beliau tiada pilihan kerana tidak mahu tertuduh menggunakan pengaruh untuk melengahkan bayaran atau membatalkan pembelian MPHS yang telah pun sebelum ini ditolak oleh FICSB. Hanya SP16 dan Ibrahim Baki yang tahu mengenai permintaan wang dan persetujuan untuk menyerahkan RM3 juta ini. Perkara ini tidak dirujuk kepada Lembaga Pengarah GAPSB yang SP16 yakin tidak akan benarkan. Namun SP16 menjelaskan sumber wang boleh didapati daripada pembayaran komisen RM10 juta kepada JVESB berdasarkan perjanjian GAPSB dengan JVESB yang diketahui oleh Lembaga Pengarah GAPSB (dengan cara pembayaran balik RM6.75 juta oleh JVESB kepada SP16 seperti yang diterangkan di atas, bagi tujuan politik). Tambahan pula menurut SP16 harga minimum jualan MPHS yang diterima Lembaga Pengarah GAPSB ialah RM150 juta.

[67] Akhirnya pada awal bulan Jun 2014, SP16 telah menghubungi SP21 dan memberitahu SP21 bahawa SP16 dan Ibrahim bin Baki bersetuju memenuhi permintaan tertuduh. SP16 juga kemudiannya berjumpa SP21 di Kuala Lumpur memaklumkan SP21 sendiri bahawa beliau dan Ibrahim bin Baki bersetuju untuk memberi wang sebanyak RM3 juta dikatakan bagi tujuan dana politik kepada tertuduh melalui SP21.

[68] Menurut SP16, wang akan diserahkan kepada tertuduh melalui SP21 selepas FICSB mula membuat bayaran pembelian MPHS kepada GAPSB. Ketika itu, perjanjian jual beli MPHS antara FICSB dan GAPSB masih belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, SP21 tidak memaklumkan persetujuan

SP16 untuk memberikan RM3 juta kepada tertuduh kerana ketika itu SP21 tidak pasti SP16 akan sebenarnya memberi wang tersebut.

[69] Sementara itu, dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-12 pada 23 Jun 2014, SP15 telah memaklumkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB bahawa perjanjian jual beli antara FICSB dan GAPSB sedang dimuktamadkan. Dan akhirnya pada 27 Jun 2014 FICSB dan GAPSB telah menandatangani perjanjian jual beli MPHS (P258) atas persetujuan FICSB membeli MPHS pada harga RM160 juta yang butirannya mengandungi *purchase consideration* sejumlah RM153 juta (tanah dan bangunan hotel), RM6 juta (kontrak dan *goodwill*) dan RM1 juta (aset tetap).

Tiada kelulusan Lembaga FELDA — Asas tuduhan pecah amanah jenayah

[70] Tidak dinafikan ketika perjanjian jual beli MPHS (P258) ini dimeterai, tiada sebarang rekod kelulusan Lembaga Pengarah FELDA telah diperolehi. Ini, mengikut hujah pendakwaan, adalah bertentangan dengan arahan Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40). Penglibatan tertuduh sebelum dan ketika serta selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang meluluskan pembelian MPHS adalah asas kepada pertuduhan pecah amanah jenayah di bawah KK.

[71] Beberapa hari selepas itu, FICSB sebagai pembeli membuat bayaran kepada GAPSB sebagai penjual, sebanyak RM16 juta yang merupakan 10% daripada harga pengambilalihan MPHS berjumlah RM160 juta. Tertuduh sendiri yang menandatangani surat daripada FICSB kepada Maybank Cawangan Jalan Maktab bertarikh 30 Jun 2014 (P58C) mengarahkan pihak bank melaksanakan pembayaran melalui pemindahan telegraf (TT) kepada GAPSB berjumlah RM16 juta tersebut.

[72] Pada hari yang sama JVESB telah mengemukakan surat kepada GAPSB bertarikh 30 Jun 2014 (P264) bagi tujuan membuat tuntutan komisen yang pertama, sebanyak 10% atau RM1 juta daripada jumlah keseluruhan komisen RM10 juta bagi penjualan MPHS selepas perjanjian jual beli MPHS ditandatangani oleh GAPSB dan FICSB.

Pertuduhan penerimaan wang yang pertama — RM100,000

[73] Adalah asas kepada kes pendakwaan berkaitan pertuduhan-pertuduhan rasuah terhadap tertuduh bahawa selepas cadangan pengambilalihan MPHS berjumlah RM160 juta diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB di mesyuarat pada 29 April 2014, perjanjian jual beli MPHS ditandatangani pada 27 Jun 2014 dan surat arahan kepada Maybank (P58C) ditandatangani oleh tertuduh pada 30 Jun 2014, bagi tujuan pembayaran RM16 juta atau 10% dari

harga balasan pembelian MPHS, tertuduh telah mengarahkan SP21 mendapatkan suapan daripada SP16 untuk tertuduh.

[74] Menurut SP21, ketika di pejabat, tertuduh bertanya kepada SP21 'ada Sarawak tu call?' merujuk kepada SP16 dan Ibrahim bin Baki. SP21 menjawab 'tidak'. Tertuduh kemudian berkata 'Kau call lah diorang, kirim salam tanya khabar'. Dalam pemahaman SP21, ini bukanlah satu permintaan kiriman salam yang biasa. Ini adalah permintaan tertuduh untuk SP21 menghubungi SP16 bagi tujuan mendapatkan dana politik untuk tertuduh, yang sebenarnya adalah suapan. SP21 telah seterusnya menghubungi SP16 dan memaklumkan 'Tan Sri kirim salam'. SP16 menjawap 'Oh ... tak apa ... nanti kita jumpa'.

[75] Dalam bulan Julai 2014 SP16 telah menghubungi SP21 semula untuk bertemu di Hotel PJ Hilton, yang dimaklumkan oleh SP21 kepada tertuduh yang berkata 'pergilah jumpa'. Tertuduh juga meminta SP21 menghubungi SP16 terlebih dahulu sebelum bertemu untuk bertanyakan sama ada SP16 boleh memberikan wang pendahuluan atau 'advance' (jumlah yang tidak dinyatakan) kerana tertuduh ada keperluan tertentu.

[76] Pada satu malam pada pertengahan hingga hujung bulan Julai 2014 di Cigar Room, Hotel PJ Hilton, Petaling Jaya, SP16 telah menyerahkan kepada SP21 wang tunai sejumlah RM100,000 dalam beg kertas dan menyatakan 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. SP16 memaklumkan SP21 bahawa RM100,000 tersebut akan ditolak dari jumlah RM3 juta yang telah dijanjikan sebelum ini.

[77] SP21 meminta wang yang diserahkan kepada tertuduh dibungkus dalam bentuk bungkusan supaya tertuduh tidak berasa 'malu lah'. Selepas itu, antara 15 hingga 30 Julai 2014, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di tingkat 49 Menara FELDA. Tertuduh mengarahkan wang diletak di atas meja beliau dan SP21 kemudiannya keluar dari pejabat tertuduh.

[78] Pada waktu yang sama, JVESB masih belum menerima apa-apa bayaran daripada GAPSB selepas menghantar surat tuntutan komisen pertama pada 30 Jun 2014. Oleh itu, SP17 menghantar surat kedua kepada GAPSB bertarikh 9 Julai 2014 (P265) dengan memberi akujanji bahawa JVESB akan memulangkan semula komisen RM1 juta yang akan diterima daripada GAPSB sekiranya perjanjian jual beli MPHS antara GAPSB dan FICSB dibatalkan.

[79] SP16 kemudiannya mengetahui daripada bahagian kewangan GAPSB bahawa bayaran RM16 juta pertama daripada FICSB telah diterima pada 1 Julai 2014. Oleh yang demikian GAPSB melaksanakan pembayaran komisen

berjumlah RM1 juta tersebut dengan mengkreditkan jumlah itu ke dalam akaun semasa JVESB pada 10 Julai 2014.

[80] Mahkamah dapati walaupun FICSB telah buat bayaran RM16 juta kepada GAPSB yang diterima pada 1 Julai 2014 seperti yang dinyatakan oleh SP16 sendiri, SP16 juga memberi keterangan beliau menggunakan wang sendiri terlebih dahulu kerana ketika itu permintaan pertama (*advance* atau pendahuluan) dimaklumkan oleh SP21 kepadanya seingat beliau awal Julai 2014, GAPSB masih belum menerima bayaran daripada FICSB. Dan GAPSB pun belum buat sebarang bayaran komisen kepada JVESB. Mahkamah percaya SP16 tidak ingat tarikh secara spesifik kerana keterangan beliau juga dalam penyataan saksi (perenggan 94) dimulakan dengan 'Seingat saya'. Yang penting dalam ingatan beliau GAPSB belum terima bayaran daripada FICSB dan GAPSB dengan itu belum boleh buat bayaran komisen kepada JVESB untuk SP16 dapatkan sumber wang yang boleh diserahkan kepada tertuduh. Tambahan pula perkara ini tidak disoal oleh pihak pembelaan.

Pertuduhan penerimaan wang yang kedua — RM140,000

[81] Selang beberapa hari selepas komisen RM1 juta dibayar oleh GAPSB kepada JVESB, SP16 meminta SP17 mengeluarkan wang tunai RM240,000 untuk diserahkan kepada SP16 apabila SP16 datang ke Kuala Lumpur. Maka pada 21 Julai 2014, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah berjumpa dengan SP16 di rumah SP16 untuk menyerahkan wang tunai RM240,000 yang diletakkan dalam dua plastik kurier. Dan selepas beberapa hari SP16 menerima wang daripada SP17, SP16 menghubungi SP21 bahawa beliau mempunyai wang RM240,000 tersebut, tetapi hanya akan serahkan RM140,000 sahaja setelah ditolak wang pendahuluan RM100,000 yang diberikan kepada tertuduh melalui SP21 sebelum ini.

[82] Adalah penting untuk ditekankan di sini bahawa SP17 memberi keterangan bahawa sepanjang berurusan dengan SP16 mengenai pengeluaran wang sebanyak lapan kali (SP17 tidak berurusan dengan SP16 bagi transaksi pertama) dengan jumlah keseluruhan RM3.09 juta yang diberi kepada SP16 (ada juga jumlah lain yang diguna oleh SP17 sendiri) SP17 tiada pengetahuan tujuan adalah untuk diserahkan kepada tertuduh yang beliau tidak pernah ada urusan. Mahkamah terima keterangan ini menunjukkan SP17 hanya menurut arahan SP16 kerana mereka telah bersetuju mengenai pembayaran balik kepada SP16 sejumlah RM6.75 juta wang komisen JVESB sebelum ini.

[83] Pada satu hari di pertengahan hingga hujung bulan Julai 2014, SP16 bertemu SP21 di Cigar Room Hotel PJ Hilton di mana SP16 telah memberikan kepada SP21 bagi pihak tertuduh wang tunai sebanyak RM140,000 dalam satu beg plastik kurier yang telah dimasukkan dalam beg

kertas. SP21 dalam kenyataan saksinya mengatakan bahawa SP16 memberitahu SP21, lebih kurang, 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. Selepas menerima wang daripada SP16, SP21 mengesahkan pada satu tarikh antara 20 Julai 2014 hingga 30 Julai 2014, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA.

[84] Dalam perkembangan yang berkaitan, pada 22 Julai 2014 di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-13, SP15 sebagai CEO FICSB memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah FICSB bahawa perjanjian jual beli MPHS telah ditandatangani pada 27 Jun 2014, dan pembayaran 10% berjumlah RM16 juta telah juga dibayar pada 1 Julai 2014, serta FICSB akan mengambil alih dan mengendalikan sepenuhnya MPHS pada 27 Disember 2014.

[85] Pada 23 September 2014, atas permintaan FICSB, FELDA telah memberikan dana kepada FICSB sebanyak RM51,208,139.71 melalui pindahan wang. Dana tersebut merupakan wang pendahuluan dan pinjaman yang perlu dibayar balik oleh FICSB kepada FELDA.

[86] Dua hari kemudian, pada 25 September 2014 FICSB telah membuat bayaran kedua bagi tujuan pembelian MPHS di bawah perjanjian jual beli MPHS berjumlah RM43,126,938.77 kepada Jang Assets Networking Group Ltd melalui firma guaman Mohamed Ridza & Co, yang bertindak sebagai *stakeholder* dan bukan kepada pihak GAPSB. Ini adalah seperti yang dipersetujui dalam perjanjian jual beli MPHS di mana FICSB, bagi pihak GAPSB mesti membayar *redemption* kepada Jang Assets Networking Group Ltd yang memegang saham-saham utama dalam GAPSB dalam bentuk 200 juta unit *redeemable cumulative convertible participating and secured preference shares*.

Pertuduhan penerimaan wang yang ketiga — RM300,000

[87] Sekitar bulan Oktober 2014, SP21 menghubungi SP16 untuk menyampaikan 'salam' daripada tertuduh selepas tertuduh bertanya kepada SP21 'apa khabar kawan kita Sarawak tu?'. Ini kerana apabila SP21 menjawab tidak tahu, tertuduh berkata kepada SP21 'call lah kata I kirim salam'.

[88] Di pihak SP16 pula, beliau meminta JVESB untuk mengemukakan surat tuntutan bayaran komisen kedua kepada GAPSB. Ini menyaksikan sepucuk surat daripada JVESB bertarikh 7 Oktober 2014 (P267) menuntut GAPSB membayar komisen RM2,695,433 daripada jumlah komisen RM10 juta. GAPSB telah membayar bayaran pindahan wang bagi komisen kedua berjumlah RM2,695,433 tersebut ke dalam akaun semasa JVESB Maybank pada 16 Oktober 2014. Keesokannya, pada 17 Oktober 2014, atas

arahan SP16, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah menunaikan sekeping cek berjumlah RM300,000 (P157) di Maybank Cawangan Jalan Jelapang. Pada petang hari yang sama, di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara, SP17 menyerahkan dua beg plastik kurier mengandungi RM300,000 kepada SP16.

[89] Beberapa hari kemudian, di satu malam di antara 17 Oktober 2014 dan 24 Oktober 2014, bertempat di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium Petaling Jaya, beliau telah menyerahkan kepada SP21 wang sejumlah RM300,000 di dalam dua beg plastik kurier yang diletakkan dalam beg kertas. Menurut SP21, SP16 menyatakan 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. Selepas menerima wang daripada SP16, SP21 mengesahkan bahawa pada satu hari antara 15 Oktober 2014 dan 30 Oktober 2014, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA. Tertuduh mengarahkan SP21 meletakkan wang tersebut di atas meja beliau.

Pertuduhan penerimaan wang yang keempat — RM250,000

[90] Awal bulan November 2014 pula, SP21 sekali lagi telah menghubungi SP16 untuk menyampaikan 'salam' tertuduh untuk mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. Ini kemudiannya menyebabkan SP16 menghubungi SP17 meminta SP17 mengeluarkan wang sebanyak RM250,000 untuk diberikan kepada SP16. Seperti sebelumnya, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah pergi ke Maybank Cawangan Jelapang untuk menunaikan sekeping cek, kali ini berjumlah RM293,000 (P158) pada 5 November 2014.

[91] Walau bagaimanapun, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah ambil RM43,000 untuk kegunaan mereka sendiri. Petang hari yang sama, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah menyerahkan dua beg plastik kurier mengandungi wang RM250,000 kepada SP16 di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara. SP17 memaklumkan SP16 jumlah wang yang diserahkan iaitu sebanyak RM250,000.

[92] Penyerahan wang kali keempat kepada SP21 berlaku antara 5 November 2014 dan 10 November 2014 juga di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya. SP16 memberi wang berjumlah RM250,000 dalam dua beg plastik kurier yang kemudiannya dimasukkan ke dalam beg kertas kepada SP21. Menurut SP21, SP16 menyatakan 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. Selepas menerima wang daripada SP16, SP21 mengesahkan bahawa pada satu hari antara 1 November 2014 dan 15 November 2014, SP21 telah menyerahkan wang yang diterima daripada SP16 kepada tertuduh di pejabat tertuduh di Tingkat 49 Menara FELDA.

Tertuduh mengarahkan SP21 meletakkan wang tersebut di atas meja beliau. Dan seperti sebelumnya, SP21 kemudiannya terus keluar dari pejabat tertuduh.

Pembayaran penuh pembelian MPHS oleh FICSB dan biayaan oleh FELDA

[93] Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-17 yang berlangsung pada 24 November 2014, CEO FICSB (SP15) memaklumkan bahawa FICSB akan mengambilalih pengurusan MPHS efektif 26 November 2014. MPHS juga perlu menjalani proses penjenamaan semula, kerja-kerja pengubahsuaian dan naiktaraf untuk mencerminkan pemilikan baru oleh FICSB. Lembaga Pengarah FICSB meluluskan peruntukan RM7.34 juta untuk kerja-kerja tersebut dan juga bersetuju MPHS ditukar nama kepada Grand Plaza Kuching.

[94] Di peringkat FELDA pula, di Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 321 yang diadakan pada 1 Disember 2014 (yang turut dihadiri oleh tertuduh sebagai Pengerusi FELDA), SP15 telah dijemput oleh FELDA untuk membentangkan kertas bertajuk 'Laporan Kemajuan FELDA Investment Corporation Sdn Bhd bertarikh 1.12.2014' (P259) yang mengariskan aktiviti pelaburan FICSB sejak penubuhan FICSB hingga 1 Disember 2014. Pendakwaan menekankan bahawa eksh P259 ini adalah kertas makluman dan bukan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan daripada Lembaga FELDA berkaitan pembelian MPHS bernilai RM160 juta yang telah diputuskan oleh Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014.

[95] Adalah berdasarkan kertas yang dibentang oleh SP15 ini (P259), Lembaga FELDA telah dimaklumkan mengenai perjanjian jual beli MPHS pada harga RM160 juta yang telah ditandatangani pada 27 Jun 2014. Dinyatakan juga bahawa sebanyak RM59.1 juta telah dibayar dan baki sebanyak RM100.9 juta perlu dilunaskan pada Disember 2014. Bukan itu sahaja, kertas juga menyatakan rasional pembelian MPHS, dan juga menyebut FICSB berpendapat industri pelancongan di Kuching berpotensi akan berkembang pesat sebagai sebab mengapa FICSB membeli pada harga lebih tinggi daripada penilaian yang diselia oleh pengurusan FICSB. Dalam mesyuarat yang sama, tiada permohonan ratifikasi ke atas cadangan pengambilalihan MPHS berjumlah RM160 juta dibuat.

[96] Menurut perjanjian jual beli MPHS (P258), bayaran perlu diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh perjanjian dimeterai iaitu pada Disember 2014. Tetapi lanjutan daripada bayaran pertama RM16 juta dan bayaran kedua berjumlah RM43 juta yang telah dilakukan oleh FICSB,

GAPSB tidak menerima apa-apa bayaran daripada FICSB. Pada masa yang sama, FICSB juga gagal mendapatkan pembiayaan ke atas pembelian MPHS daripada institusi kewangan.

[97] Adalah merupakan kes pendakwaan bahawa sepanjang tahun 2014, sepertimana yang dirujuk sebelum ini, SP16 telah dikatakan menyerahkan empat kali suapan berjumlah keseluruhan RM790,000 kepada tertuduh melalui SP21 sebagai upah kepada tertuduh yang telah membantu meluluskan pembelian MPHS berjumlah RM160 juta tersebut. Menurut pendakwaan suapan selebihnya tidak dapat diberikan oleh SP16 kepada tertuduh kerana GAPSB masih belum menerima baki bayaran RM100 juta untuk pembelian MPHS yang sepatutnya dibayar pada akhir Disember 2014, yang kemudiannya ditangguh kepada Mac 2015, dan selepas itu pula 31 Mei 2015.

[98] Oleh yang demikian, pihak pengurusan FICSB telah menghantar surat bertarikh 15 April 2015 (P47) kepada FELDA memohon pendahuluan jangka pendek bagi membiayai baki pembelian MPHS yang belum dibayar kepada GAPSB sebagai penjual, berjumlah RM100 juta. FICSB juga memaklumkan GAPSB bersetuju melanjutkan bayaran daripada awal bulan Mac 2015 kepada 31 Mei 2015.

[99] Juga, pada satu tarikh dalam bulan Mac 2015, SP16 bertemu SP21 di Kuala Lumpur dan ada memaklumkan kepada SP21 mengenai kelewatan penerimaan bayaran oleh GAPSB. FICSB sepatutnya membuat bayaran baki RM100 juta sepenuhnya pada awal bulan Mac 2015 selepas ditangguh dari Disember 2014, tetapi tiada apa-apa bayaran diterima oleh pihak GAPSB sehingga akhir bulan Mac 2015. SP21 berjanji akan membantu GAPSB dengan membawa perkara tersebut ke pengetahuan tertuduh.

[100] Selepas diberitahu oleh SP21, tertuduh berkata kepada SP21 bahawa tertuduh akan memaklumkan kepada Datuk Hanapi bin Suhada (SP5), Pengarah Besar FELDA untuk membuat bayaran dengan memberikan dana kepada FICSB.

[101] SP5 yang dipanggil ke pejabat tertuduh dalam bulan Mei 2015 diarah tertuduh untuk menyegerakan pemindahan RM100 juta daripada FELDA kepada FICSB bagi membolehkan FICSB membuat bayaran kepada GAPSB. Tertuduh juga selepas itu ada mengarahkan SP5 membawa bayaran RM100 juta kepada FICSB ini dibentang di mesyuarat Lembaga FELDA untuk tujuan ratifikasi disebabkan bayaran RM100 juta telah didahulukan oleh FELDA kepada FICSB sebelum kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FELDA.

[102] Seterusnya, SP5 (yang tidak kenal SP16) telah, sebagai Pengarah Besar FELDA memaklumkan kepada GAPSB melalui surat bertarikh 25 Mei 2015 (P70) bahawa pihak FELDA akan melunaskan bayaran penuh RM100 juta atas pengambilalihan MPHS oleh FICSB selewat-lewatnya pada 3 Jun 2015.

[103] Dana FELDA berjumlah RM100 juta kemudiannya pada 29 Mei 2015 telah dipindahkan ke dalam akaun Maybank FICSB melalui hantaran telegraf (TT) (P49A). Arahan pindahan wang tersebut ditandatangani oleh SP5 dan Mohd Shahrin bin Mohd Ali, Pengarah Jabatan Kewangan FELDA (SP3). Dana tersebut perlu dibayar semula oleh FICSB melalui pinjaman antara FELDA dan FICSB. SP5 dan SP3 walau bagaimanapun memberi keterangan mereka tidak mengetahui pembelian MPHS berjumlah RM160 juta tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah FELDA.

[104] Akhirnya pada 29 Mei 2015 itu juga FICSB telah membayar RM97,993,061.23 (setelah ditolak wang tahan — *retention monies* — sebanyak 1.8%) ke dalam akaun Maybank GAPSB. Mohamed Ridza & Co (sebagai *stakeholders*) juga tiada halangan bayaran dibuat secara terus kepada GAPSB dan diterima oleh GAPSB pada hari yang sama.

[105] Seterusnya dan ini adalah satu keterangan penting bahawa pada 23 Jun 2015 dalam mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 328, Lembaga FELDA telah meratifikasi bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta yang telah disalurkan kepada FICSB bagi tujuan pembayaran penuh perolehan MPHS tersebut. Sumber dana itu adalah daripada bayaran kembali awal prinsipal dana pembiayaan KWSP dan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV). Lembaga FELDA mengarahkan FICSB membayar semula pendahuluan melalui pinjaman di antara FICSB dan FELDA dengan mengguna pakai terma-terma dan syarat Perjanjian Fasiliti antara FELDA dan FGV sebelum ini.

[106] FICSB kemudiannya telah memeterai dua perjanjian fasiliti (*Bai' Inah Financing*) dengan FELDA bagi bayaran pendahuluan RM100 juta iaitu satu perjanjian dengan FELDA bertarikh 29 Mei 2015 berjumlah RM50 juta (P72) dan satu lagi perjanjian bertarikh sama 29 Mei 2015 dan juga berjumlah RM50 juta (P73).

[107] Walau bagaimanapun pada 30 Jun 2015 FICSB gagal membuat bayaran pertama berjumlah RM6.25 juta kepada FELDA di bawah perjanjian fasiliti pertama (P72). Ini dimaklumkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 331 pada 4 Ogos 2015.

[108] Permohonan bayaran komisen ketiga berjumlah RM6,304,567 juga dibuat oleh JVESB melalui surat bertarikh 25 Mac 2015 (terdapat kesilapan

dalam surat di mana tarikh sepatut pada surat ialah satu minggu awal daripada tarikh bayaran diterima pada 16 Jun 2015 (P271A). GAPSB telah membayar komisyen RM6,304,567 pada 16 Jun 2015 melalui pindaan wang ke dalam akaun Maybank milik JVESB. Ini bayaran terakhir bagi melengkapkan jumlah RM10 juta komisen kepada JVESB.

Pertuduhan penerimaan wang yang kelima — RM500,000

[109] Setelah keseluruhan baki bayaran pembelian MPHS dijelaskan kepada GAPSB pada 29 Mei 2015 seperti yang dinyatakan di atas, pada akhir bulan Jun 2015, SP21 telah menghubungi SP16 untuk menyampaikan salam tertuduh untuk mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. SP16 kemudiannya menghubungi SP17 pada 23 Jun 2015 meminta beliau mengeluarkan wang RM500,000 untuk diserahkan kepada SP16.

[110] Selepas itu, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab pada 24 Jun 2015 di Maybank Cawangan Jelapang telah mendepositkan cek milik syarikat JVESB berjumlah RM800,000 ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik Jova Industries Sdn Bhd (JISB). Tujuannya menurut SP17 adalah untuk RM500,000 diberi kepada SP16 dan RM300,000 untuk kegunaan SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab sendiri.

[111] Keesokannya pada pagi 25 Jun 2015, SP16, SP17 dan Mazeed Abdul Wahab bersama-sama pergi ke Maybank Cawangan Jelapang, di mana SP17 dan Mazeed Abdul Wahab telah membawa dan menunaikan sepuluh keping cek JISB berjumlah RM800,000. SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab kemudiannya telah menyerahkan dua beg plastik kurier yang mengandungi wang tunai RM500,000 kepada SP16 (yang pergi bersama SP17 dan Mazeed ke Jelapang) di dalam Maybank Cawangan Jelapang. SP16 menerima dua beg plastik kurier tersebut yang mengandungi RM500,000 dan memasukkan dua beg itu ke dalam beg yang beliau sendiri bawa. Dua lagi beg plastik kurier yang mengandungi RM300,000 disimpan oleh SP17 dan Mazeed.

[112] Pada jam lebih kurang 11 malam hari yang sama pada 25 Jun 2015 di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya, SP16 telah menyerahkan kepada SP21 wang tunai RM500,000 dalam dua beg plastik kurier yang telah dimasukkan ke dalam beg kertas ('paper bag'). Menurut SP21, SP16 menyatakan (lebih kurang) 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. Menurut keterangan SP21, selepas menerima wang daripada SP16, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA pada satu hari di antara 20 Jun 2015 dan 30 Jun 2015. Seperti sebelumnya, tertuduh mengarahkan SP21 meletakkan wang tersebut di atas meja beliau dan SP21 juga kemudiannya keluar dari pejabat tertuduh.

Pertuduhan penerimaan wang yang keenam — RM500,000

[113] Sekali lagi, antara akhir bulan Jun 2015 dan awal bulan Julai 2015, SP21 telah menghubungi SP16 untuk menyampaikan 'salam' tertuduh. SP16 kemudiannya menghubungi SP17 memintanya mengeluarkan RM500,000 untuk diserahkan kepada SP16. Selepas itu, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab pada 8 Julai 2015 di Maybank Cawangan Jelapang telah mendepositkan cek milik syarikat JVESB berjumlah RM800,000 (P160) ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik JISB di mana RM500,000 adalah untuk diberi kepada SP16 dan RM300,000 untuk kegunaan SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab sendiri.

[114] Keesokannya, pada 9 Julai 2015 SP17 dan Mazeed Abdul Wahab pergi ke Maybank Cawangan Jelapang, di mana SP17 dan Mazeed Abdul Wahab telah menunaikan sepuluh keping cek JISB berjumlah RM800,000. Pada hari yang sama, SP17 dan Mazeed Abdul Wahab pergi ke KL Sentral dan pada jam lebih kurang 5 petang menyerahkan dua beg plastik kurier mengandungi RM500,000 kepada SP16 di tepi jalan Stesen KL Sentral. SP16 juga dimaklumkan oleh SP17 jumlah wang yang diserahkan kepada SP16. Di sebelah malam hari yang sama, pukul lebih kurang 10 malam, di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya, SP16 telah menyerahkan kepada SP21 wang RM500,000 dalam dua beg plastik kurier yang telah dimasukkan ke dalam beg kertas. Menurut SP21, SP16 menyatakan (lebih kurang) 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'.

[115] Selepas menerima wang daripada SP16, SP21 mengesahkan bahawa pada satu hari antara 13 Julai 2015 dan 16 Julai 2015 SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA. Seperti sebelumnya, tertuduh mengarahkan SP21 meletakkan wang tersebut di atas meja beliau dan SP21 keluar dari pejabat tersebut.

[116] Perletakan jawatan SP15 selaku CEO FICSB dan Pengarah FICSB berlaku pada 3 Julai 2015. Tertuduh terus memegang jawatan dalam FICSB. Datuk Hanapi bin Suhada (SP5) sebagai Pengarah Besar FELDA dan Ahli Lembaga FELDA kemudiannya diluluskan oleh Lembaga FELDA untuk dilantik sebagai Pengarah FICSB pada 8 Julai 2015. Walaupun ditaklimat oleh pengurusan FICSB mengenai pengambilalihan MPHS berjumlah RM160 juta oleh FICSB, SP5 tidak mengetahui mahupun diberitahu bahawa pengambilalihan MPHS berjumlah RM160 juta tidak mendapat kelulusan Lembaga FELDA.

Pertuduhan penerimaan wang yang ketujuh — RM300,000

[117] Seterusnya, pada pertengahan bulan Ogos 2015, SP21 telah lagi sekali menghubungi SP16 menyampaikan 'salam' tertuduh. SP16 seperti sebelumnya menghubungi SP17 meminta beliau mengeluarkan wang RM300,000 untuk diserahkan kepada SP16. A

[118] SP17 dan Mazeed Abdul Wahab telah pada 20 Ogos 2015 pergi ke Maybank Cawangan Cawangan Jelapang untuk mendepositkan sekeping cek milik JVESB berjumlah RM300,000 (P161) ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik Vortex Dew (M) Sdn Bhd. Pada hari yang sama SP17 dan Mazeed Abdul Wahab telah menunaikan lima keping cek atas nama Vortex Dew (M) Sdn Bhd (VDMSB) berjumlah RM300,000. SP17 dan Mazeed Abdul Wahab menyimpan wang tersebut dalam 'bagpack' yang dibawa oleh Mazeed Abdul Wahab. B C

[119] Cara penyerahan wang kepada SP16 kali ini agak berbeza. SP16 telah meminta SP17 supaya menyerahkan wang kepada abang SP16, iaitu Roney Zaidel (SP18) yang berada di Kuala Lumpur ketika itu. SP17 menyerahkan wang RM300,000 dalam satu plastik kurier yang disimpan dalam 'bagpack' warna hitam kepada Roney Zaidel (SP18) di Setiawangsa jam lebih kurang enam petang pada hari 20 Ogos 2015 yang sama, untuk diserahkan kepada SP16. Keesokan harinya pada 21 Ogos 2015, SP18 telah menaiki penerbangan untuk balik ke rumah beliau di Kuching. Setelah sampai, SP18 menghubungi SP16 untuk memaklumkan bahawa beg tersebut ada bersama SP18 di rumah beliau di Kuching. D E F

[120] Esok, pukul lebih kurang 6 petang, SP16 telah menghubungi SP18 dan mengatakan akan datang untuk mengambil beg tersebut. Lebih kurang 30 minit kemudian SP16 sampai dengan kereta bersama seorang lelaki yang tidak dikenali oleh SP18. SP16 memperkenalkan lelaki tersebut sebagai SP21 dari FELDA. Selepas menghisap rokok di perkarangan luar selama lima minit, SP18 masuk ke dalam rumah dan seterusnya keluar dan menyerahkan beg tersebut kepada SP16. SP16 terus menyerahkan 'bagpack' yang dikatakan mengandungi wang berjumlah RM300,000 tersebut kepada SP21. Menurut SP21, SP16 menyatakan 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. SP18, dalam keterangan di mahkamah berkata ada melihat SP16 menyerahkan *bagpack* warna hitam tersebut kepada SP21 dan SP16 dan SP21 seterusnya beredar menaiki kereta SP16. G H

[121] Selepas pulang ke Kuala Lumpur, SP21 mengesahkan bahawa pada satu hari antara 20 Ogos 2015 dan 30 Ogos 2015, SP21 telah menyerahkan *bagpack* hitam yang mengandungi wang tersebut kepada tertuduh di tempat sama seperti sebelumnya di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA, dan SP21 seterusnya keluar dari pejabat tertuduh. I

Pertuduhan penerimaan wang yang kelapan — RM500,000

[122] Sekali lagi, menurut SP21, kali ini pada awal bulan September 2015, SP21 telah menghubungi SP16 menyampaikan 'salam' tertuduh untuk mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. SP16 pula menghubungi SP17 meminta beliau mengeluarkan wang RM500,000 untuk diserahkan kepada SP16.

[123] Ini kemudiannya menyaksikan SP17 dan Mazeed Wahab pergi ke Maybank Cawangan Jelapang pada 11 September 2015 untuk mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM800,000 (P162) ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik VDMSB di mana RM500,000 adalah untuk diberi kepada SP16 dan RM300,000 untuk kegunaan mereka berdua.

[124] SP16 juga hadir ketika SP17 dan Mazeed Wahab berurusan dengan Pengurus Maybank Cawangan Jelapang Yahya bin Mansur (SP11) untuk menunaikan 11 keping cek VDMSB di Maybank Cawangan Jelapang. SP17 dan Mazeed Wahab kemudiannya telah menyerahkan dua beg plastik yang mengandungi wang tunai sebanyak RM500,000 kepada SP16 di dalam Maybank Cawangan Jelapang.

[125] Keesokannya, pada 12 September 2015 jam lebih kurang 9.40 malam, di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya, SP16 menyerahkan kepada SP21 wang RM500,000 dalam dua beg plastik kurier yang telah dimasukkan ke dalam beg kertas. Menurut SP21, seperti yang sebelumnya, SP16 menyatakan 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. Selepas menerima wang daripada SP16, SP21 memberi keterangan bahawa pada satu tarikh antara 1 September 2015 dan 15 September 2015, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh seperti biasanya di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA. SP21 kemudiannya keluar dari pejabat tertuduh.

[126] Dalam perkembangan yang berkaitan, pada 23 Oktober 2015 FICSB telah membuat bayaran RM2,312,889.71 kepada GAPSB, dan pada 29 Oktober 2015 FICSB telah membayar RM567,110.29 kepada FIC Kuching Properties Sdn Bhd yang merupakan bayaran yang perlu dibuat di bawah perjanjian jual beli MPHS antara FICSB dan GAPSB (P258).

Pertuduhan penerimaan wang yang kesembilan — RM500,000

[127] Sekali lagi, kali terakhirnya, pada awal bulan Disember 2015, SP21 telah menghubungi SP16 menyampaikan 'salam' tertuduh untuk

mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. SP16 kemudiannya menghubungi SP17 meminta beliau mengeluarkan wang sebanyak RM500,000 untuk diserahkan kepada SP16.

[128] Pada 4 Disember 2015 jam 8 pagi, SP16 bersama SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah sekali lagi pergi ke Maybank Cawangan Jelapang. SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM800,000 ke dalam akaun MBB Cawangan Jelapang milik VDMSB di mana RM500,000 adalah untuk diberikan kepada SP16 dan RM300,000 untuk kegunaan mereka berdua. Selepas 11 cek VDMSB ditunaikan, SP17 dan Mazeed Abdul Wahab telah menyerahkan RM500,000, seperti sebelumnya, dalam dua beg plastik kurier kepada SP16 di Maybank Cawangan Jelapang.

[129] Pada satu tarikh antara 4 Disember 2015 dan 7 Disember 2015 SP16 telah menyerahkan kepada SP21 wang RM500,000 dalam dua beg plastik kurier yang kemudiannya dimasukkan ke dalam beg kertas. Ini berlaku di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya. Menurut SP21, SP16 telah menyatakan (lebih kurang, seperti sebelum ini) 'ini untuk Tan Sri ... minta sampaikan pada Tan Sri ...'. SP16 juga memberitahu SP21 bahawa wang tersebut merupakan bayaran terakhir yang diterima SP21 bagi pihak tertuduh.

[130] SP21 mengesahkan bahawa pada satu hari antara 1 Disember 2015 dan 15 Disember 2015 SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49 Menara FELDA. Tertuduh mengarahkan SP21 meletakkan wang tersebut di atas meja beliau. SP21 telah memaklumkan kepada tertuduh bahawa SP16 telah mengatakan pemberian wang tersebut merupakan yang terakhir. Tertuduh memberi respons 'Ok lah'. SP21 kemudiannya keluar dari pejabat tertuduh.

[131] Selepas penyerahan wang yang kesembilan dibuat oleh SP16 kepada tertuduh melalui SP21, SP16 mengesahkan tidak lagi menerima permintaan daripada SP21 untuk mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. Menurut SP16, keseluruhan wang berjumlah RM3.09 juta yang diberikan kepada tertuduh melalui SP21 adalah merupakan upah kepada tertuduh kerana telah membantu pembelian MPHS berjumlah RM160 juta oleh FICSB daripada GAPSB.

[132] Selain daripada itu, SP21 sendiri mengaku telah pernah menerima daripada tertuduh wang sejumlah RM10 ribu, dan ada kalanya juga RM20 ribu hingga RM50 ribu selepas beliau melakukan antara penyerahan wang yang diberikan oleh SP16 kepada tertuduh.

Penilaian semula harga pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB baru

[133] Tertuduh telah meletak jawatan sebagai Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB pada 25 Januari 2017, bersama-sama Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain iaitu Datuk Dr Omar bin Salim dan Datuk Noor Ehsanuddin bin Haji Mohd Harun Narrashid. Tan Sri Irwan Serigar bin Abdullah telah meletak jawatan Pengarah FICSB lebih awal pada 13 Mac 2015. SP5 pula kekal sebagai Pengarah FICSB sehingga 15 Mei 2017.

[134] Lembaga Pengarah FICSB yang baru dilantik telah dalam tahun 2017 kemudiannya mengarahkan penilaian semula pembelian MPHS yang diluluskan pada 29 April 2014. Hasilnya, Lembaga Pengarah FICSB mendapati pembelian MPHS tersebut dikatakan dilaksanakan melebihi nilai sebenar. Ini berdasarkan rumusan oleh CH Williams Talhar Wong & Yeo Sdn Bhd yang menganggarkan nilai semasa MPHS berjumlah RM80 juta. Ini juga disokong oleh 'tender exercise' yang dibuat oleh Saville Malaysia Sdn Bhd pada tahun 2018 yang menerima tawaran pembelian MPHS pada harga RM69 juta (kemudiannya dinaikkan kepada RM77.5 juta) dan RM85 juta. Tawaran RM85 juta itu pula telah ditarik balik oleh pembida selepas 'due diligence' dibuat ke atas MPHS.

[135] Adalah menjadi kes pendakwaaan bahawa pembelian MPHS telah menyumbang kepada kerugian atau 'unrealized losses' berjumlah RM82.5 juta kepada FICSB berdasarkan perbezaan di antara harga pembelian RM160 juta dan harga semasa MPHS berjumlah RM77.5 juta. 'Unrealized losses' ini dinyatakan dalam Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 (P63) dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (P64). Berdasarkan Penyata Kewangan FICSB Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (P64) tersebut, dicatatkan di nota 24 ms 113 bahawa kos pembelian MPHS pada harga RM160 juta dan 'impairment loss' terkumpul pula berjumlah RM80 juta dan 'impairment' yang dicaj pada tahun tersebut berjumlah RM2.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan 'impairment' kepada RM82.5 juta. Perkara ini telah dinyatakan dalam keterangan yang diberi oleh Azlan bin Mohamed Ismail (SP4), yang merupakan Pengurus Kanan Kewangan FICSB.

[136] Pada 26 Julai 2017, SPRM telah menerima maklumat berkaitan tertuduh, yang mengatakan bahawa beliau telah menyalahgunakan kedudukan sebagai Pengerusi FICSB antara tahun 2013 hingga 2016 untuk mendapat suapan bagi dirinya berhubung urusan pembelian MPHS tersebut.

[137] Maklumat yang diterima kemudiannya diklasifikasikan sebagai Aduan No 0311/2017 (P280). Siasatan dijalankan oleh Mohamad Safari bin Abdullah, Pegawai Penyiasat SPRM (SP22) yang akhirnya membawa kepada

satu pertuduhan ke atas tertuduh bagi satu pertuduhan kesalahan pecah amanah jenayah di bawah s 409 Kanun Keseksaan dan sembilan pertuduhan kesalahan menerima suapan secara rasuah di bawah s 16 ASPRM berjumlah RM3.09 juta daripada SP16 melalui SP21 sebagai upah kepada tertuduh yang telah membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB pada harga RM160 juta. Inilah prosiding di mahkamah ini.

INTI PATI HUJAHAN PEMBELAAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[138] Pembelaan memberi hujahan bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap mana-mana satu daripada sepuluh pertuduhan yang dikenakan ke atas tertuduh. Berdasarkan soalan pemeriksaan balas pihak pembelaan terhadap saksi-saksi pendakwaan dan sebagaimana yang dinyatakan dalam hujahan-hujahan pembelaan di akhir kes pendakwaan, secara bertulis dan lisan, pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut boleh diringkaskan di sini dalam beberapa isu utama. Isu-isu ini akan dirungkai dan dianalisa secara lebih mendalam selepas ini, di dalam penilaian mahkamah secara maksimum terhadap keterangan-keterangan yang boleh dipercayai dan bersifat *credible* yang telah dikemukakan di mahkamah.

[139] Dua kumpulan pertuduhan tersebut akan dianalisa mengikut turutan. Kes pendakwaan dan hujahan pembelaan akan dibincang walaupun tidak semestinya dalam turutan yang digariskan selepas ini, dalam penilaian maksima semua keterangan *credible* oleh mahkamah untuk menentukan sama ada inti pati dan elemen yang dirangka dalam sepuluh pertuduhan tersebut telah berjaya dibuktikan oleh pendakwaan.

Pertuduhan pecah amanah jenayah

[140] Pembelaan membangkitkan hujahan bahawa tertuduh tidak mempunyai kuasa mutlak meluluskan pembelian MPHS kerana keputusan membeli MPHS merupakan keputusan sebulat suara Ahli Lembaga Pengarah FICSB. Beliau juga mendakwa kuasa eksekutif FICSB telah diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB kepada SP15 sebagai CEO FICSB untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan FICSB.

[141] Keputusan membeli MPHS pula dibuat Lembaga FICSB berdasarkan faktor yang akan menguntungkan FICSB setelah mengambil kira cadangan pihak pengurusan FICSB berdasarkan penilaian dan pembangunan masa hadapan MPHS.

[142] Tertuduh berhujah beliau hanya menyampaikan permintaan Perdana Menteri ketika itu kepada FICSB untuk mengkaji semula keputusan

penolakan pembelian MPHS. Ianya bukan arahan tertuduh untuk pembelian MPHS diluluskan. Beliau tiada kepentingan dalam pembelian MPHS.

[143] Sebagai Pengerusi FICSB, tertuduh tidak juga mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain dalam membuat keputusan membeli MPHS.

[144] Tiada pelanggaran mandat pelaburan yang ditetapkan oleh Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) kerana pada waktu yang material tiada garispanduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) khusus tentang cara bagaimana FICSB sepatutnya memohon kelulusan daripada Lembaga FELDA bagi pembelian MPHS berjumlah RM160 juta tersebut.

[145] Kelulusan sebenarnya boleh dibuat melalui cara makluman tanpa perlu dikemukakan permohonan secara spesifik dan bertulis kepada Lembaga FELDA.

[146] Terdapat juga keterangan yang menunjukkan bahawa Lembaga FELDA telah memberi kelulusan secara tersirat atau 'implied consent' ke atas pembelian MPHS setelah Lembaga FELDA dimaklum mengenai pembelian MPHS, dan apabila Lembaga FELDA meluluskan ratifikasi pembayaran pembiayaan FELDA kepada FICSB bagi tujuan pembayaran pembelian MPHS.

[147] Juga dihujahkan oleh pihak pembelaan bahawa kes pendakwaan bergantung kepada keterangan-keterangan saksi pendakwaan seperti SP15 dan SP21 yang tidak *credible* dan mempunyai kepentingan sendiri.

Pertuduhan-pertuduhan menerima suapan

[148] Pihak pembelaan membangkitkan pelbagai isu untuk menimbulkan keraguan ke atas dan untuk menidakkan kes pendakwaan.

[149] Antaranya, pindaan kepada tarikh-tarikh dalam sembilan pertuduhan penerimaan rasuah dipersoalkan dan keterangan SP21 mengenai tarikh-tarikh suapan yang diterima tertuduh dikatakan tidak boleh dipercayai. Mahkamah telah sentuh isu ini dan akan rungkai mengenai *credibility* keterangan SP21 dengan lebih lanjut kemudian.

[150] Pihak pembelaan juga menekankan tiada keterangan tertuduh meminta suapan dalam pertemuan sebanyak dua kali antara SP16 dan Ibrahim bin Baki dengan tertuduh di pejabat tertuduh di Menara FELDA. Ditekankan

tiada langsung keterangan permintaan oleh tertuduh, terutamanya sebelum kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB, tetapi juga selepas.

[151] Interpretasi atas arahan yang dikatakan dibuat oleh tertuduh kepada SP21 melalui perkataan 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambillah' dan berkaitan penyampaian salam kepada SP16 adalah tidak benar.

[152] Tiada keterangan dalam bentuk dokumentari seperti catitan atau rekod penyerahan atau akuan terima wang sejumlah RM3.09 juta tersebut bagi menyokong penerimaan suapan-suapan sebanyak sembilan kali daripada SP16 melalui SP21 dan tiada verifikasi dilakukan oleh SP16 dengan tertuduh.

[153] Keterangan SP21 dalam pernyataan bertulis (PSSP21) adalah dipotong dan tampal ('cut and paste') dan bukan keterangan SP21 tetapi diajar oleh SPRM. SP21 juga telah hitamkan ('bold') perkataan tertentu untuk sengaja membabitkan atau mengenakan tertuduh.

[154] Pembelaan juga menyatakan bahawa SP15, SP16, SP17 dan SP21 sebenarnya berkomplot untuk mendapatkan wang komisen hasil pembelian MPHS, dan SP16 juga saksi yang tidak konsisten, diragui dan tidak boleh dipercayai.

[155] Perkara-perkara ini dan isu yang berkaitan akan dianalisa dengan lebih lanjut selepas ini.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

Penilaian maksimum dan prima facie

[156] Tugas utama mahkamah ini di akhir kes pendakwaan digariskan dalam peruntukan s 180 KTJ. Mahkamah ini mesti membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh di dalam setiap satu pertuduhan. Seksyen 180 menyatakan seperti berikut:

180 Procedure after conclusion of case for prosecution

(1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

(2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

(3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

(4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[157] Undang-undang dalam perkara ini adalah mantap. Walau bagaimanapun memandangkan undang-undang tersebut amatlah penting di dalam peraturan pematuhan proses pendakwaan jenayah di negara ini, tidak menjadi suatu ketidaksesuaian bagi mahkamah ini untuk merujuk, secara ringkas, kepada dua kes autoriti utama yang mengikat mahkamah ini. Kes pertama memberi pencerahan mengenai maksud prima facie, seperti yang dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, di dalam penghakiman Augustine Paul JCA (pada ketika itu), seperti berikut:

> A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can only be overthrown by evidence in rebuttal ... The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of s 180(2) and (3). Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is a matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[158] Di dalam satu lagi keputusan penting Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu) telah mengatakan seperti

berikut:

> 8. For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:
>
> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;
>
> (iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;
>
> (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82.

[159] Oleh yang demikian, mahkamah ini mestilah diperingkat penutupan kes pendakwaan sekarang ini melakukan penilaian maksima terhadap keterangan-keterangan pihak pendakwaan yang telah dikemukakan, termasuk memeriksa kredibiliti keterangan saksi-saksi pendakwaan. Sekiranya lebih daripada satu inferens atau kesimpulan yang timbul hasil penilaian ini, inferens yang memberi manafaat kepada tertuduhlah yang patut diterima.

PERTUDUHAN PECAH AMANAH JENAYAH DI BAWAH S 409 KK

Peruntukan dan prinsip perundangan

[160] Adalah sesuai bagi peruntukan s 409 KK dinyatakan dalam keseluruhannya, seperti berikut:

> 409 Criminal breach of trust by public servant or agent
>
> Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property, in his capacity of a public servant or an agent, commits criminal breach of trust in respect of that property, shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than two years and not more than twenty years and with whipping, and shall also be liable to fine.

[161] Ungkapan penting 'criminal breach of trust' pula didefinasikan di bawah s 405 KK, yang memperuntukkan sebegini:

> 405 Criminal breach of trust

Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property either solely or jointly with any other person dishonestly misappropriates, or converts to his own use, that property, or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged, or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or wilfully suffers any other person so to do, commits 'criminal breach of trust'.

ILLUSTRATIONS

(a) *A*, being executor to the will of a deceased person, dishonestly disobeys the law which directs him to divide the effects according to the will, and appropriates them to his own use. *A* has committed criminal breach of trust.

(b) *A*, is a warehouse-keeper. *Z*, going on a journey, entrusts his furniture to *A*, under a contract that it shall be returned on payment of a stipulated sum for warehouse room. *A* dishonestly sells the goods. *A* has committed criminal breach of trust.

(c) *A*, residing in Kuala Lumpur, is agent for *Z*, residing in Penang. There is an express or implied contract between *A* and *Z* that all sums remitted by *Z* to *A* shall be invested by *A* according to *Z*'s direction. *Z* remits five thousand ringgit to *A*, with directions to *A* to invest the same in Government securities. *A* dishonestly disobeys the directions, and employs the money in his own business. *A* has committed criminal breach of trust.

(d) But if *A*, in the last illustration, not dishonestly, but in good faith, believing that it will be more for *Z*'s advantage to hold shares in the Oriental Bank, disobeys *Z*'s directions, and buys shares in the Oriental Bank for *Z*, instead of buying Government securities, here, though *Z* should suffer loss and should be entitled to bring a civil action against *A* on account of that loss, yet *A*, not having acted dishonestly, has not committed criminal breach of trust.

(e) *A*, a collector of Government money, or a clerk in a Government office, is entrusted with public money, and is either directed by law, or bound by a contract express or implied, with the Government, to pay into a certain treasury all the public money which he holds. *A* dishonestly appropriates the money. *A* has committed criminal breach of trust.

(f) *A*, a carrier, is entrusted by *Z* with property to be carried by land or by water. *A* dishonestly misappropriates the property. *A* has committed criminal breach of trust.

Explanation — Upon any prosecution for any offence of criminal breach of trust, an employer who deducts the employee's contribution from the wages payable to the employee for credit to any employee fund, by whatever name called, established by any law for the time being in force, shall be deemed to have been entrusted with the amount of the contribution so deducted by him and if he makes default in the payment of such contribution to the said fund in violation of the said law, shall be deemed to have dishonestly used the amount of the said contribution in violation of

a direction of law within the meaning of this section.

[162] Berdasarkan formulasi kesalahan di bawah s 409 KK tersebut yang juga terdapat di dalam pertuduhan terhadap tertuduh, inti pati utama yang mesti ditunjukkan oleh pendakwaan adalah pertamanya, kapasiti tertuduh sebagai agen; keduanya, tertuduh dalam kapasiti tersebut diamanahkan dengan harta atau aset kepunyaan FICSB; dan ketiganya, tertuduh melakukan pecah amanah jenayah pada masa yang material yang diperincikan dalam pertuduhan terhadapnya. Keempat ialah kewujudan niat curang tertuduh ketika pelupusan dilakukan. Perincian lebih lanjut ke atas kesemua inti pati adalah seperti berikut.

Elemen pertama — Sama ada tertuduh seorang agen di bawah s 409 KK

[163] Ini adalah isu pertama yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Adalah jelas bahawa titik permulaan dan juga jawapan kepada isu ini terdapat di bawah s 402A KK yang memberi takrifan kepada perkataan 'agen'. Perkataan ini dalam konteks kesalahan pecah amanah jenayah adalah didefinasikan dalam s 402A seperti berikut:

> 402A Definition of 'agent', 'company', 'director' and 'officer'
>
> For the purposes of sections 403, 404, 405, 406, 407,408, 409, 409A, 409B, 415, 416, 417, 418, 419 and 420 of this Chapter, unless the contrary appears from the context:
>
> 'agent' *includes any corporation or other person acting or having been acting or desirous or intending to act for or on behalf of any company or other person whether as* agent, partner, co-owner, clerk, servant, employee, banker, broker, auctioneer, architect, clerk of works, engineer, advocate and solicitor, accountant, auditor, surveyor, buyer, salesman, trustee executor, administrator, liquidator, trustee within the meaning of any Act relating to trusteeship or bankruptcy, receiver, *director, manager or other officer of any company,* club, partnership or association or in any other capacity either alone or jointly with any other person and whether in his own name or in the name of his principal or not; ... (Penekanan ditambah.)

[164] Pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh merujuk kepada tertuduh sebagai seorang ajen FICSB kerana kedudukan beliau memegang jawatan seorang pengarah syarikat FICSB. Tidak boleh disangkal status tertuduh sebagai pengarah adalah termasuk dalam definasi agen di bawah peruntukan jelas s 402A KK. Ini juga tidak dipertikai oleh pihak pembelaan.

[165] Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan di mahkamah, tiada kesangsian terhadap jawatan tertuduh sebagai pengarah syarikat (dan pengerusi) FICSB pada masa yang material seperti dirujuk dalam pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh.

[166] Umpamanya, Wong Siew Yeen (SP13), seorang setiausaha syarikat FICSB mengesahkan tertuduh telah menandatangani Perakuan Statutori Borang 48A bertarikh 1 Julai 2013 (P101) yang kemudiannya difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Menurut borang-borang 49 FICSB, tertuduh memegang jawatan pengarah syarikat FICSB mulai 2 Julai 2013 sehingga 25 Januari 2017 yang merupakan tarikh beliau meletak jawatan pengarah FICSB. Muhamad Akmaluddin bin Abdullah (SP1) seorang penolong pendaftar SSM juga mengesahkan jawatan tertuduh berdasarkan borang-borang 49 dan dokumen lain yang berkaitan. SP1 mengesahkan FICSB adalah syarikat milik penuh FELDA dan tertuduh, Datuk Faizoull Bin Ahmad dan Muhammad Sufi bin Mahbub merupakan tiga pengarah-pengarah pertama syarikat yang dinyatakan di dalam artikel penubuhannya.

[167] Siti Salwani bt Mohd Salleh (SP2) pula, sebagai Ketua Legal dan Secretariat FICSB sejak akhir Mei 2014 hingga 30 April 2019 mengesahkan antara lainnya bahawa berpandukan dokumen yang telah difailkan di SSM, tertuduh merupakan pengarah FICSB daripada 2 Julai 2013 hingga 25 Januari 2017 seperti yang dinyatakan di bawah artikel 68 M&A on FICSB (P38). SP2 juga mengesahkan tertuduh juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FELDA.

[168] Tambahan pula, SP2 juga berdasarkan dokumen statutori syarikat yang sama, menandatangani surat dokumen Perakuan Tentang Kedudukan atau Jawatan yang dipegang tertuduh di bawah s 55(1) ASPRM bertarikh 21 Ogos 2017 (P39) yang mengesahkan tertuduh adalah pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah FICSB pada tempoh masa yang sama.

[169] Lebih-lebih lagi, perlantikan tertuduh sebagai pengarah syarikat FICSB dipersetujui oleh Lembaga FELDA ketika tertuduh sendiri memegang jawatan pengerusi dan ahli lembaga FELDA. Lembaga FELDA memutuskan untuk melantik tertuduh dan dua yang lain seperti yang dirujuk sebelum ini sebagai Ahli Lembaga Pengarah permulaan FICSB, anak syarikat milik penuh FELDA. Ini direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40). Erwan bin Aman (SP19), Setiausaha Lembaga FELDA yang merekodkan minit tersebut (P40) mengesahkan tertuduh selaku Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah FELDA telah mempengerusikan mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303. Tertuduh juga telah mengesahkan dan menandatangani Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) sebagai rekod yang benar. Seterusnya, minit tersebut (P40) telah pula disahkan dalam mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 308 bertarikh 22 Oktober 2013 (P274) yang turut dipengerusikan oleh tertuduh.

[170] Sebagai pelengkap isu pertama ini, walaupun tidak dibangkitkan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ingin menekankan bahawa peruntukan s 402A

juga jelas memberi takrifan kepada jawatan pengarah, seperti berikut:

> 402A Definition of 'agent', 'company', 'director' and 'officer'
>
> For the purposes of sections 403, 404, 405, 406, 407,408, 409, 409A, 409B, 415, 416, 417, 418, 419 and 420 of this Chapter, unless the contrary appears from the context:
>
> 'director' includes *any person occupying the position of director of a company,* by whatever name called, and includes a person who acts or issues directions or instructions in a manner in which directors of a company are accustomed to issue or act, and includes an alternate or substitute director, notwithstanding any defect in the appointment or qualification of such person; ... (Penekanan ditambah.)

[171] Oleh yang demikian, mahkamah mendapati inti pati pertama mengenai tertuduh merupakan agen FICSB dalam jawatan pengarah syarikat adalah telah berjaya ditunjukkan oleh pendakwaan.

Elemen kedua — Sama ada dalam kapasiti agen tersebut, tertuduh diamanahkan dengan harta FICSB

Konsep pengamanahan

[172] Tiada pecah amanah jenayah melainkan seorang tertuduh dibuktikan ada pengamanahan ke atas harta. Tanpa elemen pengamanahan sesetengah kes mungkin hanya terjumlah kepada kesalahan penyalahgunaan jenayah (*criminal misappropriation*) di bawah s 403 KK. Elemen peruntukan ini boleh diterangkan dalam situasi di mana sesuatu harta yang dimiliki oleh X diserah kepada Y untuk tujuan Y menjaganya, di mana pegamanahan ini adalah di bawah undang-undang difahami secara luas dan bukannya amanah dalam konteks ekuiti. Ini juga dapat dilihat pada kategori kumpulan orang yang diamanahkan dengan harta menurut ss 407, 408 dan 409 KK. Pemerhatian relevan ini telah dibuat dalam satu kes yang dirujuk pihak pendakwaan, *Rex v Lee Siong Kiat* [1935] 1 MLJ 53, seperti berikut:

> But the word 'trust' in the expression 'criminal breach of trust' as found in the Penal Code, is used in far wider and more popular sense. A reference to section 407, 408 and 409 makes this perfectly clear. In section 407 a person entrusted with property may be a carrier, wharfinger or warehouse keeper; in section 408 a clerk or servant; and in section 409, a public servant, merchant, factor, broker, attorney or agent. Not one of the people in these various categories could ordinarily be described as a trustee in Chancery proceedings.

Pengamanahan boleh berlaku secara tidak langsung

[173] Di dalam kes Mahkamah Rayuan *Aisyah bt Mohd Rose & Anor v Public Prosecutor* [2016] 1 MLJ 840 Tengku Maimun JCA (sekarang CJ) menekankan bahawa s 405 menyebut 'in any manner entrusted' yang oleh itu

bermakna pengamanahan harta boleh berlaku secara tidak langsung. Petikan berikut adalah relevan:

> Element of entrustment
>
> [36] We note that s 409 of the Penal Code states 'whoever being in any manner entrusted'.
>
> [37] We accept that the first appellant was not entrusted directly with the cheques by the companies but it cannot be denied that through the intermediaries, the cheques ended up with the second appellant and from the second appellant, to the first appellant. *In our view 'in any manner entrusted' is wide enough to encompass not only the property being directly entrusted by the owner to the accused but also property entrusted by the owner to the accused indirectly, as in the instant appeal, entrusted to the first appellant by virtue of her position as an agent of the bank.* (Penekanan ditambah.)

[174] Pengamanahan dengan itu bermakna pihak yang menyerahkan sesuatu harta milikannya kepada pihak yang lagi satu pihak yang pertama terus menjadi pemiliknya (lihat keputusan Mahkamah Agong dalam *Public Prosecutor v Lawrence Tan Hui Seng* [1993] 4 CLJ 221). Oleh yang demikian sekiranya pihak pendakwaan berjaya menzahirkan contohnya penerimaan wang oleh seseorang tertuduh adalah bagi sesuatu tujuan khusus maka pengamanahan telah dapat dibuktikan. Seperti yang dihakimi oleh Raja Azlan Shah J (ketika itu) dalam kes *Sathiadas v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 241:

> The gist of the offence of criminal breach of trust is entrustment and dishonest misappropriation or conversion to own use. Once the prosecution have succeeded in proving the receipt of the money for a particular purpose the case of entrustment is made out ...

[175] Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sebagai seorang pengarah syarikat tertuduh secara amnya atas tanggungjawab statutori dan fidusiari terhadap syarikat diamanahkan dengan seluruh harta kepunyaan syarikat. Lembaga pengarah sesebuah syarikat adalah badan tertinggi dalam struktur organisasi syarikat dan di bawah undang-undang, merupakan pihak yang bertanggungjawab menguruskan perniagaan dan hal ehwal syarikat. Seksyen 131B Akta Syarikat 1965 yang berkuat kuasa semasa pertuduhan kesalahan terhadap tertuduh menyatakan:

> (1) The business and affairs of a company must be managed by, or under the direction of, the board of directors.
>
> (2) The board of directors has all the powers necessary for managing and for directing and supervising the management of the business and affairs of the company subject to any modification, exception or limitation contained in this Act or in the memorandum or articles of association of the company.

[176] Tambahan pula tanggungjawab pengarah syarikat digariskan di bawah s 132 Akta Syarikat 1965 seperti berikut:

> 132 As to the duty and liability of officers
>
> (1) A director shall at all times act honestly and use reasonable diligence in the discharge of the duties of his office.

[177] Ini juga selari dengan peruntukan memorandum dan artikel FICSB yang mana di artikel 77 dinyatakan seperti berikut:

> 77. The business of the Company shall be managed by the Directors ...

[178] Beberapa kes autoriti mengenai pecah amanah jenayah juga melibatkan pengamanahan orang kena tuduh dalam kapasiti agen sebagai pengarah syarikat. Ini termasuklah dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung *Yap Sing Hock & Anor v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 714 yang mana tertuduh juga adalah pengarah syarikat (walaupun s 402A KK belum diperkenalkan ketika itu). Satu lagi kes yang secara relatifnya lebih baru adalah *Public Prosecutor v Cho Sing Koo & Anor* [2015] 4 MLJ 689; [2015] 4 CLJ 491 di mana Mahkamah Rayuan membuat pemerhatian berikut:

> [18] *Being the directors of Ganad Media and having power to sign the company's cheques, clearly the respondents had control and power of disposal over the company's funds.* The fact that there were others in the company who had power to sign the company's cheques does not dilute the respondents' control and power of disposal over the funds. The court is not concerned with the power of others over the funds but whether the respondents were actuated by dishonest intention when they disposed of the company's property. Under the law it is not even a defence to show that the property was openly appropriated or that the appropriation was duly recorded and entered in the books and accounts of the company: see s 409A of the Penal Code. (Penekanan ditambah.)

[179] Kes *Cho Sing Kho* jelas. Kuasa dan tanggungjawab pengarah syarikat bermakna mereka diamanahkan oleh syarikat dan undang-undang terhadap jagaan ke atas harta syarikat. Kes ini juga memberi penekanan bahawa pengamanahan tidak perlu secara eksklusif, sepertimana yang tersebut di dalam perenggan di atas. Ini adalah kerana s 405 KK sendiri memperuntukkan bahawa pengamanahan adalah secara 'either solely or jointly with any other person'. Bukan tertuduh sahaja yang diberi pengamanahan ini dalam FICSB. Dan selain daripada keseluruhan pengarah FICSB, pegawai-pegawai berkenaan yang lain dalam organisasi syarikat tersebut juga mungkin, berdasar tanggungjawab masing-masing, juga diberi amanah dalam konteks yang tersendiri.

Harta syarikat yang diamanahkan

[180] Mahkamah juga berpendapat tiada masalah tentang elemen harta FICSB dalam pertuduhan ini. Dana syarikat telah dispesifikasi sebagai subjek kepada pengamanahan tersebut. Dana atau wang syarikat, walaupun harta alih (*moveable*) adalah masih sememangnya harta atau aset milik syarikat. Tiada keraguan di sini. Malah, kesalahan pecah amanah jenayah yang melibatkan wang syarikat juga berlaku dalam kes-kes yang disebut sebelum ini, termasuklah *Lawrence Tan Hui Seng*, *Yap Sing Hock* dan *Cho Sing Kho.*

[181] Pihak pembelaan juga sebenarnya tidak mempertikaikan bahawa tertuduh mempunyai pengamanahan terhadap harta FICSB tersebut atas dasar jawatannya sebagai seorang pengarah FICSB.

Apakah pengamanahan dalam kes ini

[182] Keterangan menunjukkan tertuduh sebagai pengarah syarikat FICSB bersama Ahli Lembaga Pengarah FICSB telah diberi mandat secara terus oleh Ahli Lembaga FELDA mengenai pelaburan oleh FICSB yang bernilai atas RM100 juta. Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 (P40) menunjukkan apa yang boleh disebut sebagai satu bentuk pengamanahan ke atas harta secara terus diberikan. Minit itu merekodkan Lembaga Felda bersetuju, antara lainnya:

(i) FELDA menubuhkan syarikat tujuan khas iaitu SPV bagi melaksanakan aktiviti pelaburan strategik FELDA dengan modal berbayar permulaan RM500 juta, disuntik mengikut keperluan;

(ii) ...

(iii) ...

(iv) Ahli Lembaga Permulaan FICSB adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Jawatan
1	Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Mohd Isa Dato Haji Abdul Samad	Pengerusi
2	Datuk Faizoull Ahmad	Pengarah Besar
3	Muhammad Sufi Mahbub	Timbalan Pengarah Besar (Sumber Strategik)

(v) ...

(vi) ...

(vii) *Ahli Lembaga FELDA memberi mandat kepada Ahli Lembaga FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek RM100 juta ke bawah*. (Penekanan ditambah.)

[183] Mohd Shahrin bin Mohd Ali (SP3) Pengarah Kewangan FELDA memberi keterangan bahawa keseluruhan dana atau modal berbayar FICSB adalah sepenuhnya dibiayai oleh FELDA di samping pinjaman yang FICSB perolehi dari bank. Sehingga tarikh beliau memberi keterangan, FELDA telah menyuntik modal berbayar kepada FICSB berjumlah RM500 juta yang mana RM350 juta adalah dalam bentuk saham biasa dan RM150 juta adalah berbentuk saham keutamaan.

[184] SP3 mengesahkan FELDA telah menyalurkan dana kepada FICSB secara berperingkat iaitu RM499,500,000 pada 27 Mei 2014, RM51,208,139.71 pada 23 September 2014, RM100 juta pada 29 Mei 2015, RM1 juta pada 21 Oktober 2015 dan RM1,880,000 pada 28 Oktober 2015.

[185] Di sebelah FICSB pula, Azlan bin Mohamed Ismail (SP4), Pengurus Kanan Kewangan FICSB mengesahkan FICSB telah menerima suntikan modal dan bantuan kewangan daripada FELDA seperti yang diterangkan oleh SP3, dalam bentuk dana yang dipindahkan secara terus ke dalam akaun semasa Maybank milik FICSB yang diselia oleh SP4 seperti yang direkodkan oleh penyata-penyata akaun FICSB tersebut. SP4 juga mengesahkan dana yang diterima FICSB daripada FELDA sebahagiannya digunakan oleh FICSB untuk melabur dalam pembelian MPHS.

[186] Mohd Zaid bin Abdul Jalil (SP15) yang berjawatan CEO FICSB dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB daripada 1 Ogos 2013 hingga beliau meletak jawatan CEO FICSB dan Pengarah FICSB pada 3 Julai 2015 turut mengesahkan bahawa FICSB menjalankan aktiviti pelaburan dan menerima dana pelaburan daripada FELDA sepenuhnya.

[187] Tambahan pula, tertuduh, sebagai ahli Ahli Lembaga Pengarah FICSB telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah FICSB untuk menguruskan dana yang diterima oleh FICSB daripada FELDA. Kesemua dana FICSB tersebut disimpan dalam akaun semasa FICSB di Maybank Cawangan Jalan Maktab, dan tertuduh adalah salah seorang penandatangan yang dibenarkan oleh Ahli Lembaga Pengarah FICSB. Ini disahkan oleh Khursiah bt Md Taib (SP6) Penolong Pengurus Maybank Cawangan Jalan Raja Muda dengan merujuk kepada beberapa minit lembaga pengarah FICSB.

[188] Ini juga disokong oleh keterangan SP15 sebagai CEO dan seorang pengarah FICSB, yang juga diberi mandat oleh Lembaga Pengarah sebagai seorang penandatangan bagi pihak FICSB. Azlan bin Ismail (SP4) Pengurus Kanan Kewangan FICSB juga mengesahkan bahawa tertuduh juga merupakan antara individu yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah FICSB untuk mengarah pengeluaran wang daripada FICSB.

[189] Isu pengamanahan dalam kes ini boleh mudah mengelirukan. Ini kerana situasi ini melibatkan dua entiti, FELDA dan FICSB. Mahkamah mesti jelaskan. Ada dua 'pengamanahan' di sini. Pertama, adalah pengamanahan harta wang oleh FICSB kepada tertuduh sebagai salah seorang pengarah FICSB. Ini keadaan yang lazim dalam sesebuah syarikat. Dalam konteks ini, FELDA, sebuah entiti yang berbeza, adalah tidak relevan. Ini adalah kerana walaupun modal dan wang FICSB disuntik dan dibekalkan oleh FELDA, apabila wang tersebut diterima oleh FICSB (dan diletak dalam akaun bank FICSB), di bawah undang-undang, ianya menjadi milik FICSB. Dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB adalah bertanggungjawab dan mempunyai pengamanahan terhadapnya. Tanggungan FICSB dan para pengarahnya, untuk membayar balik wang kepada FELDA adalah isu yang lain.

[190] Kedua ialah berkaitan dengan keputusan oleh FELDA bahawa kuasa untuk meluluskan pelaburan oleh FICSB bernilai di bawah RM100 juta kepada Lembaga Pengarah FICSB. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, FELDA, sebuah badan berkanun telah menubuhkan FICSB sebagai anak syarikat yang diberi tanggungjawab untuk membuat pelaburan bagi pihak FELDA selaras dengan Minit Mesyuarat Bilangan 303 FELDA (P40). Dalam dokumen itu juga, FELDA memberikan mandat kepada Ahli Lembaga Pengarah FICSB untuk membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek bernilai RM100 juta ke bawah. Oleh itu pelaburan bernilai RM100 juta ke atas mesti diluluskan oleh FELDA.

[191] Mandat yang diletakkan oleh FELDA ini adalah antara syarat penubuhan FICSB oleh FELDA bagi tujuan mengawal penggunaan modal dan wang FICSB yang disumbang oleh FELDA kepada anak syarikatnya. Ini ketetapan oleh Lembaga FELDA. Walau bagaimanapun, dalam undang-undang syarikat (yang terpakai kepada FICSB) dan menurut doktrin *separate legal entity* serta prinsip di mana lembaga pengarah, bukannya pemegang saham (walaupun pemilik penuh anak syarikat) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perniagaan syarikat, syarat oleh FELDA tersebut tidak boleh dikuatkuasa secara terus oleh FELDA.

[192] Dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 mahkamah ini menjelaskan perkara ini seperti berikut:

> [488] Whilst relevant provisions may be contained in the M&A of SRC, I would readily make reference to the more pertinent s 131B of the Companies Act 1965 (which is applicable to this case) which codified this common law rule pursuant to the Companies (Amendment) Act 2007 which had been introduced to enhance the framework on the duties and powers of directors under the law.
>
> [489] It is worthy of emphasis that s 131B states as follows:

(1) The business and affairs of a company must be managed by, or under the direction of, the Board of Directors.

(2) The Board of Directors has all the powers necessary for managing and for directing and supervising the management of the business and affairs of the company subject to any modification, exception or limitation contained in this Act or in the memorandum or articles of association of the company.

[490] This provision reinforces the principle that the law and the articles divide the powers of the company between the directors and the shareholders, and the latter cannot under the law direct the former on how to exercise the powers properly within the remit of the directors as stipulated in the articles.

[491] I need only refer to the passage from the judgment of Lord Wilberforce in delivering the opinion of the Privy Council in the case of *Howard Smith Ltd v Ampol Petroleum Ltd* [1974] AC 821 which made the point so clearly as follows:

> The constitution of a limited company normally provides for directors, with powers of management, and shareholders, with defined voting powers having power to appoint the directors, and to take, in general meeting, by majority vote, decisions on matters not reserved for management ... it is established that directors, within their management powers, may take decisions against the wishes of the majority of shareholders, and indeed that the majority of shareholders cannot control them in the exercise of these powers while they remain in office.

[492] In *Grundt v Great Boulder Proprietary Mines Ltd* [1948] Ch 145, Cohen LJ observed in similar terms as follows:

> ... there is nothing unusual in the shareholders not being allowed to interfere in matters which have been deliberately placed under the control of the directors.

[193] Dalam situasi seperti itu, dan seperti mana yang dipraktikkan dalam sistem tatakelola kebanyakan kumpulan syarikat, syarikat atau institusi pemilik seperti FELDA akan memastikan mereka menjalankan hak sebagai pemegang saham terbesar dalam anak syarikat dengan melantik para ahli lembaga pengarah syarikat yang memahami aspirasi korporat syarikat pemilik (induk). Adalah juga kebiasaannya dalam situasi ini bagi sebahagian ahli lembaga pengarah dalam institusi pemegang saham juga dilantik sebagai ahli lembaga pengarah dalam anak syarikat yang berkenaan juga. Dan itulah juga yang berlaku dalam penubuhan FICSB, di mana tertuduh yang merupakan Pengerusi Lembaga FELDA telah juga dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah FICSB. Lain-lain Ahli Lembaga Pengarah FICSB adalah sepenuhnya lantikan FELDA (sama ada daripada Lembaga FELDA atau kalangan pengurusan tinggi FELDA) sebagai pemegang saham tunggal.

[194] Ini biasa diamalkan dalam kumpulan syarikat, melainkan ianya tidak dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang spesifik. Contohnya undang-undang yang perlukan lantikan pengarah bertaraf bebas.

[195] Oleh yang demikian segala keputusan Lembaga FELDA mengenai penubuhan FICSB, termasuk mengenai syarat mandat pelaburan RM100 juta ke atas mesti mendapat kelulusan FELDA sepatutnya telah juga dibentang dan diterima oleh Lembaga Pengarah FICSB. Tetapi tiada keterangan dikemukakan di mahkamah untuk menunjukkan, contohnya, Lembaga Pengarah FICSB juga sedia maklum bahawa menurut Resolusi Pengarah FICSB sendiri, dan tanpa Resolusi Lembaga FELDA (P40) pun, sebarang pembelian atau pelaburan oleh FICSB melebihi RM100 juta mesti mendapat kelulusan FELDA.

[196] Tidak mungkin perkara sepenting ini tidak dibentangkan ke mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB pada awal penubuhannya. Lebih-lebih lagi isu mandat tersebut digariskan Lembaga Felda (dalam P40) bersama-sama syarat lain mengenai penubuhan FICSB. Namun, mahkamah mendapati walaupun tiada keterangan seperti itu, tiada juga penafian oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan bahawa perkara keperluan kelulusan FELDA bagi sebarang pelaburan FICSB yang bernilai lebih RM100 juta adalah sememangnya mengikat FICSB dan Lembaga Pengarahnya. Ini bermakna walaupun jika benar tiada Resolusi Lembaga Pengarah FICSB yang menerima syarat mandat FELDA tersebut (yang tidak mungkin betul), tiada keterangan yang membayangkan FICSB atau mana-mana Ahli Lembaga Pengarahnya, termasuk tertuduh sendiri yang berpendirian syarat FELDA itu tidak terpakai kepada FICSB.

[197] Tambahan pula, dalam situasi penggunaan dana syarikat, adalah tidak boleh dinafikan bahawa Lembaga Pengarah FICSB menerusi Resolusi Pengarah FICSB bertarikh 14 Ogos 2013 (P76), Resolusi Pengarah FICSB 29 November 2013 (P78), Resolusi Pengarah bertarikh 12 Disember 2013 (P61), ekstrak Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB bertarikh 26 Ogos 2014 (P82) dan Ekstrak Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB bertarikh 3 September 2015 (P83), telah memberikan kuasa kepada beberapa orang Pengarah FICSB termasuk tertuduh dan SP15 untuk menguruskan dana milik FICSB bersesuaian dengan arahan yang diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB.

[198] Tiada keraguan bahawa resolusi-resolusi ini mengurniakan kuasa kepada mereka yang dinamakan di dalam dokumen-dokumen tersebut, termasuklah tertuduh, SP15 dan beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah FICSB lain sebagai penandatangan (*authorised signatories*) untuk tujuan melepaskan harta dana/wang FICSB mengikut kebenaran dan had yang

ditetapkan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Ini biasa dipraktikkan dalam pengurusan wang sesebuah syarikat. A

[199] Secara tepatnya, penama yang dinyatakan dalam resolusi yang berkenaan membenarkan penandatangan untuk membuat bayaran atau melepaskan atau melupuskan wang syarikat tertakluk kepada had pengeluaran yang digariskan dan sudah tentunya juga bergantung kepada tujuan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Oleh itu tidak rumit bagi mahkamah untuk bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa tertuduh telah diberikan kebenaran oleh Lembaga Pengarah FICSB untuk melakukan urusan perbankan termasuk melepaskan harta dana/wang milik FICSB, namun perlulah bagi tujuan yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah FICSB. B C

[200] Persoalannya bolehkah tertuduh dikatakan telah melakukan kesalahan pecah amanah bila mana tertuduh hanya melaksanakan bidang tugas beliau sebagai penandatangan urusan pengeluaran dana/wang FICSB seperti yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah FICSB sendiri. Keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri jelas menunjukkan bahawa pelepasan harta dibuat menurut kelulusan pembelian hotel MPHS yang diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB di dalam Minit Mesyuarat (P41). D E

[201] Pembelaan menyatakan pengamanahan dana/wang oleh FICSB kepada tertuduh ini tidaklah begitu luas bidang tugasnya sehingga tertuduh perlu memastikan segala dasar, polisi dan tatacara pelaksanaan sesuatu keputusan tersebut telah selesai dipatuhi sebelum wang boleh dibayar atau dilepaskan. Memadai sekiranya terdapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah FICSB dalam Mesyuarat FICSB ke-10 (P41), maka beliau boleh melepaskan dana/wang tersebut setelah diminta oleh pihak pengurusan FICSB. Adalah tanggungjawab pengurusan ketika memohon pembayaran atau pelupusan wang/dana untuk memastikan segala dasar, polisi dan tatacara syarikat termasuklah dalam kes ini, arahan FELDA kepada FICSB bahawa pelaburan atau pembelian RM100 juta ke atas oleh FICSB mesti mendapat kelulusan Lembaga FELDA selaras dengan Minit Mesyuarat bertarikh 25 Jun 2013 Bilangan 303 FELDA (P40) dan juga mungkin diterima pakai oleh Lembaga Pengarah FICSB sendiri menerusi Resolusi Pengarahnya. F G H

[202] Apa pun, FELDA (dan sekiranya ada, juga Resolusi Lembaga Pengarah FICSB yang berkenaan) telah mengamanahkan agar kuasa untuk meluluskan pelaburan di bawah RM100 juta diberikan kepada Lembaga Pengarah FICSB, di mana keputusan itu sepatutnya dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB, bukannya oleh seseorang Ahli Pengarah secara individu. Dan sememangnya kelulusan cadangan pembelian hotel MPHS diluluskan oleh Lembaga I

Pengarah FICSB serta telah direkodkan di dalam minit di eksh P41 bahawa ianya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB tanpa soalan atau bangkangan.

[203] Mahkamah ingin merujuk kes *Tan Liang Chew & Ors v Public Prosecutor* [1997] 5 MLJ 338 yang melibatkan pertuduhan di bawah s 409 KK, di mana tertuduh adalah merupakan seorang pengarah syarikat dan pada yang sama juga merupakan ahli mesyuarat *committee of society* di mana beliau dikatakan telah membuat cadangan kepada ahli *committee of society* tersebut untuk memberikan pinjaman kepada individu yang menjadi penama bagi rumah yang dibeli oleh tertuduh.

[204] Mahkamah Tinggi, dalam penghakiman KC Vohrah J (pada ketika itu) telah membebaskan tertuduh dan memutuskan bahawa, seperti dinyatakan dalam *headnotes*:

> (3) In order to determine whether the man charged with the offence had dominion over the property and was entrusted with the money, oral evidence and documentary evidence need to be carefully looked at. The evidence produced was that the first accused sat on a committee meeting as a member that recommended housing loan applications for approval by the board of directors and that he was a signatory with the other two accused of a cheque for an amount that was the subject matter of the charge. It would appear that the dominion over the property lied with the board since it had the power to approve housing loans (see p 349B-D).

[205] Tiada keraguan bahawa tertuduh selaku seorang pengarah FICSB telah diamanahkan untuk menguruskan dana FICSB bagi maksud pelaburan di dalam empat bidang perniagaan utama yang dinyatakan oleh Felda iaitu pengurusan dana, inisiatif pembiayaan swasta, pelaburan mapan kemelesetan dan pengurusan sumber dalaman. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa tujuan dana tersebut diamanahkan kepada tertuduh adalah selaras dengan tujuan FICSB diwujudkan iaitu sebagai syarikat tujuan khas untuk melaksanakan pelaburan strategik FELDA mengikut had pelaburan yang ditetapkan oleh Lembaga FELDA. Tertuduh selaku Pengarah FICSB dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB telah diamanahkan dengan dana FICSB dan perlu menguruskan dana tersebut mengikut mandat pelaburan yang telah ditetapkan oleh Lembaga FELDA (dan mungkin juga diterima dalam Resolusi Pengarah FICSB).

[206] Di peringkat ini mahkamah ingin menekankan bahawa bukan tertuduh seorang sahaja yang diamanahkan dengan dana FICSB yang berasal daripada FELDA tersebut. Semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB adalah dalam situasi yang boleh dikatakan serupa dengan tertuduh. Ini adalah penting dan akan dirujuk semula dalam analisa yang berkenaan kelak.

[207] Oleh yang demikian mahkamah mendapati bahawa inti pati pengamanahan harta FICSB kepada tertuduh juga telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen ketiga — Sama ada tertuduh melakukan pecah amanah jenayah

[208] Elemen atau inti pati utama yang ketiga yang mesti dibuktikan pendakwaan adalah sama ada pengamanahan tertuduh telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta syarikat seperti dalam pertuduhan.

[209] Di bawah s 405 KK, boleh dikatakan pecah amanah jenayah berlaku dalam sebanyak lima situasi berbeza, dan untuk setiap satunya, elemen niat curang atau *dishonest intention* juga perlu dizahirkan wujud.

[210] Seperti yang dinyatakan oleh Wan Suleiman FJ dalam *Public Prosecutor v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 176:

> Harking back to first principles, for a person to be guilty of the offence of criminal breach of trust he should be
>
> (i) entrusted with property or dominion over the property;
>
> (ii)(a) that he should dishonestly misappropriate or convert it to his own use OR
>
> (b) dishonestly use or dispose of the property or wilfully suffer any other person so to do in violation of
>
> (iii)(a) any direction of law prescribing the manner in which such trust is to be discharged OR
>
> (b) of any legal contract made touching the discharge of such trust.

[211] Merujuk kembali kepada s 405 KK, cara-cara tersebut adalah, pertama, penyalahgunaan harta, kedua penggubahan harta untuk kegunaan sendiri, ketiga menguna atau melupuskan harta bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan, keempat, menguna atau melupuskan harta bertentangan dengan kontrak yang berkenaan, dan kelima, sengaja membuat pihak lain memperlakukan mana-mana satu daripada cara ketiga atau keempat yang dinyatakan di atas.

Cara perlakuan pertuduhan pecah amanah jenayah dalam kes ini

[212] Di dalam kes di mahkamah ini, seperti yang disebut dalam pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh, pihak pendakwaan mengatakan, seperti ditekan dalam hujahan bertulis mereka bahawa tertuduh telah melakukan pecah amanah jenayah ke atas dana FICSB apabila dengan curangnya melepaskan harta tersebut dengan meluluskan cadangan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak dengan harga RM160

juta dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014 (di minit P41) bertentangan arahan Lembaga FELDA dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) yang dibuat berkenaan pelaksanaan amanah tersebut di mana ahli Lembaga FELDA hanya memberi mandat kepada ahli lembaga pengarah FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek bernilai RM100 juta ke bawah.

[213] Oleh yang demikian, pendakwaan dalam pertuduhan terhadap tertuduh bergantung kepada pelakuan pecah amanah jenayah dalam situasi tertuduh dikatakan melupuskan harta yang dikatakan diamanahkan bertentangan dengan arahan bersifat undang-undang yang memperuntukkan tatacara bagaimana pengamanahan harta tersebut sepatutnya dikendalikan. Ini merujuk kepada 'use or dispose of the property ... in violation of any direction of law prescribing the manner in which such trust is to be discharged'.

[214] Dalam pemakaian s 405 KK, arahan undang-undang ini mestilah spesifik dan merujuk kepada harta yang berkenaan. Tanggungjawab pengarah di bawah s 132(1) Akta Syarikat 1965 umpamanya, hanyalah bersifat am dan tidak boleh, menurut s 405 KK, dianggap suatu arahan undang-undang yang merujuk kepada harta yang diamanahkan. Ini telah diterangkan oleh mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 seperti berikut:

> [828] It bears emphasis that the relevant words in s 405 of the Penal Code state the violation in respect of 'direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged'. There must be some specific legal obligations governing the use of the entrusted property. The pertinent direction in law must prescribe the manner in which the trust is to be discharged.
>
> [829] The reliance on the alleged breach on the part of the accused of the statutory duty of company directors to act honestly as a basis for violation of a direction of law in the three CBT charges against him is unsustainable because s 132 of the Companies Act 1965 on the duty to act honestly does not at the same time specify the manner in which the trust is to be discharged.
>
> [830] In the Singapore case of *Cheam Tat Pang v Public Prosecutor* [1996] 1 SLR(R) 161 the High Court held that the words 'prescribing the mode' in s 405 of the country's Penal Code (identical to s 405 of the Malaysian Penal Code) require more than a general exhortation on the part of company directors to act honestly as contained in s 157 of the Singaporean Companies Act (similar to s 132 of the Malaysian Companies Act 1965). The High Court also stated that an accused person would be seriously prejudiced if an infringement of s 157 put him at risk of a conviction for CBT. The charge of conspiracy to commit CBT in that case failed.
>
> [831] Similarly in *Hj Maamor bin Hj Abdul Manap v Public Prosecutor* [2002] 6 MLJ 668; [2003] 1 CLJ 370, where a company director was charged with two counts of CBT under s 409 of the Penal Code for disbursing the company's funds

as loans to purchase shares in the company, the High Court in Kuala Lumpur when dealing with the question whether s 132(1) of the Companies Act 1965 could qualify as a direction of law under s 405 of the Penal Code followed *Cheam Tat Pang v Public Prosecutor* and held clearly, in the judgment of Augustine Paul J (as he then was) as follows:

> ... As to whether the conduct of the accused amounts to a violation of any direction of law the only relevant provision of law seems to be s 132(1) of the Companies Act 1965 ('s 132(1)') which reads as follows:
>
> > A director shall at all times act honestly and use reasonable diligence in the discharge of the duties of his office.
>
> In *Cheam Tat Pang v Public Prosecutor* [1996] 1 SLR 541 it was held that the word 'mode' in the third limb in s 405 connotes that there must be a degree of specificity in the direction of law in question. As Yong Pung How CJ added at p 548:
>
> > It should not be construed so expansively as to extend to a general direction to 'act honestly'. On this analysis, there was clearly serious difficulty with the respondent's reliance on s 157(1) (our s 132(1)) in the present case. This section mirrors a director's general fiduciary duty at common law.
>
> Section 132(1) cannot therefore be construed as a 'direction of law' for the purpose of the third limb of s 405 ...
>
> [832] As such, in my judgment, the prosecution's case that the accused had also committed CBT by dishonestly disposing the entrusted funds of SRC by violating a direction of law contained in s 132(1) of the Companies Act 1965 said to have prescribed the mode in which the trust should be discharged cannot be sustained and must fail.

[215] Dalam kes semasa, walaupun pihak pendakwaan bergantung kepada mandat yang diberikan Lembaga FELDA mengenai keperluan kelulusan Lembaga FELDA bagi mana-mana pelaburan suatu pembelian oleh FICSB pada harga RM100 juta ke atas, secara teknikalnya arahan tersebut bukanlah suatu perintah peruntukan mana-mana undang-undang, lebih-lebih lagi ianya arahan oleh FELDA yang walaupun memegang keseluruhan saham dalam FICSB adalah merupakan suatu entiti luar dan berbeza dari FICSB.

[216] Tetapi mahkamah berpendapat bahawa suatu ketetapan yang dibuat Lembaga FELDA yang merupakan sebuah badan berkanun di bawah Akta Pembangunan Tanah 1956, terutamanya yang berkenaan dengan aktiviti anak syarikat (yang pentingnya juga berkemungkinan telah diterima sendiri oleh Resolusi Pengarah FICSB) boleh dianggap dirangkumi dalam skop pecah amanah jenayah s 405 KK sebagai peraturan Lembaga FELDA yang diterima-pakai oleh FICSB sebagai suatu arahan bersifat undang-undang mengenai harta FICSB yang diamanahkan kepada Lembaga Pengarah FICSB.

Apa pun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, tiada pertikaian oleh pihak pendakwaan dan pembelaan bahawa syarat FELDA itu memang mengikut FICSB.

[217] Ini konsisten dengan keputusan Abdoolcader J (pada ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 yang melibatkan antara lainnya peraturan dalaman atau *by-law* sebuah bank sebagai arahan undang-undang yang terpakai dalam konteks s 405 KK. Keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dikekalkan oleh Mahkamah Persekutuan ketika itu. Mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 menyatakan seperti berikut:

> [822] The prosecution also correctly highlighted that the High Court in that case held that the Co-operative Societies Ordinance 1948, the Co-operative Societies Rules 1949 and the By-laws of the Bank are considered as 'direction of law'. This decision was affirmed by the former Federal Court in *Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 240; [1977] 1 LNS 24 which ruled that the prosecution only has to prove that the accused had dishonestly misappropriated the property entrusted to him in violation of the direction of law which in that case was by-law 5 of the bank.

[218] Pihak pendakwaan menyampaikan pelbagai hujahan untuk mendokong kes mereka, dangan menghuraikan fakta kes sepertimana yang telah mahkamah nyatakan di awal penghakiman ini.

Sama ada kelulusan pembelian MPHS dibuat oleh tertuduh atau Lembaga Pengarah FICSB

[219] Persoalan utama yang sering diulangi oleh pihak pendakwaan ialah tertuduh diberi mandat oleh Lembaga FELDA untuk melaksanakan pelaburan bagi projek bernilai RM100 juta ke bawah sahaja. Daripada perkara 3(vii) Minit Nombor 6227 Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) dan keterangan saksi-saksi berhubung P40 tersebut, pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa Ahli Lembaga FELDA telah menetapkan mandat pelaburan kepada Ahli Lembaga FICSB bagi pelaburan projek bernilai RM100 juta ke bawah sahaja. Oleh yang demikian tertuduh selaku Pengarah dan Ahli Lembaga FICSB hanya diberi kuasa oleh Lembaga FELDA untuk meluluskan pelaburan projek di peringkat FICSB bagi nilai RM100 juta ke bawah.

[220] Pendakwaan dengan itu membuat kesimpulan bahawa tertuduh tidak mempunyai kuasa meluluskan pelaburan bagi projek bernilai RM100 juta ke atas, yang mesti mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA jika FICSB telah meluluskan pelaburan bagi projek bernilai RM100 juta ke atas. Tapi dalam kes

pembelian MPHS pada harga RM160 juta ini, tiada kelulusan Lembaga FELDA dipohon oleh FICSB. Pelaburan yang melibatkan nilai RM100 juta ke bawah pula jelas tidak memerlukan kelulusan Lembaga FELDA.

[221] Hujahan tersebut, bersandarkan keterangan jelas, selain daripada dokumen syarikat, juga daripada keterangan oleh umpamanya, SP15, SP5 dan SP19, adalah tidak boleh disangkal. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati ada kekeliruan dalam hujahan pendakwaan mengenai isu pengamanahan harta kepada Lembaga Pengarah FICSB dan perkara mandat yang diberikan oleh Lembaga FELDA mengenai pembelian pelaburan bernilai lebih RM100 juta. Tiada keraguan bahawa pengamanahan mengenai kelulusan RM100 juta ke atas adalah terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB dan bukannya tertuduh seorang sahaja.

[222] Pendakwaan sebenarnya faham perkara ini. Sepertimana yang dinyatakan mereka, menurut keputusan Lembaga FELDA di bawah perkara 3(vii) Minit Nombor 6227 Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) Lembaga FELDA memberi mandat kepada Ahli Lembaga FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek RM100 juta ke bawah seperti berikut:

> (vii) Ahli Lembaga FELDA memberi mandat kepada Ahli Lembaga FICSB dalam membuat keputusan pelaburan yang melibatkan projek RM100 juta ke bawah.

[223] Dan seperti yang dinyatakan mahkamah sebelum ini, syarat mandat oleh FELDA ini juga berkemungkinan besar telah diterima dan terpakai kepada Lembaga Pengarah FICSB seperti direkodkan dalam Resolusi Pengarah FICSB sendiri. Walaupun tiada keterangan mengenai syarat mandat kelulusan FELDA itu dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB untuk diterima dan mengikat FICSB, mahkamah berpuas hati terdapat cukup keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan seperti SP5 dan SP15 yang jelas menganggap syarat mandat tersebut terpakai kepada dan mesti dipatuhi FICSB. Oleh itu, lebih tepat dalam konteks aplikasi undang-undang syarikat yang terpakai kepada FICSB bahawa Lembaga Pengarah FICSB juga (contohnya, melalui resolusi Lembaga Pengarah FICSB) menerima-pakai syarat mandat keperluan mendapat kelulusan FELDA bagi pelaburan oleh FICSB bernilai lebih daripada RM100 juta sebagai satu syarat oleh Lembaga Pengarah FICSB sendiri.

[224] Namun, apa pun, mahkamah setuju bahawa sama ada asas kepada fakta FICSB mesti mendapatkan kelulusan FELDA bagi pelaburan lebih RM100 juta adalah kerana arahan terus FELDA atau kerana mandat oleh FELDA itu telah pun diterima oleh Lembaga Pengarah FICSB sendiri adalah tidak terlalu

kritikal dalam penghujahan pihak pendakwaan sebab isu utamanya masih tidak berbeza, iaitu keperluan mendapat kelulusan FELDA dalam situasi tersebut.

[225] Tetapi pihak pendakwaan kemudian memberi tumpuan kepada tertuduh sahaja. Pendakwaan berkata Lembaga FELDA telah menetapkan bagaimana dana FICSB digunakan tertuduh untuk tujuan pelaburan. Ini tidak tepat. Penetapan tersebut ditujukan kepada seluruh Lembaga Pengarah FICSB. Pendakwaan juga mengatakan Lembaga FELDA selaras dengan kuasa dan fungsi Lembaga FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 menetapkan had pelaburan yang dibenarkan kepada tertuduh selaku Pengarah dan Ahli Lembaga FICSB, dan minit dalam eksh P40 tersebut adalah satu arahan undang-undang atau peraturan khusus yang dibuat oleh Lembaga FELDA mengenai cara amanah tersebut perlu disempurnakan oleh tertuduh menurut s 405 Kanun Keseksaan.

[226] Mahkamah, seperti yang dijelaskan sebelum ini, bersetuju keputusan Lembaga FELDA tersebut seperti yang direkod dalam minit di eksh P40 boleh dianggap sebagai satu peraturan berkenaan bagaimana pengamanahan harta wang FICSB sepatutnya dikendalikan dalam rangkuman maksud s 405. Sememangnya lebih tepat jika mahkamah menyatakan sekali lagi bahawa peraturan undang-undang ini juga kemungkinan besarnya terkandung dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB sendiri, dan dalam apa-apa keadaan mengikat FICSB. Ini lebih bertepatan dalam kerangka s 409 KK kerana tertuduh sebagai seorang pengarah FICSB dikatakan tidak mengikuti peraturan syarikat FICSB sendiri berkenaan wang milik FICSB (walaupun asalnya dipinjam daripada FELDA) yang diguna oleh FICSB untuk membayar pembelian MPHS yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB.

[227] Dengan lain perkataan, walaupun mandat atau pengamanahan pembelian lebih daripada RM100 juta mesti diluluskan oleh Lembaga FELDA dipertanggungjawabkan kepada setiap seorang Ahli Lembaga Pengarah FICSB, sebarang pembelian atau pelupusan wang untuk membayar pembelian tidak boleh dilakukan oleh seorang Ahli Lembaga Pengarah FICSB bersendirian.

[228] Tidak boleh dinafikan bahawa pembelian MPHS yang memerlukan bayaran RM160 juta oleh FICSB diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Ianya bukan diluluskan oleh tertuduh. Ianya juga tidak boleh diluluskan oleh tertuduh bersendirian kerana undang-undang syarikat dan peraturan tata-urus FICSB meletakkan kuasa melulus pembelian atau pelaburan tersebut bukan di atas tertuduh atau mana-mana pengarah secara individu, tetapi ke atas Lembaga Pengarah FICSB secara kolektif. Walaupun undang undang syarikat membenarkan pengarah melaksanakan delegasi (seperti dibenarkan dalam s

132(1F) Akta Syarikat 1965), dan secara teorinya Lembaga Pengarah FICSB boleh memberi delegasi kuasa meluluskan itu kepada seseorang pengarah atau CEO syarikat, tiada keterangan dalam kes ini yang menunjukkan ini ada dilakukan.

[229] Ini tidaklah memeranjatkan kerana tata urus kelola syarikat yang baik tidaklah patut dijalankan sebegitu, lebih-lebih lagi dalam kes ini di mana amat jelas kehendak FELDA sebagai pemegang saham tunggal FICSB adalah supaya kelulusan melebihi RM100 juta diangkat ke Lembaga FELDA dan bagi yang bernilai RM100 juta dan ke bawah pula, di bawah autoriti Lembaga Pengarah FICSB (bukan mana-mana pengarah individu). Mahkamah sekali lagi menekankan bahawa minit mesyuarat ke-10 Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014 (P41) secara terangnya merekodkan pembelian MPHS pada harga RM160 juta secara fakta dan undang-undangnya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB.

[230] Oleh yang demikian walaupun sebagai seorang pengarah, waima juga sebagai pengerusi, beliau telah diamanahkan harta syarikat, tertuduh tidak boleh di bawah undang-undang dianggap telah melakukan pecah amanah jenayah dengan melupuskan harta wang FICSB bagi tujuan pembayaran pembelian MPHS kerana bukan sahaja beliau secara individu sebagai pengarah dan pengerusi tiada kuasa untuk meluluskan pembelian tersebut, tetapi yang lebih penting lagi, pembelian tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB yang dianggotai tujuh pengarah syarikat, lima daripadanya hadir di mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS tersebut, termasuk tertuduh dan SP15 yang juga CEO syarikat.

[231] Minit Mesyuarat ke-10 Lembaga Pengarah FICSB (P41) juga dengan jelasnya merekodkan bahawa:

> The *board* was agreeable with the Management's opinion and noted there is a potential for investment in MPHS as the overall tourism market study shows a very positive outlook and therefore requested for Management to negotiate further on the offer price. (Penekanan ditambah.)

[232] Tambahan pula, malah Mohamad Safari bin Abdullah (SP22) yang merupakan pegawai penyiasat kes ini sendiri semasa pemeriksaan balas turut mengesahkan bahawa keputusan pembelian MPHS ini dibuat oleh Lembaga Pengarah secara kolektif dan bukan keputusan seorang Ahli Lembaga Pengarah sahaja. SP22 juga sebenarnya berkata tiada kesalahan dilakukan.

> S: Soalan saya, apabila kita ada Felda Induk dan juga anak syarikat dia, FIC, keputusan yang dibuat oleh FIC saya khususkan kepada FIC apabila melibatkan pelaburan, apabila melibatkan pembelian dan penjualan dan sebagainya, mestilah ianya merupakan satu keputusan board, setuju?

J: Setuju.

S: Maknanya board itu Ahli Lembaga Pengarah?

J: Setuju.

S: Dan saya percaya kamu juga telah membuat penyiasatan tentang hal ini dan telah merampas, mengambil semua dokumen-dokumen iaitu minit-minit mesyuarat, resolusi syarikat dan sebagainya, betul?

J: Setuju.

S: Dan dalam penyiasatan kamu, pastinya kamu telah membuat satu analisa dan membuat keputusan bahawa di dalam kes ini bagi melibatkan pembelian Hotel Merdeka oleh FIC ianya dibuat melalui board, setuju? Ahli Lembaga Felda, sorry, Ahli Lembaga FIC?

J: FIC, ya, board FIC, yes.

S: Betul?

J: Betul.

S: Maknanya tiada langsung keterangan yang menunjukkan bahawa keputusan dibuat oleh salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah, betul?

J: Betul.

[233] Dalam kes *Public Prosecutor v Hj Hussin bin Hj Mohd Rejab* [1992] MLJU 3; [1994] 3 CLJ 93 yang dituduh adalah pengerusi syarikat dan juga merupakan salah seorang diberi kuasa menandatangani cek syarikat. Beliau telah dituduh di bawah s 409 KK kerana menyebabkan RM10,000 dibayar kepada beliau sendiri. Mahkamah dalam kes tersebut meneliti struktur *corporate governance* syarikat tersebut, dan membuat keputusan tertuduh tidak boleh dikatakan telah diamanahkan dan diberi kuasa terhadap harta syarikat tersebut.

[234] Wan Yahya J (pada ketika itu) membuat kenyataan berikut:

> I have gone through the evidence of all these witnesses referred to by the appellant and although I am satisfied that there was some degree of interference or perhaps influence exercised by the respondent over his staff the evidence does not necessarily imply the element of entrustment, after all the Company had an assistant director, PW4, who gave evidence that in that capacity he was responsible for the certification of vouchers for all payments. Then there were others who could have signed together with the respondent or any two of the designated persons to authorise payments. Like the Sessions Court Judge, I found it difficult to come to a definite conclusion as to who was actually in charge of the financial aspect of the Company. *Unless the contrary is shown the proper authority having control of the Company's assets, including cash, is the Board of Directors and not any one Director in his individual capacity. A Manager of a firm cannot be liable for breach of trust where*

there is no personal entrustment of the money to him but to the firm — Guha SC 1930 32 Coi LJ 149. (Penekanan ditambah.)

[235] Keputusan yang selari juga didapati dalam kes *Tan Liang Chew & Ors v Public Prosecutor* [1997] 5 MLJ 338 (yang dirujuk di atas) yang juga melibatkan seorang pengarah yang dituduh di bawah s 409 KK. Pendakwaan ada berhujah bahawa kes ini tidak boleh dijadikan sandaran kerana ketika itu s 409 belum dipinda dan s 402A pun belum diperkenalkan.

[236] Mahkamah kurang setuju kerana isu utama dalam kes *Tan Liang Chew & Ors v Public Prosecutor* [1997] 5 MLJ 338 tersebut adalah bukan saja status beliau sebagai agen syarikat atau pun tidak. Tetapi isu lebih penting, seperti dalam kes semasa juga, adalah persoalan sama ada tertuduh boleh dikatakan sebagai diberi pengamanahan atas harta syarikat. KC Vohrah J (pada ketika itu) memberi penghakiman berikut yang relevan:

> The first accused was a director of the society, but so were many others. What was the special role that he had? Where was the evidence that he was an agent of the society? There was no evidence at all that he was an agent of the society.
>
> It has been pointed out in *Chang Lee Swee v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 75 (refd) that one has to look carefully at the oral and documentary evidence to see if indeed the man charged for the offence had dominion over the property and was entrusted with the money; and here neither the oral nor documentary evidence show that the first accused was so entrusted with the money. There was no evidence to show that he had dominion over the money of the society. The evidence that was produced was that he sat on a committee meeting as a member that recommended housing loan applications for approval by the board of directors and that he was a signatory with the second and third accused of a cheque for an amount that is the subject matter of this charge. If at all, the dominion over the property appears to that of the board of directors since it had the power to approve housing loans. The evidence may well show a lax environment for the processing of loan applications and of financial procedures and management but that is not the same as saying the first accused had dominion over the property.
>
> In the circumstances, the first charge was not made out at the close of the prosecution's case. No issue of simple criminal breach of trust under s 406 arises as well.

[237] Mahkamah patut merujuk kepada keterangan SP16 yakni pengarah syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB), pemilik asal dan penjual MPHS, yang mengatakan di perjumpaan beliau dengan tertuduh kali pertama, tertuduh memberitahu SP16 bahawa sebarang kelulusan mengenai pembelian MPHS adalah bergantung kepada keputusan Lembaga Pengarah FICSB.

> S: Kamu jumpa dengan dia Tan Sri Isa jawab begini, apa Tan Sri Isa kata kamu jawab Isa beri respond yang positif dan akan cuba membantu kami namun keputusan

bergantung kepada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah FICSB tetapi dia tidak menjanjikan apa-apa kepada saya dan Ibrahim Baki, betul?

J: Betul.

S: So, even Isa cannot help you. He can only assist you but there is no guarantee because everything up to the Lembaga Pengarah to decide, am I right, he said that very clearly to you and Ibrahim Baki, setuju?

J: Ya.

S: Even the pertemuan itu setengah jam. Zahid Md Arip tiada di situ. Setuju dengan saya bahawa Zahid Md Arip tiada, bukan? Zahid Md Arip sudah atur segalanya dia serahkan kamu kepada Tan Sri Isa, betul?

J: Ya, betul.

S: Semasa kamu jumpa Tan Sri Isa, this was the only thing yang keluar daripada mulut dia. Saya boleh tolong bantu tetapi saya tidak janji. Pulang kepada Ahli Lembaga Pengarah dan saya juga tidak menjanjikan apa-apa. Itu sahaja yang dia cakap berkenaan pembelian Hotel Merdeka, bukan?

J: Ya.

S: Very nice of him. Panggil ajak makan tengah hari lagi semasa itu, betul?

J: Betul.

S: Semasa makan tengah hari pun tidak cakap mengenai Hotel Merdeka tentang apa-apa hal. Dia hanya stick to what he had said earlier, am I right?

J: Right.

[238] Pihak pendakwaan sendiri dalam hujahan bertulis mereka juga mengatakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah FICSB mengenai cadangan pengambilalihan MPHS pada harga RM160 juta adalah sebulat suara dan direkodkan di bawah 'Perkara 5. PROPOSED ACQUISITION OF MERDEKA PALACE HOTEL & SUITES, KUCHING, SARAWAK' dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 bertarikh 29 April 2014 (P41) yang dipetik seperti berikut:

> With no further questions arising, it was RESOLVED:
>
> THAT the Company be and is hereby authorised to proceed with the proposed acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suite, Kuching, Sarawak, subject to the final negotiation on the price not exceeding RM160,000,000.
>
> THAT authority be and is hereby given to the Chief Executive Officer to execute all relevant documents in in respect of the proposed acquisition thereof.

[239] Oleh yang demikian, daripada keputusan tersebut, Lembaga Pengarah FICSB memutuskan sebulat suara tanpa sebarang soalan, bersetuju dengan cadangan pengambilalihan MPHS, tertakluk kepada perundingan akhir harga

tidak melebihi RM160 juta dan kuasa diberikan kepada CEO untuk melaksanakan dokumen yang relevan dengan cadangan pengambilalihan MPHS tersebut.

[240] Menurut SP15, berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB beliau telah mencatatkan harga RM160 juta pada ruangan 'Approval Sought' pada Kertas Lembaga bertajuk 'FIC Board Paper Meeting Paper surat tawaran 4/4/2014 Proposed Acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak' (P69) tersebut. Ini menjelaskan lagi tanpa sebarang keraguan bahawa kelulusan dibuat Lembaga Pengarah FICSB.

[241] Satu lagi contoh hujahan pendakwaan yang meletakkan kesalahan membuat kelulusan pembelian MPHS tersebut kepada tertuduh sahaja walau pun pendakwaan sedar yang memberi kelulusan adalah Lembaga Pengarah FICSB adalah ini. Pendakwaan telah nyatakan pada 30 April 2014 SP15, sebagai CEO telah memaklumkan kepada GAPSB melalui surat bertarikh 30 April 2014 (P254) bahawa FICSB telah menerima tawaran daripada GAPSB berjumlah RM160 juta bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan. SP16 telah menerima surat dalam eksh P254 tersebut.

[242] Seterusnya, pada 14 Mei 2014 Ikhwan bin Zaidel (SP16) dan Ibrahim Baki telah berjumpa SP15 di pejabatnya di Balai Felda, Jalan Gurney, Kuala Lumpur berkaitan urusan pembelian MPHS yang telah dipersetujui oleh FICSB. Pihak FICSB kemudiannya menghantar surat penerimaan atau 'Letter of Acceptance' bertarikh 22 Mei 2014 (P255) yang dirujuk sebelum ini, kepada GAPSB memaklumkan persetujuan untuk membeli MPHS pada harga RM160 juta tertakluk kepada terma-terma yang ditetapkan. SP16 bersetuju dengan terma-terma yang ditetapkan.

[243] Hujah pendakwaan ialah kedua-dua dokumen iaitu dalam ekshs P254 dan P255 tersebut jelas menunjukkan Ahli Lembaga Pengarah FICSB termasuk tertuduh telah bersetuju dengan tawaran yang dikemukakan oleh GAPSB sebanyak RM160 juta. Mahkamah dapati ini sudah tentunya benar kerana keterangan yang dikemukakan di mahkamah begitu jelas.

[244] Tetapi pendakwaan terus menghujahkan bahawa 'fakta ini juga jelas menunjukkan OKT telah melanggar arahan Lembaga FELDA yang mengkehendaki OKT memohon kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25.6.2013 (P40)'.

[245] Satu lagi contoh. Pada 23 Jun 2014 di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-12, SP15 telah membentangkan status terkini pengambilalihan MPHS ketika perjanjian jual beli MPHS sedang dalam

peringkat untuk dimuktamadkan. Lembaga Pengarah FICSB turut bersetuju bahawa satu anak syarikat baru, dinamakan FIC Kuching Hotel Sdn Bhd ditubuhkan untuk mengendalikan MPHS. Ini direkod dalam Minit Minit Mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-12 tersebut (P240).

[246] Bagi pihak pendakwaan, fakta ini juga menurut mereka jelas menunjukkan tertuduh telah membincangkan pelaksanaan pelaburan ke atas MPHS tanpa mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu bertentangan dengan arahan Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40).

[247] Tetapi ini adalah satu lagi keputusan Lembaga Pengarah FICSB. Ianya bukan keputusan tertuduh berseorangan. Beliau bersendirian, walaupun sebagai pengerusi syarikat, tiada kuasa untuk memberi kelulusan tersebut.

Sama ada tertuduh memaksa atau mempengaruhi Lembaga Pengarah FICSB

[248] Pihak pendakwaan juga sebenarnya lebih memberi tumpuan terhadap perkara yang didakwa sebagai penglibatan tertuduh dalam persiapan pembentangan kertas kerja mengenai MPHS oleh SP15 kepada mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang akhirnya memberi kelulusan pembelian tersebut. Ini termasuklah arahan yang dikatakan diterima daripada Perdana Menteri ketika itu supaya keputusan asal Lembaga Pengarah FICSB yang menolak cadangan pembelian dikaji semula, dan perbincangan yang dikatakan berlaku antara SP15 dan tertuduh mengenai harga belian MPHS sebelum ianya dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang meluluskannya.

[249] Ini juga konsisten dengan pertuduhan yang dikenakan tertuduh di mana pecah amanah jenayah tersebut dianggap berlaku apabila tertuduh telah 'dengan curangnya melepaskan harta tersebut dengan meluluskan cadangan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak dengan harga RM160 juta tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)'. Dengan lain perkataan kelulusan pembelian tersebut mengakibatkan pelupusan dana syarikat sebanyak RM160 juta.

[250] Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sehari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014, dalam perjumpaan bersama tertuduh, SP15 sebagai CEO menyatakan cadangan agar FICSB meminta diskaun sebanyak RM10 juta daripada GAPSB dipersetujui tertuduh dan dikatakan tertuduh memberitahu SP15 beliau akan meminta Ahli Lembaga Pengarah FICSB untuk sama bersetuju dengan diskaun RM10 juta. Tetapi esoknya, pada 29 April 2014 sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 bermula, menurut SP15, tertuduh telah mengarahkan SP15 supaya mengekalkan pembelian MPHS pada harga RM160 juta (tawaran terkini oleh

GAPSB) dan SP15 tidak perlu membangkitkan perkara diskaun RM10 juta dalam mesyuarat Lembaga FICSB. Walaupun harga yang dicadangkan oleh pengurusan adalah RM153 juta, tertuduh mengatakan bahawa FICSB perlu mengambil kira elemen ihsan atau 'goodwill' MPHS yang telah lama beroperasi sebagai justifikasi bagi FICSB membeli MPHS pada harga RM160 juta.

[251] Keterangan SP15 mendakwa tentang perbincangan antara beliau dan tertuduh mengenai harga belian berlangsung sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah. Tetapi dalam mesyuaratlah forum di mana Lembaga Pengarah membuat keputusan penting untuk membeli MPHS pada harga RM160 juta. Pihak pembelaan juga sangsi dengan keterangan SP15 yang dikatakan oleh pihak pendakwaan mempunyai motif untuk menyelamatkan diri sendiri dan mengaku dalam pemeriksaan balas turut sebelum ini direman SPRM atas penyiasatan pembelian hotel di Kensington, London oleh FICSB.

[252] Menurut pendakwaan penglibatan tertuduh sebegini dalam cadangan harga belian menguatkan kes bahawa tertuduh telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta FICSB.

[253] Mahkamah tidak menerima hujahan pendakwaan ini. Ianya sekali lagi tersasar. Apa pun cadangan yang dikatakan dilakukan oleh pengurusan, sama ada pada harga RM153 juta atau RM160 juta, dan sama-ada melibatkan campur tangan tertuduh, mestilah akhirnya dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah untuk menerima tawaran RM160 juta. Keputusan adalah hasil budi bicara yang terletak atas para pengarah syarikat di bawah undang-undang.

[254] Apakah keterangan yang menunjukkan pengarah lain diarah atau dipaksa untuk meluluskan cadangan yang dikatakan dipengaruhi oleh tertuduh? Mahkamah dapati ini tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Dapatan mahkamah adalah sebaliknya. Atas beberapa sebab.

[255] Pertama, walaupun tertuduh Pengerusi FELDA dan FICSB, lantikan Ahli Lembaga Pengarah FICSB (yang mana semuanya kecuali SP15 adalah juga dalam Lembaga FELDA) ke Lembaga FELDA adalah dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab di bawah s 15(2) Akta Kemajuan Tanah 1956, seperti yang dirujuk sebelum ini.

[256] Kedua, Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab secara statutori dan fidusiari untuk membuat keputusan secara jujur bagi menafaat dan kepentingan syarikat. Ini termaktub di dalam s 132 Akta Syarikat 1965 yang terpakai dalam kes ini. Seksyen 132(1) memperuntukkan bahawa 'A director of a company shall at all times exercise his powers for a proper purpose and in

A good faith in the best interest of the company'. Seksyen 132(3) pula menyatakan sebarang pelanggaran peruntukan seksyen itu oleh mana-mana pengarah adalah suatu kesalahan di bawah Akta tersebut.

B **[257]** Ketiga, sebenarnya SP15 sendiri tidak memberitahu mahkamah bahawa Lembaga Pengarah FICSB membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS dan penubuhan anak syarikat baru kerana diarah atau dipengaruhi oleh tertuduh. SP15 hanya menyatakan selepas pembentangan oleh SP15, tertuduh memaklumkan kepada mesyuarat bahawa FICSB perlu ambil kira elemen lain seperti 'goodwill' untuk timbang harga RM160 juta C yang ditawarkan oleh GAPSB, yang dicadangkan oleh tertuduh untuk diterima. Lembaga Pengarah bersetuju dengan harga ini.

[258] Memang kertas cadangan (P69) itu pun yang disediakan pihak D pengurusan yang diketuai SP15 mencadangkan pembelian MPHS (pada harga RM153 juta). SP15 sendiri memberi keterangan dalam penyataan bertulis beliau bahawa dalam pembentangan kertas cadangan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB tersebut, pihak pengurusan telah membuat semakan semula dan atas asas potensi pelancongan di sekitar lokasi MPHS, 'sekiranya E pengambilalihan ini berlaku, MPHS akan memperolehi keuntungan'.

[259] Keempat, langsung tiada keterangan daripada Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang mana-mana daripada mereka diarah atau dipengaruhi untuk meluluskan pembelian atau penubuhan anak syarikat. Sebenarnya tiada F seorang pengarah FICSB lain pun yang dipanggil oleh pendakwaan selain daripada SP15 sendiri yang juga merupakan CEO syarikat untuk mengetahui perkara sebenar yang berlaku semasa mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta tersebut, dan sekiranya mereka diarah tertuduh untuk bersetuju meluluskan pembelian MPHS dengan harga G RM160 juta. Tiga lagi pengarah FICSB yang hadir di mesyuarat itu, iaitu Datuk Dr Omar bin Salim, Datuk Ehsanuddin dan Datuk Faizoull bin Ahmad langsung tidak dipanggil pihak pendakwaan. Ini sudah tentunya kurang membantu kes pendakwaan kerana SP15 juga berkata beliau telah memaklumkan ketiga pengarah ini mengenai cadangan meminta diskaun H sebanyak RM10 juta daripada GAPSB yang dikatakan telah awalnya dipersetujui oleh tertuduh.

[260] Kelimanya, berkenaan isu pengaruh atau arahan oleh tertuduh ke atas Lembaga Pengarah ini, terdapat satu keterangan yang dibangkitkan oleh I pendakwaan dalam hujahan mereka ialah yang diberi oleh Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14), setiausaha syarikat dari luar (*external*) FICSB yang terlibat dalam proses merekodkan minit mesyuarat tersebut yang mana beliau mengesahkan bahawa selepas pembentangan perkara 5 Minit Mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-10 oleh CEO (SP15), tertuduh telah meminta semua

Ahli Lembaga Pengarah FICSB bersetuju dengan apa yang SP14 katakan mengenai MPHS dalam pernyataan bertulis beliau 'Tan Sri Isa Samad bertanya kepada semua ahli-ahli Lembaga Pengarah yang hadir 'Kita bersetuju ye? Setuju ye' dan semua ALP yang lain tidak menyatakan mereka tidak bersetuju, maka dianggap sebagai persetujuan sebulat suara oleh ALP FICSB'.

[261] Mahkamah dapati ini nampaknya selari dengan keterangan SP15 di mana dalam penyataan bertulis ada menyebut tertuduh di akhir pembentangan kertas oleh SP15 di mesyuarat tersebut telah berkata bahawa FICSB perlu ambil kira elemen *goodwill* MPHS dan mencadangkan FICSB membeli MPHS dengan harga RM160 juta, yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Tetapi seperti yang diterangkan mahkamah sebelum ini, syor yang dibuat tertuduh sebagai Pengerusi ini tidak boleh dikatakan sebagai arahan atau pengaruh kepada Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS dengan harga RM160 juta. Secara objektifnya kenyataan tersebut adalah bersifat neutral dalam sesuatu perbincangan dan tidak mempamirkan unsur arahan, dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB juga tidak dipanggil untuk memberi keterangan sama ada mereka diarah atau dipengaruhi tertuduh untuk meluluskan pembelian MPHS tersebut.

Sama ada terdapat keterangan mengenai arahan atau pengaruh tertuduh dalam minit mesyuarat

[262] Pihak pendakwaan berpendapat keterangan SP15 mengenai apa yang dikatakan sebagai arahan-arahan tertuduh kepada beliau dan di dalam mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014 adalah keterangan langsung terhadap tertuduh di bawah s 60(1)(b) Akta Keterangan 1950. Mahkamah telah bincang perkara ini. Iaitu perbincangan antara tertuduh dengan SP15 tidak disokong keterangan lain dan yang lebih penting, isunya adalah Lembaga Pengarah FICSB di mesyuarat telah meluluskan pembelian MPHS itu. Juga sudah didapati mahkamah bahawa tiada keterangan yang menunjukkan tertuduh mengarah atau mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan itu.

[263] Pihak pendakwaan terus berhujah bahawa keterangan lisan SP15 tidak terhad hanya kepada apa yang dicatat dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 tersebut. Pendakwaan merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 terutamanya bahagian penghakiman Abdoolcader J (pada ketika itu) yang berikut:

> I should also at this stage refer to the submission of counsel for the second accused that no evidence which would in any way contradict, vary, add to or subtract from the minutes of the Board meetings of the Bank is admissible by virtue of the provisions of ss 91 and 92 of the Evidence Act, 1950, notwithstanding profuse

examination and cross-examination on the minutes throughout these proceedings. This submission on a point of law should perhaps be considered and disposed of before I come to deal with the evidence and is, as I understand it, premised on the provisions of By-law 50 which prescribes that all matters deliberated or decided upon at a Board and General meeting shall be recorded in a minute book and signed by the Secretary and the Chairman on confirmation of the minutes. Counsel for the 2nd accused argues that this is therefore a matter required by law to be reduced to the form of a document and accordingly comes within the provisions of ss 91 and 92 of the Evidence Act. *I cannot accept that contention for two reasons. Firstly, it is clear from the terms of By-law 50 that what should be recorded in the minute book are only all matters deliberated or decided upon, and the minutes cannot therefore be fully exhaustive of everything that transpires at such meetings. And secondly, in the context of the wording in section 92 of the Evidence Act, the clause 'any matter required by law to be reduced to the form of a document' would appear to refer to bilateral instruments and dispositive documents only, such as contracts, grants or other disposition of property which the law requires to be reduced to writing, and not to every and all matters which the law requires to be reduced into a document, as, for instance, the depositions of witnesses which, though required by law to be reduced to the form of a document, would not come within this section and oral evidence is therefore admissible to contradict such depositions.*

[264] Mahkamah setuju bahawa minit mesyuarat tidak semestinya dianggap merangkumi semua perkara yang ditimbul, dibangkit atau yang disebut dalam sesuatu mesyuarat. Ini adalah kerana minit bukanlah lazimnya merekodkan perbincangan dan apa yang berlaku dalam mesyuarat secara *verbatim*. Dalam kes semasa juga, saksi-saksi yang merupakan setiausaha syarikat FICSB mengesahkan minit tidak disedia secara *verbatim*.

[265] Walau bagaimanapun, perkara pokoknya ialah, seperti yang telah diterangkan sebelum ini tiada keterangan sokongan yang boleh dipercayai kepada hujahan pihak pendakwaan bahawa tertuduh telah meluluskan atau mengarah dan mempengaruhi keputusan yang meluluskan pembelian MPHS itu.

[266] Sebaliknya mahkamah dapati bahawa isu mengenai penyediaan minit mesyuarat, terutamanya hujahan pihak pendakwaan iaitu bukan semua perkara direkodkan dalam sesuatu minit sebenarnya lebih mengukuhkan kes pihak pembelaan. Ini adalah keterangan saksi-saksi pendakwaan seperti Wong Siew Yeen (SP13) dan Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14) yang merupakan setiausaha syarikat telah menyatakan bahawa adalah satu kelaziman yang standard dalam profesion kesetiausahaan syarikat bahawa perkara penting mesti dicatat dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat. Perkara yang sama terpakai kepada minit mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta.

[267] SP5 juga bersetuju bahawa kemungkinan perkara penting tidak

direkodkan dalam minit adalah kecil. Ini adalah kerana, seperti yang diterangkan oleh SP15 sebagai CEO juga, ada dua peringkat minit dirujuk kepada Ahli Lembaga (ini pun selepas diperiksa CEO sendiri). Ini memang amalan kesetiausahaan syarikat yang biasa. Pertama ketika ianya dibentang di mesyuarat untuk kelulusan Ahli Lembaga. Ini adalah agenda untuk meluluskan minit mesyuarat terdahulu yang membincangkan kertas yang berkenaan. Keduanya ketika perkara kelulusan minit itu dibawa pula ke mesyuarat seterusnya sebagai agenda pengesahan minit di mana minit keseluruhan mesyuarat sebelumnya termasuk juga antara lainnya agenda pengesahan minit terdahulu tersebut.

[268] Lebih-lebih lagi ini disokong pula oleh keterangan dokumen berdasarkan minit mesyuarat sendiri. Memang diketahui bahawa minit mesyuaratlah sandaran penting untuk diketahui apa-apa perkara yang dibincang dan diputuskan dalam mana-mana syarikat. Seksyen 156 Akta Syarikat 1965 (yang terpakai dalam kes ini) memperuntukkan:

> 156 Minutes of proceedings
>
> (1) Every company shall cause —
>
> (a) minutes of all proceedings of general meetings and of *meetings of its directors* and of its managers, if any, *to be entered in books kept for that purpose within fourteen days of the date upon which the relevant meeting was held*; and
>
> (b) those minutes to be signed by the chairman of the meeting at which the proceedings were had or by the chairman of the next succeeding meeting.
>
> (2) *Any minute so entered that purports to be signed as provided in subsection (1) shall be evidence of the proceedings to which it relates*.
>
> (3) Where minutes have been so entered and signed, then, until the contrary is proved —
>
> (a) the meeting shall be deemed to have been duly held and convened;
>
> (b) all proceedings had thereat shall be deemed to have been duly had; and
>
> (c) all appointments of officers or liquidators made thereat shall be deemed to be valid.
>
> (4) If default is made in complying with this section the company and every officer of the company who is in default shall be guilty of an offence against this Act.
>
> Penalty: Two thousand ringgit. Default penalty. (Penekanan ditambah.)

[269] Spesifik kepada FELDA pula, Minit Mesyuarat Lembaga FELDA dan anak syarikat seperti FICSB juga merupakan keterangan yang boleh diterima dalam prosiding undang-undang di bawah s 67 Akta Kemajuan Tanah 1956 yang mengatakan:

Section 67 Minutes receivable in evidence.

Any minutes made of meetings of the Authority or any board or corporation shall, if duly signed, be receivable in evidence in all legal proceedings without further proof and every meeting of the Authority or any board or corporation in respect of the proceedings of which minutes have been so made shall be deemed to have been duly convened and held and all members thereat to have been duly qualified to act.

[270] Oleh itu sememangnya menjadi tanggungjawab setiap institusi termasuk FELDA dan FICSB untuk memastikan minit mesyuarat disediakan dengan tepat dan merangkumi perkara penting yang perlu direkodkan kerana undang-undang memberi status khas kepada dokumen minit tersebut, di mana minit yang telah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat akan diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.

[271] Mahkamah dapati dalam kes ini minit mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014 (eksh P41) yang meluluskan pembelian MPHS pada RM160 juta mendedahkan dua perkara utama. Pertama, tiada langsung catatan tertuduh membangkitkan apa-apa isu yang boleh dianggap sebagai satu bentuk arahan, dan kedua, tiada persoalan ditimbulkan oleh mana-mana Ahli Lembaga Pengarah sebelum keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah.

[272] Seorang setiausaha syarikat (*external*) FICSB, Wong Siew Yeen (SP13) yang juga hadir bersama Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14) pada mesyuarat pada 29 April 2014 tersebut telah mengesahkan bahawa beliau telah mencatit segala perkara-perkara penting termasuk pandangan Lembaga Pengarah FICSB, sekiranya ada. Beliau juga bersetuju ketika disoal balas bahawa sekiranya tertuduh telah memberikan apa-apa arahan mahupun pandangan untuk meminta Ahli Lembaga Pengarah meluluskan pembelian MPHS, sudah pasti ianya dicatitkan oleh SP14, seperti berikut:

S: Rujuk kepada mesyuarat yang ke-10 iaitu pada 29.4.2014, P41. Pertama saya ingin bertanya kalau ikut catitan di sini ianya dihadiri oleh Lembaga yang juga terdiri daripada Mohd Zaid Abd Jalil, CEO, betul?

J: Ya, betul.

S: Kamu sendiri tidak hadir, bukan?

J: Saya hadir.

S: Maknanya mewakili syarikat Symphony Corporate House ini ada 2 orang iaitu kamu dan juga Ruzeti?

J: Ya.

S: Jadi kedua-duanya yang mencatitkan minit mesyuarat ini?

J: Ya.

S: Kamu tadi sudah bersetuju dengan saya maknanya apabila generally you were talking about your responsibility to minute every important issue that has been raised, all the important proposals, all the important decisions, you must write down or minute it, right, you agreed with me. That also applies bagi kes FIC ini, tidak begitu?

J: Ya.

S: Maknanya tiada pengecualian across the board semua tanggungjawab kamu mencatitkan setiap benda yang penting, right?

J: Ya.

S: Jadi kalau kamu sekali imbas kamu lihat kepada seluruh P41 itu iaitu minit mesyuarat, ini adalah minit-minit mesyuarat, bukan?

J: Ya.

S: Siapa sediakan?

J: Ruzeti sedia, saya semak.

S: Tetapi kamu kata dalam mesyuarat kamu catitkan juga?

J: Ya, catit. Kita catit dan kita buat semakan ikut kita

S: Maknanya kamu compare?

J: Ya.

S: So, bermakna bukan Ruzeti seorang sahaja yang prepare. Kamu dan Ruzeti prepare together, am I right to say that?

J: Yes.

S: Because both of you minuted during the meeting, right?

J: Yes.

S: Then at the end of the session you compare notes?

J: Yes.

S: So, I am sure you are very familiar saya pasti kamu amat familiar dengan kandungan di dalam minit mesyuarat ini, setuju? Though it is in year 2014, I know but kamu pernah direkod statement oleh pihak SPRM, bukan?

J: Yes.

S: And you've been shown with these minutes, right?

J: Yes.

S: Pastinya kamu sudah pernah lihat sebelum kamu masuk Mahkamah ini kamu sudah lihat, bukan?

J: Yes.

S: And then that refresh your memory even though in 5 years ago but when you look at this minute it will fresh your memory that actually you were the one who had minuted and memang kamu ingat butiran-butiran yang telah tercatit di sini, betul?

J: Ya.

S: Of course, I won't expect to say something which is not here. Everything that you said is important it has been written here. So, all documented right?

J: Yes.

S: You have to answer with confidence and clear. Kalau kamu ragu-ragu itu saya pun tidak berapa selesa, betul tak?

J: Betul.

S: For that matter, pada hari mesyuarat tersebut, setuju dengan saya bahawa isu berkaitan dengan pembelian Merdeka Palace Hotel dibentangkan?

J: Ya.

S: Siapa yang bentangkan?

J: CEO.

S: Siapa?

J: Encik Zaid.

S: Zaid Jalil?

J: Ya.

S: Dan sepanjang pengalaman kamu bekerja dengan pihak FIC sebagai company secretary, setuju tak kalau saya katakan bahawa segala pembentangan kerja yang melibatkan FIC dibentangkan oleh Zaid Jalil?

J: Ya.

S: Malah Zaid Jalil adalah orang yang mengetahui tentang segala kertas-kertas yang hendak dibentangkan dan hendak dipersetujui oleh pihak Lembaga, setuju?

J: Ya.

S: Rujuk kepada muka surat 10 dalam minit mesyuarat ini. Look at the 2nd paragraph at page 10. This was highlighted by the management which is the CEO, right?

J: Yes.

S: Having said that, cuba kamu lihat segala perincian berkaitan dengan kertas pembelian Merdeka Palace ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam mesyuarat ini oleh Zaid Jalil, right?

J: Ya.

S: Kamu dengar sendiri Zaid Jalil bentangkan, bukan? Then kalau kamu lihat kepada muka surat 13, 'The board was agreeable with the management opinion and noted that there is a potential for investment in Merdeka Palace Hotel & Suites as

the overall tourism market study ...'. So, you have written this. Kamu tulis ini berdasarkan kepada persetujuan dan keputusan Ahli Lembaga FIC, am I right?

J: Ya.

S: You wouldn't be writing this without that decision been made, am I right?

J: Ya.

S: So, do you agree with me that this was actually what transpired during the meeting?

J: Ya.

S: Saya pasti apabila ianya dibentangkan oleh CEO di hadapan semua Lembaga Pengarah, semua Lembaga Pengarah boleh memberi komen dan boleh menyuarakan sekiranya mereka tidak puas hati atau pun tidak bersetuju, betul tak?

J: Betul.

S: Ada atau tidak sesiapa yang tidak bersetuju?

J: Saya tidak dengar.

S: Sebab kalau ada pastinya kamu telah mencatitkan ketidaksetujuan oleh mana-mana Ahli Lembaga Pengarah, am I right?

J: Betul.

S: So setuju tak kalau saya rumuskan bahawa keputusan pembelian Hotel Merdeka oleh board FIC tadi atas proposal daripada management mendapat keputusan secara unanimous atau pun keseluruhannya bersetuju, setuju?

J: Ya, setuju.

S: And if you were to look at page 13, the 2nd paragraph, 'with no further question' meaning there's no people who questioned or challenged or object. It was hereby resolved that the company be and it's hereby authorized to proceed with the propose acquisition of Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching Sarawak subject to the final negotiations of the price not exceeding RM160million, right?

J: Right.

S: So, this was what being resolved during the meeting by the whole board members, setuju?

J: Setuju.

[273] Mahkamah dapati tidak boleh dinafikan minit mesyuarat (P41) tidak mengandungi apa-apa yang menunjukkan sebarang unsur tertuduh buat cubaan mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain untuk meluluskan pembelian dengan harga RM160 juta. Dan juga tiada langsung catatan dalam minit tersebut mana-mana Ahli Lembaga Pengarah membangkitkan sebarang soalan atau pun pendapat mengenai pembelian tersebut.

[274] Mahkamah berpendapat sekiranya terdapat perbincangan yang melibatkan kewajaran pembelian atau mengenai harga pembelian, ini adalah perkara penting yang pastinya dimasukkan ke dalam minit. Tetapi saksi pendakwaan yang bertindak sebagai setiausaha mesyuarat itu, SP13 dan SP14 jelas mengatakan tiada perbincangan sedemikian selepas pembentangan oleh SP15.

[275] Tambahan pula SP15 sendiri dalam keterangannya semasa diperiksa balas menjelaskan sebelum minit mesyuarat (P41) dibentang untuk disahkan oleh Lembaga Pengarah di mesyuarat yang seterusnya, prosesnya adalah pihak setiausaha syarikat mesti menyerahkan deraf minit untuk semakan SP15 sebagai CEO terlebih dahulu. Tetapi tiada keterangan daripada SP15 sendiri bahawa beliau mencadang apa-apa pindaan terhadap deraf yang kemudiannya disahkan di mesyuarat seterusnya oleh Lembaga Pengarah, juga tanpa sebarang pindaan.

[276] Jika benar pun tertuduh membuat kenyataan seolah-olah mencadangkan kelulusan, ini saja tidak mencurigakan kerana secara asasnya pembelian MPHS sebenarnya memang sudah dicadangkan dalam kertas yang dibentangkan (walaupun disebut pada harga RM153 juta). Secara lazimnya pengerusi selalunya bertindak memastikan pelancaran proses perbincangan kertas-kertas menurut agenda mesyuarat.

[277] Mahkamah juga dapati keterangan Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14), setiausaha syarikat *external* FICSB yang dirujuk sebelum ini mengenai perkataan (secara spesifik) yang didakwa diungkap oleh tertuduh tidak pula disokong oleh mana mana saksi lain atau individu lain yang hadir di mesyuarat tersebut. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tiga lagi Ahli Lembaga Pengarah lain yang juga hadir dan sama-sama meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta itu tidak pun dipanggil untuk beri keterangan bagi pihak pendakwaan.

[278] Perlu juga diterangkan mahkamah bahawa sebenarnya ada dua individu yang bertindak sebagai setiausaha syarikat dalam mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS tersebut. Ini jelas dalam keterangan SP13 yang dipetik di atas. FICSB melantik firma kesetiausahaan luar sebagai setiausaha syarikat dan bagi mesyuarat tersebut dua pekerja firma tersebut telah hadir. Ruzeti Emar bt Mohd Rosli (SP14) adalah pembantu kepada Wong Siew Yeen (SP13) dan kedua-duanya membuat catatan prosiding mesyuarat bagi tujuan penyediaan minit. SP14 adalah setiausaha yang direkodkan dalam minit (P41) bagi tujuan mesyuarat itu manakala SP13 pula dinyatakan hehadirannya atas jemputan. Jelas SP13 membantu tugas SP14. Keduanya bertugas di Symphony Corporate House Sdn Bhd, firma yang memberi khidmat kesetiausahaan syarikat.

[279] Dalam penyataan saksi SP13 tidak pula terdapat keterangan yang ditimbulkan oleh pembantunya SP14 yang tertuduh berkata 'Kita bersetuju ye? Setuju ye'. Dan dalam pemeriksaan balas SP13, beliau mengesahkan dalam bilik mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB tersebut, beliau duduk hampir dengan tempat Pengerusi (tertuduh). SP14 sendiri dalam pemeriksaan balas setuju beliau duduk lebih jauh daripada tertuduh berbanding SP13.

[280] Namun, apa pun, SP14 juga menjelaskan ketika disoal balas bahawa kenyataan beliau mengenai apa yang dikata olehnya disebut oleh tertuduh bukan bermaksud untuk memberi bayangan ada sesuatu yang tidak berpatutan mengenainya. SP14 menekankan bahawa semua pengarah tidak membangkitkan sebarang bantahan langsung.

[281] Mahkamah juga merujuk kepada keterangan oleh SP5 yang dalam jawatan Pengarah Besar FELDA (pegawai eksekutif tertinggi FELDA) penting untuk menunjukkan cara tertuduh mempengerusikan mesyuarat dan pengendalian perbincangan kertas yang dibentangkan. SP5 merupakan Pengarah Jabatan Tanah FELDA yang kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Besar FELDA pada 1 April 2015 sehingga bersara wajib pada 15 Mei 2017. SP5 merupakan Ahli Lembaga Pengarah FELDA ketika tertuduh berada dalam FELDA.

[282] Menurut SP5, tertuduh merupakan seorang Pengerusi yang menerima dan mengikut keputusan ahli-ahli Lembaga Pengarah FICSB di dalam memutuskan sesuatu perkara. SP5 dalam pemeriksaan balas menyatakan seperti berikut:

> S: Kamu tadi ditanya oleh rakan bijaksana saya tentang character atau pun sikap Tan Sri ini apabila di dalam mesyuarat bila orang tidak setuju apa respons dia dan kamu sudah beritahu dia biasa sahaja, right?
>
> J: Ya.
>
> S: Setuju tak kalau saya katakan bahawa Tan Sri Isa ini adalah seorang Pengerusi yang ikut cakap Pengarah? Pengarah decide, majority setuju, setujulah. Kalau Pengarah tidak setuju, tidak setujulah, betul?
>
> J: Betul.
>
> S: Memang dia bersikap begitu, tidak begitu?
>
> J: Betul.
>
> S: Dan pengalaman kamu bersama dengan dia, pernahkah dia bantah apabila Pengarah tidak setuju? 'Kamu kena ikut cakap aku', ada pernah dia berkata begitu? Tidak pernah, bukan?
>
> J: Tidak pernah.

S: Jadi in other words, ini lebih menguatkan lagi fakta bahawa bukan sahaja Pengarah-Pengarah itu ada kuasa malah Pengarah-Pengarah yang lain itu tidak pernah pun di influence untuk mematuhi segala kehendak Tan Sri Isa, betul?

J: Betul.

S: Dan setiap kali juga apabila ada perbincangan sama ada di dalam mungkin FIC kamu tidak ada, di dalam Felda umpamanya, setiap kali ada kertas memang Pengerusi ini tadi Tan Sri Isa ini akan membenarkan Pengarah-Pengarah yang hadir di dalam meeting itu untuk menyuarakan pandangan dan membuat keputusan mereka sendiri, betul?

J: Betul.

S: Tidak pernah dia kata 'I want this', 'I want that', 'PM wants this', 'PM wants that', 'You have to follow' there is no such thing, betul? Di dalam Felda. FIC lain. Kamu tiada dalam FIC ketika Tan Sri menjadi Pengerusi.

J: Betul.

Sama ada pembelian MPHS menyebabkan kerugian

[283] Suatu isu yang ditimbulkan pihak pendakwaan untuk menyatakan bahawa FICSB (dengan mengaitkan peranan tertuduh seperti yang dibincang sebelum ini) mengalami kerugian dalam pelaburan pembelian MPHS ialah penilaian semula yang diarah oleh Lembaga Pengarah FICSB dalam tahun 2017 yang menggantikan para pengarah yang dipengerusikan oleh tertuduh adalah lebih rendah daripada penilaian terdahulu yang telah dibentangkan ke mesyuarat Lembaga Pengarah yang meluluskan pembelian MPHS yang direkodkan dalam minit mesyuarat ke-10 Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014 (P41).

[284] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa pembelian MPHS yang diusahakan oleh tertuduh menyebabkan kerugian kepada FICSB kerana harga semasa hotel tersebut hanya berjumlah RM77.5 juta berbanding harga pembelian hotel tersebut pada RM160 juta.

[285] Mahkamah ulangi dapatan penting bahawa sekiranya benar ada kerugian, kelulusan pembelian MPHS pada RM160 juta adalah keputusan Lembaga Pengarah FICSB, bukan oleh tertuduh berseorangan.

[286] Tambahan lagi, saksi pendakwaan sendiri, Azlan bin Mohamed Ismail, Pengurus Kanan Kewangan FICSB (SP4) yang dalam kenyataan bertulis saksi menyebut tentang kerugian dan *impairment loss* atas MPHS, ketika disoal balas pula berkata penilaian yang dibuat pada tahun 2017 adalah berbeza dengan penilaian terdahulu atas sebab faktor yang diambil kira di dalam penilaian tersebut adalah berbeza. Beza nilaian kedua-duanya ketara kerana penilaian pada tahun 2017 tidak mengambil kira faktor-faktor yang telah diambil kira

oleh penilaian lebih awal. Berikut petikan keterangan SP4 yang berkenaan: A

S: Jadi, setuju tak kalau saya katakan bahawa the basis for William Talha untuk adduced valuation of 77.5 itu berbeza dengan basis yang expert beritahu pada tahun 2014?

J: Betul. B

S: 2 different considerations. Bila ada 2 different consideration, do you agree with me bahawa the value atau pun the price of the market itu berbeza? The price of the hotel itu akan berbeza, betul? Sebab dia ada 2 perbezaan sandarannya, setuju?

J: Setuju. C

S: This is what I'm trying to say that walaupun kamu kata ada unrealized losses imparement loss and so on and so forth the facts still remain you are talking about approval and year 2014 based on various consideration.

J: Boleh saya explain? D

S: Tidak perlu. Saya nak put to you based on those various considerations whatever decision by the board FIC pada ketika itu adalah bersandarkan kepada justifikasi yang benar, setuju atau tidak? Kamu pula tidak setuju pula?

J: Yang benar itu E

[287] Dakwaan tertuduh telah berlaku curang dengan meluluskan pembelian MPHS dan melepaskan dana/wang syarikat kurang berasas kerana beliau tidak mempunyai sebarang kaitan dengan penyediaan penilaian, dan faktor asas bagi kedua-dua penilaian dalam tahun 2014 dan 2017 tersebut adalah juga berbeza. F

Sama ada tindakan pembayaran dan keputusan lain oleh tertuduh adalah mengikuti kelulusan Lembaga Pengarah FICSB

[288] Memang benar tertuduh ada terlibat dalam urusan arahan pembayaran G
wang pembelian MPHS, seperti bagi 10% pertama sebanyak RM16 juta dan baki keseluruhan RM100 juta yang dipinjam daripada FELDA. Tetapi perkara-perkara ini merupakan *consequential* atau semestinya berlaku akibat pembelian yang telah dilulus oleh Lembaga Pengarah FICSB dan dimeterai oleh FICSB dalam perjanjian jual beli MPHS. Pokok dan puncanya, kelulusan H
telah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB untuk membeli MPHS pada harga RM160 juta.

[289] Atas fakta itulah, perjanjian jual beli MPHS ditandatangani oleh I
FICSB dan GAPSB dan atas dasar itu jugalah FICSB mesti menunaikan perjanjiannya untuk membayar RM160 juta kepada GAPSB sebagai harga belian MPHS. Penglibatan tertuduh dalam urusan pembayaran RM160 juta tersebut tidak boleh dijadikan asas kepada pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap beliau.

[290] Terdapat beberapa perkara lain yang dinyatakan pihak pendakwaan yang dianggap menguatkan kes mereka terhadap tertuduh. Cukup untuk mahkamah merujuk secara ringkas seperti berikut.

[291] Pertamanya, oleh kerana tertuduh telah menandatangani Surat Telegraphic Transfer daripada FICSB kepada Pengurus Maybank Bhd Cawangan Jalan Maktab, Wisma Felda bertarikh 30 Jun 2014 (P58C) bagi tujuan melaksanakan pembayaran melalui pemindahan telegraf kepada pihak GAPSB berjumlah RM16 juta yang merupakan 10% harga belian ke dalam akaun Maybank milik GAPSB, pendakwaan hujahkan tertuduh telah membuat bayaran RM16 juta kepada GAPSB tanpa mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu bertentangan dengan arahan Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40).

[292] Ini tidak membantu pihak pendakwaan. Bayaran adalah akibat atau *consequential* kepada kelulusan pembelian oleh Lembaga Pengarah FICSB. Lagipun, SP15 dan tertuduh adalah merupakan individu yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah FICSB untuk menandatangani *Telegraphic Transfer* (TT) bagi tujuan pembayaran bagi pihak FICSB. SP15 sendiri mengesahkan FICSB telah membayar RM16 juta kepada GAPSB yang juga bayaran deposit daripada nilai pembelian MPHS berjumlah RM160 juta. Bayaran deposit 10% kepada pihak GAPSB menggunakan wang modal pelaburan sedia ada dalam akaun Maybank milik FICSB di mana wang tersebut adalah daripada penyaluran dana modal secara pinjaman oleh pihak FELDA kepada FICSB pada tahun 2014 yang berjumlah RM499,500,000.

[293] Keduanya, hujah pihak pendakwaan, perjanjian jual beli MPHS antara FICSB dan GAPSB untuk membeli MPHS pada harga RM160 juta dibuat tanpa mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu bertentangan dengan arahan Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40).

[294] Mahkamah dapati jelas bahawa ini juga akibat daripada kelulusan oleh Lembaga Pengarah. Lagipun, perjanjian jual beli MPHS berjumlah RM160 juta (P258) tersebut juga tidak ditandatangani oleh tertuduh.

[295] Ketiganya, pada 25 September 2014 bayaran kedua berjumlah RM51,208,139.71 yang dibuat oleh FICSB kepada Jang Assets Networking Group Ltd (hutang GAPSB kepada Jang Assets) dibuat tanpa kelulusan Lembaga FELDA. Tetapi mahkamah dapati ini juga adalah bayaran yang dijanjikan oleh FICSB kepada GAPSB seperti digariskan dalam perjanjian jual beli MPHS bagi tujuan pembelian MPHS lanjutan daripada kelulusan Lembaga Pengarah FICSB sendiri.

[296] Keempatnya, pendakwaan merujuk kepada mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-17 pada 24 November 2014, juga dipengerusikan oleh tertuduh, di mana Lembaga Pengarah FICSB telah dimaklumkan oleh SP15 bahawa FICSB akan mengambil alih pengurusan MPHS berkuatkuasa pada 26 November 2014 yang memerlukan MPHS menjalani proses penjenamaan semula, kerja-kerja pengubahsuaian dan naiktaraf untuk mencerminkan pemilikan baru. SP15 memohon bajet RM7.34 juta untuk kerja-kerja pengubahsuaian dan penaiktarafan MPHS. Lembaga Pengarah FICSB membuat keputusan untuk meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM7.34 juta dan penukaran nama MPHS kepada *Grand Plaza Kuching*, seperti yang direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-17 (P236). Dan sekali lagi pihak pendakwaan menghujahkan bahawa ini menunjukkan tertuduh telah meneruskan pelaksanaan pembelian MPHS tanpa mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu bertentangan dengan arahan Lembaga FELDA dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 (P40).

[297] Mahkamah tidak nampak bagaimana sesuatu tindakan susulan seperti ini boleh dianggap sebagai bukti kesalahan tertuduh melakukan pecah amanah kerana ini semua berlaku menurut kelulusan Lembaga Pengarah FICSB terhadap pembelian MPHS. Tambahan pula kelulusan susulan kewangan sebanyak RM7.34 juta dan penukaran nama hotel tersebut dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB juga, dan bukannya tertuduh secara bersendirian.

Sama ada tertuduh mempunyai kepentingan dalam cadangan pembelian MPHS

[298] Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan saksi pendakwaan, kelulusan sebulat suara Lembaga Pengarah FICSB atas pembelian MPHS lebih menjurus kepada pertimbangan kepentingan FICSB sendiri. Selain daripada tiada penglibatan tertuduh dalam pemilihan firma profesional jurunilai, SP15 sendiri, sebagai CEO syarikat, bersama pasukan pengurusan yang telah bertanggungjawab melantik syarikat-syarikat profesional untuk melakukan penilaian sebelum membentangkan kertas kerja pembelian MPHS kepada Lembaga Pengarah FICSB. Berikut keterangan SP15:

> S: But anyway, anyhow, Deloitte, Henry Butcher dan juga Ridza & Co ini kamu yang bertanggungjawab untuk melantik mereka ini, betul?
>
> J: Selepas melalui proses pelantikan.
>
> S: Jangan risau. Ini tiada kena mengena pun. Saya tidak attack kamu on that. Cuma saya hendak beritahu kepada kamu bahawa kamu bertanggungjawab, betul? Yang saya hendak tekankan dekat sini, Tan Sri Isa tidak suruh pun pilih Deloitte. Tan Sri Isa tidak suruh pun pilih Henry Butcher. Tan Sri Isa tidak suruh pun lantik Ridza, betul?

J: Betul.

S: So kalau Tan Sri Isa ada kepentingan untuk membeli hotel ini juga, hendak juga beli ini, dia sudah beritahu you go and get this valuer, you go and get this guy, you go and get that company, right? Dia kata dia serahkan kepada kamu, buatlah apa yang kamu hendak buat. Kamu sudah jadi CEO, kamu bertanggungjawab, you do what you think is right, am I right?

J: Betul.

S: So, apabila mereka ini sudah dipertanggungjawabkan untuk membuat segala evaluation yang diarahkan oleh kamu atau pun yang telah dipertanggungjawabkan kepada kamu dan kemudiannya kamu arahkan maka terhasillah satu evaluation valuation terhadap harta tersebut yang bernilai RM137,640,965.89, betul?

J: Betul.

S: Kenapa ada 89 sen? Sehingga kecil-kecil pun mereka hendak kira.

J: Very detail.

S: Good, very detail. So, meaning to say sudah tiada hanky panky pun. Semua sudah cantik sahaja, bukan? Sehingga to the last cent pun mereka kira, bukan? Betul?

J: Kena tanya valuer.

S: Kamu juga yang kata very detailed. Sudah sekarang apabila saya lebih sedikit kamu kata tanya valuer pula. You offer the evidence, saya tanya kepada kamu since you know better.

J: Okay Dato'.

S: Apabila kamu sudah memperolehi segala maklumat ini, in fact kamu juga telah memberikan keterangan kepada Mahkamah, all the appointments of this respect valuers and professionals ini has been done by way of letters, by way of quotations of their price, their fees and what not right, semuanya across the board, betul?

J: Betul.

S: Bermakna apabila evaluation of RM137million dibawa kepada board of directors meeting pada 26.2.2014 ianya berdasarkan kepada satu evaluation yang diarahkan oleh FIC board earlier on, setuju?

J: Setuju.

[299] Lagipun, ditekankan bahawa kertas cadangan yang dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB pada 29 April 2014 yang meluluskan pembelian MPHS disediakan oleh pihak pengurusan syarikat yang diketuai oleh CEO (SP15). Pengurusan FICSB adalah juga merupakan pihak yang telah melantik penilai bertauliah untuk membuat penilaian terhadap hotel MPHS tersebut.

[300] Tiada keterangan yang menunjukkan keterlibatan tertuduh dalam kerja penilaian MPHS dalam kertas cadangan tersebut. Tidak dinafikan penilaian tersebut adalah hasil kerja yang dijalankan oleh para penasihat profesional termasuk jurunilai hartanah, yang telah mengambil kira potensi pembangunan kawasan sekitar lokasi MPHS tersebut di Kuching.

[301] Tiada keterangan yang dapat menunjukkan tertuduh telah mengambil bahagian di dalam penilaian tersebut, tiada keterangan bahawa penilai tersebut telah dibayar lebih lagi diarah oleh tertuduh untuk meningkatkan nilai daripada harga sebenar dan tidak wujud langsung keterangan bahawa tertuduh terlibat dalam penyediaan kertas kerja sehingga beliau boleh mengubah jumlah harga tersebut. Segala persediaan sebelum pembentangan kertas kerja tersebut telah dijalankan oleh pengurusan FICSB sendiri mengikut bidang kerja mereka. Memang SP15 sendiri menyatakan bahawa penilaian yang dibuat adalah sangat teliti dan terperinci.

[302] Oleh yang demikian, mahkamah mendapati keterangan-keterangan yang dikemukakan pendakwaan hanya boleh disimpulkan bahawa dalam konteks pertuduhan pecah amanah jenayah ini tertuduh tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam pembelian MPHS.

[303] Sememangnya isu cadangan pembelian tersebut pertama kali dibangkitkan di FELDA melalui pegawai khas tertuduh (SP21), yang memanjangkan permohonan daripada GAPSB (SP16) (berdasarkan SP21 mengenali SP17) kepada tertuduh untuk dipertimbangkan oleh FICSB. Tertuduh mengikut prosedur biasa dengan meminitkan perkara tersebut kepada SP15 sebagai CEO untuk kajian oleh pengurusan. SP15 sendiri telah mengakui bahawa segala penyediaan kertas kerja, pelantikan penilai dan pembentangan kertas kerja juga telah dilakukan oleh beliau bersama pasukannya. Kelulusan pun ditekankan sekali lagi, dicapai oleh Lembaga Pengarah FICSB secara kolektif seperti yang sepatutnya, bukannya oleh tertuduh berseorangan.

[304] Keterangan juga menunjukkan bahawa walaupun keputusan terdahulu Lembaga Pengarah FICSB adalah tidak bersetuju dengan cadangan pembelian MPHS, permintaan untuk Lembaga Pengarah FISB mengkaji semula cadangan tersebut telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri ketika itu, yang juga merupakan Menteri yang bertanggungjawab ke atas FELDA. Ianya bukan ditimbulkan oleh tertuduh.

[305] Tidak dinafikan di bawah Akta Pembangunan Tanah 1956, FELDA adalah merupakan satu institusi berkanun yang berada di bawah kuasa seliaan Perdana Menteri, dan Perdana Menteri boleh menurut s 4 dari semasa ke semasa meminta FELDA untuk mempertimbangkan sesuatu cadangan,

namun permintaan tersebut perlulah diputuskan oleh Lembaga Pengarah yang berkenaan. Mahkamah setuju bahawa tindakan tertuduh mengarahkan SP15 mengkaji semula cadangan pembelian MPHS setelah ditolak sebelumnya tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang salah atau pun melampaui bidang kuasa beliau kerana perkara itu memang berada di bawah bidang tugas seorang Pengerusi FELDA.

[306] Kajian semula yang diketuai oleh SP15 lagi sekali tidak melibatkan tertuduh.

[307] Juga didapati perjumpaan sebanyak dua kali tertuduh bersama SP16 juga bukan dibuat atas permintaan tertuduh tetapi telah diaturkan sendiri oleh SP21. Dan seperti yang ditekankan sebelum ini, dan disahkan oleh SP16 sendiri, tertuduh telah menyatakan kepada SP16 yang mewakili penjual (GAPSB) bahawa keputusan terhadap pembelian MPHS adalah keputusan yang akan dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB dan bukan oleh beliau bersendirian.

Sama ada pertuduhan atas dasar persubahatan (*abetment*)

[308] Oleh itu juga tiada bukti tertuduh memaksa atau mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk meluluskan pembelian MPHS tersebut. Kalau adapun keterangan sebegitu, pendakwaan masih tidak dapat menyangkal bahawa keputusan adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB, bukan tertuduh secara berseorangan. Satu perkara penting yang perlu dititikberatkan mahkamah ialah pertuduhan pecah amanah jenayah ini mengatakan tertuduh melakukan pecah amanah jenayah ke atas dana syarikat, di mana tertuduh telah 'dengan curangnya melepaskan harta tersebut dengan meluluskan cadangan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching, Sarawak dengan harga RM160 juta tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)'.

[309] Seperti yang mahkamah telah putuskan, kelulusan bukan dibuat oleh tertuduh. Tetapi satu lagi perkara mustahak yang ingin ditekankan di sini ialah pertuduhan ini juga tidak mengatakan tertuduh melakukan persubahatan (*abetment*) yang mengakibatkan Lembaga Pengarah membuat keputusan pembelian tersebut. Apa pun, tiada keterangan yang boleh dipercayai menunjukkan tertuduh mempengaruhi Lembaga Pengarah untuk memberi kelulusan.

[310] Oleh yang demikian, memandangkan keputusan pembelian MPHS adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tersebut, dan bukannya oleh tertuduh yang tiada kuasa untuk meluluskannya, pertuduhan bahawa tertuduh telah meluluskan

pelupusan harta syarikat tidak boleh dipertahankan. Atas sebab ini sahaja, pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh tidak boleh berjaya. A

Sama ada terdapat prosedur khusus ditetapkan untuk mendapat kelulusan Lembaga FELDA B

[311] Apabila ditanya oleh pihak pendakwaan bagaimana FICSB sepatutnya memohon kelulusan daripada Lembaga FELDA, SP15 menjelaskan apabila suatu pelaburan melebihi RM100 juta yang diputuskan atau diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah FICSB, selaku CEO FICSB beliau akan memaklumkan perkara tersebut kepada tertuduh sebagai Pengerusi FICSB dan juga Pengerusi FELDA kerana mana-mana kertas yang hendak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA perlu mendapat kelulusan daripada Pengerusi FELDA atau Pengerusi FICSB. Sekiranya Pengerusi FELDA memberi kebenaran, kertas Lembaga tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga FELDA. SP15 kemudiannya akan memaklumkan kepada setiausaha Lembaga FELDA berkenaan kertas Lembaga yang akan dibawa kepada Lembaga FELDA. SP15 juga menjelaskan sekiranya Pengerusi FELDA/Pengerusi FICSB tidak memberi kebenaran untuk mengangkat kertas Lembaga untuk kelulusan Lembaga FELDA, FICSB tidak boleh mengangkat kertas Lembaga untuk kelulusan Lembaga FELDA. C D E

[312] Dalam kes ini, SP15 menyebut dalam penyataan bertulis bahawa beliau telah memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah setelah selesai pembentangan semua kertas di mesyuarat yang meluluskan pembelian MPHS tersebut (P41) mengenai keperluan kelulusan Lembaga FELDA kerana harga pembelian MPHS adalah melebihi RM100 juta, tertuduh tidak bersetuju kerana katanya Ahli Lembaga FELDA dan Ahli Lembaga Pengarah FICSB adalah sama. F

[313] Ini nampak kurang meyakinkan. Pertama, walaupun didakwa dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah lain, tiada seorang pun yang dipanggil pihak pendakwaan untuk mengesahkan ini berlaku dan mengenai tertuduh tidak bersetuju perkara diangkat ke Lembaga FELDA. G

[314] Keduanya, perkara ini juga tidak direkodkan dalam minit mesyuarat (P41). Keterangan SP15 bahawa apa yang dikatakan beliau arahan tertuduh supaya perkara tersebut tidak diangkat ke Lembaga FELDA tidak direkodkan dalam minit mesyuarat (P41) adalah kerana ianya akan merugikan (*detrimental to*) tertuduh adalah semata-mata hanyalah satu pendapat beliau. Mahkamah mendapati walaupun SP15 mendakwa tertuduh berkata tiada keperluan untuk diangkat ke Lembaga FELDA di hujung mesyuarat, tiada langsung bukti sokongan daripada mereka yang juga hadir di mesyuarat tersebut yang memberi keterangan tertuduh berkata demikian. Tiada keterangan oleh Ahli Lembaga Pengarah lain dan tiada sokongan daripada setiausaha syarikat (SP13 H I

dan SP14) juga. Dan sekiranya betul, mengapa setiausaha tidak memasukkan dalam minit mesyuarat perkara sepenting itu. Pihak pendakwaan juga tidak mengemukakan sebarang keterangan sama ada tertuduh ada terlibat dalam proses meneliti deraf minit dan jika tertuduh ada memberi arahan supaya perkara tersebut tidak direkodkan.

[315] Ketiganya, sekiranya sudah ada arahan Lembaga FELDA (yang juga diterima dan menjadi syarat FICSB juga) bahawa pembelian oleh FICSB melebihi RM100 juta mesti diangkat ke Lembaga FELDA untuk kelulusan, tiada keperluan bagi SP15 meminta kebenaran kepada Pengerusi untuk membolehkan proses kelulusan tersebut diaktifkan. Mungkin sahaja kebenaran pengerusi diperlukan untuk kertas cadangan lain dibentangkan ke Lembaga FELDA, tetapi sekiranya sudah ada keperluan untuk berbuat demikian atas sebab peraturan yang digariskan oleh Lembaga FELDA (yang pada pengamatan mahkamah sudah tentu telah diterima dan menjadi syarat FICSB juga), keterangan SP15 yang mengatakan proses kelulusan tersebut tidak dilakukan kerana tidak mendapat kelulusan tertuduh adalah alasan yang lemah dan tidak mencerminkan tatakelola organisasi syarikat yang baik.

[316] Lagipun SP15 adalah CEO and Ahli Lembaga Pengarah FICSB. Lembaga Pengarah FICSB juga sudah tentunya telah menerima ketetapan Lembaga FELDA mengenai keperluan mendapat kelulusan Lembaga FELDA bagi sebarang pembelian melebihi RM100 juta. Jika benar tertuduh tidak bersetuju, SP15 sepatutnya meyakinkan tertuduh mengenai ketetapan Lembaga FELDA tersebut yang wajar dipatuhi dan menekankan fakta bahawa bukan semua Ahli Lembaga FELDA berkhidmat di Lembaga Pengarah FICSB.

[317] Lebih-lebih lagi perkara seperti peraturan dalaman organisasi dan juga peruntukan undang-undang adalah lazimnya dalam bidang pengurusan untuk timbulkan, aktifkan dan panjangkan kepada Lembaga Pengarah. Dalam undang-undang syarikat, bukan fungsi Lembaga Pengarah untuk memeriksa sama ada sesuatu cadangan kelulusan mematuhi semua peruntukan yang berkenaan. Itu tugas pengurusan yang menyediakan kertas kerja (sama ada untuk kelulusan atau hanya sekadar makluman) untuk memastikan kertas-kertas yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah adalah lengkap dengan semua maklumat yang berkenaan untuk pengamatan Lembaga Pengarah.

[318] Mahkamah mendapati bahawa keterangan oleh SP2 yang bertugas di Unit Undang-Undang FELDA dan kemudian menjadi Ketua Undang-undang & Kesetiausahaan FICSB, SP4 yang merupakan pengurus kanan kewangan FICSB, SP3 yang merupakan pengarah kewangan FELDA, dan juga SP5, yang sebagai Pengarah Besar FELDA adalah pegawai eksekutif tertinggi di hieraki

organisasi FELDA -semuanya memberi penjelasan ketika disoal balas oleh pihak pembelaan bahawa pada masa yang material tiada prosedur tetap untuk pengendalian proses mendapatkan kelulusan daripada Lembaga FELDA bagi situasi sebarang pembelian pelaburan oleh FICSB berharga RM100 juta ke atas. SP2 umpamanya bersetuju bahawa proses atau *standard operating procedure* (SOP) berkenaan hanya mula dilengkapi selepas pihak SPRM memulakan siaisatan dalam kes ini.

[319] SP15 juga berkata, dalam konteks FELDA, kertas cadangan yang dibentangkan di dalam Lembaga Pengarah FELDA terbahagi kepada dua iaitu kertas yang dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah, dan kertas hanya untuk pemakluman. Kertas untuk kelulusan secara jelas akan menyatakan kertas ini dibentangkan khusus untuk mendapatkan kelulusan Lembaga. Manakala, kertas untuk pemakluman adalah untuk pemberitahuan kepada Lembaga tanpa memerlukan kelulusan daripada Lembaga. SP15 menjelaskan lagi bahawa FICSB tidak boleh mendapatkan kelulusan daripada Lembaga FELDA untuk pelaburan melebihi RM100 juta melalui cara pemakluman kepada Lembaga FELDA.

[320] Mahkamah setuju dengan keterangan ini. Ini juga terpakai secara am di dalam proses syarikat-syarikat dan organisasi lain. Tetapi Mahkamah kurang setuju keterangan SP15 yang kelulusan tidak boleh diperolehi jika kertas yang dibentang bertujuan untuk makluman (dan bukan untuk kelulusan). Ini adalah kerana kuasa dan budi bicara adalah dipegang oleh lembaga pengarah yang terlibat. Dalam situasi tertentu, sekiranya sebenarnya kelulusan yang diperlukan, tiada yang salah bagi lembaga pengarah dalam mesyuarat berkenaan untuk membuat keputusan memberi kelulusan berdasarkan apa-apa maklumat yang terkandung dalam kertas dan yang mungkin juga dijelaskan secara lisan oleh mereka yang hadir. Yang penting, kelulusan lembaga pengarah itu direkodkan dalam minit mesyuarat.

[321] Atas sebab yang sama, sebenarnya tidak ada masalah juga sekiranya tiada langsung kertas yang dikemukakan mengenai sesuatu isu dalam mensyuarat. Contohnya sekiranya sesuatu perkara amat penting dan terdesak, pihak pengurusan atau mana-mana pengarah sendiri boleh menimbulkannya di mesyuarat lembaga pengarah dan para pengarah boleh, jika difikirkan sesuai oleh mereka dan sekiranya tidak melencong daripada tanggungjawab fidusiari mereka, meluluskan perkara tersebut, dan memastikan ianya direkodkan dalam minit dan mungkin juga boleh meminta pengurusan membentangkan kertas makluman mengenai perkara itu dengan lebih lanjut di mesyuarat seterusnya. Tetapi mahkamah dalam kes semasa sedar perkara sebegini tidak ditimbulkan oleh pihak pembelaan untuk menyangkal keterangan SP15.

[322] Walau bagaimanapun, dalam pemeriksaan balas beliau, SP15 setuju SP5 lebih mengetahui berkenaan implementasi dasar dan amalan FELDA. SP15 juga akhirnya bersetuju bahawa untuk mendapatkan mandat dari FELDA tidak semestinya suatu permohonan bertulis perlu dibuat. Keterangan awalan SP15 mengenai keperluan permohonan secara bertulis hanya merupakan pemahaman SP15 sahaja. SP15 juga bersetuju bahawa sekiranya FELDA memikirkan bahawa ada aturan lain yang boleh dibuat untuk mendapatkan kelulusan daripada FELDA, maka FELDA yang lebih mengetahui dan terpulang kepada FELDA untuk menentukan aturan permohonan kelulusan tersebut.

[323] Oleh yang demikian, ketiadaan prosedur yang jelas untuk mendapat kelulusan Lembaga FELDA ketika itu sama sekali tidak membantu menguatkan kes pendakwaan.

Sama ada tertuduh bertanggungjawab mendapat kelulusan pembelian MPHS daripada Lembaga FELDA

[324] Dapatan mahkamah bahawa kuasa memberi kelulusan pembelian MPHS tidak terletak kepada tertuduh juga mesti dijelaskan dengan keseluruhan mandat yang digariskan oleh Lembaga FELDA dalam eksh P40 tersebut. Ini adalah fakta bahawa Lembaga FELDA telah memberikan kuasa kepada Ahli Lembaga Pengarah FICSB untuk membuat keputusan pelaburan sahaja (bernilai RM100 juta ke bawah). Tetapi seperti yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa pihak FELDA juga ada mengarahkan Lembaga Pengarah FICSB untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan FICSB, umpamanya yang berkaitan dengan pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Ini bermakna urusan pengelolaan dan pengurusan dalaman syarikat FICSB ini adalah untuk diurus oleh FICSB secara sendiri dan selaras dengan undang-undang syarikat.

[325] Lazimnya seperti yang boleh dirujuk dalam memorandum dan artikel syarikat, sesuatu syarikat, melalui lembaga pengarah melantik seorang individu untuk menerajui pengurusan syarikat. Beliau bertanggungjawab dan melapor kepada lembaga pengarah syarikat. Pelbagai deskripsi diberikan bagi jawatan ini — umpamanya, ketua pegawai eksekutif (CEO), pengarah urusan (MD) atau pengarah eksekutif (ED), mahupun presiden. Juga tidak janggal untuk jumpa syarikat melantik individu tersebut di kalangan anggota lembaga pengarah syarikat. Pengarah urusan dan pengarah eksekutif adalah juga selalunya pengarah syarikat. Mereka ada dua tanggungjawab. Sebagai ahli lembaga pengarah syarikat yang merupakan badan tertinggi dalam sesebuah institusi syarikat (dan yang bertanggungjawab terhadap perniagaan dan hal ehwal syarikat), dan sebagai sebahagian pengurusan eksekutif syarikat. Dalam

kes semasa, SP15 tidak dinafikan adalah bukan sahaja CEO syarikat tetapi juga seorang Ahli Lembaga Pengarah FICSB.

[326] Artikel 100 *articles of association* FICSB (P38) dengan terangnya memperuntukkan bahawa Lembaga Pengarah FICSB boleh melantik seorang pengarah urusan bagi mewakili mereka untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan syarikat:

> 100. The Directors may entrust to and confer upon a Managing Director and Executive Director any of the powers exercisable by them upon such terms and conditions and with such restrictions as they may think fit, and either collaterally with or to the exclusion of their own powers, and may from time to time revoke, withdraw, alter or vary all or any of those powers.

[327] Walaupun SP15 tidak dilantik sebagai managing director atau *executive director* syarikat, pelantikan beliau sebagai CEO yang juga seorang pengarah syarikat memikul tanggungjawab yang serupa. Dan tanggungjawab SP15 sebagai CEO bermakna beliaulah yang menerajui hal-hal pentadbiran, pengurusan harian dan pelaksanaan keputusan yang telah diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Ini juga semestinya melibatkan tanggungjawab memastikan bahawa di dalam melaksanakan keputusan yang diputuskan Lembaga Pengarah FICSB, segala undang-undang, dasar dan polisi syarikat telah dipatuhi atas kepentingan FICSB.

[328] Merujuk kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan berdokumen yang dikemukakan, tertuduh hanya mempunyai tanggungjawab fidusiari yang tiada beza seperti semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB lain semasa membuat keputusan di dalam mesyuarat (selain mempengerusi mesyuarat). Walaupun, tanggungjawab fidusiari bagi perkara-perkara yang melibatkan pentadbiran, pematuhan dasar dan polisi syarikat serta undang-undang negara adalah terletak akhirnya (*ultimately*) atas lembaga pengarah syarikat, pihak pengurusan yang bertanggungjawab dalam operasi seharian syarikat untuk memastikan perkara-perkata tersebut dipatuhi oleh tenaga kerja syarikat. Dalam kes ini, pengurusan diketuai oleh CEO syarikat, iaitu SP15. Ini sebenarnya tidak disangkal tetapi SP15 menyatakan tertuduh menyebut tiada keperluan untuk mendapat kelulusan Lembaga FELDA bagi pembelian MPHS melebihi harga RM100 juta tersebut. Ini sudah dibincang mahkamah dan tidak boleh diterima atas sebab yang dinyatakan sebelum ini.

Isu pelaburan dan pembelian lain yang melebihi RM100 juta telah diangkat untuk kelulusan Lembaga FELDA

[329] Mahkamah terima keterangan SP15 bahawa alasan tertuduh bahawa Ahli Lembaga Pengarah FELDA yang meluluskan cadangan pengambilalihan MPHS juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FICSB tidak tepat. Hanya

Tan Sri Dr Irwan Serigar, Datuk Faizoull bin Ahmad, Datuk Dr Omar bin Salim adalah Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid yang menganggotai Lembaga Pengarah FICSB yang juga di Lembaga FELDA.

[330] Tetapi ramai lagi Ahli Lembaga FELDA yang bukan Ahli Lembaga Pengarah FICSB seperti Samsudin Othman, Dato' Hj Mohd Suhaili bin Said, Dato' Abu Bakar bin Hj Harun, Dato' Mohd Isa bin Abu Kassim, Mohd Emir Mavani bin Abdullah, Dato' Mohd Khusairi bin Hj Abdul Talib dan Datuk Rahamat Bivi bt Yusoff.

[331] Mungkin logik tertuduh adalah majoriti Lembaga Pengarah FICSB adalah dalam Lembaga FELDA tetapi mahkamah dapati isunya adalah keperluan mendapat kelulusan Lembaga FELDA dan fakta lebih ramai lagi Ahli Lembaga FELDA yang bukan dalam Lembaga Pengarah FICSB dan kertas pembelian lebih RM100 juta itu tidak dirujuk kepada mereka.

[332] Pihak pendakwaan berhujah bahawa FICSB sendiri, sebelum meluluskan pembelian MPHS pada 29 April 2014 (P41) telah pun merujuk beberapa pelaburan FICSB yang bernilai lebih RM100 juta untuk kelulusan Lembaga FELDA sejajar dengan syarat mandat dalam eksh P40.

[333] Pertama, SP15 memberi contoh berkaitan cadangan pembelian ekuiti IRIS Corp Sdn Bhd ('IRIS') bernilai RM144.7 juta yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah FICSB dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Capital Protocol Sdn Bhd Kali Ke-4 pada 26 September 2013 jam 6 petang yang telah dihadiri oleh tertuduh. Dalam mesyuarat tersebut, menurut SP15, tertuduh memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk membentangkan cadangan tersebut kepada Lembaga FELDA untuk kelulusan seperti direkodkan dalam perkara 3 ms 2–5 Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 26 September 2013 (P238).

[334] Lanjutan daripada keputusan Lembaga Pengarah FICSB, kertas bertajuk 'Cadangan Pembelian Ekuiti IRIS Corporation Sdn Bhd' (P253) dibentang oleh SP15 dalam mesyuarat Lembaga FELDA pada 26 September 2013 jam 9 malam hari yang sama dan telah diluluskan oleh Lembaga FELDA. Mesyuarat tersebut juga dihadiri oleh tertuduh. Keputusan Lembaga FELDA direkodkan dalam Minit Nombor 6295 ms 28 Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 307 (Khas) bertarikh 26 September 2013 (P252). SP15 menjelaskan pembelian ekuiti dalam IRIS berjumlah RM144.7 juta perlu diangkat untuk kelulusan Lembaga FELDA kerana jumlah pelaburan melebihi mandat yang diberikan untuk jumlah RM100 juta.

[335] Pihak pendakwaan menekankan juga bahawa menurut setiausaha Lembaga FELDA, Erwan bin Aman (SP19) pula, ada situasi di mana selepas

keputusan mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) mengenai keperluan kelulusan FELDA bagi pelaburan bernilai lebih RM100 juta, FICSB telah mengemukakan kepada Lembaga FELDA pelaburan yang diputuskan di peringkat Lembaga Pengarah FICSB berkaitan pelaburan FICSB dalam ekuiti IRIS berjumlah RM144.3 juta untuk kelulusan Lembaga FELDA. Ini berbeza dengan tindakan FICSB mengenai pelaburan pembelian MPHS.

[336] Selain daripada itu, pihak pendakwaan juga membangkitkan bahawa SP19 mengesahkan berpandukan Minit 6290 Perkara 2(a) hingga (c) Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 306 (P260), satu kertas daripada FICSB bertajuk 'Permohonan Kelulusan Dan Pengesahan Minit Mesyuarat Lembaga Capital Protocol Sdn Bhd' (P278) bertarikh 29 Ogos 2013 telah dibentang untuk kelulusan Lembaga FELDA. Pihak pendakwaan berhujah, menurut SP19, berdasarkan P260, FICSB (nama baru kepada Capital Protocol Sdn Bhd) telah meluluskan enam cadangan pelaburan di peringkat FICSB untuk kelulusan Lembaga FELDA. Enam pelaburan yang diluluskan oleh FICSB telah diangkat untuk kelulusan Lembaga FELDA berikutan mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 303 bertarikh 25 Jun 2013 (P40) yang telah memberi mandat berkenaan dengan nilai jumlah pelaburan yang perlu dibawa sekiranya pelaburan RM100 juta ke atas hendaklah dibawa kepada mesyuarat Lembaga FELDA dan sekiranya pelaburan bernilai RM100 juta ke bawah perkara tersebut boleh diputuskan di peringkat mesyuarat lembaga FICSB.

[337] Oleh yang demikian, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014, semua pembelian pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah FICSB melebihi RM100 juta ke atas telah pun diangkat untuk kelulusan Lembaga FELDA. Tetapi ia telah berubah apabila tertuduh dalam mesyuarat FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014 mengarahkan pelaburan ke atas MPHS berjumlah RM160 juta tersebut tidak perlu pula diangkat untuk kelulusan Lembaga FELDA.

[338] Hujahan-hujahan pihak pendakwaan ini tidak bermerit. Pertama, mengenai IRIS. Mahkamah mendapati penjelasan kepada perkara yang melibatkan kelulusan oleh Lembaga FELDA terhadap projek FICSB berkenaan IRIS sebenarnya disumbang oleh saksi pihak pendakwaan sendiri. Jawapan mengapa kelulusan Lembaga FELDA dipohon oleh FICSB adalah kerana pelaburan ini sebenarnya telah dikenalpasti dan diarah oleh FELDA sendiri, yang oleh itu sememangnya harus dilaksanakan oleh FICSB sebagai 'investment arm' FELDA. Dalam lain perkataan, pihak FELDA sendiri yang berminat, dan yang memulakan inisiatif pelaburan IRIS tersebut dan

menggunakan anak syarikatnya untuk tujuan itu. Ini berbeza dengan pembelian MPHS yang dimulakan FICSB sendiri.

[339] Ini dapat dilihat di dalam keterangan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB bertarikh 26 September 2013 (P238) yang merekodkan (ms 2) bahawa FELDA pada awalnya telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pemilikan ekuiti dalam IRIS yang diperbesarkan. Lembaga FELDA dalam mesyuaratnya pada kemudian membuat keputusan merujuk cadangan tersebut kepada FICSB. Inilah sebabnya sebarang syor oleh FICSB mengenai cadangan pelaburan dalam IRIS perlu dirujuk kepada Lembaga FELDA. Lembaga FELDA telah dalam transaksi tersebut membuat keputusan untuk membeli 26.71% pegangan ekuiti IRIS bernilai RM144.7 juta; serta pembelian dan peganan itu dibuat melalui FICSB. Ini terkandung dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 26 September 2013 (P252) dan kertas cadangan mengenainya yang dibentangkan di mesyuarat tersebut (P253).

[340] Ini disokong sendiri oleh SP15, di mana dalam pemeriksaan balas beliau, SP15 memberi keterangan seperti berikut:

S: I move on to the last issue, Yang Arif. Dalam keterangan kamu kalau saya rujuk kepada muka surat 32 dan jawapan 82 termasuk juga jawapan-jawapan kamu berkaitan dengan 82 itu, saya bacakan. So, you are trying to compare dalam kes pembelian Iris ini ada permohonan untuk kelulusan dan yang ini tiada. This is what you are trying to say. And I'm trying to establish to you now to Court kamu tahu atau tidak bahawa FIC ini tugasnya untuk buat investment. That was exactly board FIC decided untuk beli Hotel Merdeka, betul?

J: Betul.

S: Then you said it has to be getting the approval from the Felda. That is what been approved by the board of director of Felda. We take a different scenario now. Do you know I believe you know because you are also attending the meeting during Felda board meeting bahawa pembelian Iris ini sebenarnya bukan datang daripada FIC, setuju?

J: Setuju.

S: Bermakna pembelian Iris ini sebenarnya Iris offer kepada Felda pada peringkat awalan lagi Iris offer kepada Felda, setuju?

J: Setuju.

S: Felda deliberate. Kertas kerja dibawa kepada Felda. Felda deliberate. Felda bersetuju in principle untuk meluluskan pembelian Iris Corporation, setuju?

J: Saya rasa.

S: Betul, bukan?

J: Kemungkinan.

S: Janganlah kemungkinan.

J: Sebab saya tidak tengok paper itu. Saya kenalah dirujuk.

S: Tadi kamu kata kamu tahu.

J: Memang dibincangkan tetapi keputusan itu yang Dato' kata approved in principle itu saya tidak boleh pastikan.

S: Saya akan tunjukkan kepada kamu. Apabila Felda telah putuskan in principle tentang pembelian Iris ini cuma setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa dia beri kepada FIC untuk membuat kajian dan juga untuk melengkapkan segala dokumen-dokumen berkaitan dengan pembelian Iris, setuju?

J: Setuju.

[341] Keduanya, mengenai enam pelaburan-pelaburan lain yang dihujah oleh pihak pendakwaan dikatakan oleh SP19 telah diangkat ke Lembaga FELDA untuk kelulusan kerana melebihi nilai RM100 juta. Walaupun tidak dicabar secara khusus oleh pihak pembelaan, mahkamah dapati hujahan pendakwaan adalah tidak tepat. Ekshibit P260 adalah minit mesyuarat Lembaga FELDA yang mengandungi rekod pembentangan kertas FICSB mengenai permohonan kelulusan pengesahan minit mesyuarat lembaga Pengarah FICSB. Ianya adalah untuk mengesahkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB (yang telah disahkan di peringkat FICSB) oleh Lembaga FELDA. Bukan untuk meluluskan pelaburan yang dikatakan dilakukan oleh FICSB.

[342] Lebih penting lagi, tiada satupun (kecuali satu yang telah dibincang sebelum ini) daripada enam pelaburan yang disebut secara ringkas dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA (P260) sebenarnya bernilai lebih daripada RM100 juta. Ini boleh disahkan jika rujukan dilakukan kepada kertas minit FICSB ('Permohonan Kelulusan Dan Pengesahan Minit Mesyuarat Lembaga Capital Protocol Sdn Bhd' bertarikh 29 Ogos 2013) (P278) tersebut yang dibentangkan untuk kelulusan pengesahan peringkat FELDA. Dalam kertas minit FICSB itu dinyatakan bahawa cadangan pelaburan pertama adalah penubuhan syarikat usahasama bagi aktiviti pelaburan di Korea Selatan dengan suntikan modal tidak melebihi RM12 juta.

[343] Kedua adalah kajian kebolehlaksanaan pembelian 30% ekuiti IRIS dengan jumlah pelaburan maksimum RM189 juta (seperti di atas). Ketiga ialah cadangan pelaburan dalam projek ikan Sturgeon dengan suntikan modal tidak lebih RM43.2 juta. Keempat ialah cadangan penubuhan syarikat pelaburan dalam aktiviti perlombongan dengan modal permulaan RM1 juta. Kelima pula, cadangan penubuhan syarikat bagi membangunkan projek FELDA Transformational Learning dengan suntikan modal dibenarkan sebanyak RM10 juta. Akhirnya, keenam, cadangan pelaburan dalam ekuiti Marseille Incorporation dengan nilai tidak lebih RM48 juta.

[344] Oleh yang demikian selain daripada cadangan berkaitan pegangan ekuiti dalam IRIS yang telah dirujuk sebelum ini, cadangan pelaburan lain tidak langsung melibatkan nilai pelaburan RM100 juta. Ini bermakna hujahan bahawa sebelum kelulusan pembelian MPHS oleh FICSB, terdapat beberapa pelaburan FICSB yang telah diangkat ke Lembaga FELDA kerana mematuhi syarat mandat keperluan kelulusan FELDA bagi nilai pelaburan lebih RM100 juta (P40) adalah tidak berlandaskan keterangan dokumen yang dirujuk oleh pihak pendakwaan sendiri.

[345] Bukan itu sahaja. Mahkamah dapati ada juga keterangan yang menunjukkan transaksi pembelian oleh FICSB yang melebihi harga RM100 juta tidak pula dibentangkan dengan kertas cadangan khusus untuk kelulusan Lembaga FELDA. Sebaliknya hanya kertas pemakluman sahaja yang diangkat ke Lembaga FELDA untuk kelulusan. Ini tentunya terus melemahkan kes pendakwaan. Ini datang daripada keterangan SP15 juga, yang berkenaan dengan pelaburan bernilai lebih RM100 juta melibatkan pembelian ekuiti dalam Encorp Bhd ('Encorp').

[346] Ini direkod dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 1 Disember 2014 (P42) berkenaan dengan kertas FICSB iaitu Laporan Kemajuan Aktiviti FICSB (P259) untuk makluman Lembaga FELDA di mana semua pelaburan yang diluluskan Lembaga Pengarah FICSB sejak penubuhan syarikat hingga November 2014 dimaklumkan kepada Lembaga FELDA. Selain daripada pembelian MPHS yang dinyatakan melibatkan pelaburan RM160 juta (dibincang lebih lanjut selepas ini), terdapat juga rujukan kepada pelaburan dalam ekuiti Encorp berjumlah RM329.5 juta, jauh melebihi RM100 juta.

[347] Keterangan SP15 semasa disoal balas adalah seperti berikut:

S: Tiada juga, bukan? Encorp ada buat special paper?

J: Tiada.

S: So that's why I said apabila tiada there is no SOP, dia bukan tiada, dia SOP itu tiada tetapi dibawa kepada Felda untuk kelulusan dengan cara pemakluman dan dimaklumkan kepada mereka bahawa pembelian ini berlaku dan telah dipersetujui, setuju atau tidak?

J: Tidak setuju.

S: Tidak setuju apa bendanya kalau Encorp, kamu tengok dalam Encorp

TPR:

Yang Arif, saksi jawab tidak setuju, end of the matter, move to another question.

Peguambela:

Kenapa pula begitu? Since bila pula dia tidak setuju saya kena move to another matter. I have to prove that apa yang dia tidak setuju itu tidak betul. That is basically what the

TPR:

Saksi tidak setuju, Yang Arif.

Mahkamah:

Teruskan.

Peguambela:

S: Now, kamu tahu atau tidak pembelian Encorp berapa juta?

J: Seingat saya 200 lebih.

S: RM329.5 juta?

J: Betul.

S: Oleh FIC, bukan?

J: Ya.

S: By right, dia kena dapatkan kebenaran Felda secara bertulis?

J: Betul.

S: Tetapi kamu setuju bahawa tiada kebenaran bertulis, bukan?

J: Betul.

S: Tadi kamu kata awal-awal, semalam, dua hari lepas lagi kamu sudah kata kebenaran mesti bertulis. Kebenaran daripada Felda mesti bertulis. Now saya tunjukkan Encorp pun tiada bertulis, betul?

J: Betul.

[348] SP15 sendiri, ketika itu CEO syarikat, tidak menafikan ketiadaan kertas cadangan khusus yang diangkat oleh FICSB untuk mendapat kelulusan Lembaga FELDA bagi pelaburan FICSB dalam Encorp yang jelas bernilai jauh lebih tinggi daripada RM100 juta.

[349] Mahkamah mendapati walaupun SP15 tidak bersetuju dengan cadangan pembelaan mengenai amalan Lembaga FELDA (yang mana dihujahkan FICSB tidak semestinya hanya boleh mengangkat kertas cadangan yang spesifik untuk kelulusan, kerana kertas makluman atau ratifikasi yang berkaitan juga boleh diterima), seperti yang dinyatakan sebelum ini terutamanya merujuk kepada keterangan Pengarah Besar FELDA (SP5), SP15 akhirnya setuju SP5 lebih berpengetahuan tentang *practice* dan amalan FELDA. Lebih penting lagi, jawapan SP15 yang tidak bersetuju dengan cadangan pembelaan tersebut dengan terangnya bercanggah dengan dokumen

yang dikemukakan dan ditunjukkan kepada beliau sendiri dalam eksh P42 tersebut.

[350] Adalah relevan untuk mahkamah menyentuh kes *Baharudin bin Ahmad v Public Prosecutor* [2010] 7 MLJ 577; [2010] 3 CLJ 59 yang disebut oleh pihak pembelaan, merujuk kepentingan keterangan dokumen semasa dimana Mahkamah Tinggi memutuskan dalam persoalan ini seperti berikut:

> [25] His Lordship Gopal Sri Ram JCA (as he then was) went on to cite firstly, *Tindok Besar Estates Sdn Bhd v Tinjar Co.* [1979] 2 MLJ 229; [1979] 1 LNS 119 and secondly, *Grace Shipping Inc & Anor v CF Sharp & Co (M) Pte Ltd* [1987] 1 MLJ 257; [1986] 1 LNS 60.
>
> [26] In considering the issue of SP1's credibility, the trial court considered the contemporary documents and compared them with his oral evidence. A close scrutiny of SP1 oral testimony with the document tendered by the defence, there is no reason to doubt, which the learned sessions court judge had agreed, with the evidence of SP1 and that he was a truthful witness. Therefore based on these evidence, the prosecution has succeeded in proving on the date and time and place stated in the third principal amended charge, the accused has agreed to receive for his behalf a cash of RM30,000 and a cash cheque of RM30,000 from SP1.

[351] Demikianlah juga dalam kes semasa berdasarkan keterangan saksi yang lain seperti SP5 dan terutamanya keterangan berdokumen yang dikemukakan, mahkamah lebih mengambil kira keterangan dokumen yang berkenaan, iaitu dalam konteks ini minit mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 1 Disember 2014 (P42) berkenaan dengan kertas FICSB iaitu *Laporan Kemajuan Aktiviti FICSB* (P259) yang turut merujuk kepada pelaburan dalam Encorp bernilai RM329.5 juta.

[352] Oleh itu mahkamah mendapati keterangan ini menyokong hujah pihak pembelaan bahawa sudah menjadi amalan pada waktu yang material bagi FICSB, di mana syarikat akan menyediakan kertas pemakluman bagi mendapatkan kelulusan daripada FELDA bagi projek-projek yang melebihi RM100 juta dan bagi FELDA pula, ianya menerima cara tersebut, dan sekiranya ianya tidak dipersetujui oleh FELDA, perkara pembelian ini boleh dan akan dibangkitkan di dalam Lembaga FELDA semasa pemakluman dibuat.

[353] Mahkamah boleh merumuskan bahawa walaupun FELDA telah memutuskan satu dasar yang memerlukan FICSB untuk memohon kelulusan daripada pihak FELDA bagi pelaburan-pelaburan yang melebihi jumlah RM100 juta, tiada kewujudan satu prosedur piawaian atau pun *standard operating procedure* (SOP) ketat berkenaan bagaimana permohonan tersebut seharusnya dibuat kepada FELDA.

[354] Keterangan menunjukkan permohonan permintaan kelulusan tersebut boleh juga, pada masa yang material, dilaksanakan dengan apa-apa aturan seperti dalam kertas makluman dan tidak semestinya terikat dengan pembentangan kertas kerja yang spesifik semata-mata atau satu permohonan untuk kelulusan secara formal. Apa pun, tanggungjawab untuk membawa permohonan ini ke peringkat FELDA adalah di bawah bidang kuasa pihak pengurusan yang diketuai oleh CEO syarikat, seperti yang dinyatakan mahkamah sebelum ini.

Sama ada Lembaga Felda telah beri kelulusan ke atas pembentangan kertas makluman mengenai pembelian MPHS

[355] Berdasarkan pelbagai keterangan, telah dibincang dan didapati bahawa pihak pembelaan juga telah menunjukkan bahawa berkenaan dengan beberapa pelaburan dan pembelian oleh FICSB yang melebihi RM100 juta, pembentangan kertas makluman oleh FICSB di mesyuarat Lembaga FELDA adalah sebenarnya mencukupi untuk mendapat kelulusan Lembaga FELDA, tanpa keperluan kertas yang spesifik untuk memohon kelulusan Lembaga FELDA.

[356] Lebih signifikan, berdasarkan rekod Lembaga FELDA sendiri, tidak boleh dinafikan bahawa Lembaga FELDA sebenarnya mempunyai pengetahuan tentang pembelian MPHS oleh FICSB pada harga RM160 juta, melebihi mandat RM100 juta. Ini adalah kerana terdapat pembentangan beberapa kertas makluman oleh FICSB mengenai aktiviti penting syarikat, termasuklah yang merujuk kepada pembelian MPHS itu sendiri, umpamanya seperti yang terkandung dalam kertas laporan kemajuan dan status pembelian, dan direkod dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 1 Disember 2014 (P42).

[357] Pada 1 Disember 2014, mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 321 telah diadakan, dan dipengerusikan oleh tertuduh. Di mesyuarat tersebut, SP15 sebagai CEO FICSB telah membentangkan kertas Laporan Kemajuan Aktiviti FICSB (P259) itu, seperti direkod Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 321 tersebut. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Lembaga FELDA berkenaan aktiviti pelaburan FICSB sejak penubuhannya. Tidak dinafikan bahawa maklumat pembelian MPHS juga telah dimasukkan dalam kertas tersebut.

[358] Menurut SP15 kertas makluman di eksh P259 dibentangkan bukan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga FELDA berkaitan pembelian MPHS yang telah dibuat oleh FICSB. SP15 hanya diminta oleh FELDA untuk mengemukakan makluman kepada Lembaga FELDA dan ia bukan untuk kelulusan Lembaga FELDA. Menurut SP15 berdasarkan perkara

(d) ms 97 Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 321 bertarikh 1 Disember 2014 (P42), SP15 melaporkan kepada Lembaga FELDA bahawa pihak FICSB pada 27 Jun 2014 telah menandatangani perjanjian jual beli MPHS dengan GAPSB untuk pembelian MPHS di Kuching, Sarawak.

[359] SP15 dalam keterangan beliau berkata kelulusan berkaitan pembelian MPHS berjumlah RM160 juta di peringkat Lembaga FELDA tidak dilaporkan dalam kertas tersebut. Menurut SP15, perkara ini tidak dimasukkan ke dalam kertas (P259) kerana pihak FELDA memohon SP15 untuk membentangkan laporan kemajuan dan bukannya laporan kelulusan.

[360] Sebagai CEO yang mengetuai pengurusan syarikat FICSB (dan yang juga Ahli Lembaga Pengarah syarikat), mahkamah dapati agak janggal mengapa perkara ketiadaan kelulusan Lembaga FELDA, yang SP15 sedar adalah amat penting, tidak paling kurangpun diselit di dalam kertas tersebut untuk pengetahuan Lembaga FELDA yang kemudiannya boleh memberi arahan yang bersesuaian. SP15 berkata arahan FELDA adalah untuk beliau bentang kertas makluman sahaja. Tetapi seperti yang beliau maklum pihak FELDA tiada pengetahuan tentang sama ada kelulusan telah diperolehi daripada Lembaga FELDA untuk pembelian MPHS tersebut. Adalah tanggungjawab FICSB — terutamanya CEO syarikat — untuk memastikan kelulusan dipohon jika ditetapkan sedemikian.

[361] Ini lebih-lebih lagi kerana isu operasi seharian pematuhan undang-undang dan peraturan syarikat adalah kebiasaannya tanggungjawab pengurusan yang lazimnya menasihati Lembaga Pengarah bahawa kesemuanya telah dipatuhi. Pengurusan tidak perlu menunggu arahan dari Lembaga Pengarah atau pihak pemegang saham untuk memastikan undang-undang dan peraturan yang jelas terpakai adalah dituruti dan dipatuhi.

[362] Sekali lagi mahkamah ingin memberi penekanan kepada fakta bahawa arahan Lembaga FELDA mengenai keperluan kelulusan oleh Lembaga FELDA bagi pembelian RM100 juta ke atas (P40) juga merupakan syarat yang FICSB sendiri tidak nafikan, seperti yang dibincang sebelum ini. Ketidakpatuhan peraturan keperluan kelulusan oleh Lembaga FELDA tersebut adalah dengan itu bertentangan dengan peraturan FICSB sendiri, yang mana SP15 adalah CEO.

[363] Seperti yang dinyatakan oleh pihak pendakwaan dalam hujahan bertulis mereka, SP15 juga tidak memaklumkan kepada Lembaga FELDA ketika Laporan Kemajuan Aktiviti FICSB dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga FELDA tersebut bahawa kelulusan belum diperolehi daripada Lembaga FELDA dan FICSB memohon untuk Lembaga FELDA meratifikasikan pembelian MPHS yang telah dibuat. SP15 juga mengesahkan

tiada mana-mana Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FELDA yang hadir dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA (termasuklah tertuduh) memaklumkan bahawa pembelian MPHS tidak mendapat kelulusan Lembaga FELDA atau mereka memohon ratifikasi ke atas pembelian MPHS yang telah dibuat.

[364] Lagi sekali ianya boleh dipersoalkan Mahkamah mengapakah Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang juga hadir sebagai Ahli Lembaga FELDA, tapi lebih-lebih lagi SP15 selaku CEO FICSB tidak memastikan pematuhan peraturan yang ditetapkan Lembaga FELDA dan Lembaga Pengarah FICSB sendiri mengenai keperluan kelulusan Lembaga FELDA ke atas pembelian MPHS oleh FICSB (yang diterajui oleh SP15 sendiri sebagai CEO) yang melebihi harga RM100 juta.

[365] Sebaliknya SP15 mengulangi jawapan bahawa untuk membentangkan apa apa kertas dalam mesyuarat Lembaga FELDA, beliau akan mendapatkan persetujuan daripada tertuduh sebagai Pengerusi Lembaga FELDA sendiri seperti biasa yang beliau lakukan dengan FICSB. Beliau menjelaskan dalam situasi ini tiada persetujuan tertuduh sebagai Pengerusi Lembaga FELDA bagi beliau membentangkan kertas untuk mendapatkan kelulusan bagi pembelian MPHS. Atas dasar dakwaan tiada persetujuan tertuduhlah ini juga, antara lainnya, nampaknya tertuduh cuba disabitkan dengan kesalahan pecah amanah jenayah ini. Ini merupakan alasan yang lemah.

[366] Seperti yang dinyatakan mahkamah sebelum ini, yang utama dan pertamanya, kelulusan pembelian telah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB, bukan tertuduh yang tiada kuasa membuat demikian berseorangan. Mandat dan pengamanahan pelupusan harta yang berkenaan dengan kes ini adalah tanggungjawab bersama Ahli Lembaga Pengarah secara kolektif. Atas sebab itu sahaja pertuduhan yang menyatakan tertuduh meluluskan pembelian MPHS tidak betul sama sekali. Dan bukannya semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang meluluskan pembelian MPHS didakwa pecah amanah jenayah. Pertuduhan hanya terhadap tertuduh.

[367] Keduanya, sebarang cubaan untuk menuduh tertuduh telah memaksa atau mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain untuk meluluskan pembelian MPHS juga tidak boleh berjaya. Ini adalah kerana dakwaan tersebut (sekiranya adapun) tidak dinyatakan dalam pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh yang dikatakan telah meluluskan pembelian tersebut. Juga tidak ada keterangan yang boleh dipercayai yang mencukupi untuk menyokong naratif ini, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Tambahan pula pertuduhan terhadap tertuduh bukan untuk sebarang persubahatan (*abetment*).

[368] Oleh yang demikian mahkamah terima keterangan oleh Pengarah Besar (SP5) yang menyatakan bahawa pemakluman kepada FELDA seperti yang direkod dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 1 Disember 2014 (P42) berkenaan *Laporan Kemajuan FICSB* itu yang juga menyebut tentang status pembelian MPHS pada harga RM160 juta, pada pandangannya adalah merupakan satu tanda bahawa pihak FELDA telah memberikan kelulusan mereka, secara tersirat (*implied*).

Sama ada kelulusan pembelian MPHS pada harga RM160 juta sebenarnya telah diberi oleh Lembaga FELDA

[369] Selain daripada apa yang telah dibincang oleh mahkamah sebelum ini yang menjurus kepada kegagalan pendakwaan membuktikan kes mereka melampaui keraguan munasabah, satu lagi sebab penting mengapa pertuduhan ini tidak boleh dipertahankan ialah sebenarnya Lembaga FELDA sudahpun memberi kelulusan kepada pembelian MPHS pada harga RM160 juta tersebut. Ini bermakna pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh terus sama sekali gagal.

[370] Ini merujuk kepada kertas daripada FICSB yang dibentangkan di mesyuarat Lembaga FELDA pada 23 Jun 2015 memohon ratifikasi terhadap pinjaman yang telah dilakukan oleh FELDA kepada FICSB. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pinjaman ini telah dilaksanakan atas kuasa arahan Pengarah Besar FELDA (SP5) pada 29 Mei 2015, berjumlah RM100 juta dan bertujuan untuk pembayaran pembelian MPHS oleh FICSB.

[371] Seperti yang dinyatakan di awal penghakiman ini, menurut CEO FICSB (SP15) selepas bayaran-bayaran sebanyak RM16 juta dan RM43 juta dibayar kepada GAPSB, FICSB telah mencuba untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank sejak bulan Disember 2014 tetapi gagal. Oleh itu pihak pengurusan FICSB telah membuat keputusan untuk mendapatkan pendahuluan jangka pendek daripada FELDA. SP15 telah mengarahkan Aznam Shahuddin, Ketua Pegawai Kewangan FICSB untuk menulis surat kepada Pengarah Kewangan FELDA melalui surat bertarikh 15 April 2015 bertajuk 'Permohonan Pendahuluan Pembiayaan Pengambilalihan Merdeka Palace Hotel & Suites, Kuching, Sarawak' (P47) memohon pendahuluan jangka pendek bagi membiayai baki pembayaran MPHS berjumlah RM100 juta.

[372] Pada lebih kurang waktu yang sama dalam bulan Mac, SP21 pula, berdasarkan maklumat yang beliau terima daripada SP16 bagi pihak GAPSB, memaklumkan kepada tertuduh bahawa GAPSB masih belum menerima baki bayaran RM100 juta yang sepatutnya dibayar oleh FICSB pada awal Mac

2015. Tertuduh kemudiannya memberitahu SP21 bahawa beliau akan mengarahkan Pengarah Besar FELDA (SP5) untuk menyalurkan wang kepada FICSB.

[373] Perkara ini, menurut pendakwaan membuktikan tertuduh menggunakan kuasa beliau sebagai Pengerusi FELDA untuk mengarahkan wang diberikan kepada FICSB sedangkan tiada kelulusan diberikan oleh Lembaga FELDA ke atas pengambilalihan MPHS oleh FICSB tersebut. Atas sebab sama yang dijelaskan sebelum ini, mahkamah tidak bersependapat dengan pendakwaan kerana usaha tertuduh untuk membuat pembayaran adalah selari dengan kelulusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah FICSB sendiri dan dengan perjanjian jual beli MPHS yang juga telah ditandatangani oleh FICSB.

[374] Lagipun, SP15 sendiri, sebagaimana sepatutnya sebagai peneraju pengurusan syarikat, juga berusaha untuk mendapatkan dana untuk melaksanakan bayaran pembelian MPHS itu. Setelah usaha mendapat pinjaman bank tidak berhasil, beliau mengarahkan FICSB memohon pinjaman daripada FELDA. Tertuduh juga sebenarnya melakukan perkara yang sama.

[375] Datuk Hanapi bin Suhada (SP5) mengesahkan dalam bulan Mei 2015 beliau telah diarah oleh tertuduh untuk menyegerakan bayaran RM100 juta daripada FELDA kepada FICSB bagi membolehkan FICSB membuat bayaran kepada GAPSB disebabkan tarikh akhir pembayaran kepada GAPSB hampir tamat. Berdasar keterangan yang dirujuk sebelum ini, ini pun setelah beberapa lanjutan diberikan oleh GAPSB. Jika FICSB masih gagal membuat bayaran kepada GAPSB ia akan menyukarkan pemilikan MPHS oleh FICSB.

[376] Dana FELDA berjumlah RM100 juta kemudiannya telah dipindahkan ke dalam akaun Maybank FICSB pada 29 Mei 2015 melalui hantaran telegraf (P49A), yang ditandatangani oleh SP5 dan Mohd Shahrin bin Mohd Ali, Pengarah Jabatan Kewangan FELDA (SP3). Ketika bayaran pendahuluan RM100 juta disalurkan oleh FELDA kepada FICSB kedua-dua mereka tidak mengetahui pembelian MPHS berjumlah RM160 juta tidak pernah secara spesifiknya diluluskan oleh Lembaga FELDA.

[377] Azlan bin Mohamed Ismail, Pengurus Kanan Kewangan FICSB (SP4) mengesahkan bahawa berpandukan penyata akaun Maybank atas nama FICSB bagi bulan Mei 2015 (P55), pada 29 Mei 2015, terdapat transaksi pengeluaran berjumlah RM97,993,061.23 daripada akaun FICSB kepada GAPSB bagi tujuan baki pembayaran pembelian MPHS setelah ditolak wang tahanan (1.8%). Oleh itu, pada 29 Mei 2015 FICSB telah membuat bayaran berjumlah

RM97,993,061.23 (setelah ditolak wang tahanan sebanyak 1.8%) secara terus ke dalam akaun Maybank milik GAPSB berpandukan penyata akaun semasa Maybank FICSB (P55).

[378] Mahkamah ambil maklum bahawa SP5 juga telah diarah oleh tertuduh untuk membawa perkara bayaran RM100 juta kepada FICSB ke mesyuarat Lembaga FELDA untuk tujuan ratifikasi. Ini adalah kerana bayaran RM100 juta telah didahulukan oleh FELDA kepada FICSB sebelum bayaran tersebut mendapat kelulusan di peringkat Lembaga FELDA.

[379] Mematuhi arahan SP5, SP3 telah menyediakan kertas bagi tujuan memohon kelulusan bayaran pendahuluan RM100 juta yang diberikan oleh FELDA kepada FICSB untuk kelulusan Lembaga FELDA. SP5 membentang kertas bertajuk 'Bayaran Pendahuluan Berjumlah RM100 juta kepada Felda Investment Corp Sdn Bhd (FIC) bagi membiayai projek Merdeka Palace Hotel And Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak serta cadangan kaedah bayaran kembali pendahuluan ini' (P50) dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA Bilangan 328 pada 23 Jun 2015 yang telah dipengerusikan oleh tertuduh.

[380] Dalam mesyuarat tersebut, Lembaga FELDA telah bersetuju meratifikasikan bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta kepada FICSB bagi membiayai pembelian MPHS di Kuching, Sarawak dengan menggunakan dana yang diperoleh daripada bayaran kembali awal prinsipal dana pembiayaan KWSP oleh FGV; dan FICSB dikehendaki membayar semula pendahuluan ini melalui pinjaman di antara Felda dan FICSB dengan mengguna pakai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian fasiliti di antara FELDA dan FGV sebelum ini.

[381] Keputusan ini direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 328 bertarikh 23 Jun 2015 (P43) seperti berikut:

(3) Dipersetujui:

i) Meratifikasikan bayaran pendahuluan berjumlah RM 100 juta kepada FIC bagi membiayai projek Merdeka Palace Hotel & Suites ('MPHS') di Kuching, Sarawak dengan menggunakan dana yang diperoleh daripada bayaran kembali awal prinsipal dana pembiayaan KWSP oleh FGV.

ii) FIC membayar semula pendahuluan ini melalui pinjaman di antara FELDA dan FIC dengan menggunapakai terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Fasiliti di antara FELDA dan FGV sebelum ini.

[382] Menurut pendakwaan, dan ini hujahan penting mereka, ratifikasi ini tidak bermakna kelulusan telah diberi oleh Lembaga FELDA terhadap pembelian MPHS pada harga RM160 juta. Pendakwaan merujuk kepada

keterangan bertulis SP5 yang menjelaskan bahawa ratifikasi bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta ini tidak bermaksud Lembaga FELDA telah meluluskan pembelian MPHS. Ia hanya merupakan ratifikasi kepada *bayaran pendahuluan* berjumlah RM100 juta dan bukan tujuan untuk mendapatkan kelulusan *pembelian* MPHS di Kuching, Sarawak.

[383] Erwan bin Aman (SP19), setiausaha Lembaga FELDA juga telah menerangkan bahawa kertas tersebut bukan merupakan suatu kelulusan daripada Lembaga FELDA untuk pembelian MPHS, dan ratifikasi bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta ini tidak bermaksud Lembaga FELDA meluluskan pembelian MPHS. Mohd Shahrin bin Mohd Ali (SP3), Pengarah Jabatan Kewangan yang menyediakan kertas tersebut juga telah memberi kenyataan yang serupa, iaitu kertas bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta kepada FICSB bagi membiayai projek pembelian MPHS tersebut disediakan oleh Jabatan Kewangan FELDA hanya untuk meratifikasikan pemberian dana dalam bentuk pendahuluan berjumlah RM100 juta kepada FICSB dan bukannya meratifikasikan kelulusan pelaburan pembelian MPHS oleh FICSB yang melebihi RM100 juta sebagai syarat mandat yang sebelum ini telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah FELDA (P40).

[384] Pihak pendakwaan juga menyimpulkan lagi sekali bahawa tertuduh sepatutnya membentangkan kertas khusus untuk memohon kelulusan daripada Lembaga FELDA untuk pelaburan MPHS bernilai RM160 juta yang telah diluluskan di peringkat Lembaga FICSB untuk kelulusan Lembaga FELDA terlebih dahulu.

[385] Mahkamah telah sebelum ini menghuraikan perkara ini. Tidak perlu untuk diulangi lagi, selain untuk menekankan tidak jelas kes pendakwaan mengapa tertuduh yang juga Pengerusi FELDA dan FICSB dipertanggungjawabkan untuk membentangkan kertas untuk kelulusan Lembaga FELDA sedangkan mandat dan pengamanahan terletak atas semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang telah meluluskan pembelian MPHS; dan CEO sebagai ketua pengurusan FICSB boleh dengan mudahnya membuat pembentangan di Lembaga FELDA tersebut.

[386] Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati bahawa perkara yang lebih penting lagi ialah seperti berikut. Keterangan-keterangan oleh SP3, SP5 dan SP19 mengenai tujuan dan kesan kertas ratifikasi pembayaran RM100 juta oleh FELDA kepada FICSB tersebut boleh dianggap munasabah berdasarkan prosedur biasa berkaitan kertas-kertas yang dibentangkan. Kertas tersebut memang tidak menyebut bahawa objektif ratifikasi adalah untuk kelulusan pembelian (sepertimana ketetapan Lembaga FELDA dalam eksh P40) tetapi adalah untuk bayaran RM100 juta oleh FELDA kepada FICSB yang telah dilaksanakan.

[387] Tetapi mahkamah harus memperjelaskan bahawa kesan undang-undang mengenai kertas ratifikasi pembayaran yang diluluskan oleh Lembaga FELDA terhadap pertuduhan pecah amanah jenayah ke atas tertuduh tidak semestinya sama seperti pemahaman para saksi pendakwaan.

[388] Kertas ratifikasi (P50), sepertimana direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga FELDA tersebut (P43) secara terangnya memperincikan fakta-fakta yang relevan, termasuklah jumlah keseluruhan harga bayaran pembelian MPHS adalah RM160 juta, dan juga permohonan pembiayaan untuk menyempurnakan bayaran pembelian tersebut. Lembaga FELDA bersetuju dan meluluskan ratifikasi tersebut. SP5 ketika disoal balas pihak pembelaan bersetuju bahawa penerimaan ratifikasi oleh Lembaga FELDA adalah sejenis kelulusan tersirat atau *implied consent* oleh Lembaga FELDA terhadap pembelian MPHS oleh FICSB pada harga RM160 juta. Tambahan pula, di mesyuarat tersebut Lembaga FELDA juga bersetuju dengan pelan pembayaran balik oleh FICSB terhadap pinjaman RM100 juta daripada FELDA.

[389] Mahkamah bersetuju bahawa satu ratifikasi pinjaman FELDA kepada FICSB secara teknikalnya tidak boleh disamakan dengan kelulusan pembelian MHSB. Walaupun demikian, adalah pendapat mahkamah bahawa memandangkan tujuan ratifikasi oleh Lembaga FELDA adalah untuk membolehkan FICSB melaksanakan penyelesaian pembelian MPHS dengan melakukan pembayaran pinjaman RM100 juta (oleh FELDA kepada FICSB) tersebut, tidaklah boleh dikatakan bahawa Lembaga FELDA masih tidak meluluskan, menolak atau tidak bersetuju dengan pembelian MPHS.

[390] Dalam keadaan begini, liabiliti jenayah menurut kesalahan pecah amanah jenayah tidak boleh bergantung kepada pelupusan harta wang syarikat FICSB bagi tujuan melaksanakan bayaran pembelian MPHS tanpa kebenaran Lembaga FELDA jika pembayaran pembelian tersebut sebenarnya dipersetujui dan diluluskan oleh Lembaga FELDA dalam ratifikasi tersebut.

[391] SP5 jelas telah menyatakan bahawa telah wujudnya persetujuan tersirat atau *implied consent* oleh Lembaga FELDA melalui pembentangan kertas makluman aktiviti FICSB yang melibatkan pembelian MPHS tersebut dan ini kemudiannya telah diperlihatkan dengan lebih meyakinkan lagi dengan persetujuan Lembaga FELDA untuk meratifikasi kelulusan pembayaran wang pendahuluan oleh FELDA kepada FICSB bernilai RM100 juta bagi pihak FICSB untuk tujuan melengkapkan pembelian MPHS pada harga RM160 juta.

[392] Walaupun ketika disoal semula oleh pihak pendakwaan SP5 menyatakan keputusan tidak boleh secara 'implied' dan mesti ada kertas kerja, keterangan SP5 ketika disoal balas yang menyatakan wujudnya *implied consent*

terhadap pembelian MPHS adalah terang dan jelas:

S: So, kalau kamu masih ingat saya bawa perhatian kamu kepada muka surat 86 catitan minit 6495 yang mengatakan tentang laporan kemajuan oleh Felda Investment Corporation Sdn Bhd dan khususnya bagi pembelian Hotel Merdeka di muka surat 97 di perenggan D yang menyatakan tentang pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites, betul?

J: Betul.

S: So, I'm sure apabila kamu tengok minit ini, kamu akan refresh your memory, betul?

J: Betul.

S: Tentang laporan yang dibuat berkaitan dengan pembelian Hotel Palace di Kuching. Dan kalau kamu baca di perenggan 3 itu atau pun pertama, pada 27.6.2014 FIC telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Gagasan Abadi Properties untuk pembelian Merdeka Palace. Kemudian yang ketiga, FIC telah membayar deposit sebanyak RM59.1 juta pada 13.11.2014 dan baki bayaran sebanyak RM1.9 juta perlu diselesaikan pada Disember 2014. At that point of time, apabila adanya di sini sudah memang jelas melanggar dasar, betul?

J: Betul.

S: Ada tak mana-mana dalam minit ini yang mencatitkan bahawa Ahli-Ahli Lembaga Pengarah tidak setuju atau pun persoalankan kenapa tidak dapat kelulusan?

J: Tiada.

S: So, in another words, pembelian Merdeka Hotel oleh FIC board tidak pernah diselindung daripada pengetahuan Ahli Lembaga Pengarah Felda, betul?

J: Betul.

S: And if only anyone of you, okay kamu bukan lagi jadi Pengarah Ahli Lembaga Pengarah Felda tetapi semasa itu kamu menjadi apa? Timbalan? Atau sudah menjadi Pengarah Besar?

J: Memangku.

S: Memangku itu maksud as good as Pengarah Besar, bukan?

J: Ya.

S: You are exercising all the powers of Pengarah Besar and you should also highlight to Lembaga Pengarah but how come mereka buat agreement without our consent? Am I right? You can raise that issue, right?

J: Boleh.

S: Kamu raise atau tidak? Tidak, bukan?

J: Tidak.

S: Begitu juga dengan Ahli Lembaga Pengarah yang tadi apabila saya tanya awal-awalan kamu setuju Ahli-Ahli Lembaga Pengarah patut tahu tentang keperluan kelulusan itu adalah dasar Felda dan kalau mereka lihat yang ini terpampang jelas RM160juta pembelian, mereka boleh question and start asking them to prepare papers if they wanted to, betul?

J: Betul.

S: Tetapi tidak dibuat, bukan?

J: Ya.

S: Tidak dibuat maksudnya mereka memberikan kelulusan secara implied bahawa tiada masalah dengan pembelian begini sebab mereka tidak boleh kata mereka tidak tahu, betul?

J: Betul.

S: Setuju? Kuat sikit, Dato'. Setuju, bukan?

J: Setuju.

S: So secara impliedly mereka telah memberikan kepersetujuan tentang pembelian sebab tidak pernah pun FIC menyorok tentang pembelian Merdeka Hotel. That was in December 2014 and as early as December 2014 the board should question but there were no questions raised by any members of the board of directors of Felda, am I right?

J: Betul.

...

S: So Jabatan Kewangan prepare atas arahan kamu, bawa kepada board Felda pada 23.6.2015 Bil. 328, IDD43. Kamu lihat dalam IDD43 tadi saya sudah rujuk kepada kamu yang kata senarai turut hadir itu tadi dan kamu kata ini merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan saya rujuk secara khususnya di muka surat 30 minit 6601. Dalam catitan disebut bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta kepada Felda Investment dan kalau kamu lihat kepada muka surat 31 perenggan C, saya bacakan sedikit di sini. Selepas itu dia tuliskan juga dia punya justification dalam board itu, dibentangkan di dalam board, bukan?

J: Ya, betul.

S: Selepas itu dituliskan all the justification, bagaimana pembayaran, bagaimana cara loan itu hendak dibayar, bagaimana terms and conditions of the loan, everything has been discussed and approved upon during that meeting, setuju?

J: Setuju.

S: Dan kalau kamu lihat kepada ruangan 3 di muka surat 33 dicatitkan begitu dengan jelas dipersetujui meratifikasikan bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta?

J: Betul.

S: Now saya hendak bertanya, you said just now pada Mei apabila Tan Sri Isa kata kamu sudah tahu bahawa kelulusan impliedly telah diberikan. Now at this point of time, kalau betul kamu cakap begitu mungkin yang lain tidak bersetuju, directors lain tidak bersetuju, kalau kamu lihat dekat sini dengan jelas mengatakan RM160 juta telah dibeli, kalau tidak dapat kelulusan obviously everyone of the members of the board can always raise this up, setuju?

J: Setuju.

S: Sebab mereka masing-masing mempunyai kuasa. Masing-masing tidak tertakluk kepada keputusan Pengerusi. They can always do so, am I right?

J: Betul.

S: Ada tak di dalam kes ini mereka mempersoalkan sesiapa mempersoalkan?

J: Tiada.

S: Bermakna impliedly di peringkat kedua ini pun pihak Felda tahu tentang pembelian dan impliedly telah pun memberikan kelulusan tentang pembelian tersebut tanpa perlu secara formal dibuat dan lagipun tiada SOP yang khusus untuk mereka bawa, setuju?

J: Setuju.

[393] Mahkamah setuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa walau pun pendakwaan bertanyakan kepada pegawai penyiasat (SP22) tentang peranan SP5 yang dikatakan mungkin kurang penting dan disebut ada lagi pengarah FELDA lain yang lebih layak untuk menjelaskan perkara ini, sepatutnya pendakwaan memanggil pengarah-pengarah lain itu sekiranya pendakwaan berpendapat mereka dapat memberi keterangan yang lebih relevan.

[394] Kes autoriti telah memutuskan bahawa tiada kesalahan pecah amanah jenayah boleh disabit oleh mahkamah sekiranya pemilik kepada harta yang tertakluk kepada pengamanahan memberi kebenaran untuk kegunaan atau pelupusan harta dalam keadaan tertentu yang mungkin berbeza daripada terma asal yang mengawal kegunaan atau pelupusan tersebut, walaupun persetujuan itu diberikan pemilik selepas berlakunya sebarang kegunaan atau pelupusan tersebut.

[395] Ini telah dijelaskan oleh Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu) dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557; [1996] 3 CLJ 187 seperti berikut:

In essence, the offence of criminal breach of trust is an offence relating to property and its commission is directed against the beneficial owner of that property.

So, there can be no criminal breach of trust where the beneficial owner consents to the use of the property in a particular way.

That consent of the beneficial owner is a complete defence to the offence of criminal

breach of trust is to found in the words 'in violation … of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust'.

The beneficial owner of property who entrusts it or dominion over it to another under an express or implied contract, for the purposes of s 405, must retain the ultimate control over its use or disposal.

If there is an express contract governing the discharge of the trust, then, it is a question of construing its terms to determine the nature and extent of the duty cast upon a person accused of having dishonestly dealt with the property.

If the contract is implied, then it is a question of determining any term the law may properly imply into it.

Both cases involve a question of law: it is a question of law as to what the express terms mean; and it's equally a question of law as to what the terms are of an implied contract.

In our judgment, it is an implied team in every entrustment under the express or implied contract, referred to in s 405, that the owner of property may give his express or implied consent to its use or disposal in a manner that differs from the original terms governing its use or disposal.

Any other view of the matter would result in adversely affecting the rights over property of a beneficial owner conferred upon him by the general law. (Penekanan ditambah.)

[396] Mahkamah juga tidak boleh menidakkan hujahan pembelaan bahawa FELDA sebagai syarikat induk dan pemilik kepada FICSB tidak mungkin bertindak meratifikasi pembayaran wang pendahuluan tersebut jika FELDA tidak bersetuju dengan pembelian MPHS. FELDA juga boleh sahaja meminta FICSB untuk kembali membayar wang pendahuluan dan meminta agar FICSB membatalkan pembelian tersebut. Namun begitu, FELDA sebaliknya telah bersetuju untuk meratifikasikan pembayaran wang pendahuluan tersebut bagi membantu FICSB menyempurnakan pembelian MPHS tersebut.

[397] Mahkamah anggap ianya adalah sesuatu yang agak tidak munasabah dan bersifat bertentangan (*contradictory*) sekiranya FELDA tidak bersetuju dengan pembelian MPHS tersebut, tetapi meluluskan pula pembayaran wang pendahuluan oleh FELDA agar FICSB dapat membeli hotel tersebut. Ratifikasi pembayaran tersebut oleh Lembaga FELDA oleh itu tidak dapat diterangkan selain daripada bersifat sebagai suatu kelulusan yang tersirat atau *implied consent* terhadap pembelian MPHS.

[398] Oleh yang demikian, hujahan pendakwaan yang menggunakan keterangan bahawa kertas pemakluman dan ratifikasi wang pendahuluan tersebut bukan merupakan satu *implied consent* adalah suatu pandangan yang tidak berasas kerana amalan ini sememangnya dipersetujui dan diterima pakai oleh kedua-dua pihak FICSB dan FELDA.

[399] Harta yang tertakluk kepada pengamanahan dalam kes semasa ialah dana/wang syarikat FICSB. Tetapi pemilik harta, yakni syarikat FICSB, yang bertindak melalui pihak yang bertanggungjawab di bawah undang-undang — Lembaga Pengarah FICSB — sendiri telah meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB dengan harga RM160 juta. Ini pastinya bermakna FICSB patut sebagai tindakan susulan, membuat pembayaran pembelian tersebut, lebih-lebih lagi kerana perjanjian jual beli MPHS juga telah ditandatangani oleh FICSB dan GAPSB. Apa-apa syarat termasuklah keperluan mendapat kelulusan Lembaga FELDA sebenarnya dari segi undang-undang tidak boleh mengatasi sebarang keputusan yang dibuat oleh pemilik harta, iaitu FICSB, yang diwakili oleh Lembaga Pengarah FICSB.

[400] Namun, walaupun tiada keterangan dokumen dikemukakan di perbicaraan ini untuk menunjukkan FICSB dan Lembaga Pengarahnya juga telah menerima pakai syarat keperluan mendapat kelulusan Lembaga FELDA bagi pelaburan lebih RM100 juta, seperti yang mahkamah nyatakan sebelum ini, tiada keraguan bahawa para pengarah dan pihak pengurusan FICSB menganggap syarat ini sememangnya terpakai kepada dan mesti dipatuhi oleh FICSB.

[401] Apa pun, Lembaga FELDA sendiri telah memberi kelulusan selaras dengan syarat mandat bagi pelaburan bernilai lebih RM100 juta itu (P40). Kelulusan Lembaga FELDA sendiri terhadap pembelian MPHS pada harga RM160 juta — secara *implied consent* ini bermakna Lembaga Pengarah FICSB, dan lebih-lebih lagi tertuduh, tidak boleh dikatakan bertindak melebihi kuasa yang telah dimandatkan oleh Lembaga FELDA atau pun Lembaga Pengarah FICSB. Atas sebab ini sahaja, pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh gagal dan tidak boleh dipertahankan.

[402] Berdasarkan pelbagai sebab yang dirungkai di atas, mahkamah dapati pihak pendakwaan telah tidak berjaya untuk membuktikan elemen ketiga, iaitu tertuduh telah melakukan pecah amanah jenayah. Oleh itu pertuduhan pecah amanah jenayah terhadapnya telah gagal.

Elemen ke-empat — Niat curang dan anggapan bawah s 409B

Niat curang (*dishonest intention*)

[403] Kerana pihak pendakwaan telah tidak berjaya membuktikan tertuduh melakukan sebarang pelupusan atas harta syarikat yang diamanahkan kepadanya dengan meluluskan pembelian MPHS seperti yang dituduh, pertuduhan terhadapnya telah tidak dibuktikan dan gagal.

[404] Walau bagaimanapun atas tujuan melengkapkan analisa kes (*for*

completeness only), mahkamah ingin sentuh juga elemen niat curang yang mesti juga dibuktikan dalam sesuatu pertuduhan di bawah s 409 KK. Pihak pendakwaan menggariskan beberapa perkara yang dikatakan boleh membangkitkan inferens menunjukkan wujud niat curang ketika kelulusan pelupusan dilakukan tertuduh.

[405] Antaranya, tertuduh didakwa mengarahkan SP15 supaya meneruskan dengan cadangan pengambilalihan MPHS bagi tujuan membantu aktiviti politik di Sarawak yang bukan asas pertimbangan pelaburan, dengan mengarahkan SP15 mengekalkan harga pembelian MPHS pada harga RM160 juta dan diskaun RM10 juta tidak perlu dibincangkan. Juga alasan tertuduh memberikan justifikasi bahawa MPHS boleh dibeli pada harga RM160 juta dengan mengambil kira 'goodwill' MPHS yang telah lama digunakan dan dikenali di Kuching.

[406] Pihak pendakwaan berhujah berdasarkan harga tawaran GAPSB sebanyak RM160 juta dan harga yang dicadangkan oleh pihak pengurusan FICSB iaitu RM153 juta dan keputusan pembelian pada harga RM160 juta, terdapat lebihan sebanyak RM7 juta yang perlu dibayar oleh FICSB. Ini menunjukkan tertuduh mempunyai niat curang untuk menyebabkan 'wrongful loss' kepada FICSB dan FELDA. Tujuannya adalah untuk mendapatkan suapan secara rasuah untuk dirinya selepas transaksi pengambilalihan MPHS berjaya dilaksanakan.

[407] Tambahan pula, dalam mesyuarat Lembaga FICSB Kali Ke-10 (P41) tertuduh memaklumkan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang hadir bahawa Perdana Menteri meminta FICSB mengkaji semula cadangan pengambilalihan MPHS yang ditolak sebelum ini, tetapi tidak mahu arahan Perdana Menteri direkodkan dalam minit. Diskaun RM10 juta yang awalnya dicadangkan dengan SP15 tidak dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB yang meluluskan pembelian MPHS kerana jika Lembaga Pengarah FICSB bersetuju, ini menjejaskan peluang tertuduh untuk mendapatkan suapan daripada GAPSB. Lagipun menurut pihak pendakwaan, alasan tertuduh bahawa kononnya Lembaga FICSB memutuskan untuk membeli semula MPHS berdasarkan fakta baru iaitu potensi pembangunan pesat kawasan sekitar MPHS untuk 10–15 tahun akan datang adalah satu 'excuse' untuk menjustifikasikan pembelian semula MPHS pada harga RM160 juta yang lebih tinggi.

[408] Juga, pihak pendakwaan berhujah arahan tertuduh kepada SP15 supaya tidak membentangkan keputusan Lembaga FICSB yang bersetuju dengan cadangan pengambilalihan MPHS pada harga RM160 juta untuk kelulusan Lembaga FELDA walaupun selepas dinasihati oleh SP15 membuktikan niat curang tertuduh. Niat curang tertuduh juga telah dikatakan dibuktikan

apabila beliau menandatangani surat arahan pindaan wang bertarikh (P58C) berjumlah RM16 juta yang merupakan deposit 10% daripada nilai pembelian MPHS berjumlah RM160 juta untuk dibayar kepada GAPSB. Begitu juga dengan bayaran-bayaran lain yang dibuat oleh FICSB kepada GAPSB di bawah perjanjian jual beli (P258) yang dibuat tanpa kelulusan Lembaga FELDA. Tertuduh juga tidak pernah memaklumkan dalam mesyuarat Lembaga FELDA ketika kertas Laporan Kemajuan Aktiviti FICSB dibentangkan untuk makluman Lembaga FELDA bahawa pembelian MPHS bernilai RM160 juta tidak pernah diluluskan oleh Lembaga FELDA.

[409] Seterusnya, niat curang tertuduh dibuktikan juga apabila beliau selaku Pengerusi FELDA telah mengarahkan SP5 memberikan wang FELDA berjumlah RM100 juta kepada FICSB untuk membayar baki pelaburan berjumlah RM100 juta yang belum dibayar oleh FICSB kepada GAPSB. Beliau dikatakan oleh pendakwaan telah mengarahkan ratifikasi bayaran pendahuluan RM100 juta dipohon untuk kelulusan Lembaga FELDA bagi tujuan menutup perbuatan pecah amanah beliau sendiri dan mendapatkan suapan untuk dirinya. Pihak pendakwaan juga berhujah perbuatan pecah amanah jenayah yang dilakukan tertuduh mempunyai kaitan langsung dengan suapan berjumlah RM3.09 juta yang diterima oleh tertuduh melalui Muhammad Zahid bin Md Arip (P21) daripada Ikhwan bin Zaidel (SP16), yang mewakili GAPSB, sebagai upah kepada tertuduh yang telah membantu meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta oleh FICSB.

[410] Sebagaimana yang telah diputuskan oleh mahkamah, elemen s 409 KK mengenai perlakuan pecah amanah jenayah telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pertuduhan telah gagal.

[411] Mengenai hujahan mengenai niat curang tertuduh, perkara-perkara yang didakwa pihak pendakwaan menunjukkan kewujudan niat curang tertuduh telah juga dibincangkan sebelum ini, di mana mahkamah dapati banyak keterangan yang dikemukakan SP15 tidak disokong keterangan lain yang boleh dipercayai, dan hujahan pihak pendakwaan tidak bersandarkan keterangan yang meyakinkan, dan keterangan yang dirujuk pihak pendakwaan sebenarnya tidak boleh dirumuskan seperti yang dihujahkan oleh mereka.

[412] Dalam usaha membangunkan kes mereka, pihak pendakwaan berhujah bahawa elemen kewujudan niat curang kesalahan pecah amanah jenayah dalam pertuduhan boleh secara alternatifnya bergantung kepada anggapan statutori yang diperuntukkan di bawah s 409B KK.

[413] Seksyen 409B KK menyebut seperti berikut:

409B Presumption

A (1) Where in any proceeding it is proved —

(a) for any offence prescribed in sections 403 and 404, that any person had misappropriated any property; or

(b) for any offence prescribed in sections 405, 406, 407, 408 and 409, that
B any person entrusted with property or with dominion over property had —

(i) misappropriated that property;

(ii) used or disposed of that property in violation of any direction of law
C prescribing the mode in which such trust is to be discharged or of any legal contract, express or implied which he had made touching the discharge of such trust; or

(iii) suffered any person to do any of the acts described in subparagraph (1) or (ii) above, it shall be presumed that he had acted dishonestly
D until the contrary is proved.

[414] Di Malaysia, sebaik sahaja perbuatan pecah amanah jenayah dalam mana-mana deskripsi/cara yang dinyatakan dalam s 405 KK, seseorang
E tertuduh adalah dianggap telah melakukannya dengan niat curang. Dan keadaan ini berterusan kekal sehingga dan melainkan tertuduh boleh membuktikan sebaliknya atas imbangan kebarangkalian (rujuk kes *Public Prosecutor v Cho Sing Koo & Anor* [2015] 4 MLJ 689; [2015] 4 CLJ 491).

F **[415]** Mahkamah berpendapat di bawah undang-undang, pemakaian anggapan tersebut tidak mandatori sekiranya pendakwaan boleh menunjukkan terdapat keterangan kewujudan niat curang (rujuk perbincangan oleh Richard Malanjum CJ dalam kes keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another*
G *appeal* [2019] 4 MLJ 1).

[416] Di sini timbulnya masalah. Kepada pendakwaan. Ini adalah kerana sebelum anggapan yang terkandung dalam s 409B KK boleh diaktifkan untuk pemakaian, pendakwaan mestilah terlebih dahulu menunjukkan bahawa
H tertuduh telah melakukan perbuatan menyalahguna harta syarikat seperti yang dituduh. Ini sebenarnya jelas dinyatakan dalam perkataan dalam s 409B(1)(b) sendiri, seperti yang telah dirujuk di atas.

[417] Mahkamah Tinggi dalam kes *Hj Maamor bin Hj Abdul Manap v Public*
I *Prosecutor* [2002] 6 MLJ 668 juga telah meneliti isu ini dan Augustine Paul J (pada ketika itu) mengulangi interpretasi seperti berikut:

> It must be observed that before the presumption contained in s 409B can be activated the prosecution must first prove that the accused had misappropriated the sums of money involved. As I said earlier there is no evidence of this ingredient.

Thus the presumption invoked by the learned sessions court judge under s 4098 to show that the misappropriation was dishonest cannot be sustained. In the circumstances it is my view that the prosecution had not made out a case under the ?rst two limbs of s 405.

[418] Memandangkan mahkamah telah membuat dapatan bahawa pendakwaan tidak berjaya menunjukkan perbuatan pecah amanah jenayah oleh tertuduh yang dikatakan melepas harta atau wang syarikat mengenai pembelian MPSB oleh FICSB bertentangan dengan mandat yang ditetapkan oleh FELDA, s 409B KK tidak boleh diaktifkan oleh pendakwaan. Isu pemakaian anggapan di bawah s 409B oleh itu tidak timbul.

Sama ada s 409A KK terpakai dan menghalang pembelaan bergantung kepada keterangan menunjukkan pelupusan harta oleh FICSB

[419] Pihak pendakwaan juga berhujah bahawa bagi pertuduhan pecah amanah jenayah ini, tertuduh tidak boleh, berdasarkan peruntukan di bawah s 409A KK membangunkan pembelaannya dengan menyatakan pembelian MPHS tersebut telah dibuat secara terbuka oleh FICSB atau pun telah direkodkan di dalam rekod FICSB dan FELDA.

[420] Seksyen 409A dibaca seperti berikut:

409A Defence not available

It is no defence for any offence prescribed in sections 403, 404, 405, 406, 407, 408 and 409 to show that the property was openly appropriated or that the appropriation was duly recorded and entered in the books and accounts of any company or association or body of person whether incorporated or not.

Explanation — The property of a company shall be regarded as belonging to the company notwithstanding that the directors of the said company are, either singly or jointly, entitled to the entire beneficial interest, of the shareholding in the said company.

[421] Pendakwaan menimbulkan perkara ini nampaknya bagi tujuan menyangkal pembelaan tertuduh bahawa pembelian MPHS ini telah sebenarnya dibuat dengan pengetahuan pihak FELDA dan FICSB, serta sememangnya telah direkodkan oleh pihak FICSB dan FELDA tanpa sebarang bantahan.

[422] Ini adalah suatu percubaan pendakwaan untuk pemakaian s 409A KK yang tersalah arah. Ini adalah kerana, pihak pendakwaan sendiri yang telah mengemukakan pelbagai keterangan dokumen mengenai 'open appropriation' atau pun 'recording of appropriation' — seperti dokumen mengenai kelulusan ratifikasi oleh Lembaga FELDA (P43) serta pembentangan kertas makluman

(P259) mengenai aktiviti FICSB termasuk perincian berkenaan pembelian MPHS pada harga RM160 juta — bagi tujuan membuktikan kes pendakwaan, termasuk berkenaan apa yang dikatakan niat curang tertuduh.

[423] Seperti yang telah dijelaskan, mahkamah mendapati keterangan saksi dan dokumen sebaliknya menjurus dangan jelas bahawa terdapat kelulusan tersirat atau *implied consent* oleh Lembaga FELDA sendiri terhadap pembelian MPHS pada harga RM160 juta tersebut. Ini yang mengakibatkan pendakwaan membuat percubaan untuk mengapplikasikan s 409A KK tersebut. Strategi ini tidak boleh berjaya.

[424] Mahkamah Tinggi dalam kes *Hj Maamor bin Hj Abdul Manap v Public Prosecutor* [2002] 6 MLJ 668 pernah meneliti dan membuat keputusan mengenai persoalan yang serupa di mana Augustine Paul J (pada ketika itu) berkata:

> I am of the view that this section does not apply to displace the view that I have expressed earlier for two reasons. Firstly, the section only applies when the open appropriation or the recording of the appropriation is set up as a defence by the accused. That is not the position in this case as the records relating to the disbursement of the sums of money as loans were adduced in evidence by the prosecution in support of its case. Secondly, before the section can be activated there must be evidence to show that there was appropriation of property. It is only then that the section will apply to bar the accused from setting up the defence that it was openly appropriated or that the appropriation was duly recorded. The evidence adduced by the prosecution does not show that the accused had appropriated the sums of money in question. Section 409A therefore does not apply to preclude a finding that the sums of money disbursed were done so as loans. It follows that there is no evidence to show that the accused had dishonestly misappropriated the sums of money involved.

[425] Dalam kes semasa, kerana keterangan-keterangan berkenaan dikemukakan oleh pendakwaan sendiri untuk membuktikan kes mereka, tiada halangan bagi tertuduh juga untuk bergantung kepada keterangan tersebut bagi tujuan pembelaan beliau. Ini bermakna s 409A tidak boleh terpakai terhadap tertuduh dalam kes ini.

Kesan ratifikasi kepada transaksi pelepasan harta FICSB

[426] Walaupun tidak dibangkitkan oleh pihak pendakwaan, mahkamah berpendapat bagi tujuan perkara ini dianalisa secara menyeluruh (*for completeness*), satu isu berkaitan yang perlu disentuh ialah persoalan sama ada ratifikasi oleh Lembaga FELDA terhadap pembayaran pinjaman FELDA kepada FICSB (bagi melaksanakan pembelian MPHS) tersebut adalah efektif di bawah undang-undang untuk menidakkan perlakuan jenayah yang dikatakan telah berlaku sebelum ratifikasi dibuat.

[427] Ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes yang dinyatakan sebelum ini *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557; [1996] 3 CLJ 187, di mana Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu) membuat pemerhatian berikut:

> In our judgment, it is an implied team in every entrustment under the express or implied contract, referred to in s 405, that the owner of property may give his express or implied consent to its use or disposal in a manner that differs from the original terms governing its use or disposal.
>
> ...
>
> Then the question arises, must there be prior consent? The learned deputy, relying upon the decision in *Public Prosecutor v Yeoh Teck Chye and Lim Hong Pung & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 176 submits that this question must receive an affirmative answer.
>
> In *Yeoh Teck Chye*, the defence was that there had been express authority conferred upon the second accused to make the loans or alternatively, that the supreme authority of Bank Buruh had ratified the loan in question.
>
> Having held that there was no express authority, Wan Suleiman FJ, when delivering the judgment of the Federal Court went on to say as follows:
>
> > We are satisfied that this ratification by the Management Committee and the Board of Directors must prima facie indicate that the supreme authorities of the bank far from confirming that accused 2 had the authority to grant the short term overdrafts were merely engaged in taking steps to protect the bank's interest, and to make the best out of a bad bargain, and possibly to regain the confidence of Bank Negara.
> >
> > As regards the effect of ratification on criminal liability two authorities were brought to our notice viz *Yeow Fook Yuen v Regina* [1965] 2 MLJ 80; [1964] 1 LNS 227 and *Mangal Sen v Emperor* AIR 1930 Lah 57. From these authorities we are satisfied that ratification would not exonerate a criminal offence and no authority we are aware of or which has been brought to our notice says otherwise.
> >
> > We therefore hold that the act of ratification is of no assistance to the defences.
>
> ...
>
> It may be seen from the foregoing passages that no authority was cited for either proposition; that advanced by the learned District Judge, whose view was affirmed by the learned Chief Justice, or that advanced by the accused. Secondly, the ratification in that case came well after the police had commenced investigations. That is not the case here.
>
> In *Mangal Sen*, the accused Mangal Sen was convicted of an offence of criminal breach of trust in respect of certain moneys which he claimed were merely paper transactions. His other defence to the charge was that he had obtained a resolution of the bank's board ratifying the impugned transactions. The High Court, on appeal, unsurprisingly rejected the defence that the transactions in question were mere book entries and therefore only on paper. It also held the resolution relied

upon by Mangal Sen to be ultra vires because the meeting at which it was passed lacked a quorum. It therefore transpired that there was in fact no valid resolution ratifying the impugned transactions.

With respect, we are unable to read these two cases as being authority for the proposition that a use or disposal of property entrusted under s 405 of the Penal Code can never be ratified by its beneficial owner. In our judgment, whether there can be a valid consent subsequent to the impugned use or disposal depends upon the facts of each case. There may be cases where the ratification is but a cloak to cover up a dishonest act. This, indeed, was the position in *Yeow Fook Yuen*. In *Yeoh Teck Chye*, as the court found, the true purpose of the ratification was to save Bank Buruh and to regain Bank Negara's confidence. In *Mangal Sen* there was an invalid ratification. In all these cases there was no genuine consent subsequent to the use or disposal.

But where facts emerge to show that there was true consent in its legal sense, the fact that it did not precede the use or disposal cannot, in principle, make the slightest difference to the question. Such subsequent consent would, in accordance with well-established principle of the law of agency, relate back to the use or disposal that is the subject of challenge. We emphasise that for the principle to apply, there must be present all those elements which would constitute consent in law.

[428] Mahkamah ini ingin memberi dua sebab utama mengapa ratifikasi oleh Lembaga FELDA adalah efektif di bawah undang-undang. Pertamanya, selain daripada ratifikasi yang bertindak sebagai kelulusan pembelian MPHS itu sendiri, sebenarnya pemilik harta atau dana/wang yang dilupuskan adalah FICSB. Dan Lembaga Pengarah FICSB telah sememangnya memberi kelulusan kepada pembelian MPHS pada harga RM160 juta (P41).

[429] Kelulusan ini adalah sumber kuasa kepada perkara yang berlaku seterusnya mengenai pembelian MPHS, termasuk pengeluaran pembayaran RM160 juta wang milik FICSB sebagai balasan kepada perolehan hotel tersebut. Pengeluaran baki RM100 juta oleh FICSB untuk membayar GAPSB juga didahului oleh ratifikasi oleh FELDA sebelum wang itu disalurkan oleh FELDA sebagai pinjaman kepada FICSB. Ini saja sudah memadai untuk mematahkan sebarang hujah yang ratifikasi oleh FELDA adalah dilakukan selepas pelupusan wang milik FICSB kerana perkara sebenar yang berlaku adalah sebaliknya.

[430] Sebab yang kedua pula ialah apa pun, ratifikasi oleh Lembaga FELDA dibuat dalam tahun 2015, iaitu lama sebelum sebarang siasatan dilakukan oleh pihak berkuasa (SPRM) mengenai tuduhan jenayah di FICSB yang bermula dalam tahun 2017. Seperti yang telah dirungkai dengan panjang lebar sebelum ini, tidak boleh disangkal bahawa ratifikasi dibuat oleh Lembaga FELDA untuk membolehkan FICSB menyempurnakan perlaksanaan pembelian MPHS yang puncanya diluluskan oleh Lembaga FICSB sendiri dalam tahun 2014.

[431] Perlu diulangi bahawa wang milik FELDA berjumlah RM100 juta dipindahkan ke dalam akaun Maybank FICSB pada 29 Mei 2015 dan pada hari itu juga telah dibayar oleh FICSB kepada GAPSB. Lembaga FELDA telah meratifikasi bayaran pendahuluan berjumlah RM100 juta tersebut dalam mesyuarat bulanan yang selepas itu pada 23 Jun 2015 (P43), tertakluk kepada pembayaran balik oleh FICSB seperti yang digariskan dalam perjanjian pinjaman yang ditandatangani oleh FELDA dan FICSB.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TERHADAP TUDUHAN PECAH AMANAH JENAYAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[432] Bersandarkan kepada analisa dan penilaian yang dihuraikan di atas, mahkamah membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie di atas pertuduhan pecah amanah jenayah terhadap tertuduh di peringkat akhir kes pendakwaan. Oleh yang demikian, Mahkamah memerintahkan tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut tanpa perlu dipanggil untuk membela diri.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN MENERIMA SUAPAN DI BAWAH S 16(a)(A) ASPRM

Pertuduhan-pertuduhan

[433] Tertuduh juga berdepan sembilan pertuduhan menerima suapan. Pendakwaan mesti membukti setiap satu pertuduhan daripada sembilan pertuduhan tersebut secara prima facie untuk membolehkan mahkamah memerintah tertuduh untuk membela diri di atas setiap satu pertuduhan tersebut.

[434] Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa butiran kesemua sembilan pertuduhan tersebut adalah tiada ketara bezanya antara satu dengan yang lain, melainkan tarikh-tarikh suapan didakwa diterima oleh tertuduh dan jumlah suapan yang dikatakan diterima beliau.

[435] Perlu diingatkan pertuduhan pertama di bawah ASPRM (atau secara turutan keseluruhannya ditanda sebagai pertuduhan pindaan kedua) berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu di antara 15 Julai 2014 dan 30 Julai 2014, di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, surat tawaran 11, Persiaran KLCC, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima suatu suapan untuk diri kamu iaitu wang tunai berjumlah RM100,000.00 daripada Ikhwan Bin Zaidel (SP16) iaitu Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid bin Md Arip (SP21) sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh pihak Syarikat Felda Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta,

dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

[436] Selain dua perbezaan tersebut, bagi lapan pertuduhan yang lain, *modus operandi* dakwaan perlakuan jenayah ini secara asasnya hampir sama sahaja dengan pertuduhan pertama ini. Penerimaan wang oleh tertuduh adalah daripada Muhammad Zahid bin Md Arip (SP21), yang telah dikatakan menerima wang yang sama daripada Ikhwan bin Zaidel (SP16). Atau pun seperti yang dipertuduhkan, wang telah diberi oleh SP16 kepada tertuduh melalui SP21. Dalam semua sembilan pertuduhan, wang-wang didakwa telah diterima oleh tertuduh daripada SP21 di tempat yang sama, iaitu di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

[437] Sembilan pertuduhan tersebut adalah dinyatakan di bawah ini menurut kronologi. Pecahan butiran tarikh-tarikh dan setiap suapan yang didakwa diterima oleh tertuduh sebagaimana yang disediakan oleh pendakwaan adalah seperti yang berikut:

PERTUDUHAN PINDAAN 2 HINGGA 10 (P3A P11A)	TARIKH SUAPAN DITERIMA	JUMLAH SUAPAN DITERIMA (RM3,090,000)
Pertuduhan Kedua	Antara 15 dan 30 Julai 2014	RM100,000
Pertuduhan Ketiga	Antara 20 dan 30 Julai 2014	RM140,000
Pertuduhan Keempat	Antara 15 dan 30 Oktober 2014	RM300,000
Pertuduhan Kelima	Antara 5 dan 11 November 2014	RM250,000
Pertuduhan Keenam	Antara 20 Jun dan 30 Jun 2015	RM500,000
Pertuduhan Ketujuh	Antara 13 dan 16 Julai 2015	RM500,000
Pertuduhan Kelapan	Antara 20 dan 30 Ogos 2015	RM300,000
Pertuduhan Kesembilan	Antara 1 dan 15 September 2015	RM500,000
Pertuduhan Kesepuluh	Antara 1 dan 15 Disember 2015	RM500,000

Peruntukan dan prinsip perundangan

[438] Peruntukan undang-undang yang terpakai dalam kes ini adalah terutamanya termaktub dalam ASPRM. Pertamanya, kesalahan menerima suapan terhadap tertuduh adalah dinyatakan di bawah s 16(a)(A) ASPRM sperti berikut:

> 16 Kesalahan menerima suapan
>
> *Mana-mana orang yang sendiri atau melalui* atau bersama *dengan* mana-mana *orang lain* —
>
> (a) *secara rasuah* meminta atau *menerima* atau bersetuju untuk menerima *bagi dirinya* atau bagi mana-mana orang lain; atau
>
> (b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain, *apa-apa suapan sebagai* dorongan untuk atau *upah bagi*, atau selainnya oleh sebab —
>
> (A) *mana-mana orang melakukan* atau tidak melakukan *apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar* atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau
>
> (B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat, melakukan suatu kesalahan. (Penekanan ditambah.)

Tiga elemen utama setiap pertuduhan

[439] Berdasarkan s 16(a)(A) ASPRM dan sembilan pertuduhan tersebut, pendakwaan perlu membuktikan tiga inti pati atau elemen utama pertuduhan-pertuduhan tersebut. Pertama, tertuduh telah secara sendiri atau melalui orang lain (seperti SP21) menerima wang suapan daripada SP16 seperti yang dipertuduhkan dalam setiap pertuduhan. Kedua, penerimaan olehnya wang suapan tersebut adalah oleh sebab penglibatan tertuduh dalam Lembaga Pengarah FICSB yang membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS; dan ketiganya, penerimaan suapan-suapan oleh tertuduh adalah secara rasuah. Perkara-perkara ini dianalisa seterusnya.

Elemen pertama — Sama ada tertuduh menerima suapan

[440] Ini elemen amat penting dalam kes ini. Penting juga ditekankan bahawa terma 'suapan' (*gratification*) ditakrif secara meluas dalam ASPRM di mana s 3 secara spesifik memperuntukkan bahawa wang adalah satu bentuk suapan.

[441] Dalam kes ini menurut keterangan SP21, beliau sendiri yang telah menyerahkan wang tunai yang beliau terima daripada SP16, kepada tertuduh, seperti yang disebut dalam sembilan pertuduhan tersebut. Walau pun tiada saksi lain yang boleh memberi keterangan sebaliknya mengenai perbuatan

penyerahan wang kepada tertuduh oleh SP21 dalam mana-mana situasi yang dinyatakan dalam pertuduhan, tidak dinafikan wang sememangnya diserah kepada SP21 oleh SP16 yang sebelum itu berurusan dengan SP17 untuk mengeluarkan wang suapan itu daripada Maybank Cawangan Jelapang.

[442] Dengan lain perkataan keterangan SP21 yang menyerahkan wang kepada tertuduh adalah konsisten dengan yang diperkatakan oleh SP16. Walaupun SP21 tidak tahu jumlah sebenar wang yang diterima dalam beg daripada SP16, perkara tersebut disahkan oleh SP17, yang telah terdahulunya berurusan dengan pengurus Maybank Cawangan Jelapang dalam proses pengeluaran wang tunai dalam setiap situasi yang dirujuk dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut (kecuali pertuduhan penerimaan suapan yang pertama), dan juga lebih tepat lagi oleh SP16 yang mengarahkan SP17 melakukan pengeluaran wang dan seterusnya menerima wang tersebut daripada SP17, dan akhirnya penyerahan kepada SP21.

[443] Tambahan pula, SP16 memberi keterangan bahawa tujuan pengeluaran wang dan penyerahan wang tersebut kepada SP21 adalah untuk SP21 memberi wang tersebut kepada tertuduh atas penglibatan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB. Adalah juga keterangan SP16 bahawa pemberian kepada tertuduh oleh SP16 melalui SP21 seperti yang dinyatakan dalam kesemua sembilan pertuduhan adalah disebabkan oleh permintaan yang dibuat oleh tertuduh kepada SP16 yang disampaikan oleh SP21 kepada SP16. SP21 sendiri mengesahkan permintaan dibuat oleh tertuduh.

Penerimaan wang suapan boleh dilakukan oleh orang lain bagi pihak tertuduh

[444] Dalam konteks permintaan atau penerimaan suapan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh, undang-undang dalam s 16(a) ASPRM menyatakan bahawa permintaan atau penerimaan suapan itu tidak semestinya dilakukan oleh tertuduh secara langsung. Memadai sekiranya permintaan atau penerimaan dilakukan oleh orang lain atau pihak ketiga bagi tertuduh. Dalam kes ini, pihak pendakwaan menyatakan permintaan suapan kepada dan penerimaan suapan daripada orang yang memberi suapan (SP16) adalah dilakukan oleh SP21, dalam semua situasi bagi pihak tertuduh.

[445] Ini jelas diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 di mana Raja Azlan Shah FJ (ketika itu) menerangkan situasi melibatkan liabiliti peminta suapan yang mana permintaan dilakukan oleh pihak ketiga bagi pihak peminta sebenar, seperti yang berikut:

> The word 'solicit' is a common English word, and it means, in its simplified form, 'to ask'. In various English dictionaries this simple meaning is given, but other

similar words are also used to explain other meanings it possesses, such as 'to call for', 'to make request', 'to petition', 'to entreat', 'to persuade', 'to prefer a request' — see *Sweeney v Astle* [1923] NZLR 1198 1202 ...

Soliciting does not cease to be soliciting if it is received by the person solicited not from the person who solicits, but by other means of transmission or communication, such as a letter, circular, newspaper advertisement, telephone or a message. To take the illustration further, if the politician enlists the services of his subordinate or some third person or persons to do the act of soliciting for political donation, that is nonetheless soliciting for the same by him. It is by the instrumentality of his subordinate or the third person that the act was done for him. (Penekanan ditambah.)

[446] Lebih-lebih lagi dalam kes ini, pihak ketiga yang berkenaan, iaitu SP21 ada hubungan dengan tertuduh, yang ketika itu bertugas sebagai pegawai khas kepada tertuduh yang merupakan Pengerusi FELDA. Dengan lain perkataan, pihak ketiga ini adalah pegawai bawahan atau *subordinate* kepada peminta dan penerima suapan sebenar.

[447] Keterangan saksi pendakwaan SP16 dan SP21 menunjukkan permintaan dan penerimaan wang suapan oleh tertuduh disampaikan (dan kemudiannya wang-wang dalam setiap pertuduhan semuanya diterima) oleh pegawai khas tertuduh sendiri (SP21), bagi pihak tertuduh.

Permintaan untuk mendapatkan suapan relevan kepada penerimaannya

[448] Mahkamah ingin menerangkan bahawa s 16(a) seperti yang dinyatakan di atas merujuk kepada kesalahan yang terbahagi antara lainnya kepada dua perbuatan utama yang berbeza. Pertama, meminta suapan dan kedua, menerima suapan. Ini adalah dua kesalahan yang berlainan. Kesemua sembilan pertuduhan di bawah s 16(a)(A) ASPRM terhadap tertuduh adalah mendakwa tertuduh telah menerima suapan. Bukannya meminta suapan. Oleh itu, dalam kes ini pendakwaan tidak perlu membuktikan tertuduh telah juga meminta suapan-suapan tersebut.

[449] Ini juga telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Asyraf Thiru Abdullah* [2015] 5 CLJ 938 yang melibatkan persoalan permintaan suapan di bawah s 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan perolehan suapan di bawah s 11(a) Akta yang sama (kedua-dua peruntukan sekarang di dalam s 16(a) ASPRM seperti dalam kes semasa) di mana penghakiman menyebut:

[49] YA Pesuruhjaya Kehakiman telah melakukan kekhilafan yang serius apabila mengkehendaki pihak pendakwaan membuktikan inti pati permintaan atau tuntutan dalam kes ini. Permintaan atau tuntutan bukan merupakan inti pati yang harus dibuktikan untuk membuktikan satu kesalahan di bawah s 11(a) APR 1997. Apa yang harus dibuktikan ialah penerimaan wang tersebut secara rasuah: *Public*

A *Prosecutor v Jamil bin Mahmod & Anor* [1998] 4 MLJ 681; [1998] 1 LNS 312; *Public Prosecutor v Md Nor Hamid* [2004] 5 MLJ 97; [2003] 1 LNS 591.

B **[450]** Walau bagaimanapun dalam kes semasa, adalah versi pendakwaan bahawa suapan yang diterima tertuduh untuk dirinya sendiri adalah juga berpunca daripada permintaan daripada tertuduh sendiri, untuk mendapatkan suapan tersebut, yang telah disampaikan oleh tertuduh kepada SP16 melalui SP21, pegawai khas tertuduh. Ini boleh difahami kerana pendakwaan menzahirkan keterangan-keterangan yang dikatakan merujuk kepada bukti permintaan untuk mendapatkan suapan yang dibuat oleh tertuduh kepada C SP16 melalui SP21 kerana keterangan tersebut mungkin relevan dan berkaitan dengan inti pati penting pertuduhan dalam kes ini iaitu kesalahan menerima suapan secara rasuah oleh tertuduh untuk dirinya sendiri.

D **[451]** Mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa keterangan mengenai permintaan untuk mendapatkan suapan yang dibuat oleh tertuduh kepada SP16 melalui SP21 sebagai suatu keterangan yang relevan kepada penerimaan suapan oleh TERTUDUH. Permintaan untuk mendapatkan suapan melalui SP21, adalah berkait dan relevan serta boleh dianggap sebagai E sebahagian daripada satu transaksi yang serupa dengan penerimaan suapan-suapan tersebut.

[452] Keadaan ini juga telah dirungkai oleh Mahkamah Agung dalam kes *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 yang F mana Chong Siew Fai CJ (Sabah dan Sarawak) memberi pandangan mahkamah seperti berikut:

> Therefore, on the question of general nature as raised and in the context of the case presently under reference without pinpointing to any particular piece of evidence, *it is our view that the answer is in the affirmative provided the evidence on the charge of* G *soliciting is properly admissible on the trial of the charge of accepting, and it is so admissible if it satisfies the law of evidence relating to relevancy which, in our present context, are principally ss 5, 6, 7, 8 and 9 of the Evidence Act 1950 (ie briefly, if the evidence constitutes facts in issue, or if the evidence constitutes collateral facts which: (i) form part of the same transaction, or (ii) are the immediate occasion, cause, or effect of* H *fact in issue, or (iii) show motive, preparation, or conduct affected by a fact in issue, or (iv) are necessary to be known in order to introduce or explain some relevant fact) unless the exclusionary rules, eg rules relating to hearsay apply.*
>
> Specific evidence raised
>
> We shall now deal with the specific evidence which counsel for the applicant, in the I course of his submission before us, contended that the learned appellate judge should not have relied on:
>
> (1) the evidence of the accused smiling and nodding his head in the company of PW3 William Por and PW4 Ong in the coffee house of the Grand Pacific Hotel, Kuala Lumpur whilst the latter two were carrying on conversation in the Hokkien

dialect. There is evidence that among the matters discussed between PW3 and PW4 was the sum of RM15,000 in settlement of the criminal case.

Pausing here, one may consider a different situation. Supposing the applicant had only been charged with the offence of accepting, would the aforesaid evidence of the applicant smiling and nodding have been relevant? We have no doubt that it would. In the instant case under reference, the evidence, in our view, is clearly relevant to both the first charge of soliciting and the second charge of receiving, and is admissible. The evidence is relevant to the second charge of receiving as being so connected as forming part of the same transaction though occurring at different time and place or as being conduct preparatory to receiving or bearing relation to the offence of receiving or explanatory of the nature of the transaction. (Penekanan ditambah.)

[453] Perlu juga ditekankan bahawa seperti yang dirujuk dalam kes tersebut, peruntukan s 8 Akta Keterangan 1950 adalah terpakai. Ianya juga terpakai dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini. Seksyen 8 Akta tersebut menyatakan:

8 Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau yang kemudian —

(1) Apa-apa fakta adalah berkaitan jika ia menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan bagi mana-mana fakta persoalan atau fakta berkaitan.

(2) Kelakuan mana-mana pihak atau kelakuan mana-mana ejen kepada mana-mana pihak dalam apa-apa guaman atau prosiding berkenaan dengan guaman atau prosiding itu, atau berkenaan dengan mana-mana fakta persoalan dalamnya atau yang berkaitan dengannya, dan kelakuan mana-mana orang yang kesalahan terhadapnya menjadi perkara apa-apa prosiding, adalah berkaitan jika kelakuan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh mana-mana fakta persoalan atau fakta berkaitan, dan sama ada kelakuan itu berlaku dahulu atau kemudian daripadanya.

Huraian 1 — Perkataan 'kelakuan' dalam seksyen ini tidak termasuk pernyataan melainkan jika pernyataan itu menyertai dan menghuraikan perbuatan selain pernyataan; tetapi huraian ini tidaklah menyentuh keberkaitan pernyataan di bawah mana-mana seksyen lain dalam Akta ini.

Huraian 2 — Jika kelakuan mana-mana orang adalah berkaitan, apa-apa pernyataan yang dibuat kepadanya atau di hadapan dan dengan didengarinya yang menyentuh kelakuannya adalah berkaitan.

MISALAN

(a) *A* dibicarakan kerana membunuh *B*.

(b) Fakta bahawa *A* telah membunuh *C*, bahawa *B* tahu A telah membunuh *C* dan bahawa *B* telah cuba memeras wang daripada *A* dengan mengancam hendak menghebahkan apa yang diketahuinya adalah berkaitan.

(c) *A* mendakwa *B* untuk mendapatkan pembayaran wang berasaskan suatu bon. *B* menafikan bon itu dibuat.

(d) Fakta bahawa pada masa bon itu dikatakan telah dibuat *B* memerlukan

wang bagi suatu maksud tertentu adalah berkaitan.

(e) *A* dibicarakan kerana membunuh *B* dengan racun.
Fakta bahawa sebelum kematian *B*, *A* telah memperoleh racun yang serupa dengan racun yang telah diberikan kepada *B* adalah berkaitan.

(f) Soalnya ialah sama ada sesuatu dokumen tertentu ialah wasiat *A*.
Fakta bahawa tidak lama sebelum tarikh wasiat yang dikatakan itu, *A* telah bertanyakan perkara yang berkaitan dengan peruntukan dalam wasiat yang dikatakan itu, bahawa dia telah berunding dengan peguam berkenaan dengan pembuatan wasiat itu, dan bahawa dia telah menyebabkan draf wasiat lain yang tidak dipersetujuinya, adalah berkaitan.

(g) *A* dituduh melakukan suatu jenayah.
Fakta bahawa sama ada sebelum atau pada masa atau selepas jenayah yang dikatakan itu, *A* memberikan keterangan yang cenderung kepada menjadikan fakta mengenai kes itu tampak berfaedah bagi dirinya, atau bahawa dia telah memusnahkan atau menyembunyikan keterangan atau telah menahan orang yang mungkin menjadi saksi daripada hadir atau telah menyebabkan orang itu tidak hadir, atau telah mencucuk orang supaya memberikan keterangan palsu berkenaan dengan jenayah itu adalah berkaitan.

(h) Soalnya sama ada *A* telah merompak *B*.
Fakta bahawa selepas *B* dirompak, *C* telah berkata di hadapan *A* 'Polis akan datang mencari orang yang telah merompak *B*' dan bahawa A telah lari serta-merta selepas itu adalah berkaitan.

(i) Soalnya sama ada *A* berhutang RM10,000 dengan *B*.
Fakta bahawa *A* telah meminta *C* meminjamkannya wang, dan bahawa *D* telah berkata kepada *C* di hadapan dan dengan didengar oleh *A*: 'Saya nasihatkan anda supaya jangan mempercayai *A*, kerana dia berhutang RM10,000 dengan *B*', dan bahawa *A* telah pergi dari situ tanpa memberikan apa-apa jawapan adalah berkaitan.

(j) Soalnya sama ada *A* telah melakukan suatu jenayah.
Fakta bahawa *A* telah melarikan diri selepas menerima sepucuk surat yang memberinya amaran bahawa siasatan sedang dijalankan bagi mencari penjenayah itu dan kandungan surat itu adalah berkaitan.

(k) *A* dituduh melakukan suatu jenayah.
Fakta bahawa sejurus berlakunya jenayah yang dikatakan itu dia telah melarikan diri, atau memiliki harta atau hasil harta yang telah diperoleh melalui jenayah itu, atau cuba menyembunyikan benda yang telah atau mungkin telah digunakan dalam melakukan jenayah itu adalah berkaitan.

(l) Soalnya sama ada *A* telah diperkosa.
Fakta bahawa sejurus selepas rogol yang dikatakan itu dia membuat aduan berhubung dengan jenayah itu, hal keadaan yang dalamnya aduan itu telah

dibuat dan kandungan aduan itu adalah berkaitan.
Fakta bahawa tanpa membuat aduan dia berkata bahawa dia telah diperkosa tidak berkaitan sebagai kelakuan di bawah seksyen ini, walaupun fakta itu mungkin berkaitan —

(i) sebagai akuan nazak di bawah perenggan 32(1)*(a)*; atau

(ii) sebagai keterangan menyokong di bawah seksyen 157.

(m) Soalnya sama ada *A* telah dirompak.
Fakta bahawa selepas sahaja rompakan yang dikatakan itu dia membuat aduan berhubung dengan kesalahan itu, hal keadaan yang dalamnya aduan itu telah dibuat dan kandungan aduan itu adalah berkaitan.
Fakta bahawa tanpa membuat apa-apa aduan dia telah berkata bahawa dia telah dirompak tidak berkaitan sebagai kelakuan di bawah seksyen ini, walaupun fakta itu mungkin berkaitan —

(i) sebagai akuan nazak di bawah perenggan 32(1)*(a)*; atau

(ii) sebagai keterangan menyokong di bawah seksyen 157.

Keterangan pemintaan dan penerimaan wang suapan oleh SP21 bagi pihak tertuduh

[454] Permintaan untuk mendapatkan suapan dibuat oleh tertuduh melalui SP21 kepada SP16 berlaku selepas FICSB membuat keputusan membeli MPHS pada harga RM160 juta dalam mesyuarat Lembaga Pengarah FICSB Kali Ke-10 pada 29 April 2014. Secara spesifik juga boleh dirumuskan permintaan tersebut berlaku selepas SP16 dan Ibrahim bin Baki bertemu dengan tertuduh pada kali kedua di pejabat Pengerusi FELDA bagi menzahirkan ucapan terima kasih GAPSB kepada tertuduh atas keputusan FICSB membeli MPHS pada harga RM160 juta. Menurut keterangan SP21 perkara permintaan suapan ini ditimbulkan oleh tertuduh ketika beliau menceritakan kepada SP21 mengenai pembelian MPHS oleh FICSB dan hasrat SP16 untuk membantu parti politik PBB di Sarawak.

[455] Walaupun tidak disuarakan dengan spesifik oleh tertuduh, permintaan suapan ini adalah dizahirkan secara tidak langsung kerana dalam konteks perbualan (mengambil kira perkembangan dalam cadangan pembelian MPHS tersebut yang baru diluluskan Lembaga Pengarah FICSB) antara tertuduh dan SP21 mengenai subjek MPHS dan SP16, SP21 memberi keterangan yang tertuduh berkata lebih kurang 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambil lah'. Pada pemahaman SP21 ungkapan tersebut bermaksud apa-apa jua yang diberikan oleh SP16 atau Ibrahim Baki kepada SP12, maka SP12 perlu menerimanya bagi pihak tertuduh.

[456] Ini boleh diterima mahkamah memandangkan SP21 sudah biasa berinteraksi dengan tertuduh dan setelah mengambil kira konteks perbualan

mereka. Walaupun ungkapan oleh tertuduh tersebut nampak mudah dan bersahaja, ianya boleh dianggap sebagai suatu permintaan spesifik daripada tertuduh menerima apa-apa, seperti wang, jika diberikan oleh SP16 dan Ibrahim bin Baki.

[457] Dapatan ini adalah konsisten dengan pandangan yang pernah diutarakan oleh Raja Azlan Shah J (pada ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 seperti berikut:

> But I have said before, in a corruption case, it is possible to envisage a bribe innocently offered and corruptly received: See *R v Andrews Weatherfoil Ltd*.

[458] Tidak timbul isu SP16 yang memulakan membuat tawaran memberi suapan. Tiada keterangan langsung mengenainya. Sebaliknya menurut SP21, tertuduh yang sememangnya membuat permintaan. Ini memerlukan SP21 menyampaikan permintaan tersebut kepada SP16. Pihak pendakwaan telah membuktikan melalui keterangan SP21 dan SP16 bahawa permintaan tertuduh untuk mendapatkan suapan daripada SP16 telah disampaikan oleh SP21 sendiri apabila berjumpa SP16 atas alasan meminta sumbangan dana politik atau 'political fund' untuk tertuduh.

[459] Permintaan tersebut disampaikan oleh SP21 kepada SP16 semasa SP16 datang ke Kuala Lumpur untuk turut serta dalam perbincangan dengan FICSB untuk memuktamadkan penyediaan perjanjian jual beli MPHS. SP16 sendiri mengesahkan keterangan SP21 yang SP21 telah memaklumkan kepada SP16 bahawa tertuduh meminta wang untuk kerja-kerja politik tertuduh. Dalam keterangan beliau, SP16 menyatakan beliau terkejut dengan permintaan tertuduh tersebut, walaupun setuju jumlah tidak dinyatakan oleh SP21. SP16 juga tidak terus bersetuju tetapi memerlukan masa untuk menimbangkan permintaan itu.

[460] Menurut SP16, beberapa hari selepas beliau berjumpa SP21, SP21 menghubungi SP16 bertanyakan lagi mengenai 'political fund' untuk tertuduh. SP16 memaklumkan SP21 perkara tersebut masih dalam perbincangan dengan Ibrahim bin Baki. Pada awal bulan Jun 2014 SP16 akhirnya telah, melalui telefon memaklumkan kepada SP21 persetujuan untuk memberikan wang seperti yang diminta melalui SP21.

[461] Menurut SP16 lagi, pihak beliau dengan Ibrahim Baki tidak ada pilihan dan akur terhadap permintaan tertuduh yang dibuat sebelum ini. Mereka khuatir dengan pengaruh tertuduh sekiranya mereka tidak bersetuju dengan permintaan tertuduh, umpamanya ada kemungkinan tertuduh boleh bertindak untuk mengakibatkan pembayaran kepada GAPSB dilengahkan atau kelulusan urusniaga pembelian MPHS dibatalkan terus kerana sebelum

ini FICSB telah pun menolak cadangan pembelian MPHS. Hanya di perjumpaan selepas itu antara SP16 dan SP21 di Kuala Lumpur SP16 memberitahu SP21 akan persetujuan untuk menyerahkan wang berjumlah RM3 juta kepada tertuduh. Ini tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah GAPSB.

[462] Perlu ditekankan sekitar awal Jun 2014 ketika persetujuan ini dimaklumkan kepada SP21, perjanjian jual beli MPHS masih belum ditandatangani (berlaku pada 27 Jun 2014). Ini tentunya bermakna GAPSB sebagai penjual masih belum ada menerima sebarang bayaran daripada FICSB ke atas pembelian MPHS berjumlah RM160 juta tersebut. Sebab itu SP16 berkata bahawa wang hanya boleh diserahkan kepada tertuduh melalui SP21 selepas FICSB mula membuat bayaran mengikut perjanjian jual beli MPHS. SP16 juga mengesahkan bahawa wang yang akan diserahkan kepada tertuduh adalah sebahagian daripada komisen RM10 juta yang dijanjikan oleh GAPSB akan dibayar kepada JVESB.

[463] Mahkamah juga menekankan adalah didapati urusniaga antara GAPSB dengan JVESB juga hanya boleh diaktifkan sekiranya perjanjian jual beli MPHS ditandatangani. Ini adalah kerana terma utama pelantikan JVESB sebagai agen hartanah bagi transaksi pembelian MPHS ialah FICSB bersetuju membeli MPHS daripada GAPSB.

[464] SP16 juga memberi keterangan bahawa SP21 meminta wang bagi pihak tertuduh sebab SP21 adalah pegawai khas tertuduh. SP21 berkhidmat untuk tertuduh dan tentunya menurut arahan tertuduh. SP16 juga memahami bahawa permintaan wang yang dikatakan untuk kegunaan politik dimaklumkan oleh SP21 adalah alasan semata-mata kerana jika tertuduh benar-benar memerlukan dana politik, tertuduh sepatutnya boleh sahaja memberitahu SP16 dalam dua pertemuan dengan tertuduh di pejabat Pengerusi FELDA. SP16 percaya bahawa permintaan wang daripada tertuduh melalui SP21 adalah sebenarnya untuk tertuduh sendiri sebagai upah kepada tertuduh kerana peranan dan penglibatannya yang membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB.

[465] Apa pun, di bawah undang-undang spesifik s 16 ASPRM, tujuan sebenar kegunaan wang yang diminta atau diterima adalah tidak penting. Ianya tetap semata-mata wang suapan rasuah dan ditegah sama sekali jika urusan penerimaan wang tersebut termasuk dalam skop peruntukan s 16(a)(A) ASPRM.

[466] Keterangan SP16 mengenai permintaan dan persetujuan memberi RM3 juta kepada tertuduh dan bila ianya boleh mula dibayar adalah disahkan oleh keterangan SP21 yang juga menjelaskan bahawa setelah dimaklum oleh

SP16, SP21 tidak memberitahu tertuduh mengenai sebarang jumlah wang RM3 juta kerana SP21 menyatakan beliau sendiri pada ketika itu tidak pasti sama ada SP16 dapat memenuhi apa yang diperkatakannya kepada SP21.

[467] Setelah perjanjian jual beli MPHS dimeterai antara FICSB dan GAPSB pada 27 Jun 2014, yang mana seperti lazimnya, pembeli dikehendaki membayar 10% daripada harga belian RM160 juta iaitu RM16 juta kepada penjual (GAPSB), tertuduh dan CEO (SP15) sebagai *authorised signatories* mengarahkan pembayaran berjumlah RM16 juta tersebut secara pemindahan telegraf bertarikh 30 Jun 2014 (P58C) kepada pihak GAPSB sebagai deposit 10% harga belian. Seperti yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan, ini menunjukkan bahawa tertuduh berpengetahuan bahawa GAPSB akan menerima bayaran pertama berjumlah RM16 juta daripada FICSB hasil pembelian MPHS berjumlah RM160 juta.

[468] Lebih lagi, keterangan menunjukkan selepas tertuduh terlibat memberi arahan pembayaran RM16 juta itu kepada GAPSB (P58C), tertuduh memberitahu SP21 untuk menghubungi SP16 untuk apa yang didakwa mendapatkan suapan untuk dirinya. Di dalam pernyataan saksi beliau, SP21 menerangkan seperti berikut:

> 24. Saya menjalankan tugas seperti biasa selepas urusan dengan Hj Ikhwan dan saya selalu berjumpa dengan Tan Sri Isa berkaitan dengan tugas harian saya. Ada satu hari, semasa saya berada di pejabat, Tan Sri bertanya kepada saya, 'ada Sarawak tu call?' Saya faham 'Sarawak' itu merujuk kepada Hj Ikhwan dan Ibrahim Baki. Saya jawab 'tidak'. Tan Sri Isa kemudian berkata 'Kau call lah diaorang, kirim salam tanya khabar'. Saya faham apa yang Tan Sri Isa maksudkan. Ia bukan sekadar salam biasa dan sebenarnya Tan Sri Isa minta saya hubungi Hj Ikhwan untuk dapatkan dana politik. Saya pun menghubungi Hj Ikhwan dan maklumkan bahawa 'Tan Sri kirim salam ...'. Hj Ikhwan memberikan respon kepada saya dengan menyatakan 'Oh ... Tak apa ... Nanti kita jumpa ...'.

[469] Selain daripada itu, setelah arahan pembayaran RM16 juta bertarikh 30 Jun 2014 tersebut dibuat, keterangan SP16 dan terutamanya SP21 menunjukkan SP21 telah disuruh tertuduh untuk bertanyakan SP16 sama ada P16 boleh memberikan sedikit pendahuluan atau 'advance' kepada tertuduh atas keperluan tertentu. Ini kemudiannya menyebabkan SP16 menyerahkan RM100,000 kepada SP21 untuk diberi kepada tertuduh.

Keterangan penerimaan wang suapan oleh tertuduh yang pertama

[470] Penyerahan dilakukan di Hotel Hilton Petaling Jaya dan sebelum pergi ke sana setelah dijemput SP16, SP21 ada memaklumkan kepada tertuduh, seperti dalam pernyataan bertulis beliau:

25. Pada lebih kurang bulan Julai 2014, saya ada menerima panggilan telefon daripada Hj Ikhwan dan beliau mengajak saya untuk berjumpa di Hotel PJ Hilton. Saya kemudiannya memaklumkan kepada Tan Sri Isa mengenai perkara itu dan beliau kata 'pergilah jumpa'. Pada ketika itu, saya memahami mesej yang disampaikan oleh Tan Sri Isa supaya saya berjumpa dengan Hj Ikhwan untuk mengambil wang untuk beliau.

[471] Ini adalah jumlah yang dinyatakan dalam pertuduhan suapan pertama terhadap tertuduh. Dan menurut SP16, pada ketika itu, iaitu awal Julai 2014, bayaran RM16 juta masih belum diterima GAPSB (dan komisen kepada JVESB belum dibayar GAPSB). SP21 dalam penyataan saksi berkata:

26. Kali pertama saya terima wang tunai daripada Hj Ikhwan lebih kurang antara pertengahan hingga hujung bulan Julai 2014 pada sebelah malam di Cigar Bar Hotel PJ Hilton, Kuala Lumpur. Ketika itu, Hj Ikhwan membawa sebuah beg kertas ('paper bag') di dalamnya berisi wang berikat plastik yang mana wang dalam note RM50 dan note RM100 yang diikat. Saya tidak tahu jumlah wang tersebut kerana saya tidak bertanyakan berapa jumlah wang tersebut dan Hj Ikhwan juga tidak menyatakan kepada saya jumlah wang tersebut. Hj Ikhwan ada menyatakan jumlah wang yang diberi kepada Tan Sri Isa tetapi saya tidak ingat berapa jumlah yang diberitahu kepada saya. Hj Ikhwan cuma ada menyatakan kepada saya bahawa 'Ini untuk Tan Sri ... Minta sampaikan pada Tan Sri ...' Saya memahami perkataan 'ini' bermaksud wang yang saya perlu diserahkan kepada Tan Sri Isa.

[472] SP16 mengesahkan serahan suapan pertama kepada tertuduh melalui SP21 berjumlah RM100,000 kepada SP21 adalah wang SP16 sendiri dan oleh itu RM100,000 juga akan ditolak dari RM3 juta yang dijanjikan sebelum ini. SP21 pula mengesahkan beliau kemudiannya telah menyerahkan suapan yang diterima daripada SP16 kepada tertuduh di pejabat Pengerusi FELDA selepas sehari dua menerimanya daripada SP16 antara 15 Julai 2014 dan 30 Julai 2014. SP21 memberi keterangan beliau tidak pernah mengira jumlah wang yang beliau terima dalam setiap satu daripada sembilan pertuduhan di bawah s 16 ASPRM sebelum menyerahkan bag berisi wang itu kepada tertuduh.

[473] Berdasarkan keterangan-keterangan yang dibincangkan di atas, mahkamah mendapati pendakwaan telah menunjukkan inti pati penting pertuduhan iaitu penerimaan wang suapan sebanyak RM100,000 oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21 pada satu tarikh antara awal dan pertengahan Julai 2014 seperti mana yang disebut di antara 15 Julai 2014 dan 30 Julai 2014 di dalam pertuduhan kesalahan di bawah s 16 ASPRM yang pertama (pertuduhan pindaan kedua), telah berjaya dibuktikan.

[474] Dalam dapatan mahkamah, keterangan juga berjaya membuktikan perbuatan tertuduh sendiri yang membuat permintaan wang suapan tersebut

daripada SP16 seperti yang diucapkan tertuduh kepada SP21. Keterangan ini adalah relevan kepada pertuduhan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 seperti yang dinyatakan sebelum ini.

[475] Konteks permintaan adalah penting. Perlu diulangi bahawa tertuduh pertamanya selepas kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB dan lawatan terima kasih oleh SP16 dan Ibrahim Baki memberitahu SP21 untuk terima apa-apa yang mungkin diberi oleh SP16; keduanya selepas menandatangani arahan pembayaran RM16 juta kepada GAPSB, tertuduh memberitahu SP21 untuk menyampaikan salam tertuduh kepada SP16 apabila mendapat tahu SP16 tidak menghubungi SP21; ketiganya, mengarahkan SP21 bertanya kepada SP16 sekiranya sejumlah wang pendahuluan dapat diserahkan kepada tertuduh terlebih dahulu (walaupun menurut SP16 GAPSB belum terima RM16 juta itu); dan keempatnya setelah pertanyaan tersebut dibuat oleh SP21, membenarkan SP21 untuk berjumpa SP16 di PJ Hilton atas jemputan SP16.

Persamaan dengan lapan pertuduhan penerimaan suapan yang lain

[476] Mahkamah mendapati keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan mengenai lapan pertuduhan menerima suapan yang lain, iaitu pertuduhan pindaan ketiga hingga pertuduhan pindaan kesepuluh menunjukkan perlakuan permintaan suapan oleh tertuduh dan yang lebih penting lagi kepada inti pati pertuduhan, penerimaan wang-wang suapan oleh tertuduh dalam dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah hampir serupa dan tiada perbezaan material dengan *modus operandi* yang dianalisa sebelum ini mengenai pertuduhan pertama (pindaan kedua).

[477] Kecuali perkara yang berkaitan dengan tarikh kejadian dan jumlah wang yang terlibat. Dalam setiap sembilan situasi, tertuduh memberi isyarat kepada SP21 untuk menyampai salam tertuduh kepada SP16. SP16 kemudiannya membuat usaha untuk mendapatkan wang tunai untuk seterusnya diserahkan oleh SP16 sendiri kepada SP21 bagi tujuan pemberian oleh SP21 kepada tertuduh. Dalam setiap situasi juga SP21 menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh ketika SP21 berjumpa tertuduh di pejabat Pengerusi FELDA beberapa hari selepas penerimaan oleh SP21.

[478] Satu perbezaan yang muncul dalam situasi selain daripada pertuduhan pertama (pindaan kedua) adalah penglibatan SP17 daripada JVESB dalam urusan pengeluaran wang daripada bank untuk diserahkan kepada SP16 bagi tujuan penyerahan kepada tertuduh. Ini diperincikan dalam analisa lapan pertuduhan yang selebihnya.

Keterangan penerimaan berkenaan pertuduhan suapan kedua (pindaan ketiga)

[479] Untuk pertuduhan ini, secara kronologinya, ianya berlaku sejurus selepas GAPSB menerima bayaran RM16 juta daripada FICSB iaitu bayaran 10% daripada RM160 juta bagi pembelian MPHS. Ini disahkan SP16 yang memberi keterangan daripada RM16 juta tersebut, SP16 telah membayar cek komisen pertama RM1 juta (P124) kepada JVESB pada 10 Julai 2014 Seperti yang dinyatakan sebelum ini, SP17 dan SP16 telah bersetuju komisen sebanyak RM10 juta akan dibayar oleh GAPSB kepada JVESB (berdasarkan kejayaan penjualan MPHS) di mana RM1 juta akan diterima oleh JVESB dan baki setelah ditolak cukai sebanyak RM6.75 juta akan dikembalikan kepada SP16 bagi tujuan dana politik.

[480] Menurut SP16 beliau telah menghubungi SP17 untuk mengeluarkan RM240,000 untuk diserahkan kepada SP16 apabila beliau datang ke Kuala Lumpur beberapa hari selepas komisen pertama tersebut dibayar kepada JVESB. Ini disahkan dalam keterangan SP17 di mana sekitar pertengahan bulan Julai 2014, SP16 telah menghubungi beliau dan meminta wang tunai RM240,000 diberikan kepada SP16.

[481] Pada 21 Julai 2014, SP17 bersama-sama Mazeed bin Abdul Wahab telah pergi ke Maybank Cawangan Jelapang, untuk mengeluarkan wang seperti yang diminta oleh SP16. Di sana, SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah berjumpa dengan Pengurus Maybank Cawangan Jelapang iaitu Yahya bin Mansur (SP11) untuk tujuan pengeluaran wang dari akaun JVESB. Pengeluaran wang dibuat dengan menggunakan sekeping cek tunai berjumlah RM250,000 dimana RM240,000 untuk diberi kepada SP16 dan RM10,000 untuk kegunaan SP17 dan Mazeed.

[482] SP11 dalam keterangannya telah mengesahkan beliau menyediakan RM250,000 tersebut dalam dua beg plastik kurier dan telah menyerahkan beg-beg kepada SP17 dan Mazeed. Wang tersebut adalah dalam bentuk 'note' RM50 sebanyak lima 'stack' yang setiap satu bernilai RM50,000 yang masing-masing diikat dengan getah. Menurut keterangan SP16 dan SP17, dua beg plastik kurier yang mengandungi RM240,000 (setelah ditolak RM10,000) telah seterusnya disimpan pula dalam satu 'bagpack' yang dibawa oleh Mazeed. SP17 dan Mazeed menyerahkan dua beg plastik kurier yang mengandungi wang RM240,000 kepada SP16 di kediaman beliau di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya pada sebelah petang 21 Julai 2014.

[483] Juga berdasarkan keterangan-keterangan SP16 dan SP21, daripada jumlah RM240,000 yang diterima daripada SP17 oleh SP16, hanya RM140,000 yang diserahkan kepada SP21 yang datang berseorangan pada satu tarikh antara 21 Julai 2014 hingga 28 Julai 2014 di Cigar Room, Hotel PJ

Hilton pada sebelah malam, setelah ditolak wang pendahuluan RM100,000 yang sebelum ini pernah diberikan kepada tertuduh melalui SP21.

[484] Di sana, wang berjumlah RM140,000 dalam satu beg plastik kurier yang kemudiannya dimasukkan ke dalam beg kertas ('paper bag') telah diserahkan oleh SP16 kepada SP21 bagi pihak tertuduh. Pada masa itu juga, SP21 hanya datang seorang diri sahaja. SP21 mengesahkan penerimaan RM140,000 tersebut daripada SP16 pada hujung bulan Julai 2014, dan menyatakan tidak bertanyakan kepada SP16 berapa jumlah wang tersebut, tetapi meminta SP21 serahkannya kepada tertuduh seperti pemberian RM100,000 terdahulu. SP21 mengesahkan selepas sehari dua SP21 menerima wang tersebut, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA, dan seperti sebelumnya, wang dalam beg kertas tersebut telah diarah oleh tertuduh untuk diletakkan di atas meja beliau.

Penerimaan berkenaan pertuduhan suapan ketiga (pindaan keempat)

[485] Mahkamah mendapati keterangan-keterangan menunjukkan perkara yang serupa berlaku mengenai pertuduhan suapan kedua. Bagaimana permintaan dibuat oleh tertuduh kepada SP16 dan disampaikan oleh SP21 tiada bezanya dengan keterangan bagi dua pertuduhan suapan yang telah dibuktikan dilakukan terdahulu. Jika dibanding dengan pertuduhan kedua (pindaan ketiga), juga tiada perbezaan material langsung mengenai urusan pengeluaran wang tunai yang melibatkan terutamanya SP17 daripada JVESB, yang juga dilaksanakan di Maybank Cawangan Jelapang dengan bantuan pegawai bank yang sama, SP11.

[486] Ini juga adalah selaras dengan persetujuan SP16 untuk memberi sejumlah RM3 juta kepada tertuduh, kerana penyerahan pertama dan kedua adalah masing-masing berjumlah RM100,000 dan RM140,000 sahaja. Seperti yang sebelumnya mengenai pemberian kedua, tertuduh tidak menyatakan jumlah pemintaan, sekadar memberitahu SP21 untuk menyampai 'salam' tertuduh kepada SP16 yang mana kedua-dua SP21 dan SP16 dalam keterangan masing-masing jelas faham maksud tertuduh dalam memberi salam kepada SP16 sebenarnya adalah meminta serahan wang daripada SP16.

[487] Kali terakhir wang diserahkan kepada SP21 adalah pada bulan Julai 2014. Perkembangan berkaitan ketika ini pula adalah GAPSB belum menerima bayaran seterusnya (selepas RM16 juta) daripada FICSB. Menurut SP16, pada 25 September 2014 FICSB telah membuat bayaran kedua berjumlah RM43,126,938.77 kepada Jang Assets Networking Group Ltd bagi

pihak GAPSB untuk membayar hutang GAPSB kepada syarikat tersebut seperti yang dipersetujui di bawah perjanjian jual beli MPHS antara FICSB dan GAPSB.

[488] Untuk terus dapat memberi wang kepada tertuduh selaras dengan persetujuannya memberi RM3 juta, SP16 telah meminta SP17 bagi pihak JVESB mengemukakan surat tuntutan bayaran komisen kedua kepada GAPSB. Ini dilakukan oleh JVESB dan bayaran komisen kedua sebanyak RM2,695,433 daripada jumlah sebenar komisen RM10 juta dibuat pada 16 Oktober 2014 ke akaun Maybank milik JVESB.

[489] Keterangan SP16 dan SP17 konsisten di mana sekitar bulan Oktober 2014, SP16 menghubungi SP17 meminta SP17 mengeluarkan wang sebanyak RM300,000 dalam bentuk tunai untuk diserahkan kepada SP16. Ini dituruti oleh SP17 yang melakukan urusniaga pengeluaran wang tunai sebanyak RM300,000 pada 17 Oktober 2014 bersama Mazeed bin Abdul Wahab di Maybank Cawangan Jelapang, dengan bantuan SP11.

[490] Sekali lagi, SP11 mengesahkan bahawa JVESB menggunakan cek tunai, kali ini bertarikh 17 Oktober 2014 berjumlah RM300,000 dan telah ditunaikan. Menurut SP11, cek telah ditandatangani oleh SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab di hadapan beliau hari itu termasuklah tandatangan di ruangan pembatalan cek berpalang kerana syarat penandatangan cek JESB adalah perlu ditandatangani oleh kedua mereka. SP11 telah menyerahkan wang berjumlah RM300,000 kepada SP17 dalam bentuk *Note* RM50 sebanyak enam 'stack' yang setiap satu bernilai RM50,000 yang diikat dengan getah. SP11 juga sahkan wang berjumlah RM300,000 tersebut telah dimasukkan dalam dua beg plastik kurier.

[491] Seperti pemberian sebelum ini, wang yang telah diserahkan oleh SP11 di dalam dua beg plastik kurier yang mengandungi RM300,000 tersebut kemudiannya telah disimpan di dalam 'bagpack' yang dibawa oleh Mazeed bin Abdul Wahab.

[492] Keterangan juga membuktikan pada petang hari sama SP16 dan SP17 telah berjumpa di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara di mana SP17 telah menyerahkan dua beg plastik kurier yang mengandungi wang berjumlah RM300,000 kepada SP16. Menurut SP16, SP17 telah memaklumkan kepada beliau jumlah wang yang telah dikeluarkan iaitu sebanyak RM300,000.

[493] Beberapa hari kemudian, di satu tarikh antara 17 Oktober 2014 hingga 24 Oktober 2014 pada sebelah malam di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya, SP16 telah menyerahkan wang sebanyak

RM300,000 yang berada dalam dua beg plastik kurier yang kemudiannya SP16 masukkan ke dalam beg kertas dan diserahkan kepada SP21 untuk diberi kepada tertuduh. SP21 mengesahkan telah menerima wang kali ketiga daripada SP16 bagi tujuan pemberian kepada tertuduh dan setuju dengan versi kejadian yang dinyatakan SP16. Menurut SP21, selepas selepas sehari dua menerima wang daripada SP16, anggarannya pada satu hari antara 15 Oktober 2014 dan 30 Oktober 2014. Seterusnya, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di tempat dan turutan peristiwa yang sama seperti sebelumnya.

[494] Mahkamah mendapati berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan dengan jelas bahawa dakwaan bahawa tertuduh telah menerima suapan ketiga berjumlah RM300,000 daripada SP16 melalui SP21 antara 15 Oktober 2014 dan 30 Oktober 2014 di pejabat beliau di tingkat 49, Menara FELDA telah berjaya dibuktikan pihak pendakwaan.

Penerimaan berkenaan pertuduhan keempat (pindaan kelima)

[495] Seterusnya mahkamah mendapati seperti sebelumnya, pihak pendakwaan telah juga membuktikan bahawa antara 1 November 2014 dan 15 November 2014 tertuduh telah menerima suapan — yang keempat, yang berjumlah RM250,000 daripada SP16 melalui SP21 di tempat yang sama di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA.

[496] Kali ini SP16 telah dihubungi SP21 untuk, sama seperti sebelum ini, menyampaikan salam tertuduh pada awal bulan November 2014, bagi tujuan mendapatkan wang untuk tertuduh. Bagi memenuhi tujuan itu, SP16 menghubungi SP17 dan meminta beliau untuk mengeluarkan wang tunai sebanyak RM250,000. Pengeluaran wang tunai dibuat pada 5 November 2014 oleh SP17 yang bertemu SP11 bersama Mazeed bin Abdul Wahab di Maybank Cawangan Jelapang, juga dengan menggunakan sekeping cek tunai (P158) yang berjumlah RM293,000 (melebihi jumlah yang diminta oleh SP16).

[497] Proses pengeluaran melalui cek tunai ini disahkan oleh keterangan SP11 yang telah menyerahkan wang berjumlah RM293,000 kepada SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab. Wang tersebut diletakkan dalam dua beg plastik kurier dan dalam bentuk *Note* RM50 sebanyak lima 'stack' yang setiap satu bernilai RM50,000 yang diikat dengan getah yang berjumlah keseluruhan RM250,000, manakala jumlah RM43,000 dalam bentuk *Note* bernilai RM100. SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah mengambil RM43,000 untuk kegunaan mereka berdua. Wang dalam dua beg plastik kurier yang mengandungi RM250,000 tersebut kemudiannya telah disimpan di dalam 'bagpack' yang dibawa oleh Mazeed bin Abdul Wahab.

[498] Selanjutnya, berdasarkan keterangan SP16 dan SP17, pada petang yang sama, SP16 dan SP17 telah berjumpa di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara di mana SP17 menyerahkan wang tunai berjumlah RM250,000 dalam dua beg plastik kurier kepada SP16. SP16 dalam keterangan menyatakan semasa penerimaan wang tersebut SP17 memaklumkan jumlah wang adalah RM250,000.

[499] Selanjutnya, SP16 mengesahkan antara 5 November 2014 dan 10 November 2014, SP21 telah hadir ke rumah SP16 dan SP16 telah menyerahkan wang sebanyak RM250,000 dalam dua beg plastik kurier yang kemudiannya dimasukkan ke dalam beg kertas ('paper bag').

[500] Seperti yang sebelumnya, SP21 mengesahkan telah menerima wang kali keempat daripada SP16 awal bulan November 2014 pada sebelah malam di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya dimana wang tersebut telah dibungkus dalam dua beg plastik kurier yang diletakkan dalam satu beg kertas ('paper bag'), tanpa SP21 mengetahui jumlah wang tersebut kerana SP21 tidak bertanyakan berapa jumlah wang tersebut dan SP16 juga tidak menyatakan berapa jumlah wang tersebut. SP16 cuma menyatakan bahawa wang tersebut adalah untuk tertuduh.

[501] Menurut SP21, selang sehari dua selepas penerimaan wang tersebut daripada SP16, antara 1 November 2014 dan 15 November 2014 menurut anggaran SP21, SP21 telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA sebagaimana yang sebelumnya juga.

[502] Oleh yang demikian, adalah jelas pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan keempat berjumlah RM250,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 1 November 2014 dan 15 November 2014 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

Penerimaan berkenaan pertuduhan kelima (pindaan keenam)

[503] Setelah empat kali penyerahan wang diterima oleh tertuduh sepanjang tahun 2014, perkembangan penting yang berlaku adalah baki bayaran berjumlah RM100 juta di bawah perjanjian jual beli MPHS yang sepatutnya diselesaikan pada Disember 2014 tidak berlaku. GAPSB kemudiannya melanjutkan tempoh bayaran RM100 juta daripada awal Mac 2015 hingga 31 Mac 2015.

[504] Berdasarkan keterangan oleh SP16 dan SP21, sekitar bulan Mac 2015 SP16 berjumpa SP21 di Kuala Lumpur memberitahu kelewatan FICSB menyelesaikan baki RM100 juta yang sepatutnya dibuat pada awal Mac 2015.

SP21 memaklumkan kepada tertuduh perkara tersebut dan tertuduh berkata kepada SP21 beliau akan mengarahkan Datuk Hanapi bin Suhada (SP5) untuk menguruskan pembayaran tersebut. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, FELDA telah memberi pinjaman kepada FICSB sebanyak RM100 juta bagi tujuan pembayaran kepada GAPSB. Ini dibayar kepada GAPSB pada 29 Mei 2015.

[505] Seterusnya GAPSB telah membayar komisen ketiga berjumlah RM6,304,567 kepada JVESB pada 16 Jun 2015. Ini membolehkan SP16 mengarahkan SP17 mengeluarkan wang tunai daripada jumlah komisen untuk diberi kepada tertuduh (yang telah dijanjikan RM3 juta) sepertimana yang dilakukan bersama SP17 sebelum ini.

[506] Tidak lama selepas pembayaran baki harga belian MPHS dilakukan oleh FICSB kepada GAPSB dan pembayaran komisen ketiga oleh GAPSB kepada JVESB, antara 20 Jun 2015 dan 30 Jun 2015 tertuduh telah menerima suapan kelima berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 di tempat sama — di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA.

[507] Ini juga bermula daripada permintaan tertuduh melalui SP21 melalui kiriman salam, seperti sebelumnya. Tindakan seterusnya pun serupa. SP21 menghubungi SP16, SP16 menghubungi SP17, kali ini meminta RM500,000 wang tunai dikeluarkan. SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab telah pergi ke Maybank Cawangan Jelapang pada 24 Jun 2015.

[508] Tetapi pada kali ini, SP16 telah bersama-sama SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab pergi ke Maybank Cawangan Jelapang. Juga urusan pengeluaran kali ini ada sedikit berlainan, di mana SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM800,000 (lebih daripada RM500,000 yang diminta SP16) ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik satu pihak ketiga, iaitu Jova Industries Sdn Bhd (JISB'). Keterangan Pengurus Cawangan (SP11) mengesahkan satu cek JVESB berjumlah RM800,000 (P159) didepositkan ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik JISB pada 24 Jun 2015. Pada waktu yang sama, SP17 dan Mazeed juga telah menunaikan sepuluh keping cek milik JISB di Maybank Cawangan Jelapang berjumlah berjumlah RM800,000 (P180 hingga P189). Sepuluh cek tersebut ditunaikan dan akaun JISB didebit dengan jumlah tunai RM800,000 yang diberi oleh SP11 kepada SP17 dan Mazeed.

[509] Wang tersebut dalam bentuk *Note* RM100 sebanyak lima 'stack' setiap satu bernilai RM100,000 yang diikat dengan getah yang berjumlah RM500,000 dan dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier dan diserahkan terus kepada SP16 di dalam Maybank Cawangan Jelapang tersebut. SP16 telah

mengambil dua beg plastik kurier tersebut dan memasukkan ke dalam beg yang beliau bawa sendiri. A

[510] Manakala, baki RM300,000 dalam bentuk Note RM50 sebanyak enam 'stack' telah masukkan oleh SP11 ke dalam dua beg plastik kurier lain yang diserahkan kepada SP17 dan Mazeed untuk disimpan pula dalam beg yang dibawa oleh Mazeed. RM300,000 ini adalah untuk kegunaan SP17 dan Mazeed sendiri. B

[511] Menurut keterangan-keterangan SP16 dan SP21 pada hujung bulan Jun di sebelah malam (menurut SP16 pada 25 Jun 2015), di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya, SP16 telah menyerahkan wang tersebut kepada SP21. Menurut SP16, wang RM500,000 tunai tersebut yang di dalam dua beg plastik kurier kemudiannya dimasukkan ke dalam beg kertas oleh SP16 sebelum diserahkan kepada SP21 untuk diberikan kepada tertuduh. C D

[512] Selang sehari dua selepas SP21 menerima wang tersebut, atau menurut SP21 pada satu tarikh antara 20 hingga 30 Jun 2015, SP21 telah menyerahkan wang tersebut (penyerahan kali kelima dan sebahagian daripada jumlah RM3 juta yang dijanjikan SP16) kepada tertuduh di tempat sama seperti sebelumnya, dengan keadaan yang serupa seperti yang terdahulu juga — SP21 diarah meletakkan wang dalam *paper bag* tersebut di atas meja tertuduh, dan SP21 terus keluar dari pejabat tertuduh. E

[513] Oleh yang demikian, adalah mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan kelima berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 20 hingga 30 Jun 2015 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA. F

Penerimaan berkenaan pertuduhan keenam (pindaan ketujuh) G

[514] Mahkamah mendapati keterangan seterusnya jelas menunjukkan permintaan dan penerimaan suapan oleh tertuduh yang keenam, dalam situasi yang melibatkan tindakan pihak-pihak sama seperti sebelumnya. Sekali lagi, kali ini sekitar akhir bulan Jun 2015 berhampiran Hari Raya tahun itu, SP16 telah dihubungi oleh SP21 untuk menyampaikan salam tertuduh. SP16 terus hubungi SP17 untuk keluarkan RM500,000 dalam bentuk tunai. H

[515] SP17 mengesahkan ini di mana pada 8 Julai 2015 beliau dan Mazeed telah pergi ke Maybank Cawangan Jelapang (kali ini tanpa SP16) untuk mendepositkan cek milik Syarikat JVESB berjumlah RM800,000 ke dalam akaun JISB. Ini disokong oleh keterangan SP11 yang mengesahkan bahawa pada cek milik JVESB berjumlah RM800,000 (P160) didepositkan ke dalam akaun JISB pada 8 Julai 2015. Lagi sekali, seperti pengeluaran kelima, SP17 I

dan Mazeed juga telah menunaikan sepuluh keping cek milik JISB di Maybank Cawangan Jelapang berjumlah RM800,000 (P190 hingga P199).

[516] Seperti pengeluaran yang kelima, wang dalam bentuk *Note* RM100 sebanyak lima 'stack' setiap satu bernilai RM100,000 yang diikat dengan getah berjumlah RM500,000 telah dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier. RM300,000 untuk kegunaan SP17 dan Mazeed sendiri adalah dalam bentuk *Notes* RM50 sebanyak enam 'stack' dan telah dimasukkan oleh SP11 ke dalam dua beg plastik kurier dan diserahkan kepada SP17 dan Mazeed untuk disimpan dalam beg pack yang dibawa oleh Mazeed.

[517] Mahkamah rujuk kepada keterangan SP16 dan SP17 di mana pada 9 Julai 2015 jam lebih kurang pukul 5.30 petang, SP16 telah berjumpa dengan SP17 di KL Sentral. SP16 telah mengambil wang tunai berjumlah RM500,000 dalam dua beg plastik kurier daripada SP17 dan Mazeed bin Abdul Wahab. Semasa penerimaan wang tersebut juga, SP17 telah memaklumkan jumlah wang yang diserahkan kepada SP16.

[518] Menurut SP16, selepas beliau menerima wang daripada SP17 dan Mazeed, SP16 telah pada 9 Julai 2015 jam, hari yang sama, lebih kurang pukul 10 malam menyerahkan wang RM500,0000 tersebut kepada SP21 di rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya untuk SP21 serahkan kepada tertuduh. SP21 mengesahkan telah menerima wang kali keenam tersebut daripada SP16 pada sekitar awal bulan Julai 2015, yang SP16 sekali lagi minta sampaikan kepada tertuduh.

[519] SP21 dalam keterangan lisan di mahkamah menyatakan bahawa suapan keenam diserahkan oleh beliau kepada tertuduh di pejabat tertuduh, mengikut anggaran beliau ialah satu tarikh tiga atau empat hari sebelum Hari Raya antara 13 Julai 2015 dan 16 Julai 2015.

[520] Oleh yang demikian, adalah jelas pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan keempat berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 13 Julai 2015 dan 16 Julai 2015 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

Penerimaan berkenaan pertuduhan ketujuh (pindaan kelapan)

[521] Mahkamah mendapati daripada keterangan-keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan yang sama, iaitu SP11, SP16, SP17 dan SP21, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan inti pati pertuduhan ketujuh terhadap tertuduh, merujuk kepada penerimaan wang tunai suapan berjumlah RM300,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 pada satu tarikh antara 20 Ogos 2015 dan 30 Ogos 2015 di Tingkat 49, Menara FELDA.

[522] Perkara yang tiada ketara bezanya juga telah berlaku. Bermula daripada ungkapan tertuduh meminta SP21 mengirim salam tertuduh kepada SP16 sekitar pertengahan bulan Ogos, diikuti dengan permintaan SP16 kepada SP17 untuk mengeluarkan wang tunai sebanyak RM300,000, kemudiannya menyaksikan pada 20 Ogos 2015, SP17 dan Mazeed Abd Wahab berkunjung ke Maybank Cawangan Jelapang untuk mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM300,000 ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik satu lagi pihak ketiga, iaitu Vortex Dew (M) Sdn Bhd ('VDSB'). SP11 mengesahkan P17 dan Mazeed juga juga telah menunaikan lima keping cek milik VDSB di Maybank Cawangan Jelapang berjumlah berjumlah RM300,000 (P206 hingga P210). SP11 telah menyerahkan wang berjumlah RM300,000 kepada SP17 dan Mazeed. Wang tersebut dalam bentuk *Note* RM100 sebanyak tiga 'stack' yang setiap satu bernilai RM100,000 yang diikat dengan getah dan dimasukkan ke dalam satu beg plastik kurier.

[523] Satu kelainan fakta mengenai pertuduhan ketujuh ini ialah pada hari itu di mana wang tunai RM300,000 tersebut telah dikeluarkan, SP16 pada ketika itu berada di Kuching. Tetapi menurut SP16, secara kebetulan abang SP16 iaitu Roney bin Zaidell (SP18) berada di Kuala Lumpur. Oleh itu, SP16 telah menghubungi SP18 dan meminta beliau berjumpa dengan SP17 bagi tujuan mengambil wang yang telah dikeluarkan oleh SP17. Dalam masa yang sama SP16 juga telah maklumkan kepada SP17 untuk SP17 bertemu dengan SP18 bagi menyerahkan wang tersebut kepada SP18.

[524] Keterangan SP17 menjelaskan wang berjumlah RM300,000 yang diletakkan dalam satu plastik kurier telah disimpan dalam *bagpack* hitam dan diserahkan kepada SP18 yang datang bersendirian di tepi satu kedai mamak di Setiawangsa jam lebih kurang 6 petang pada 20 Ogos 2015 tersebut. SP17 mengesahkan SP18 datang seorang diri pada ketika itu. Dalam keterangannya pula, SP18 telah mengesahkan perkara kejadian dan setuju telah membawa wang RM300,000 tersebut kembali ke Kuching bersamanya keesokannya.

[525] Ini kemudiannya menyaksikan SP21 telah datang sendiri ke Kuching, Sarawak dan telah berjumpa dengan SP16. SP16 mengesahkan beliau dan SP21 telah pergi ke rumah SP18 yang terletak di Semariang, Kuching dan SP16 telah memperkenalkan SP21 kepada SP18. Kemudian SP18 telah menyerahkan duit RM300,000 tersebut kepada SP16 dan di hadapan SP18, SP16 telah serahkan wang tersebut dalam satu 'bagpack' hitam kepada SP21. SP16 juga sahkan SP21 telah membawa wang tersebut bersama beliau ketika menaiki pesawat kembali ke Kuala Lumpur.

[526] SP21 mengesahkan telah menerima wang kali ketujuh daripada SP16 pada sekitar hujung bulan Ogos 2015 di rumah SP18 di Kuching di mana seperti sebelumnya SP16 cuma menyatakan kepada SP21 bahawa wang

tersebut untuk tertuduh dan minta disampaikan kepada tertuduh. Selepas sehari dua SP21 menerima wang tersebut, antara 20 Ogos 2015 hingga 30 Ogos 2015, SP21 telah menyerahkan beg hitam yang mengandungi wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA, seperti sebelumnya.

[527] Oleh yang demikian, adalah jelas pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan ketujuh berjumlah RM300,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 20 Ogos 2015 hingga 30 Ogos 2015 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

Penerimaan berkenaan pertuduhan kelapan (pindaan kesembilan)

[528] Mahkamah juga mendapati berdasarkan keterangan-keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan yang sama, iaitu SP11, SP16, SP17 dan SP21, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan inti pati pertuduhan kelapan terhadap tertuduh, merujuk kepada penerimaan wang tunai suapan berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 pada satu tarikh antara 1 September 2015 dan 15 September 2015 di Tingkat 49, Menara FELDA.

[529] Seperti sebelumnya bermula daripada ungkapan tertuduh meminta SP21 mengirim salam tertuduh kepada SP16 sekitar awal September 2015, diikuti dengan permintaan SP16 kepada SP17 untuk mengeluarkan wang tunai sebanyak RM500,000, kemudiannya menyaksikan pada 11 September 2015, SP16 sendiri, SP17 dan Mazeed Abd Wahab berkunjung ke Maybank Cawangan Jelapang untuk mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM800,000 (P162) ke dalam akaun Maybank Cawangan Jelapang milik VDSB, seperti pertuduhan ketujuh juga.

[530] SP11 mengesahkan P17 dan Mazeed juga telah menunaikan 11 keping cek milik VDSB di Maybank Cawangan Jelapang berjumlah RM800,000 (P211 hingga P221). SP11 telah menyerahkan wang berjumlah RM500,000 kepada SP17 dan Mazeed. Wang tersebut dalam bentuk *Note* RM100 sebanyak lima 'stack' yang setiap satu bernilai RM100,000 yang diikat dengan getah dan dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier. SP17 telah menyerahkan wang berjumlah RM500,000 dalam dua beg plastik kurier tersebut kepada SP16 di dalam Maybank Cawangan Jelapang tersebut juga.

[531] Manakala, baki RM300,000 untuk kegunaan SP17 dan Mazeed sendiri, dalam bentuk *Notes* RM50 sebanyak enam 'stack' telah dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier lain yang SP11 telah serahkan kepada SP17 dan Mazeed untuk disimpan dalam *bagpack* yang dibawa oleh Mazeed.

[532] Menurut SP16, pada 12 September 2015 jam lebih kurang 9.40 malam, SP21 telah datang ke rumah SP16 di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya untuk mengambil wang kali kelapan, kali ini berjumlah RM500,000 (tidak diketahui SP21) dan yang diletak dalam satu *paper bag*. Ini disahkan oleh SP21 yang mengatakan wang dalam beg kertas ini kemudiannya diserahkan olehnya kepada tertuduh di pejabat tertuduh, sama seperti keadaan sebelumnya, di satu hari mengikut anggaran beliau antara 1 September 2015 hingga 15 September 2015.

[533] Oleh yang demikian, adalah jelas pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan kelapan berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 1 September 2015 hingga 15 September 2015 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

Penerimaan berkenaan pertuduhan kesembilan (pindaan kesepuluh) (terakhir)

[534] Ini adalah pertuduhan terakhir, merujuk kepada wang suapan berjumlah RM500,000 dikatakan untuk tertuduh, juga daripada SP16 melalui SP21 yang mana penerimaan sekali lagi di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA. Mahkamah juga dapati ini adalah sebahagian daripada suapan berjumlah RM3 juta yang dijanjikan oleh SP16 untuk diberikan kepada tertuduh melalui SP21.

[535] Seperti sebelumnya, suapan kesembilan tersebut bermula dengan permintaan tertuduh melalui kiriman salam, kali ini pula pada sekitar awal bulan Disember 2015. Kiriman salam tersebut sama dengan kiriman salam yang sebelum ini dalam kesemua pertuduhan penerimaan suapan yang disampaikan oleh tertuduh kepada SP16 melalui SP21. Ini menyebabkan SP16 menghubungi SP17 dan meminta beliau untuk mengeluarkan wang sebanyak RM500,000.

[536] Mahkamah mendapati menurut SP16 dan SP17 pula, SP17 dan Mazeed, dengan SP16 yang berjumpa di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara telah bersama-sama pergi ke Maybank Cawangan Jelapang pada 4 Disember 2015 dan mendepositkan cek milik JVESB berjumlah RM800,000 ke dalam akaun milik VDSB. Ini disahkan oleh SP11, yang menyatakan juga SP17 dan Mazeed telah menunaikan 11 keping cek milik VDSB di Maybank Cawangan Jelapang berjumlah RM800,000 (P222 hingga P232). SP11 telah menyerahkan RM800,000 kepada SP17 dan Mazeed dalam bentuk *Note* RM100 sebanyak lima 'stack' yang setiap satu bernilai RM100,000 yang diikat dengan getah berjumlah RM500,000 dan dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier. SP17 dan Mazeed menyerahkan duit RM500,000 dalam dua beg plastik kurier itu kepada SP16 di dalam Maybank Cawangan Jelapang tersebut.

[537] Jumlah RM300,000 yang dikeluarkan untuk kegunaan SP17 dan Mazeed sendiri adalah dalam bentuk *Notes* RM50 sebanyak enam 'stack' yang dimasukkan ke dalam dua beg plastik kurier oleh SP11 dan diserahkan kepada SP17 dan Mazeed untuk disimpan dalam *bagpack* yang dibawa oleh Mazeed.

[538] Berdasarkan keterangan SP16 dan SP21, beberapa hari kemudian pada satu hari antara 4 Disember 2015 dan 7 Disember 2015, SP16 telah menyerahkan di rumah beliau di Sunway Opal Condominium, Petaling Jaya kepada SP21 wang sebanyak RM500,000 yang diletakkan di dalam dua beg plastik kurier yang kemudiannya SP16 masukkan ke dalam beg kertas.

[539] Di pertemuan ini SP16 turut memaklumkan bahawa SP21 bahawa bayaran ini merupakan bayaran terakhir daripada RM3 juta untuk tertuduh – 'Ini last dan tiada apa-apa lagi'. SP21 telah memaklumkan kepada tertuduh mengenai yang dikatakan SP16 pemberian wang RM500,000 sebagai yang terakhir kepada tertuduh. Tertuduh memberi respons kepada SP21 'Oklah'. Apa pun, wang RM500,000 terakhir ini melengkapkan jumlah besar RM3 juta yang telah dipersetujui oleh SP16 untuk diserahkan kepada tertuduh seperti yang disebut sebelum ini. Jumlah tepat yang diterima adalah RM3.09 juta.

[540] Sememangnya selepas wang terakhir diserahkan kepada tertuduh melalui SP21, SP16 tidak menerima lagi sebarang permintaan suapan daripada SP21 untuk mendapatkan wang bagi pihak tertuduh. Ini disahkan oleh SP21 yang juga menyatakan telah mengikut anggaran beliau antara 1 Disember 2015 dan 15 Disember 2015 menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA.

[541] Oleh yang demikian, adalah jelas pihak pendakwaan telah berjaya buktikan tertuduh telah menerima suapan kesembilan dan terakhir ini berjumlah RM500,000 untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 antara 1 Disember 2015 dan 15 Disember 2015 di pejabat tertuduh di Tingkat 49, Menara FELDA.

Peranan SP21 dalam penerimaan wang untuk tertuduh dalam setiap sembilan pertuduhan

[542] Mahkamah menerima keterangan SP21 bahawa dalam setiap penyerahan wang tunai dalam beg yang diterima oleh beliau dalam setiap satu daripada sembilan pertuduhan tersebut, SP21 tidak langsung pernah mengusik, mengira atau mencatat jumlah wang suapan yang diberikan oleh SP16 kepadanya untuk diserahkan kepada tertuduh. SP21 tahu di dalam beg-beg kertas dan satu beg hitam itu (untuk satu penerimaan oleh SP21 di Kuching) mengandungi wang.

[543] Hanya SP16 yang tahu jumlah wang yang dalam beg tersebut setiap kali diberikan kepada tertuduh melalui SP21. SP21 cuma tahu daripada SP16 bahawa SP16 bersetuju hendak beri RM3 juta kepada tertuduh, dan tahu mengenai penerimaan pertama berjumlah RM100,000 yang diminta oleh tertuduh secara spesifik daripada SP16 sebagai satu *advance*.

[544] SP21 juga mengesahkan tiada orang lain berada dalam bilik pejabat tertuduh ketika suapan-suapan yang diterima daripada SP16 diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh. SP21 juga mengesahkan beliau tidak memberitahu kepada mana-mana kakitangan di pejabat mengenai suapan yang diterima tertuduh. Semasa pemeriksaan balas, SP21 telah mengesahkan peranan beliau hanya seperti setakat 'posmen' bagi menurut arahan tertuduh dan bukan tugas beliau untuk mengira, menyemak atau membuat catatan berkenaan penerimaan wang tersebut.

[545] Walau bagaimanapun SP21 memberi keterangan bahawa ada beberapa kali tertuduh memberi wang kepada SP21 selepas SP21 menyerahkan beg yang berisi wang yang diterima daripada SP16 kepada tertuduh. Terdapat dua atau tiga kali selepas SP21 menyerahkan wang, tertuduh menelefon SP21 dan meminta SP21 untuk datang ke pejabat tertuduh, di mana tertuduh berkata, lebih kurang, 'Nah! Ambik sikit'. Apa yang berlaku adalah tertuduh akan memberi SP21 wang lebih kurang RM10,000 hingga RM20,000 dan pernah juga RM50,000 walaupun SP21 tidak pernah meminta apa-apa daripada tertuduh.

Skop bukti keterangan penerimaan

[546] Mahkamah berpendapat walaupun tiada keterangan bahawa penyiasatan telah mendapati wang-wang suapan telah dijumpai bersama tertuduh atau dalam kawalan atau jagaan beliau, ini adalah tidak perlu dibuktikan dalam pertuduhan penerimaan wang suapan. Seseorang tertuduh boleh sahaja membelanjakan keseluruhan wang suapan setelah diterima tapi perkara penting yang perlu dibuktikan ialah sama ada seorang tertuduh telah menerima suapan rasuah.

[547] Seperti yang dibangkitkan oleh pihak pendakwaan, dalam kes *Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134; [1994] 4 CLJ 629 ini jelas diterangkan dalam penghakiman Mahkamah Tinggi yang merujuk kepada kes-kes terdahulu dengan menyatakan:

> Mengenai alasan keduanya yang diutamakan di peringkat rayuan ini, Peguam perayu telah berhujah wang perangkap tidak di jumpa dengan perayu dan hanya selepas beberapa ketika. Saya juga mendapat penghujahan ini tidak berasas. Undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti di jumpa dengan seorang tertuduh. Apa yang perlu dibuktikan ialah sama ada seorang tertuduh telah

menerima suapan. Di dalam kes *Che Din bin Ahmad v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 289, satu kes berkenaan tuduhan menerima suapan, walau pun wang perangkap telah dijumpai dengan seorang saksi pendakwaan dan bukan dengan tertuduh, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan. Syed Agil Barakbah J dalam kes itu telah berkata di ms 290:

> Under the Act it is incumbent on the prosecution to prove, inter alia, that the appellant did actually receive the gratification before the presumption under section 14 that the gratification has been received corruptly is invoked. Then the onus is on the appellant to prove to the contrary according to the principle adopted by the Privy Council in *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1968] 1 MLJ 238; [1968] 1 LNS 115. It is not incumbent on the prosecution to prove that the money was found in the possession of the appellant so long as the trial court is satisfied from the evidence that it was the appellant who received the money.

Di dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor*, satu kes berkenaan tuduhan menerima suapan juga, wang perangkap telah dijumpa di dalam longkang, dan Sharma J telah berkata di ms 145:

> The learned president having found as a fact the sum of RM50 was received by the appellant from PW1, the presumption under section 14 of the Prevention of Corruption Act, 1961 obviously arose in the case. The presumption is that the gratification as defined in the Act was received corruptly and as an inducement to charge PW1 under a lesser charge ... Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act 'Such gratification shall be deemed to have been paid or received corruptly ...'. The presumption at once arises under the section.

Kedua-dua autoriti di atas dengan jelas menunjuk tidak ada keperluan undang-undang bahawa suapan mesti dijumpa dengan perayu. Seperti telah diterangkan di at as, SP6 dan SP7 telah memberi keterangan yang mereka melihat SP1 memberi sampul surat yang mengandungi wang perangkap kepada perayu dan SP4 telah melihat perayu membuang satu sampul surat semasa ia bergelut dengan beberapa pegawai BPR. SP3 pula telah jumpa sampul surat yang mengandungi wang perangkap itu di dalam longkang yang berhampiran. Semua keterangan ini dengan jelas menunjukkan perayu telah menerima suapan itu. Saya juga mendapat perayu telah gagal menunjukkan keputusan hakim mahkamah sesyen tentang alasan rayuan ini adalah salah dari segi undang-undang atau berlawanan dengan keterangan yang telah diberi. Oleh itu saya menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

[548] Dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini, adalah juga jelas wang suapan tidak dijumpai dengan atau bersama tertuduh. Tetapi pendakwaan telah berjaya membuktikan berdasarkan keterangan SP21 bahawa SP21 telah menyerahkan dalam sembilan kali tersebut jumlah keseluruhan RM3.09 juta wang tunai kepada tertuduh.

[549] Benar, tiada saksi lain yang menyaksikan penerimaan wang suapan tersebut oleh tertuduh yang diserahkan oleh SP21 walau pun mengenai satu

daripada sembilan pertuduhan. Tetapi keterangan SP21 disokong dan disahkan oleh keterangan pemberi wang suapan iaitu SP16 sendiri yang jelas tujuan penyerahan kepada SP21 adalah untuk diserahkan kepada tertuduh. Tiada juga keraguan tentang pengeluaran wang tunai di Maybank Cawangan Jelapang merujuk kepada kesaksian SP17 dan lebih-lebih lagi saksi yang boleh dianggap 'lebih bebas' iaitu SP11 sebagai Pengurus Maybank Cawangan Jelapang, disokong juga dengan dokumen bank berkenaan.

[550] Wang tunai tersebutlah yang masing-masing berjumlah RM100,000, RM140,000, RM300,000, RM250,000, RM500,000, RM500,000, RM300,000, RM500,000 dan RM500,000 berdasarkan tarikh-tarikh dalam pertuduhan pindaan kedua hingga ke-sepuluh kemudiannya diserah oleh SP17 (kecuali pertuduhan pemberian yang pertama) kepada SP16 yang selepas itu disampaikan kepada SP21 untuk diberi kepada dan akhirnya diterima oleh tertuduh. Jumlah keseluruhannya adalah RM3.09 juta.

HUJAHAN-HUJAHAN PIHAK PEMBELAAN MENAFIKAN PENERIMAAN SUAPAN OLEH TERTUDUH

(1) Tiada keterangan tertuduh meminta suapan sebelum kelulusan pembelian MPHS termasuk dalam pertemuan sebanyak dua kali antara SP16 dan Ibrahim bin Baki dengan tertuduh di FELDA

[551] Ini adalah satu hujahan pembelaan yang sering ditekankan. Menurut pihak pembelaan, tiada bukti ada sebarang permintaan oleh tertuduh kepada SPI6 ketika mereka bertemu sebanyak dua kali dan dakwaan permintaan melalui SP21 yang dilakukan selepas kelulusan pembelian oleh Lembaga Pengarah FICSB dikatakan melemahkan kes pendakwaan. Adalah menurut tertuduh, munasabah untuk mengandaikan jikalau beliau berniat untuk mendapatkan wang suapan daripada SP16 hasil daripada meluluskan pembelian MPHS, tertuduh pastinya meminta wang suapan tersebut ketika bertemu dengan SP16. Pihak pendakwaan mempertikaikan pendapat ini, dengan mengusulkan terpulang kepada tertuduh untuk menentukan bila permintaan patut dilakukan.

[552] Setelah meneliti semua keterangan, mahkamah mendapati dakwaan pihak pembelaan adalah tidak bermerit. Ini adalah atas beberapa sebab.

[553] Pertuduhan-pertuduhan adalah atas dasar penerimaan suapan sebagai upah disebabkan penglibatan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB. Beliau tidak dituduh dengan kesalahan meminta suapan di dalam kes ini. Tiada keperluan untuk pihak pendakwaan

menunjukkan ada permintaan atau sebarang persefahaman antara tertuduh dan SP16 mengenai sebarang upah dan suapan sebelum kelulusan pembelian MPHS dibuat.

[554] Peruntukan s 16 ASPRM adalah luas, dan dalam kes ini adalah berkaitan dengan kesalahan penerimaan suapan. Bukannya kesalahan permintaan suapan. Seperti yang diterangkan sebelum ini, mahkamah perlu mengulangi bahawa dalam konteks s 16(a)(A) ASPRM, permintaan untuk mendapatkan suapan bukanlah inti pati yang perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum kesalahan penerimaan suapan dibuktikan terhadap tertuduh.

[555] Mahkamah berpendapat tiada kecacatan dalam versi pendakwaan bahawa permintaan dilakukan oleh tertuduh melalui SP21 *setelah* kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB. Pertuduhan suapan — sembilan semuanya — bukanlah berpaksi kepada suapan yang dijanji oleh pemberi suapan sebagai balasan *sekiranya atau sebelum* sesuatu tindakan dilakukan oleh peminta suapan.

[556] Dengan lain perkataan, wang suapan dalam kes ini, sepertimana yang diperincikan dalam kesemua sembilan pertuduhan adalah sebagai upah atas penglibatan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS tersebut. Lebih-lebih lagi, SP16 telah memberi keterangan bahawa setelah permintaan dibuat beliau telah bersetuju untuk memberi RM3 juta kerana bimbang pembelian MPHS tersebut tidak terlaksana walaupun telah diluluskan atas sebab pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi FELDA dan FICSB. Ini juga boleh dianggap sebagai upah untuk memastikan FICSB meneruskan pelaksanaan pembelian MPHS setelah memberi kelulusan terhadapnya.

[557] Oleh yang demikian ketiadaan keterangan tertuduh membuat permintaan suapan kepada SP16 ketika bertemu sebanyak dua kali sebelum dan selepas kelulusan diberikan oleh Lembaga Pengarah FICSB adalah tidak sama sekali mencacatkan pertuduhan-pertuduhan di bawah ASPRM terhadap tertuduh.

(2) Ungkapan tertuduh kepada SP21 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambillah' tidak bermakna mengambil wang bagi pihak tertuduh

[558] Tertuduh membangkitkan isu permintaan untuk mendapatkan suapan adalah perkara yang direka oleh SP21, dan perkataan 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambillah' yang dikatakan diucapkan oleh tertuduh sendiri kepada SP21 tidak menyatakan secara langsung bahawa beliau menyuruh SP21 mengambil wang, jika diberi, kepada tertuduh. Pihak pembelaan menyatakan ini hanya pemahaman SP21 sendiri.

[559] Pihak pendakwaan pula berhujah tertuduh tidak menafikan perkataan-perkataan 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambillah' keluar dari mulut tertuduh sendiri kepada SP21, dan penafian adalah hanya tertuduh tidak kata supaya pengambilan adalah bagi pihak tertuduh.

[560] Mahkamah mendapati ini tidak benar. Pihak pembelaan tidak mengaku beliau bercakap begitu. Sebenarnya berikut, yang merupakan petikan pemeriksaan balas SP21 daripada nota prosiding yang dirujuk oleh pendakwaan sendiri dalam penghujahan bertulisnya menunjukkan pihak pembelaan menafikan ada berkata demikian:

> S: Ini kata kamu. Kemudiannya dalam satu perbualan Tan Sri Isa menyatakan kepada saya dengan ayat lebih kurang begini, 'kalau diaorang beri apa-apa nanti, kau ambillah'. Ini pemahaman, ini kamu cakap pemahaman kamu, 'maksud Tan Sri Isa adalah apa jua yang diberikan oleh Hj Ikhwan atau Ibrahim Baki kepada beliau maka saya perlu menerimanya bagi pihak beliau'. Kamu faham bahawa dia kata bagi pihak beliau tetapi kamu tidak tahu pun, kalau betul, *saya tidak kata ini betul, tetapi kalau betul apa yang kamu cakap ini pun dia tidak cakap apa-apa pun, betul?* Dia cuma kata kalau ada hendak bagi, bagi, betul? Itu sahaja, bukan?
>
> J: Ya.
>
> S: Setuju?
>
> J: Ya.
>
> S: *Tetapi saya tidak kata bahawa ini berlaku tetapi saya hendak tunjukkan kepada kamu dahulu bahawa kalau betul pun ini berlaku, tidak minta apa-apa hanya sekadar mengatakan bahawa terima bagi pihak beliau.* Bukan. Ambillah. Dia tidak sebut pun bagi pihak beliau. Kamu yang faham, betul? Dia kata ambillah, betul?
>
> J: Ya.
>
> S: Yang kata bagi pihak beliau ini kamu yang faham?
>
> J: Ya. (Penekanan ditambah.)

[561] Pihak pendakwaan berkata tertuduh tidak pernah mencadangkan kepada SP21 atau SP16 dalam pemeriksaan balas mereka bahawa tertuduh tidak pernah menyampaikan 'salam' kepada SP16 atau tertuduh tidak pernah menerima sebarang suapan wang. Hujahan pendakwaan ini ada meritnya. Pihak pembelaan tidak secara jelasnya mencadang atau *put* kepada saksi pendakwaan terutamanya SP16 dan SP21 permintaan dan penerimaan suapan tidak berlaku.

[562] Walau bagaimanapun mahkamah ambil maklum dalam soalan balas peguam tertuduh ada menyentuh penafian dan juga pembelaan tertuduh dalam kenyataan pembelaan di bawah s 62 ASPRM juga adalah penafian penerimaan suapan-suapan dalam sembilan pertuduhan tersebut ada berlaku.

[563] Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati di sebalik penafian tertuduh, keterangan SP21 mengenai perkataan yang diungkapkan tertuduh ada asasnya. Ini adalah kerana selepas perjumpaan kali kedua tertuduh dengan SP16 di mana SP16 mengucapkan terima kasih atas kelulusan pembelian MPHS oleh FICSB, setelah memanggil SP21 masuk ke pejabat tertuduh, mereka berdua berbual mengenai pembelian MPHS dan ucapan terima kasih GAPSB atas persetujuan FICSB membeli MPHS. Tambah SP21, tertuduh menyatakan kepada SP21 bahawa SP16 memberitahu tertuduh yang SP16 boleh membantu Parti Bumiputera Bersatu Sarawak.

[564] Mahkamah beri penekanan bahawa di dalam konteks perbincangan inilah tertuduh mengungkapkan 'Kalau diaorang bagi apa-apa nanti kau ambil lah'. SP21 jelas dalam keterangannya bahawa dalam pemahaman beliau, apa-apa jua wang yang diberikan oleh SP16, SP21 patut menerimanya bagi pihak tertuduh. Rumusan yang ketara berdasarkan ungkapan 'kalau diorang bagi apa-apa nanti kau ambillah' kepada SP21 di dalam konteks ketika mana ianya dibuat ialah itu merupakan satu arahan khusus kepada SP21 supaya meminta dan menerima bagi pihak tertuduh suapan dalam bentuk wang apabila diberikan oleh SP16. SP21 konsisten dalam keterangannya yang dia telah menyampaikan permintaan untuk mendapatkan suapan oleh tertuduh kepada SP16. Ini disahkan oleh SP16. Akhirnya tertuduh telah menerima suapan-suapan sebanyak sembilan kali daripada SP16 melalui SP21.

(3) Adakah SP21 hanya menyampaikan kiriman salam sekali sahaja dan telah menggunakan kiriman salam untuk membuat tuntutan suapan di mana kiriman salam itu dalam semua sembilan transaksi pemberian wang

[565] Tertuduh mendakwa SP21 hanya menyampaikan kiriman salam sekali sahaja tetapi telah menggunakan kiriman salam untuk membuat tuntutan suapan di mana kiriman salam itu diguna dan diulangi dalam semua sembilan transaksi pemberian wang. Pihak pendakwaan pula berhujah tertuduh mengarahkan SP21 meminta suapan untuk tertuduh daripada SP16 menggunakan isyarat kiriman salam. SP21 telah menghubungi SP16 menyampaikan salam itu dan ini berlaku selepas permintaan disampaikan oleh SP21 kepada SP16. SP16 pula memahami maksud salam tertuduh adalah berkaitan suapan yang telah dipersetujui untuk tertuduh sebanyak RM3 juta.

[566] Mahkamah mendapati bahawa sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, perkara berkaitan penyampaian salam ini hanya timbul selepas kelulusan diberikan ke atas pembelian MPHS dan setelah SP16 dan Ibrahim melawat tertuduh kali kedua bagi tujuan mengucapkan terima kasih atas kelulusan tersebut.

[567] Pertamanya, dan pada mulanya tertuduh berkata kepada SP21 'Kalau diaorang bagi apa-apa nanti kau ambil lah'. Tidak lama kemudian (dan ini setelah pendahuluan 10% atau RM16 juta pembayaran kepada GAPSB diluluskan juga oleh tertuduh sebagai seorang *authorised signatory* bagi FICSB) timbul pertanyaan daripada tertuduh kepada SP21 — 'Ada Sarawak tu call?' dan 'Kau call lah dia orang, kirim salam tanya khabar'. Pihak pendakwaan menekankan bahawa perkara yang tidak langsung dicabar oleh tertuduh bahawa tertuduh yang membuat pertanyaan kepada SP21 sama ada SP16 ada telefon atau tidak — 'Ada Sarawak tu call?' merujuk kepada SP16 dan Ibrahim bin Baki.

[568] Keduanya, isyarat permintaan dengan penyampaian salam boleh dipercayai juga kerana seperti yang disebut sebelum ini ianya pertama kali timbul selepas tertuduh menandatangani dokumen bayaran RM16 juta atau 10% deposit (P58C) daripada jumlah RM160 juta harga pembelian MPHS oleh FICSB kepada GAPSB pada 30 Jun 2014. Ini bermaksud tertuduh tahu mengenai perkembangan penting dalam proses pembelian MPHS oleh FICSB —selepas kelulusan Lembaga Pengarah pada 29 April 2014, dan selepas perjanjian jual beli MPHS ditandatangani pada 27 Jun 2014, di mana diketahui GAPSB hampir pasti menerima RM16 juta dalam masa terdekat.

[569] Jawapan SP21 ketika soalbalas dan dalam pemeriksaan semula konsisten dan jelas bahawa kiriman salam tertuduh kepada SP16 melalui SP21 bukan kirim salam biasa tetapi merupakan isyarat kepada SP16 dan SP21 untuk mendapatkan suapan untuk tertuduh. Sekiranya sekadar salam biasa, tertuduh boleh berkomunikasi terus dengan SP16. Tertuduh sendiri tidak mahu berurusan terus dengan SP16 untuk meminta suapan dan menggunakan perantara — SP21 — yang merupakan pegawai khas beliau. SP16 juga dalam keterangannya sendiri memahami penyampaian oleh SP21 salam ini adalah bagi pihak tertuduh dan bertujuan mendapatkan wang daripada SP16. Ini adalah kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini SP16 telah terdahulunya bersetuju dengan SP21 untuk menyerahkan RM3 juta kepada tertuduh.

[570] Perlu diingatkan bahawa ungkapan-ungkapan yang dibuat tertuduh kepada SP21 di peringkat awal timbul pada dua masa yang berbeza. Pertama adalah 'kalau diorang bagi apa-apa nanti kau ambillah'. Ini dikatakan oleh tertuduh selepas lawatan SP16 dan Ibrahim Baki. Ketika itu, dalam bulan Mei 2014, perjanjian jual beli MPHS belum ditandatangani. Keduanya pula adalah 'Ada Sarawak tu call?' dan selepas jawapan negatif oleh SP21, 'Kau call lah dia orang, kirim salam tanya khabar'.

[571] Ketika itu pula perjanjian jual beli MPHS dan dokumen bayaran RM16 juta atau 10% deposit baru sahaja ditandatangani, masing-masingnya pada 27 Jun 2014 dan 30 Jun 2014.

[572] Tambahan pula selepas ungkapan pertama tersebut, SP21 ada memberitahu SP16 yang tertuduh memerlukan *political funds*. Ini berkait dengan perkara yang SP21 jelaskan disebut oleh tertuduh tentang SP16 boleh membantu parti politik PBBS di Sarawak. Walaupun tertuduh mempunyai sejarah panjang dengan UMNO dan PBBS adalah pada waktu itu sebahagian daripada Kerajaan Barisan Nasional yang mentadbir negara, SP16 dalam keterangannya percaya permintaan oleh tertuduh adalah sebenarnya untuk tertuduh sendiri atas penglibatannya meluluskan pembelian MPHS daripada GAPSB dalam Lembaga Pengarah FICSB. Dan selepas membuat pertimbangan SP16 setuju untuk memberi RM3 juta.

[573] Dan selepas ungkapan kedua pula, dan setelah salam disampaikan oleh SP21 kepada SP16 yang terus faham maksudnya, SP16 kemudiannya mengatur pertemuan dengan SP21 bagi tujuan penyerahan. Pada waktu penyampaian salam itu juga tertuduh telah minta SP21 bertanya jika SP16 boleh beri 'advance' terlebih dahulu. Pemergian SP21 ke Hotel Hilton PJ bagi tujuan tersebut juga telah terlebih dahulu dimaklumkan oleh SP21 kepada tertuduh yang berkata kepada SP21 'pergilah jumpa'.

[574] Hujahan pihak pembelaan bahawa kiriman salam tertuduh kepada SP16 yang dibuat melalui SP21 hanya berlaku sekali sahaja (atau paling banyak dua kali seperti yang disebut dalam penyataan saksi SP21-PSSP21, bagi transaksi suapan ketiga) telah dijawap SP21 sebagai tidak benar. Walaupun SP21 akui tidak dinyatakan dalam penyataan bertulis PSSP21 bahawa tertuduh memberitahu SP21 untuk kirim salam kepada SP16 dalam setiap satu transaksi suapan, SP21 teguh berpegang kepada keterangan ketika disoal balas dan dalam pemeriksaan semula bahawa SP21 telah menyampaikan salam tertuduh bagi tujuan mendapatkan suapan bagi pihak tertuduh kerana itu merupakan corak atau 'pattern' yang berlaku dari awalnya.

[575] Sebenarnya sekiranya penyataan bertulis PSSP21 diteliti agak jelas dalam hampir semua urusan permintaan wang suapan, SP21 menyatakan beliau menyampaikan salam tertuduh, walaupun SP21 tidak menyebut secara spesifik tertuduh menyuruhnya berbuat demikian. Ini secara asasnya memberi maksud yang sama. Tindakan SP21 adalah berdasarkan pelaksanaan permintaan yang dibuat oleh tertuduh. SP21 juga mengetahui SP16 setuju untuk beri sejumlah RM3 juta. Ini adalah secara berperingkat.

[576] Tambahan pula, SP16 juga sebagai penerima salam telah mengesahkan SP21 telah menghubungi beliau dan menyampaikan salam tertuduh pada setiap satu daripada sembilan transaksi seperti dalam pertuduhan-pertuduhan di bawah s 16 ASPRM, bagi tujuan mendapatkan suapan untuk tertuduh seperti yang telah dipersetujui sebelum ini.

[577] Perlu Mahkamah tekankan bahawa persetujuan SP16 adalah untuk menyerahkan sebanyak RM3 juta kepada tertuduh. Wang tersebut diserahkan secara berperingkat. Sebab itu jugalah mudah untuk SP16 setiap kali memahami maksud salam daripada tertuduh yang disampaikan kepadanya oleh SP21.

(4) Adakah telah dibuktikan wang suapan adalah sumber daripada komisen yang dibayar GAPSB kepada JVESB

[578] Tertuduh juga membangkitkan hujahan bahawa penerimaan suapan gagal ditunjuk oleh pihak pendakwaan kerana wang yang dikeluarkan daripada akaun JVESB tidak dibuktikan datang dari hasil pembayaran pembelian MPHS. Pihak pendakwaan menyanggah dan menekankan bahawa tertuduh telah dibuktikan menerima suapan-suapan sebanyak sembilan kali kesemuanya berjumlah RM3.09 juta seperti dalam setiap pertuduhan pindaan yang merupakan inti pati utama kesalahan menerima suapan dibawah s 16(a)(A) ASPRM.

[579] Pertamanya, setelah meneliti dan menilai seluruh keterangan kes, mahkamah mendapati jumlah RM3.09 juta yang diterima tertuduh (lebih sedikit daripada jumlah suapan RM3 juta yang dijanjikan oleh SP16), bersumberkan wang pembelian MPHS berjumlah RM160 juta yang dibayar oleh FICSB kepada GAPSB. Ini adalah kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyerahan wang oleh SP16 kepada tertuduh melalui SP21 adalah dalam setiap pertuduhan (kecuali pertuduhan pindaan kedua) setelah arahan dibuat oleh SP16 kepada SP17 untuk mengeluarkan wang di Maybank Cawangan Jelapang. Proses pengeluaran dalam setiap satu daripada lapan petuduhan disahkan pengurus cawangan (SP11). Penyerahan kepada SP16 disahkan oleh SP17.

[580] Pengeluaran wang oleh JVESB pula adalah bersumberkan bayaran komisen yang dijanji dan dibayar oleh GAPSB kepada JVESB atas pembelian MPHS. SP16 memberi keterangan beliau tidak merujuk kepada Lembaga Pengarah GAPSB atas permintaan tertuduh kerana menjangka ianya tidak dipersetujui. SP16 telah bersetuju dengan dengan SP17 mengenai pembayaran balik wang komisen kepada SP16 selain daripada RM1 juta. SP16 kemudiaannya untuk menggunakan sebahagian wang komisen RM10 juta untuk memenuhi permintaan tertuduh.

[581] SP17 juga bersetuju menerima RM1 juta sahaja daripada jumlah komisen RM10 juta hasil penjualan MPHS, di mana RM6.75 juta perlu dikembalikan bagi tujuan *political fund*. SP16 tidak memaklumkan SP17 bahawa sebahagian wang komisen tersebut adalah suapan untuk tertuduh. SP17 juga bersetuju memulangkan sebahagian besar wang komisen tersebut

untuk kepentingan jangka panjang JVESB dan kerana JVESB juga sememangnya kurang berperanan dalam proses persetujuan pembelian MPHS oleh FICSB.

[582] Adalah didapati tidak boleh dinafikan bayaran-bayaran telah dilaksanakan oleh FICSB kepada GAPSB di bawah perjanjian jual beli MPHS berjumlah RM160 juta. Juga tidak boleh disangkal adalah bayaran komisen yang dibayar oleh GAPSB kepada JVESB sebanyak RM10 juta yang dibuat sebanyak tiga kali dari akaun Maybank GAPSB kepada Akaun Maybank JVESB melalui pindahan wang untuk komisen pertama berjumlah RM1 juta (pada 10 Julai 2014), RM2,695,433 (16 Oktober 2014) dan komisen ketiga berjumlah RM6,304,567 (16 Jun 2015).

[583] Penting ditekankan di sini bahawa ketiga-tiga bayaran komisen tersebut dibuat oleh GAPSB setelah JVESB membuat tuntutan bayaran komisen atas permintaan SP16 sendiri selepas SP16 dimaklumkan oleh SP21 mengenai permintaan wang oleh tertuduh. Bayaran komisen oleh GAPSB kepada JVESB hanyalah boleh dilakukan setelah bayaran-bayaran dilaksanakan FICSB kepada GAPSB. Dan penyerahan wang kepada tertuduh hanyalah boleh dilakukan setelah SP17, sebagai pemegang saham pemilik JVESB membayar balik sebahagian besar komisen kepada SP16. Petikan soalbalas SP17 berikut yang berkaitan dengan pertuduhan kedua pindaan sahaja sudah cukup menjawab isu sumber bayaran wang suapan kepada tertuduh:

S: Sebab apa mesti create account ini?

J: Untuk kami menerima commission dan apa-apa pembayaran kemudian.

S: Untuk kami terima komisen. So nanti kalau ada apa-apa pembayaran dia terus kepada syarikat kamu. Adakah kamu setuju bahawa selepas kamu tubuhkan syarikat tersebut, syarikat itu tiada fungsi lain melainkan hanya untuk pembelian Merdeka Hotel, betul?

J: Pada masa tersebut, betul.

S: Pada masa tersebut itu maksud saya sehinggalah pembelian Hotel Merdeka itu memang syarikat itu tidak digunakan untuk tujuan lain?

J: Betul.

S: Samalah juga dengan akaun pun, akaun itu hanya digunakan pada ketika pembelian tersebut hingga pembelian itu selesai hanya digunakan untuk tujuan penerimaan komisen?

J: Betul.

[584] Oleh yang demikian mahkamah mendapati keterangan adalah jelas membuktikan sumber kewangan yang digunakan oleh SP16 untuk memberi suapan-suapan berjumlah RM3.09 juta kepada tertuduh melalui SP21 datang

daripada komisen RM10 juta yang dibayar oleh GAPSB kepada JVESB, setelah pembayaran-pembayaran dilaksanakan oleh FICSB kepada GAPSB di bawah perjanjian jual beli MPHS.

[585] Perkara kedua yang patut dinyatakan oleh mahkamah adalah ini. Sebenarnya, tiada keperluan untuk pendakwaan membuktikan sumber kewangan bayaran oleh SP16 kepada tertuduh. Itu bukanlah inti pati pertuduhan-pertuduhan penerimaan wang suapan terhadap tertuduh. Seksyen 16(a)(A) ASPRM yang menjadi asas kepada pertuduhan-pertuduhan tersebut juga tidak menyebut keperluan membuktikan sebarang punca kepada wang suapan. Lagipun bagi penyerahan wang suapan yang pertama sebanyak RM100,000 (pertuduhan pindaan kedua) sumber adalah wang peribadi SP16, bukan daripada komisen kepada JVESB atau bayaran kepada GAPSB (walaupun jumlah ini kemudiannya ditolak daripada pengeluaran yang dilakukan oleh SP17 dalam pertuduhan pindaan ketiga).

[586] Walau bagaimanapun keterangan dalam kes ini menunjukkan sumber wang suapan bagi lapan transaksi serahan seterusnya oleh SP16 kepada tertuduh melalui SP21 adalah daripada komisen kepada JVESB yang sumbernya adalah pembayaran oleh FICSB kepada GAPSB atas pembelian MPHS. Ini menguatkan kes pendakwaan.

(5) Tiada keterangan seperti rekod atau catitan serahan wang menyokong keterangan SP16 telah menerima wang daripada SP17, antara SP16 dan SP21 dan antara SP21 dan tertuduh

[587] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa adalah suatu yang munasabah dan cermat (*prudent*) untuk saksi-saksi yang terlibat dalam transaksi penyerahan wang seperti SP17, SP16 dan SP21 untuk membuat catitan penyerahan dan penerimaan wang yang melibatkan nilai yang besar tersebut. Tiada langsung keterangan seperti itu dikemukakan di mahkamah. Tertuduh meragui mereka boleh ingat jumlah yang sebenar, dan menyatakan pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh telah menerima suapan-suapan tersebut.

[588] Pendakwaan pula menolak pendapat ini, sudah ada keterangan yang boleh dipercayai bahawa wang suapan pertama puncanya wang SP16 sendiri dan yang lapan selepasnya sumbernya wang komisen RM10 juta yang dibayar oleh GAPSB kepada JVESB hasil daripada pembelian MPHS. JVESB yang sahamnya dimiliki SP17 bersama Mazeed Wahab telah menerima komisen RM10 juta secara berperingkat sebanyak tiga kali daripada GAPSB. Telah ditunjukkan bahawa SP17 bersetuju memulangkan sebahagian besar daripada komisen tersebut untuk kepentingan perniagaan JVESB.

[589] Mahkamah telah sebelum ini mengambil maklum dan menerima keterangan yang berkenaan dengan pengeluaran wang yang menjadi sumber kepada penyerahan wang tunai kepada tertuduh melalui SP21. Kecuali bagi pertuduhan suapan pertama, bagi lapan yang seterusnya, SP17 mengesahkan komisyen RM10 juta dibayar oleh GAPSB. SP17 dan Mazeed Abdul Wahab mengeluarkan wang dari akaun Maybank JVESB mengikut jumlah yang diminta oleh SP16. Ini disahkan juga oleh SP11. Ini sudah dibincang sebelum ini.

[590] Tambahan lagi, keterangan dokumen perbankan seperti cek-cek tunai milik JVESB, JISB dan VDMSB yang terlibat adalah jelas menyokong. Ini dituruti dengan SP17 menyerahkan dan memaklumkan jumlah wang yang telah dikeluarkan kepada SP16 dan disahkan telah diterima oleh SP16 yang kemudiannya diserahkan pula kepada SP21 untuk diberikan kepada tertuduh.

[591] SP17 akui tiada sebarang catitan penyerahan dan penerimaan direkodkan daripada SP16. SP17 tidak bersetuju kesemua transaksi penyerahan wang kepada SP16 tidak berlaku. SP17 mengesahkan beliau membayar seperti yang diminta oleh SP16 dan menyerahkan kepada SP16.

[592] Keterangan SP16 dan SP21 juga konsisten bahawa penyerahan wang kepada SP21 untuk diberi kepada tertuduh oleh SP16 berlaku di Cigar Room Hotel PJ Hilton (sebanyak dua kali), Sunway Opal Condominium Petaling Jaya (enam kali) dan di rumah SP18 di Kuching, Sarawak (sekali).

[593] SP16 tidak meminta SP21 membuat akuan terima wang tersebut kerana beliau percaya kepada SP21 yang merupakan orang yang beliau kenal dan tiada sebab untuk beliau berbohong mengenai penyerahan suapan kepada tertuduh melalui SP21. SP21 adalah pegawai khas tertuduh.

[594] Tiada sebab penyerahan wang di tempat letak kereta Restoran Naina, Kota Damansara oleh SP17 kepada SP16 tidak munasabah, kerana semua wang tersebut dikeluarkan oleh SP17 dari Maybank Cawangan Jelapang, dan SP16 juga tahu mengenainya kerana bagi beberapa pertuduhan penyerahan, beliau sendiri hadir di Maybank Cawangan Jelapang semasa pengeluaran wang dibuat dan beliau terima wang tersebut dari SP17 dan Mazeed Abdul Wahab di tempat yang sama.

[595] SP17 dan SP16 bertegas tiada catitan penyerahan dan penerimaan dibuat kerana masing-masing mempercayai antara satu sama lain. SP16 juga kekal dengan jawapan yang sama mengenai kepercayaan beliau terhadap SP21. Dan SP21 juga beri jawapan serupa terhadap SP16. Keterangan SP21 juga telah diberikan berhubung bagaimana serahan wang telah dilakukan oleh SP21 kepada tertuduh merangkumi transaksi pertama hingga transaksi kesembilan

sebagaimana pertuduhan di bawah s 16(a)(A) ASPRM.

[596] Begitu juga dengan pertuduhan penerimaan suapan ketujuh di mana wang diserahkan kepada Roney bin Zaidel (SP18) untuk dibawa kepada SP16 di Kuching. SP18 percaya dan tiada masalah tentang penerimaan wang daripada SP17 yang beliau tidak kenali kerana telah diminta oleh adik SP18, iaitu SP16 untuk berbuat demikian. SP18 percaya adiknya sendiri, SP16. SP18 cuma mahu membantu memenuhi permintaan adiknya SP16 untuk membawa barang balik ke Kuching yang mana SP17 kata beg tersebut mengandungi wang tunai RM300,000. SP18 jelas menyatakan beliau tidak periksa kandungan kerana percaya SP16 yang berurusan dengan SP17 dan beliau juga tidak berminat untuk mengetahui lebih lanjut. Setelah SP16 dan SP21 sampai ke rumah SP18, SP18 terus serahkan beg tersebut kepada SP16 yang terus juga memberi kepada SP21 untuk diserahkan kepada tertuduh.

[597] SP16 tahu jumlah wang yang beliau serahkan kepada SP21 dan juga denominasi wang yang diterima daripada SP17. SP16 juga menjelaskan tiada keperluan untuk beliau membuat catitan tentang suapan yang beliau serahkan kepada SP21 untuk diberikan kepada tertuduh. SP16 maklum tentang jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh SP17 dan mengikut jumlah yang telah dimaklumkan oleh SP17 kepada beliau, dan dalam beberapa pengeluaran wang oleh SP17 di Maybank Cawangan Jelapang, SP16 sendiri hadir bersama SP17 dan Mazeed Abdul Wahab.

[598] Tambahan pula sumber pengeluaran wang-wang tersebut adalah komisen kepada JVESB yang dibayar balik oleh SP17 kepada SP16. SP16 tahu berapa baki suapan yang perlu diberikan kepada SP21 untuk diserahkan kepada tertuduh mengikut jumlah suapan yang telah diberikan berasaskan jumlah keseluruhan RM3 juta yang dijanjikan. Lagipun perjalanan transaksi yang serupa juga tidak mengundang sebarang rungutan daripada mana-mana pihak seperti SP17, SP21 dan tertuduh sendiri yang mungkin boleh mengakibatkan SP16 mengambil langkah tambahan untuk merekodkan penerimaan dan penyerahan wang tunai tersebut.

[599] Ini dijelaskan dalam pemeriksaan semula SP16:

> S: Dan satu lagi Encik Ikhwan, kamu juga tidak setuju dengan cadangan peguam dimana peguam kata yang hendak duit sebenarnya adalah Zahid Md Arip bukan Tan Sri Isa. Kamu tidak setuju dengan cadangan peguam. Boleh kamu jelaskan kenapa duit tersebut sebenarnya, ini adalah soalan peguam. Kamu dengar soalan peguam semasa disoal balas kepada kamu. Yang kedua, kalau permintaan ini wujud sekalipun, kamu tahu yang hendak duit ini adalah Zahid Md Arip, tiada kena mengena dengan Tan Sri Isa, setuju? Jadi kamu jawab tidak setuju. Boleh kamu jelaskan kenapa kamu tidak setuju?

J: My Lord, memang tidak setuju My Lord because Zahid Md Arip mention to me, told me and being a Pegawai Khas Tan Sri. He told me that Tan Sri need a money and he told me when he collected the money for the 9 times of 3million, he told me, serahkan duit tersebut kepada Tan Sri Isa so it is not for Zahid Md Arip, it is for Tan Sri.

S: Semasa kamu disoal balas oleh peguam pada hari ini, jadi berkaitan tentang penerimaan wang, wang yang dikeluarkan oleh Azizi bersama Mazid kemudian diserahkan kepada kamu, kemudian kamu serahkan kepada Zahid Md Arip untuk Zahid Md Arip serahkan kepada Tan Sri Isa. Kamu disoal tentang transaksi tersebut tiada di catat atau di rekod di mana-mana dan kamu akui semasa di soal balas oleh peguam ia tidak dicatatkan. Boleh kamu jelaskan kenapa kamu tidak membuat apa-apa catitan berhubung tentang penerimaan dan juga penyerahan wang kepada yang melibatkan individu-individu yang saya namakan tadi? Why you do not record? Why you do not do that, can you explain?

J: We don't record it because when you pass the money we told him this is amount much of money base on the withdrawal given by the agent to me and pass it, RM500,000.00 and normally we just tell him yang tinggal this amount, this amount. Tinggal balance this amount, so sudah bagi ini and it carry on so you just remember the last figure. We don't have to record it so we knew it you know. It's only when through the withdrawal and you can still remember that how much is balance after you give RM340,000.00 we know how much balance and this one is RM100,000.00, after that RM300,000.00, RM500,000.00, the balance tinggal RM2juta, tinggal RM500,000.00 so we can remember. We don't have to record it. We did not to record it. But it is truth the money pass to Zahid Md Arip and Zahid Md Arip confirm, pass it to Tan Sri Isa.

S: Dan juga peguam ada soal kamu dimana peguam kata apa jadi kalau adanya misunderstanding atau presucute tentang jumlah wang yang diserahkan tersebut. Jadi boleh kamu beritahu Mahkamah berkaitan tentang penyerahan wang yang mana keseluruhan berjumlah RM3.09 juta daripada kamu kepada Tan Sri Isa melalui Zahid Md Arip, adakah sebarang masalah berkaitan tentang wang tersebut? Ada kurang ke ataupun tidak cukup? Boleh kamu jelaskan?

J: Everytime we pass the money to Zahid Md Arip to Tan Sri Isa, there is no complaint and until the end they was no complaint at all so the issue of peguam tanya, it just teori so I answer like that but it just afraid no such thing, there is no dispute received the money.

[600] SP21 berkata beliau bertindak seakan *postman* dalam transaksi-transaksi tersebut kerana menerima wang daripada SP16 dan menyerahkannya kepada tertuduh. Beliau tidak pernah periksa atau mengira wang yang diambil daripada SP16 untuk tertuduh. Dan beliau menyerahkan wang tersebut setiap kali selepas mengetahui tertuduh ada di pejabat Pengerusi FELDA.

[601] Oleh yang demikian mahkamah mendapati keterangan-keterangan yang *credible* adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa terdapatnya penerimaan oleh tertuduh daripada SP21 wang sebanyak RM100,000

(pertuduhan pertama di bawah ASPRM), RM140,000 (pertuduhan kedua), RM300,000 (pertuduhan ketiga), RM250,000 (pertuduhan keempat), RM500,000 (pertuduhan kelima), RM500,000 (pertuduhan keenam), RM300,000 (pertuduhan ketujuh), RM500,000 (pertuduhan kelapan) dan RM500,000 (pertuduhan kesembilan).

[602] Adalah menjadi dapatan mahkamah bahawa tidak timbul isu munasabah atau tidak apabila tiada catatan dibuat oleh SP16, SP17, SP18 dan SP21 dalam kesemua sembilan transaksi tersebut. Tanpa mengulangi jika tidak perlu, keterangan pengeluaran wang dari bank jelas disokong dokumen-dokumen yang berkenaan, manakala penyerahan daripada SP17 kepada SP16 dan daripada SP16 kepada SP21 juga berpaksikan kepada kepercayaan pihak-pihak antara satu sama lain yang telah berurusan tentang cadangan penjualan MPHS dari awal lagi.

[603] SP17 banyak bergantung kepada SP16 dalam transaksi perniagaan ini dan SP17 setuju untuk JVESB akhirnya mendapat hanya RM1 juta daripada RM10 juta seperti sepatutnya jika mengikut kontrak peranan JVESB sebagai agen hartanah dalam penjualan MPHS tersebut. Ini adalah amat munasabah kerana JVESB hampir tidak berperanan bagi mendapatkan FICSB untuk menerima cadangan pembelian MPHS daripada GAPSB.

[604] Tidak banyak bezanya juga antara SP16 dan SP21. Mereka sering berhubung terutama ketika SP16 datang ke FICSB untuk proses penyediaan perjanjian jual beli MPHS, juga dalam lain-lain keadaan seperti penyediaan pertemuan SP16 dengan tertuduh di pejabat tertuduh, dan penyertaan lawatan SP21 ke Kuching di peringkat awal. SP21 adalah pegawai khas tertuduh dan beliaulah perantara yang mesti dipercayai oleh SP16.

[605] Keperluan SP16 berurusan dengan SP21 dalam transaksi penyerahan wang adalah penting kerana SP16 telah bersetuju untuk memberi tertuduh RM3 juta setelah diminta SP21 bagi pihak tertuduh. SP16 berkata beliau tiada pilihan selain bersetuju dengan pemberian tersebut kerana bimbang atas pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi FELDA dan FICSB pembelian MPHS daripada GAPSB mungkin akhirnya tidak boleh dilaksanakan dan hubungan perniagaan dengan FICSB boleh terjejas sekiranya SP16 enggan bekerjasama dengan menyumbang wang kepada tertuduh.

[606] Selain daripada itu, adalah juga munasabah bahawa dalam situasi yang sudah tentunya disedari oleh pihak-pihak yang terlibat terutamanya SP16 dan SP21, di mana keabsahan, sebab atau tujuan sebenar wang-wang tersebut diserahkan oleh SP16 kepada tertuduh adalah dilarang oleh undang-undang,

sebarang catitan dan rekod lebih sesuai untuk tidak diadakan langung untuk mengelak kewujudan bukti yang mungkin menjurus kepada kebersalahan terhadap mereka yang terlibat.

(6) SP16 tidak membuat sebarang pengesahan (verifikasi) dengan tertuduh tentang wang yang diminta oleh SP21 (tertuduh) telah diterima

[607] Pihak pembelaan juga menimbulkan isu berkenaan dengan ketiadaan semakan atau pertanyaan dibuat oleh SP16 kepada tertuduh secara terus atau melalui orang lain dalam FICSB berkaitan penerimaan wang suapan tersebut. Dihujahkan oleh tertuduh bahawa secara logik tiada seseorang yang setuju memberikan wang yang berjumlah besar tanpa memastikan wang tersebut telah sampai kepada orang yang dimaksudkan untuk menerimanya.

[608] Pendakwaan pula menyatakan SP16 telah disoal bertubi-tubi tentang persoalan tersebut tetapi SP16 menjelaskan beliau tidak perlu menghubungi tertuduh untuk mengesahkan permintaan suapan dan suapan yang telah diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh kerana SP16 mempercayai SP21 — pegawai khas tertuduh sendiri — yang memberitahu beliau bahawa suapan telah diserahkan kepada tertuduh.

[609] Mahkamah terima keterangan SP16 mengenai kepercayaan beliau terhadap SP21 untuk tidak SP16 hubungi tertuduh secara terus untuk verifikasi penerimaan wang oleh tertuduh kerana ini juga konsisten dengan kepercayaan SP16 untuk tidak mencatit sebarang rekod apabila menyerahkan wang kepada SP21 sebanyak sembilan kali untuk disampaikan kepada tertuduh.

[610] Ini juga selari dengan proses perlaksanaan perjanjian jual beli MPHS berkenaan pembayaran 10% deposit, dan pembayaran seterusnya oleh FICSB kepada GAPSB yang membolehkan komisen dibayar kepada JVESB, dan oleh itu juga pengeluaran wang oleh JVESB dan SP17 untuk diserah kepada tertuduh oleh SP16 melalui SP21.

[611] Tambahan pula kepercayaan SP16 itu juga berasaskan kepada kedudukan pangkat dan tanggungjawab SP21 sebagai pegawai khas tertuduh sendiri. Ini dijelaskan oleh SP16 ketika diperiksa semula seperti berikut:

> S: Boleh kamu jelaskan kepada Mahkamah kenapa wang yang diminta untuk Tan Sri Isa melalui Zahid Md Arip ini kamu tidak verify, that is the word use by lawyer. Kamu tidak verify dengan Tan Sri Isa. Tidak sahkan dengan Tan Sri Isa sendiri. Boleh kamu jelaskan kenapa kamu tidak berbuat demikian? Why you do not verify?
>
> J: *When Zahid Md Arif ask me about the money, I do not verify because masa itu Zahid Md Arip is pegawai khas Tan Sri Isa. He is the closest officer. He is not ordinary clerk or tea lady who tell me about Tan Sri Isa need the money. He is pegawai khas. Maybe*

pegawai khas has all the access to Tan Sri and I believe him when he mentioned to me that Tan Sri need a money, I believe him. I do not need to refer and ask Tan Sri because he is the perantaraan, he represent. So, I believe when he asked me about it. (Penekanan ditambah.)

(7) Keterangan SP21 dalam penyataan saksi bertulis (PSSP21) adalah potong dan tampal ('cut and paste') yang berulang dan bukan keterangan SP21 sendiri tetapi diajar oleh SPRM

[612] Pihak pembelaan juga berhujah keterangan SP21 di dalam PSSP21 adalah bersifat potong dan tampal ('cut and paste') yang diulangi berkali-kali dalam penceritaan setiap satu daripada sembilan transaksi penerimaan wang daripada SP16 dan penyerahan oleh SP21 kepada tertuduh. Semua ini dikatakan menunjukkan penyataan bukanlah berasal daripada SP21 sendiri tetapi telah diajar oleh SPRM. Contoh yang diberikan termasuklah berikut:

(a) 'Saya ada menghubungi Tan Sri Isa bagi tujuan untuk sampaikan 'salam' Tan Sri Isa'. Ini dinyatakan di perenggan 30, 32, 36, 38, 40, 42 dan 44 PSSP21;

(b) 'Saya tidak tahu jumlah wang tersebut kerana saya tidak bertanyakan berapa jumlah wang tersebut dan Hj. Ikhwan juga tidak menyatakan kepada saya jumlah wang tersebut' dinyatakan di perenggan 26, 29, 31, 33, 37, 39, 41, 43 dan 45 PSSP21;

(c) 'Selang sehari dua saya menerima wang tersebut, saya telah menyerahkan wang tersebut kepada Tan Sri Isa' di perenggan 37, 41 dan 43 PSSP21; dan

(d) 'Tan Sri Isa mengarahkan saya untuk meletakkan wang tersebut di atas meja beliau. Kemudian saya keluar daripada biliknya' di perenggan 28, 29, 31, 33, 37, 39, 41 dan 43 PSSP21.

[613] Setelah meneliti keterangan SP21 dan keseluruhan keterangan pendakwaan, mahkamah setuju bahawa SP21 dengan jelas telah dalam soalan balas menafikan bahawa keterangan beliau adalah merupakan keterangan *cut and paste,* dan juga telah menerangkan semasa pemeriksaan semula bahawa keterangan merujuk kepada perkara yang sememangnya berlaku setiap kali penerimaan wang daripada SP16 dan penyerahan wang kepada tertuduh.

[614] Ini adalah munasabah kerana adalah menjadi kes pendakwaan bahawa jalan cerita dan corak permintaan oleh tertuduh, yang kemudiannya disampaikan kepada SP16 oleh SP21, penerimaan oleh SP21 wang-wang tersebut daripada SP16, dan penyerahan wang-wang tersebut kepada tertuduh oleh SP21 adalah serupa, berulangan dan tiada banyak perbezaan. Walaupun perkataan yang digunakan tepat kesamaannya, mahkamah terima keterangan SP21 bahawa penggunaannya adalah berdasarkan perkara yang berlaku, dan

sekiranya pun tidak seratus peratus tepat, kemungkinan penggunaan perkataan lain yang tidak material dan yang hampir serupa tidak mencacatkan kes pendakwaan sedikitpun.

(8) Keterangan SP21 berkaitan pindaan sembilan pertuduhan meragukan

[615] Pembelaan membuat hujahan bahawa pindaan yang dibuat terhadap tarikh-tarikh dalam sembilan pertuduhan suapan menunjukkan pendakwaan tidak pasti bila, bagaimana dan di mana wang dikatakan rasuah diberikan dan sekaligus mengakibatkan kebenaran perkara yang dinyatakan oleh SP21 diragui.

[616] Ada terdapat tiga keadaan. Pertama, tarikh yang dimaklumkan oleh SP21 kepada SPRM ketika siasatan dan direkodkan dalam rakaman percakapan oleh SPRM. Keduanya adalah tarikh yang dinyatakan dalam penyataan saksi yang dibaca oleh SP21 di mahkamah. Ketiganya pula adalah tarikh yang disebut oleh SP21 ketika menjawap soalan tambahan pendakwaan ketika dalam sesi pemeriksaan utama SP21 oleh pihak pendakwaan. Asas pindaan adalah keadaan ketiga ini. Seperti yang dinyatakan di awal penghakiman ini, pindaan telah dipohon oleh pendakwaan dan dibenarkan mahkamah di akhir pemeriksaan balas SP21.

[617] Pihak pembelaan menarik perhatian mahkamah bahawa dalam penyataan saksi SP21 (keadaan kedua) ada disebut kandungannya adalah berdasarkan seperti yang direkodkan semasa soal siasat oleh SPRM (keadaan pertama). SP21 sendiri ketika disoal pendakwaan mengesahkan kenyataan saksi beliau benar dan tidak perlu pindaan.

[618] SP21 dalam pemeriksaan balas berkata tarikh spesifik yang diberi dalam mahkamah (keadaan ketiga) telah diberitahu kepada SPRM ketika disoal siasat, tetapi tidak boleh memberi jawapan munasabah mengapa kenyataan rekod percakapan beliau kepada SPRM tidak boleh merujuk kepada tarikh-tarikh spesifik tersebut ketika rekod percakapan itu dibaca semula kepada SP21 untuk pembetulan dan pengesahan SP21 ketika dalam proses soal siasat di SPRM. Berdasarkan keterangan pegawai penyiasat (SP22) tarikh yang dinyatakan dalam sembilan pertuduhan asal adalah berdasarkan maklumat diberi SP21 semasa rakaman cakapan beliau diambil SPRM (keadaan pertama). Walau bagaimanapun dalam mahkamah SP21 memberi penukaran tarikh-tarikh kepada tempoh jangkamasa yang lebih besar (keadaan ketiga).

[619] Pembelaan berhujah tarikh baru tersebut (keadaan ketiga) disangsi kerana kejadian berlaku lebih enam tahun lalu. Bagaimana SP21 boleh mengingati tarikh-tarikh ini tanpa menyimpan sebarang rekod. Penjelasan

beliau hanyalah SP21 mahu memberitahu tarikh-tarikh tersebut kepada mahkamah. Tetapi kenyataan saksi beliau (keadaan kedua) juga adalah keterangan kepada mahkamah.

[620] Isu ini juga antara lainnya dijadikan asas oleh pembelaan untuk berhujah terdapat percanggahan keterangan diberi oleh SP21, seolah beliau mencuba memberi maklumat menyalahkan tertuduh dan menyelamatkan diri sendiri. Ini menjadikan keterangannya tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai. Walaupun SP21 kata tarikh diberi kepada SPRM (keadaan pertama) dan inilah panduan kepada kenyataan saksi (keadaan kedua), tiada tarikh spesifik tetapi anggaran tempoh yang dinyatakan dalam kenyataan saksi. Tambahan pula walaupun SP21 berkata tarikh pindaan baru (keadaan ketiga) adalah yang telah asalnya diberi kepada SP22 (keadaan pertama), keterangan SP22 pula lain, di mana SP22 mengesahkan kenyataan SP21 terdahulu adalah tarikh tuduhan asal dan bukannya tarikh tuduhan pindaan.

[621] Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan pembelaan. Atas beberapa sebab.

[622] Pertama, pertuduhan-pertuduhan pindaan hanya memanjangkan tempoh masa. Tetapi semua sembilan pertuduhan asal, yang tidak dibantah oleh pembelaan, juga merujuk kepada tempoh masa, bukannya tarikh-tarikh spesifik. Oleh itu, isu tertuduh diprejudis kerana butiran tidak lengkap atau spesifik tidak timbul.

[623] Tambahan pula, berdasarkan penyataan pembelaan yang disediakan oleh tertuduh di bawah s 62 ASPRM pembelaan tertuduh mengenai sembilan pertuduhan menerima suapan adalah penafian. Sekiranya tarikh-tarikh dalam pertuduhan asal dan juga dalam pertuduhan pindaan merupakan perkara material kepada pembelaan tertuduh, pihak pembelaan semestinya mengemukakan notis alibi tetapi ini tidak dilakukan. Mahkamah tidak menafikan hujahan pendakwaan bahawa ini menunjukkan pertuduhan pindaan (P3A hingga P11A) sudah tentunya difahami oleh tertuduh dan hak beliau untuk mengemukakan pembelaan yang efektif lanjutan daripada pindaan pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak diprejudiskan.

[624] Kedua, kenyataan saksi SP21 (PSSP21) yang dikemuka dan dibaca di mahkamah di bawah s 402B Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') juga tidak menyebut tarikh penerimaan suapan secara spesifik. Oleh itu pendakwaan bertanya soalan tambahan kepada SP21 yang mengesahkan beliau telah menerima suapan-suapan daripada SP16 dan selang dua tiga hari selepas menerimanya daripada SP16, SP21 telah menyerahkan suapan-suapan tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA. Pentingnya, SP21 jelas menyatakan beliau hanya mengingati anggaran tarikh

dan tidak mengingati tarikh spesifik yang tepat. Perkara berlaku enam tahun yang telah berlalu.

[625] Ketiganya, hanya setelah SP21 disoal balas oleh pembelaan mengenai tarikh-tarikh baru tersebut, pihak pendakwaan memohon pindaan dilakukan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mahkamah membenarkan ini di bawah s 158(1) KTJ, dan ini langsung menyaksikan setiap satu daripada sembilan pertuduhan pindaan (P3A hingga P11A) dibaca dan diterangkan kepada tertuduh selaras kehendak s 158(2) KTJ. Adalah ditekankan pihak pembelaan dalam sambungan prosiding sehari kemudian pula memaklumkan mahkamah bahawa tertuduh juga tidak bercadang mengguna pakai s 162 KTJ (seperti yang diingatkan oleh mahkamah) untuk memanggil semula mana-mana saksi yang telah dipanggil.

[626] Keempat, tiada peruntukan undang-undang yang menghendaki tarikh yang perlu dinyatakan di dalam suatu pertuduhan mesti dinyatakan secara spesifik, dan tiada larangan terhadap anggaran tempoh dinyatakan di dalam pertuduhan. Sebagai contoh, pertuduhan yang menyatakan tarikh dalam bentuk anggaran (seperti kes semasa) tidak dianggap cacat oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737. Penghakiman Abdul Hamid Mohamad FCJ (kemudiannya CJ) menyatakan seperti berikut:

> Even if it is proved that the incident did happen but if it is not proven 'when', in law, that is not sufficient. This is because the period during which the offence is alleged to have been committed is an essential part of the charge. It becomes even more important when the defence, as in this case, is that of alibi. The appellants must know when (usually it means the day or date, *but in this case the period from and including the month of January until and including the month of March 1993*) they are alleged to have committed the offence to enable them to put up the defence of alibi. (Penekanan ditambah.)

[627] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat perkara yang penting dalam konteks ini ialah sama ada tempoh dan jangkamasa tarikh yang dinyatakan dalam sembilan pertuduhan menidakkan kebolehan tertuduh mengemukakan pembelaan dan mendapat perbicaraan yang adil. Jawapan adalah tidak. Dapatan ini juga mengikut keputusan satu lagi penghakiman Mahkamah Persekutuan, kali ini dalam kes *Ku Lip See v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 194 di mana Mahkamah Persekutuan telah menyatakan berikut:

> With reference to question (1), we are constrained to observe that although the charge has not stated exactly when the offence was committed during the months of May and June 1978 it has nevertheless specifically defined the time and place sufficiently to enable the applicant to answer the charge. The applicant did not put

forward any alibi defence. It was in essence a complete denial of the prosecution case. The appellate judge quite rightly treated it as purely a question of fact.

[628] Tiada cacat pertuduhan-pertuduhan di bawah s 153 KTJ yang mensyaratkan setiap pertuduhan mengandungi butiran masa, tarikh, tempat, dan orang yang dituduh secara cukup sebagai notis kepada tertuduh mengenai pertuduhan terhadapnya.

[629] Kelima, SP21 menjelaskan ketika disoal balas bahawa beliau tidak, semasa membaca kenyataan saksi bertulis, memohon untuk meminda daripada anggaran seperti awal, pertengahan atau hujung bulan kepada anggaran tempoh bertarikh kerana mahu berbuat demikian apabila ditanya di mahkamah. Pentingnya ketika disoal semula, SP21 menyatakan tarikh-tarikh pindaan yang dinyatakan oleh beliau di mahkamah merujuk kepada tarikh suapan diserahkan oleh beliau kepada tertuduh daripada transaksi pertama hingga kesembilan adalah benar.

[630] Tambahan pula, SP21 disokong oleh SP22 yang mengesahkan tarikh-tarikh pindaan yang dibuat oleh SP21 telah sebelum ini diberitahu kepada SPRM dan direkodkan oleh SPRM. Begini soal balas SP22:

S: Mungkin kamu tidak faham. Kita ambil satu persatu. Kita ambil tuduhan kedua contoh. Kita lihat pertuduhan pindaan kedua dengan pertuduhan kedua yang asal. Kamu ada?

J: Ada.

S: Yang asal dia tulis 21 Julai dan 28 Julai 2014? Yang asal dahulu?

J: Betul.

S: *Yang asal ini ikut kata keterangan kamu ini adalah date yang diberikan oleh Zahid ketika SPRM rekodkan statement dia, betul?*

J: *Betul.*

S: Sekarang Zahid masuk Mahkamah, dia kata dekat Mahkamah tarikh yang dia sebut di dalam kenyataan kepada TPR adalah pertengahan ataupun awal ataupun hujung. Dia hendak pinda. Dia pinda kepada 15 Julai dan 30 Julai 2014, okay?

J: Okay.

S: So, obviously tarikh ini dengan tarikh ini berbeza?

J: Okay.

S: Zahid apabila saya tanya tarikh yang kamu dapat ini adakah tarikh yang sama kamu, saya tanya dekat dia adakah pada ketika kamu direkodkan statement dengan SPRM kamu ada catit tarikh, dia kata ada. Okay, kenapa kamu tidak bagi awal-awal kepada TPR? Tidak ditanya, fine. Then, sekarang saya kata tarikh itu sama atau tidak dengan tarikh yang kamu pinda sekarang? Sama. So, maknanya tarikh yang dia beri kepada SPRM awal-awal itu adalah 15 Julai, 30 Julai, bukan? Yang dipinda ini?

J: Okay.

S: Tiba-tiba sekarang ini kamu pula kata tarikh yang ada dekat rekod kamu adalah 21 Julai dan 28 Julai. So, itu bukankah berbeza itu?

J: *Okay Dato'. Masa peringkat kita ambil statement dia beberapa kali dahulu, inilah tarikh yang dapat seingatan dia, inilah tarikh dia.*

Mahkamah:

S: Yang mana?

J: *Yang first sebelum pinda. Kemudian sebelum kita buat witness statement dia, kita refresh. Dia baca balik statement yang dia bagi awal kepada SPRM. Then, bila dia baca balik statement itu dia dapati tarikh-tarikh ini sebab ini anggaran dia, anggaran tarikh dia, so dia membuat pindaan. Dia kata bukan tarikh ini tetapi tarikh yang dia bagi yang baru ini.*

Peguambela:

S: Tetapi itu kamu tidak boleh cakap bagi pihak dia sebab

TPR:

Yang Arif, tidak bolehlah cakap bagi pihak.

J: Saya explain.

TPR:

Macam ini sudah tanya kepada SP21. Selepas itu sekarang boleh kata tidak boleh tanya kepada dia pula. Macam mana?

Peguambela:

No, saya tidak tanya dia untuk dia jawab bagi pihak. Saya hendak tanya dia kenapa dia.

J: Itu fakta dia. Itu fakta dia kenapa saya tidak beritahu. Saya tidak mencadangkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk gunakan tarikh yang dipinda ini pada peringkat awal dulu. *Jadi, inilah tarikh pada peringkat awal dan bila kita refresh memori dia, dia baca balik keterangan dia sebab itu keterangan dia. Berkenaan dengan tarikh, dia dapati tarikh yang sebenar seingat dia yang dia bagi adalah yang telah dia bagi kepada Timbalan Pendakwa Raya.* (Penekanan ditambah.)

[631] Keterangan SP22 ini konsisten dengan pengesahan beliau bahawa SP21 telah meminda tarikh suapan ketika dalam siasatan yang selari dengan keterangan SP21 dalam kenyataan bertulis saksi dan keterangan lisan di mahkamah. SP22 sendiri tidak terlibat dalam proses penyediaan kenyataan bertulis saksi SP21 yang dikendalikan oleh pihak pendakwaan. SP22 juga tidak terlibat dengan proses pindaan pertuduhan tersebut. Mahkamah juga tidak boleh menafikan bahawa dalam setiap keadaan, seseorang saksi, seperti juga SP21 adalah berhak untuk memberi keterangan yang bergantung kepada ingatan saksi.

[632] Keenam, keterangan SP21 mengenai tempoh tarikh pindaan adalah sebahagian daripada keterangan saksi beliau. SP21 telah memberi keterangan

tambahan mengenai tarikh-tarikh suapan diserahkan kepada tertuduh lanjutan kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang dibuat di bawah s 402B(5)(e) KTJ. SP21 juga telah disoalbalas mengenai kenyataan saksi bertulis beliau (PSSP21) dan mengenai tarikh-tarikh suapan pindaan yang dinyatakan secara lisan.

[633] Semua keterangan SP21 ini dianggap *admissible* di bawah s 402B(1) KTJ. Ini mestilah dilihat dalam konteks beban pihak pendakwaan di bawah s 180 KTJ untuk mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai untuk membuktikan setiap elemen semua pertuduhan.

[634] Ketujuh, dakwaan bahawa SP21 telah menukar tarikh-tarikh suapan kepada tarikh-tarikh yang lebih besar tempoh untuk disesuaikan dengan pertuduhan pindaan setelah semakan dibuat ke atas diari Zuraida Ariffin, setiausaha pejabat tertuduh adalah tidak bermerit. Semakan rekod prosiding perbicaraan terutamanya segala keterangan yang diberi oleh SP21 dan SP22 jelas menunjukkan perkara ini tidak pernah diajukan kepada SP21 atau SP22. Tiada sebarang rujukan dibuat ke atas tarikh-tarikh dalam diari semasa SP21 disoalbalas.

[635] Juga tiada soalan diajukan kepada SP22 bahawa beliau telah merujuk diari yang mengandungi tarikh pergerakan harian tertuduh kepada SP21 dan SP21 telah menyedari tarikh-tarikh dalam pernyataan bertulis PSSP21 adalah salah dan kemudiannya SP21 telah memberitahu tarikh yang lebih besar untuk disesuaikan dengan pertuduhan setelah berbincang dengan SP22. Mahkamah ingin tekankan SP22 telah menjelaskan bahawa catitan yang dibuat oleh Zuraida Ariffin di dalam diari tersebut tidak membantu siasatan SPRM memandangkan ia bukanlah jadual keseluruhan tertuduh dan siasatan SP22 tidak bergantung dengan diari tersebut sahaja.

[636] Kelapan, hujahan pembelaan tentang percanggahan keterangan SP21 juga tidak membantu kes pembelaan. Mahkamah terima keterangan SP21 yang menjelaskan pada mulanya di hari pertama dan kedua ketika dalam reman selama lapan hari di SPRM beliau tidak melibatkan tertuduh tetapi sebaliknya beberapa hari kemudian ialah kerana SP21 gugup di peringkat awal dan kemudiannya bertindak untuk menceritakan perkara yang sebenarnya dan bukan kerana ditekan oleh SPRM.

[637] Kesembilan, dakwaan percanggah keterangan SP21 mengenai tarikh-tarikh suapan diterima juga telah dibincang. Ianya tidak bermerit. SP21 tidak pernah memberikan satu tarikh spesifik untuk setiap pertuduhan. Sebaliknya cuma anggaran tarikh-tarikh wang-wang diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh bersandarkan ingatan SP21. Ini konsisten sejak dari awal. Tiada juga percanggahan antara keterangan SP21 dan SP22 berkenaan isu

tarikh-tarikh suapan kerana SP22 telah sahkan tarikh-tarikh yang dinyatakan secara lisan di mahkamah telah pun dipinda oleh SP21 dan direkodkan dalam rakaman percakapan beliau kepada SPRM sebelum itu.

[638] Oleh yang demikian boleh dirumuskan keterangan SP21 tidak bercanggah dengan keterangan SP22 di mahkamah dan sememangnya saling menyokong antara satu sama lain berkenaan tarikh-tarikh wang suapan diserahkan kepada tertuduh. SP21 dan SP22 telah mengesahkan bahawa keterangan berhubung tarikh yang telah dipinda itu telah diberitahu kepada pihak SPRM sebelum ini. Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang SP21 membuat apa-apa tambahan keterangan secara lisan di mahkamah setelah isu yang sama ditanya oleh pihak pendakwaan lanjutan daripada keterangan SP21 dalam PSSP21.

[639] Perlu ditekankan SP21 tidak pernah pada bila-bila masa dalam PSSP21 atau dalam keterangan lisannya memberitahu set tarikh yang berbeza berhubung suapan yang telah diterima oleh OKT setelah menerimanya daripada SP16. Semuanya selari. Contohnya, mengenai pertuduhan suapan pertama dalam PSSP21 dinyatakan penerimaan wang oleh SP21 daripada SP16 adalah 'lebih kurang antara pertengahan hingga hujung bulan Julai 2014'. Dan serahan oleh SP21 kepada tertuduh pula adalah selalunya 'sehari dua' selepas itu. Menjawap soalan tambahan pendakwaan mengenai bila penyerahan dilakukan oleh SP21 kepada tertuduh, SP21 menjawab, 'tarikh yang tepat saya tak ingat, tetapi pertengahan hingga hujung Julai ni, antara 15 hingga 30 Julai ... 2014'.

[640] Perkara yang sama boleh dilihat dalam lapan pertuduhan suapan yang lain. Dengan lain perkataan SP21 cuma memberi anggaran tarikh tempoh untuk memberi lebih ketepatan kepada rujukan dalam kenyataan saksi PSSP21 yang hanya menyebut awal, pertengahan atau akhir bulan sahaja. Sebarang percanggahan jika adapun adalah tidak material langsung. Perlu dirujuk kes *Chean Siong Guat v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 63 di mana diputuskan:

> Discrepancies may, in my view, be found in any case for the simple reason that no two persons can describe the same thing in exactly the same way. Sometimes what may appear to be discrepancies are in reality different ways of describing the same thing, or it may happen that the witnesses who are describing the same thing might have seen it in different ways and at different times and that is how discrepancies are likely to arise. These discrepancies may either be minor or serious discrepancies.

[641] Adalah penting untuk mahkamah beri penekanan bahawa penilaian keterangan SP21 mengenai tarikh-tarikh suapan yang diterima tertuduh

mestilah diperiksa sama ada ia selari dengan lain-lain keterangan yang telah dikemukakan. Mahkamah rujuk kepada satu kes yang dikemukakan pihak pendakwaan yang relevan mengenai perkara ini. Ini dinyatakan dalam kes *Nordin B Atan & Hamsan Hamid v Public Prosecutor* [1999] MLJU 646; [2000] 5 CLJ 334 sepertimana berikut:

> After all the true test of whether to accept or reject the evidence of a witness is to consider consistency of the story itself, how it stands whilst under cross-examination and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case (see: *Bhojraj v Sitaram* [1936] AIR 60 PC cited in *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215). In short it is the probability or improbability of the story viewed in the light of the evidence of the case as a whole.

[642] Adalah juga menjadi dapatan mahkamah bahawa anggaran tempoh masa dalam semua pertuduhan suapan pindaan yang disahkan oleh SP21 tidak bertentangan dan sememangnya selari dengan tempoh masa yang sama seperti dalam keterangan SP16, SP17, SP18, termasuklah keterangan daripada Pegurus Cawangan Maybank Jelapang (SP11) yang menguruskan transaksi pengeluaran wang di cawangan itu selain daripada pertuduhan suapan pertama yang mana SP16 menggunakan wang beliau sendiri untuk diberikan kepada tertuduh melalui SP21.

(9) Pernyataan bertulis SP21 'Permintaan suapan daripada Hj Ikhwan bagi pihak Tan Sri Isa dan 'Arahan Tan Sri Isa kepada Zahid Md Arip berkenaan Suapan' ditekan-hitamkan ('bold') untuk menyalahkan tertuduh

[643] Pihak pembelaan mendakwa bahawa SP21, SPRM dan pihak pendakwaan mempunyai niat untuk menunjukkan kebersalahan tertuduh dengan menghitamkan (*bold*) tajuk utama iaitu 'Permintaan suapan daripada Haji Ikhwan bagi pihak Tan Sri Isa' dan 'Arahan Tan Sri Isa kepada Zahid Md Arip' dalam pernyataan bertulis SP21 di PSSP21.

[644] Mahkamah mendapati tiada merit dalam hujahan ini. Pertamanya pernyataan bertulis PSSP21 tidak melanggar mana-mana peruntukan s 402B(2), (5) dan (6) KTJ. SP21 juga telah disoalbalas mengenai PSSP21 dengan panjang lebar di mahkamah. Pegawai penyiasat (SP22) juga menjelaskan peranan beliau hanya memastikan SP21 hadir berjumpa Timbalan Pendakwa Raya bagi tujuan penyediaan pernyataan bertulis. Sebenarnya banyak lagi perkataan yang ditekan-hitamkan dalam PSSP21. Tetapi SP21 telah menjelaskan beliau dan bukan SPRM yang berkeputusan menekan-hitamkan (*bold*) semua tersebut. SP21 sendiri dalam soal balas menjelaskan beliau berbuat demikian bagi tujuan kefahaman dan untuk mengingatkan perkara yang penting pada SP21 sendiri, serta lebih kepada dialog-dialog yang diungkap oleh tertuduh, seperti 'kalau diaorang bagi

apa-apa nanti kau ambil lah', 'kirim salam tanya khabar' dan 'nah ambil sikit ni'. Bukan bertujuan untuk membayangkan kebersalahan atau *implicate* tertuduh.

[645] Mahkamah lagipun mendapati hujahan perkara ini dilakukan untuk *implicate* tertuduh dan untuk mengelirukan mahkamah adalah isu kecil memandangkan ianya tidak langsung berkebolehan mempengaruhi mahkamah yang membuat keputusan berdasarkan fakta dan keterangan serta berpandukan undang-undang sahaja.

(10) Permintaan suapan adalah kerana tertuduh memerlukan 'political fund' merupakan idea SP21 berdasarkan perbincangan SP21 dengan YB Datuk Patinggi Abang Johari Tun Abang Hj Openg, Timbalan Ketua Menteri Sarawak (ketika itu) untuk mendapatkan dana politik pilihanraya Sarawak

[646] Pihak pembelaan menyatakan keterangan SP21 kepada SP16 yang tertuduh memerlukan wang untuk tujuan dana politik adalah rekaan SP21 kerana SP21 menggunakan keterangan sama seperti apa yang Datuk Abang Johari nyatakan kepada mereka sewaktu pertemuan di rumah Datuk Abang Johari di Sarawak ketika SP21 mengikuti lawatan CEO FICSB ke Kuching. Pembelaan berkata tertuduh tidak memerlukan dana politik untuk tujuan pilihanraya kerana tiada pilihanraya yang bakal berlaku dalam masa terdekat. Datuk Abang Johari yang memerlukan dana politik bagi maksud pilihanraya Sarawak yang bakal diadakan pada ketika itu.

[647] Pendakwaan menyanggah, dengan menghujahkan keterangan SP21 dan SP16 jelas konsisten bahawa permintaan tertuduh untuk mendapatkan suapan daripada SP16 telah disampaikan oleh SP21 sendiri apabila berjumpa SP16 atas alasan meminta sumbangan 'political fund' untuk tertuduh. SP21 menolak cadangan peguam tertuduh bahawa Datuk Abang Johari ada bangkitkan isu mengenai 'political fund'. Perkara ini juga tidak dibangkitkan oleh pembelaan ketika menyoal balas CEO FICSB (SP15) ataupun SP16 walaupun mereka juga hadir di perjumpaan bersama Abang Johari.

[648] Seperti yang didapati sebelum ini, SP16 sendiri faham bahawa maksud 'political fund' ketika diminta oleh SP21 bagi pihak tertuduh, adalah bagi kegunaan tertuduh sendiri. Ketika itu iaitu pada permintaan yang pertama adalah ketika musim Hari Raya dan tertuduh pula berstatus Ahli Parlimen Jempol.

[649] Keterangan SP16 ketika diperiksa semula adalah relevan:

> S: Berkaitan tentang dana politik dimana kamu setuju dengan peguam bahawa Zahid Md Arip dia sebut dana politik dan bukan Tan Sri Isa yang cakap dan juga kamu setuju dengan peguam bahawa Zahid Md Arip dia tidak sebut upah, dia sebut

perkataan yang digunakan dana politik. Boleh kamu jelaskan kenapa pada kamu dana politik yang disebutkan oleh Zahid Md Arip itu sebenarnya adalah upah untuk Tan Sri Isa. Can you explain sebab kamu sudah jawab semasa disoal balas, sekarang saya minta kamu jelaskan sekali lagi, why to you dana politik itu sebenarnya adalah upah untuk Tan Sri Isa. Can you explain that?

J: To me when he said politic fund, my understanding is for personal use for Tan Sri and when Zahid Md Arip collected the money from me when I pass to him, bila dia serahkan wang tersebut kepada Tan Sri Isa so far there are no complaint to receive the money. To me Tan Sri Isa is public servant and being public servant is cross his line, as conflict as director and chairman of FIC and I put the money through Zahid Md Arip because Zahid Md Arip told me so.

[650] Tambahan pula, mengenai isu ini, adalah juga benar bahawa kerana tertuduh adalah ketika itu hanya Ahli Parlimen dan ketua bahagian tidak bermakna langsung tiada sebab untuk beliau membantu politik Sarawak. Bantuan boleh juga dilakukan dengan pelbagai urusan secara tidak langsung. Perlu ditekankan juga bahawa SP21 sendiri adalah pegawai khas tertuduh yang tanggungjawab kerja adalah berteraskan urusan politik tertuduh.

(11) Sama ada SP15, SP16, SP17 dan SP21 berkomplot untuk mendapatkan wang komisen hasil pembelian MPHS

[651] Pihak pembelaan juga telah membangkitkan isu bahawa dikatakan terdapat pakatan atau komplot antara SP15 (CEO FICSB), SP16, SP17 dan SP21 untuk mendapatkan wang bernilai RM3.09 juta dan akhirnya terpaksa *implicate* tertuduh apabila siasatan dilakukan SPRM.

[652] Hujahan ini menurut pihak pembelaan adalah berdasarkan pertimbangan seperti kesanggupan SP17 membantu SP16 seperti kenalan lama walaupun baru kali pertama berjumpa, kehadiran SP16, SP21, SP15 dan SP17 di lawatan ke Kuching dan makan bersama-sama Datuk Abang Johari, segala usaha SP21 membantu SP16 sedangkan mereka baru sahaja bertemu antara satu sama lain, SP16 dikatakan telah menipu Ahli Lembaga Pengarah GAPSB untuk memberikan wang RM10 juta sebagai komisyen kepada SP17, tiada komunikasi langsung antara SP16 dengan tertuduh berkenaan penerimaan wang berjumlah RM3 juta, wujud keterangan kesemua saksi-saksi tersebut cuba untuk menyembunyikan fakta yang dilihat berkait dengan komplot, pengakuan SP17 menerima wang RM1 juta daripada SP16 untuk peranan kecil iaitu memperkenalkan SP16 dengan SP21, dan keempat-empat mereka adalah saksi berkepentingan.

[653] Berdasarkan penilaian semua keterangan di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati dakwaan ini tidak berasas. Pertamanya, pertimbangan-pertimbangan telah pun diperiksa sebelum ini dan didapati tidak membantu kes tertuduh. Keduanya, pelbagai cadangan-cadangan yang

dilontarkan kepada saksi pendakwaan seperti SP15, SP16, SP17 dan SP21 tentang kewujudan dan penglibatan mereka dalam komplot menipu GAPSB dan FICSB dan membuat pula penganiyaan kepada tertuduh ditolak dan dinafikan secara tegasnya oleh semua saksi tersebut. Mahkamah perlu ingatkan bahawa segala cadangan tersebut adalah bukan keterangan melainkan dipersetujui oleh saksi yang disoal. Tiada persetujuan langsung dalam kes ini.

[654] Petikan daripada penghakiman Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 adalah amat relevan:

> A suggestion in cross-examination can only be indicative of the case put forward or the stand taken by the party on whose behalf the cross-examination is being conducted, but to no extent whatsoever can it be a substitute for evidence if it is clearly repudiated by the witness to whom it is made. In this regard, it was observed in *Emperor v Karimuddi Sheikh* AIR 1932 Cal 373:
>
> > Mere suggestions by a pleader or advocate for the accused do not amount to evidence by the fact either suggested, unless they are partly or wholly accepted of the witness for the prosecution.

[655] Ketiganya, pegawai penyiasat (SP22) juga jelas dan konsisten menyatakan tiada keterangan wujud komplot antara saksi-saksi tersebut dan keterangan hanya terhadap tertuduh yang menerima wang suapan, bukannya yang lain.

[656] Keempatnya, dakwaan pembelaan bahawa saksi-saksi pendakwaan tersebut adalah berkepentingan juga tidak dapat diterima. Undang-undang adalah mantap bahawa apabila saksi dapat ditunjukkan dalam keterangannya mempunyai kepentingan dan motif tertentu terhadap tertuduh, maka keterangan saksi berkepentingan itu seharusnya dinilai dengan berhati-hati dan perlu sokongan. Tetapi mahkamah juga mesti memberi ingatan bahawa hanya kerana mereka, iaitu saksi-saksi pendakwaan SP15, SP16, SP17 dan SP21 sememangnya terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pembelian MPHS semata-mata tanpa lainnya (*merely, without more*), ianya tidak boleh menjadikan mereka sebagai saksi berkepentingan. Juga harus ditekankan hanya kerana keterangan saksi pendakwaan tidak menyebelahi malah menunjukkan kemungkinan kebersalahan tertuduh tidak bermakna saksi tersebut berkepentingan. Ini sudah tentunya bukan sebahagian daripada sistem keadilan jenayah yang diamalkan di negara ini.

[657] Dalam konteks ini, mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa kes-kes yang dirujuk pihak pembelaan sebenarnya tidak membantu tertuduh. Saksi-saksi yang dipanggil pihak pendakwaan dalam kes tersebut telah dibuktikan melalui pemeriksaan balas mempunyai kepentingan dan motif tertentu terhadap tertuduh. Kes *Md Zailani bin Md Zain v Public*

Prosecutor [2018] MLJU 1563; [2018] MLRHU 1 umpamanya, Mahkamah Tinggi mendapati SP2 dalam kes itu adalah saksi berkepentingan kerana SP2 telah memerangkap perayu dengan meletakkan wang perangkap dalam bilik perayu, yang merupakan pegawai penyiasat yang menyiasat kes bunuh terhadap SP2.

[658] Dalam kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2012] 5 MLRA 333 pula, Mahkamah Persekutuan mengenepikan sabitan ke atas perayu setelah mendapati SP5 dalam kes itu iaitu kakak kepada si mati mengaku ketika disoalbalas beliau membenci perayu kerana kepercayaan bahawa perayu membunuh adiknya, walaupun SP5 tidak melihat pembunuhan itu. Alauddin Mohd Sheriff PCA menyatakan seperti berikut:

> [21] It is clear to us that from her testimony she was an interested witness with a grudge against the appellant and had a purpose of her own to serve. In our judgment her evidence must be treated with caution and requires corroboration.

[659] Dan dalam satu keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Pendakwa Raya v Arumugam a/l Muniandy & Ors* [2018] MLJU 374; [2018] MLRAU 1 keterangan SP4 ditolak bukan atas sebab beliau merupakan saksi berkepentingan iaitu isteri kepada simati tetapi kerana terdapat percanggahan material mengenai identiti individu-individu yang disyaki. Mohd Zawawi Salleh JCA (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> [16] In our view, the mere fact that PW4 is the widow/wife of the deceased would not by itself be sufficient to discard her testimony straight away unless it is proved that her evidence suffers with serious infirmities which raises considerable doubt in the mind of the court ...
>
> ...
>
> [22] We have scrutinised PW4's evidence carefully and we were in full agreement with the findings of the learned trial judge that PW4 had contradicted herself on the fundamental aspects of the evidence linking the respondents to the crime.

[660] Dengan lain perkataan pembelaan mestilah memberikan satu asas yang membolehkan mahkamah membuat pertimbangan sama ada terdapat kepentingan dalam mana-mana saksi pihak pendakwaan. Dalam kes ini, ianya tidak boleh bersandarkan kepada penglibatan saksi-saksi tersebut dalam pembelian MPHS semata-mata atau hanya kerana mereka memberi keterangan yang tidak menyebelahi tertuduh.

[661] Oleh yang demikian, mahkamah merumuskan teori yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan bahawa wang suapan sebenarnya dikeluarkan atas rancangan konspirasi oleh SP15, SP17, SP16 dan SP21 atas dasar keperluan untuk 'political funds' yang sebenarnya diseleweng oleh mereka yang berkomplot dan menjadikan tertuduh sebagai mangsa adalah tidak bermerit.

[662] Mengapa pula perlu untuk SP16 menyerahkan RM3 juta kepada SP21 yang hanya merupakan pegawai khas tertuduh dan tidak mempunyai sebarang kuasa dalam proses pembelian MPHS daripada GAPSB oleh FICSB, termasuk dalam aspek rundingan, kelulusan dan pembayaran.

[663] Mahkamah tidak terima naratif ini. Tiada keterangan yang membayangkan perkara ini sebenarnya telah berlaku. Tiada sebab munasabah untuk SP17 dan SP16 sebagai ahli perniagaan yang beroleh manfaat daripada persetujuan dan kelulusan FICSB atas pembelian MPHS daripada GAPSB untuk merancang menipu dan menganiaya tertuduh pula.

[664] Tambahan pula sumber wang suapan tersebut adalah boleh dikatakan daripada bayaran pembelian MPHS oleh FICSB kepada GAPSB. Ini adalah kerana punca daripada wang bayaran kepada GAPSB itulah yang membolehkan SP16 membayar komisen JVESB seperti yang dijanjikan berdasarkan peranan JVESB sebagai agen. Dan SP17 juga telah bersetuju untuk menerima hanya sebanyak RM1 juta komisen sahaja dan yang selebihnya 'dipulangkan' kembali kepada SP16. Bahagian yang perlu dipulangkan inilah yang diarah oleh SP16 pengeluarannya secara tunai oleh SP17 dan diserahkan kepada SP16 dan kemudiannya diterima tertuduh melalui SP21 yang menyumbang kepada jumlah keseluruhan RM3 juta dalam lapan pertuduhan terhadap tertuduh tersebut (wang bagi pertuduhan suapan pertama adalah dari sumber SP16 sendiri).

(12) Kredibiliti SP16 diragui

[665] Dakwaan bahawa kredibiliti SP16 tercabar juga kurang asasnya. Keterangan beliau kukuh ketika disoal balas dan alasan terdapat percanggahan ketika SP16 menjawap isu yang ditimbulkan peguam tertuduh iaitu mengenai perletakan jawatannya sebagai Pengarah Urusan GAPSB, persoalan tentang bagaimana SP16 mengetahui sebab penolakan oleh FICSB berhubung cadangan pembelian dan pengambilalihan MPHS adalah atas alasan harga yang tinggi yang ditawarkan jika tidak ada orang dalam yang memberitahu beliau, kegagalan SP16 membawa dan menunjukkan dokumen tentang usahanya mencari pelabur lain kepada mahkamah menunjukkan kesungguhan SP16 untuk merealisasikan pembelian oleh FICSB sepertimana yang dirancang, telah semuanya dijawap oleh SP16 dengan munasabah dan konsisten dengan keseluruhan keterangan kes.

[666] Juga, bersandarkan keterangan SP16 dan SP17 berkenaan wang komisyen, tiada langsung percanggahan dengan perjanjian antara GAPSB dan JVESB (P262) ini adalah perjanjian awal antara SP16 dan SP17. Tetapi sudah ditunjukkan bahawa menerusi perbincangan yang lanjut, kedua-dua mereka bersetuju akhirnya hanya jumlah RM1 juta yang perlu dibayar kepada SP17

sebagai agen, dan yang lebihnya dipulangkan kepada SP16. A

(13) Kredibiliti SP21 diragui

[667] Ini adalah antara hujah utama pihak pembelaan. Tidak boleh dinafikan kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP21. Beliau yang menerima wang suapan daripada SP16 dan beliau yang menyampaikan wang tersebut, sembilan kali dengan jumlah keseluruhan RM3.09 juta, kepada tertuduh. Kebolehpercayaan keterangan beliau dipertikaikan oleh tertuduh. Antara lainnya, penglibatan dalam cadangan pembelian MPHS, tindakan beliau meminda tempoh tarikh dalam sembilan pertuduhan, peranan beliau meminta wang bagi pihak tertuduh yang didakwa diarah oleh tertuduh, penyerahan wang kepada tertuduh, perjumpaan beliau dengan SP16 semuanya dipertikaikan. B C

[668] Semua ini sudah mahkamah teliti, seperti di atas. SP21 juga dituduh sebagai seorang saksi yang berkepentingan kerana wang tersebut adalah untuk SP21 sebenarnya. Demikian hujahan pihak pembelaan. D

[669] Setelah meneliti keseluruhan keterangan kes, mahkamah tidak dapat terima hujahan ini. Jika benar pun beliau berkepentingan (tetapi tidak benar), tidak bermakna keterangan SP21 tidak boleh dipercayai. Sebab musabab mesti dikemukakan berdasarkan keterangan yang bertentangan dan keadaan sekeliling. Seperti yang telah dianalisa dengan panjang lebar sebelum ini, sebab-sebab yang dibangkitkan untuk mencabar *credibility* SP21 tidak bermerit dan tiada keterangan yang menyokong sebab-sebab tersebut. E F

[670] Mahkamah ini telah menggariskan prinsip yang perlu dipatuhi apabila berdepan isu *credibility* saksi dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 seperti berikut: G

> [2547] The defence raises the argument, again, that the evidence from Ung Su Ling (PW49) should be discarded on the basis that it is not credible. There is little substance to this repeat argument. I should emphasise that in the first place even if a witness is an interested witness, the law is settled in that there is no legal presumption that an interested witness should not be believed. In this case, PW49 is entitled to credence unless reasons for disbelief can be proffered arising from evidence to the contrary and the surrounding circumstances (see *Public Prosecutor v Yap Boon Chang* [1992] 2 CLJ 1257; [1992] 3 CLJ Rep 454. In fact and law, a witness is also not disentitled from credence even if his status is of a convict who had served a term of imprisonment, unless there are valid reasons for disbelief (see *Public Prosecutor v Jowy Manjoro* [2007] 6 MLJ 342; [2004] 1 LNS 724). H I
>
> [2548] Fundamentally, on the authority of the case-law on this subject, such as the Court of Appeal decision in *Sabarudin Non v Public Prosecutor & Other Appeals* [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 CLJ 466, in undertaking its judicial duty to ascertain the reliability and credibility of the witnesses, the court should first

A determine whether there is any material contradiction in the evidence given by the witness; secondly, identify whether there is any material contradiction between that witness' evidence and that of other witnesses; and thirdly, test the entirety of the witness' evidence against the probabilities of the case.

B [2549] In appreciating the evidence of a witness, the approach of the court is first to analyse whether the evidence of witness as a whole is reliable or has a ring of truth in it. If that impression passes muster, is formed, the court will scrutinise the evidence and consider any deficiencies or infirmities.

C [2550] A finding that the witness gives a testimony which contains differences in material respects is a ground for making him an untruthful witness (see *Mohamed Kasdi v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 135; [1968] 1 LNS 78). Nonetheless, discrepancies do not automatically make the whole of his evidence unacceptable (see *Seelan Muthaven v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 640). However, discrepancies on trivial matters which do not touch let alone interfere with the core of the case should be disregarded (see *Public Prosecutor v Nagathevan Manoharan & Ors* [2009] 7 MLJ 464; [2008] 1 LNS 615; [2009] 1 AMR 117).

D [2551] Having re-evaluated the matter in the context of the entirety of the evidence in this trial, I again find no reason to disbelieve the testimony of PW49.

E **[671]** Mahkamah juga merujuk kepada penghakiman Mahkamah Persekutuan yang mengikat mahkamah ini, iaitu dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145 di mana Arifin Zakaria CJ menekankan undang-undang yang terpakai seperti berikut:

F [49] So, was PW1 credible? First the law. In *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, Haidar Mohd Noor FCJ (as he then was), quoted the decision of the trial judge in that case with approval and reiterated the test for either accepting or rejecting the evidence of a witness, as follows:

G > The Privy Council has stated that the real tests for either accepting or rejecting the evidence of a witness are how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case (see: *Bhojraj v Sitaram* AIR [1936] PC 60). It must, however, be observed that being unshaken in cross-examination is not *per se* an all-sufficient acid test of credibility. The inherent probability of a fact in
H > issue must be the prime consideration (see: *Muniandy & Ors v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 257; [1966] 1 LNS 110). It has been held that if a witness demonstrably tells lies, his evidence must be looked upon with suspicion and treated with caution, but to say that it should be entirely rejected would be to go too far (see: *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105; [1961]
I > 1 LNS 41). It has also been held that discrepancies and contradictions there will always be in a case. In considering them, what the court has to decide is whether they are of such a nature as to discredit the witness entirely and render the whole of his evidence worthless and untrustworthy (see: *De Silva v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 81; [1964] 1 LNS 32). The Indian Supreme Court has pointed out that one hardly comes across a witness whose evidence does not

contain a grain of untruth or at any rate exaggerations, embroideries or embellishments (see: *Ugar v State of Bihar* AIR [1965] SC 277). It is useful to refer to *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 where Raja Azlan Shah FJ (as His Highness then was) said at p 19:

> ... In my opinion, the discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. The question is whether existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other.

In the absence of any contradiction, however, and in the absence of any element of inherent improbability, the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted (see: *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257; [1962] 1 LNS 99) ...

[672] Mahkamah juga ingin rujuk kepada keterangan SP21 seperti yang disebut sebelum ini dalam kes pendakwaan, SP21 juga diberi wang sebanyak RM10 ribu, RM20 ribu dan RM50 ribu daripada tertuduh yang dianggap SP21 sebagai saguhati, dua tiga hari selepas ada di antara wang suapan diserahkan kepada tertuduh, disebabkan SP21 telah menolong ambil wang-wang tersebut daripada SP16. Keterangan ini tidak pula secara spesifiknya dicabar oleh tertuduh semasa peringkat pendakwaan mahupun disentuh semasa tertuduh sendiri memberi keterangan di peringkat pembelaan.

[673] Setelah membuat penelitian rapi dan mengguna pendekatan yang dinyatakan dalam kes-kes yang dirujuk di atas, mahkamah pertamanya mendapati keterangan SP21 ada asas kebenaran atau 'ring of truth'. Keduanya tiada percanggahan material dalam keterangan beliau. Ketiganya tiada juga percanggahan antara keterangan SP21 dengan keterangan saksi pendakwaan lain. Seperti yang dirungkai sebelum ini, keterangan SP21 adalah keseluruhannya amat konsisten dengan keterangan SP16. Dan keempatnya keseluruhan keterangan SP21 juga selari dengan kebarangkalian (*inherent probabilities*) kes ini. Oleh yang demikian tiada asas untuk mahkamah membuat dapatan bahawa kredibiliti SP21 adalah dipersoalkan atau keterangan beliau tidak patut dipercayai dan harus ditolak oleh mahkamah ini.

(14) Naratif alternatif pembelaan — Wang diambil oleh SP21 untuk sendiri

[674] Oleh yang demikian, seperti hujahan pihak pembelaan sebelumnya, kemungkinan SP21 mengambil wang suapan tersebut untuk diri sendiri dan tidak diserahkan kepada tertuduh juga telah diteliti. Tetapi mahkamah

menolak andaian ini kerana tiada asas kepada teori ini. SP21 sendiri adalah pegawai khas tertuduh. Beliau berkhidmat di bawah arahan tertuduh sebagai Pengerusi FELDA. Tiada juga keterangan SP21 yang berkhidmat dengan tertuduh mempunyai motif untuk menyalahgunakan kedudukan tertuduh bagi meminta suapan daripada SP16 untuk diri SP21 sendiri.

[675] Tiada asas untuk mengandaikan beliau menyalah guna kedudukan beliau untuk memperdayakan SP16 dan tertuduh sendiri. Lebih-lebih lagi beliau tidak terlibat secara langsung dengan proses pembelian MPHS selain daripada mengikuti lawatan ke Kuching dan berdasarkan apa-apa yang diberitahu secara selektif kepada beliau seperti oleh SP16 apabila SP16 memerlukan bantuan (umpamanya bayaran daripada FICSB) atau tertuduh sendiri.

Dapatan mengenai elemen pertama kesalahan penerimaan suapan dalam sembilan pertuduhan

[676] Oleh yang demikian, berdasarkan penilaian maksimum terhadap keterangan yang boleh dipercayai yang telah dikemukakan dalam kes pendakwaan, dan atas sebab-sebab yang dibincang di atas secara panjang lebar, mahkamah berpuas hati elemen atau inti pati pertama kesalahan penerimaan suapan di bawah s 16(a)(A) ASPRM, iaitu penerimaan wang suapan oleh tertuduh yang diberi oleh SP16 melalui SP21, seperti yang diperincikan dalan setiap satu daripada sembilan pertuduhan itu, telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen kedua dan ketiga — Pemakaian anggapan statutori di bawah s 50(1) ASPRM

[677] Telah disebut sebelum ini bahawa elemen-elemen atau inti pati lain kesalahan di bawah s 16(a)(A) yang mesti juga dibuktikan pihak pendakwaan adalah sama ada penerimaan wang suapan oleh tertuduh dalam sembilan pertuduhan tersebut adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah kepada tertuduh atas penglibatan tertuduh meluluskan pembelian MPHS.

[678] Walau bagaimanapun, di peringkat akhir kes pendakwaan ini, undang-undang memperuntukkan bahawa pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa penerimaan wang oleh tertuduh dalam sembilan pertuduhan di bawah s 16 ASPRM adalah dibuat secara rasuah dan ianya diterima atas dasar bantuan penglibatan beliau dalam memberi kelulusan kepada pembelian MPHS daripada GAPSB kerana pendakwaan telah pun berjaya membuktikan elemen atau inti pati lain iaitu penerimaan wang suapan oleh tertuduh daripada pemberinya SP16, melalui SP21, seperti dalam sembilan pertuduhan tersebut.

[679] Peruntukan undang-undang tersebut adalah s 50(1) ASPRM yang mengariskan seperti berikut:

> 50 Anggapan dalam kesalahan tertentu
>
> (1) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas *sesuatu kesalahan di bawah seksyen 16*, 17, 18, 20, 21, 22 atau 23 adalah *dibuktikan bahawa apa-apa suapan telah diterima* atau dipersetujui untuk diterima, disetuju terima atau dipersetujui untuk disetuju terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan, atau ditawarkan oleh atau kepada tertuduh, *suapan itu hendaklah dianggap telah diterima* atau dipersetujui untuk diterima, disetuju terima atau dipersetujui untuk disetuju terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan atau ditawarkan *secara rasuah sebagai* suatu dorongan *atau upah bagi atau kerana perkara-perkara yang dinyatakan dalam butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.* (Penekanan ditambah.)

[680] Secara asasnya, s 50(1) memperuntukkan bahawa sekiranya elemen atau inti pati penerimaan wang oleh tertuduh daripada SP16 telah dapat dibuktikan, undang-undang menganggap, melainkan dibuktikan sebaliknya dengan cara mematahkan anggapan tersebut, penerimaan tersebut dilakukan secara rasuah sebagai upah dan juga upah itu diterima atas tindakan tertuduh membantu meluluskan pembelian MPHS.

[681] Oleh kerana, seperti yang mahkamah dapati sebelum ini, pihak pendakwaan telah pada peringkat akhir kes pendakwaan berjaya membuktikan penerimaan wang suapan oleh tertuduh dalam sembilan transaksi berjumlah RM3.09 juta daripada SP16 (melalui perantara SP21), undang-undang dalam s 50(1) ASPRM telah diaktifkan dengan penggunaan anggapan tersebut, di mana elemen atau inti pati penerimaan tersebut telah dianggap dibuat secara rasuah dan penerimaan upah itu disebabkan oleh bantuan kelulusan MPHS oleh tertuduh.

[682] Nas undang-undang pemakaian anggapan undang-undang di bawah s 50(1) ASPRM ini sudah mantap. Ianya juga tidak kurang melibatkan kes-kes rasuah yang berasaskan anggapan yang sama tetapi yang termaktub di bawah undang-undang statut rasuah yang telah pun mansuh, seperti s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961 dan s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997.

[683] Kes utama yang juga dijadikan duluan atau *precedent* dalam anggapan statutori selain daripada undang-undang rasuah adalah keputusan Privy Council berkenaan rayuan dari Malaysia sendiri, iaitu *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 yang melibatkan anggapan di bawah s 14 Akta Pencegahan Rasuah 1997, di mana Lord Diplock menyatakan:

> Where a defendant is charged with an offence under s 4(a) of the Prevention of Corruption Act 1961, to which s 14 also applied, the onus lies upon the prosecution to prove the first two factual ingredients of the offence viz (1) that a gratification was paid or given to or received by the defendant and (2) that at the time of the payment, gift or receipt he was in the employment of a public body. Upon proof of these two ingredients the existence of the third ingredient, viz (3) that the gratification was paid or given or received corruptly as an inducement or reward for doing or forbearing to do an act in relation to the affairs of that public body, is to be presumed 'unless the contrary is proved'.

[684] Anggapan di bawah s 50(1) ASPRM ini jelas terpakai apabila fakta penyerahan dan terutamanya untuk kes semasa, penerimaan suapan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Ini diputuskan oleh Sharma J dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143b yang juga menyatakan anggapan itu mesti diaktifkan, seperti berikut:

> ... Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act 'Such gratification *shall be deemed* to have been paid of given or received corruptly ...'. This presumption is a presumption of law and it is obligatory on the court to raise it in every proceeding for an offence under ss 3 or 4 of the Act provided it is proved that the gratification had been paid, given or received. The prosecution has not to establish anything more than the payment of money (see *State of Madrs v Vaidyanatha Iyer* and *Emden v State of Uttar Pradesh*). It then becomes the duty of the accused to disprove what s 14 begins to presume against him.

[685] Dalam kes *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 pula, Mahkamah Agung juga mengikut *Public Prosecutor v Yuvaraj* dan memutuskan seperti berikut:

> In the instant case, once it was proved that the money RM15,000 had been given to or received by the accused, the presumption under s 14 of the Prevention of Corruption Act 1961 arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case, and it was for the accused to give an innocent explanation which the court considered more likely than not that it was true, ie on balance of probabilities, the test applied in civil proceedings: *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (PC).

[686] Dan dalam satu keputusan yang lebih baru, Mahkamah Rayuan dalam kes *Noordin bin Sadakathullah & Ors v Public Prosecutor* [2018] MLJU 1721; [2019] 1 CLJ 748 menerangkan elemen-elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan di bawah s 17(a) ASPRM 2009 (yang berkenaan dengan kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen) sebelum anggapan di bawah s 50(1) terpakai untuk kesalahan tersebut seperti berikut:

[22] ... As a convenient starting point, it ought to be emphasised that by virtue of s 50 of Act 694, in a proceeding against a person for an offence under sub-s 17(a) thereof, where it is proved that a gratification has been obtained, the gratification shall be presumed to have been corruptly obtained as an inducement for or on account of the matters set out in the particulars of the offence, unless the contrary is proved. It is necessary to mention that s 50 of Act 694 has been reproduced above in a redacted fashion so as to show only the provisions relevant to the appeal herein.

[23] The learned trial judge correctly stated the law for an offence under sub-s 17(a) of Act 694 to be proved, two elements need to be established before the presumption under s 50 thereof could be invoked. These are:

(a) the appellants were the agents of the Government of Malaysia;and

(b) the appellants obtained the gratification for themselves from PS7 and PW11.

[24] Once these two elements have been proved, the third element of the offence *viz*, the gratification was corruptly obtained as an inducement for or on account of the matters set out in the charge shall be assumed unless the contrary is proved. The first two elements have been proved by the prosecution. In fact, the learned trial judge found that this evidence was not disputed. The burden to rebut the presumption of this existence of the third element thus shifts to the appellants. They have to prove the third element does not exist. The words 'unless the contrary is proved' appearing in s 50 of Act 694 requires the appellants to show on the balance of probabilities that the fact as alleged in the charge does not exist. This is the trite and settled principle of law laid down by the Privy Council in the seminal case of *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TERHADAP PERTUDUHAN-PERTUDUHAN PENERIMAAN WANG SUAPAN DI BAWAH S 16(A)(A) ASPRM DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[687] Seperti dinyatakan mahkamah pada awal penghakiman ini, persoalan penting di akhir kes pendakwaan disebut dalam kes-kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Balachandran v Public Prosecutor* dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* ialah sama ada terdapat cukup keterangan untuk mensabitkan tertuduh sekiranya beliau membuat pilihan untuk berdiam diri. Sekiranya jawapannya benar, kes prima facie telah berjaya ditunjukkan. Sekiranya tidak pula, tiada kes prima facie dan tertuduh mesti dibebaskan. Dalam penilaian tersebut mahkamah juga perlu meneliti sekiranya ada inferens munasabah yang perlu diambil kira dan mesti memilih inferens yang menyebelahi tertuduh sekiranya terdapat inferens yang bertentangan dalam sesuatu keterangan.

[688] Setelah membuat penilaian maksimum terhadap semua keterangan di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai (*credible*) untuk

membuktikan setiap inti pati atau elemen dalam setiap satu daripada sembilan pertuduhan (pertuduhan pindaan kedua hingga pertuduhan pindaan kesepuluh) kesalahan di bawah s 16(a)(A) ASPRM, yang mana jika tidak disangkal atau dijelaskan, mengakibatkan sabitan kepada tertuduh. Bagi semua pertuduhan juga anggapan statutori di bawah s 50(1) ASPRM adalah dibangkitkan dan terpakai terhadap tertuduh. Kes prima facie ke atas tertuduh di atas semua sembilan pertuduhan tersebut telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[689] Oleh yang demikian mahkamah memerintahkan tertuduh untuk membela diri atas sembilan pertuduhan di bawah s 16 APSRM. Beliau ada tiga pilihan. Tertuduh mesti buat satu pilihan. Pertama tertuduh boleh pilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kotak saksi dan boleh disoal balas. Kedua tertuduh boleh memilih membuat kenyataan daripada kandang tertuduh dan tidak boleh disoal balas. Atau ketiganya tertuduh boleh memilih untuk berdiam diri yang mesti bermakna mahkamah tiada pilihan selain mendapati sabitan terhadap semua pertuduhan.

KES PEMBELAAN

Tanggungjawab mahkamah di akhir perbicaraan

[690] Di akhir kes pendakwaan mahkamah mengumumkan dapatan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap sembilan tuduhan rasuah di bawah s 16 ASPRM, dan memerintahkan tertuduh membela diri terhadap semua pertuduhan tersebut.

[691] Tanggungjawab mahkamah di akhir kes pembelaan dan perbicaraan pula dinyatakan dalam s 182A KTJ di mana mahkamah mestilah mengambil kira dan meneliti semua keterangan yang dikemukakan di mahkamah untuk membuat keputusan sama-ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah.

[692] Mahkamah Rayuan dalam kes *Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392, di dalam penghakiman Azahar Mohamed JCA (sekarang CJM) membuat kenyataan penting berikut:

> In accordance with the provisions of s 182A (1) of the Criminal Procedure Code, it is the bounden duty of the learned JC, at the conclusion of the trial, to consider all the evidence adduced before him and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The legislature has advisedly used the term all the evidence. The emphasis must be on the word all.

[693] Tambahan pula, proses yang sepatutnya dipatuhi oleh mahkamah bicara dalam penilaian dan penelitian keterangan oleh pihak pembelaan adalah

seperti yang dijelaskan dalam penghakiman oleh Suffian J (pada ketika itu) dalam kes yang menjadi duluan penting dalam undang-undang prosedur jenayah negara iaitu *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263, di mana telah diputuskan seperti berikut:

> The position may be conveniently stated as follows:
>
> (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt — Convict.
>
> (b) If you accept or believe the accused's explanation — Acquit.
>
> (c) If you do not accept or believe the accused's explanation — Do not convict but consider the next steps below.
>
> (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt — Convict.
>
> (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt — Acquit.

[694] Pendekatan yang digariskan dalam kes *Mat v Public Prosecutor* ini telah dipersetujui oleh Mahkamah Persekutuan, seperti dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, sebagai yang betul untuk diikuti dalam proses penilaian keterangan pembelaan.

[695] Adalah juga penting untuk ditekankan bahawa sekiranya terdapat anggapan statutori telah ditimbulkan, seperti yang berlaku dalam kes semasa, adalah bagi tertuduh untuk menyangkal anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian untuk mendapat kebebasan. Ini berdasarkan *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89, satu keputusan penting Privy Council yang telah dirujuk sebelum ini.

[696] Persoalan utama sekarang, dalam kes semasa, adalah sama ada tertuduh, dengan keterangan-keterangan saksi pembelaan — dengan mengambil kira keseluruhan keterangan dalam perbicaraan ini, berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s 50(1) ASPRM bahawa penerimaan tersebut dilakukan secara rasuah sebagai upah atas tindakan tertuduh membantu meluluskan pembelian MPHS.

[697] Perlu ditekankan bahawa implikasi penting akibat pemakaian anggapan s 50(1) selain mengecualikan pihak pendakwaan membuktikan elemen penerimaan upah secara rasuah dan penerimaan disebabkan penglibatan bantuan tertuduh dalam kelulusan pembelian MPHS ialah anggapan tersebut terus terpakai melainkan pihak pembelaan boleh membuktikan sebaliknya. Ini yang tertuduh perlu tunjukkan dalam pembelaannya.

[698] Privy Council dalam kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* terdahulunya telah menerangkan beban terletak di atas tertuduh untuk membuktikan sebaliknya berdasarkan imbangan kebarangkalian, seperti berikut:

> Generally speaking, no onus lies upon a defendant in criminal proceedings to prove or disprove any fact: it is sufficient for his acquittal if any of the facts which if they existed would constititute the offence with which he is charged are 'not proved'. But exceptionally, as in the present case, an enactment creating an offence expressly provides that if other facts are proved, a particular fact, the existence of which is a necessary factual ingredient of the offence, shall be presumed or deemed to exist 'unless the contrary is proved'. In such a case the consequence of finding that that particular fact is 'disproved' will be an acquittal, whereas the absence of such a finding will have the consequence of a conviction. Where this is the consequence of a fact's being 'disproved' there can be no grounds in public policy for requiring that exceptional degree of certainty as excludes all reasonable doubt that that fact does not exist. In their Lordships' opinion the general rule applies in such a case and it is sufficient if the court considers that upon the evidence before it it is more likely than not that the fact does not exist. The test is the same as that applied in civil proceedings: the balance of probabilities. This was the test which was approved by the Court of Criminal Appeal in *R v Carr-Briant* [1943] KB 607 a case upon a provision in an English statute in similar terms to that contained in s 14 of the Malaysian Prevention of Corruption Act 1961. For the reasons already indicated their Lordships do not think that, at any rate where such a provision is contained in an enactment, the definitions of 'proved' and 'disproved' contained in the Evidence Ordinance make any difference between Malaysian law and English law in this respect.

[699] Perkara serupa ditekankan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Noordin bin Sadakathullah & Ors v Public Prosecutor* yang dirujuk di atas seperti berikut:

> [24] Once these two elements have been proved, the third element of the offence viz, the gratification was corruptly obtained as an inducement for or on account of the matters set out in the charge shall be assumed unless the contrary is proved. The first two elements have been proved by the prosecution. In fact, the learned trial judge found that this evidence was not disputed. The burden to rebut the presumption of this existence of the third element thus shifts to the appellants. They have to prove the third element does not exist. The words 'unless the contrary is proved' appearing in s 50 of Act 694 requires the appellants to show on the balance of probabilities that the fact as alleged in the charge does not exist. This is the trite and settled principle of law laid down by the Privy Council in the seminal case of *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116. Lord Diplock there lucidly stated:
>
> > In Their Lordships' opinion the general rule applies in such a case and it is sufficient if the court considers that upon the evidence before it, it is more likely than not that the fact does not exist. The test is the same as that applied in civil proceedings: the balance of probabilities.

[700] Selanjutnya, bagaimana penyangkalan anggapan atas imbangan kebarangkalian boleh dilaksanakan telah juga dijelaskan dalam kes-kes yang dirujuk di atas. Dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* Sharma J menyebut bahawa beban kepada tertuduh untuk menyangkal anggapan di bawah s 14 Akta Pencegah Rasuah 1961 adalah dengan mengemukakan keterangan yang secara munasabah boleh dipercayai sebagai benar seperti berikut:

> ... The prosecution has not to establish anything more that the payment of money (See *State of Madras v VaidyanathaIyer and Emden v State of Uttar Pradesh*). It then becomes the duty of the accused to disprove what section 14 begins to presume against him. For what is the degree of proof required of the accused see *Rex v Carr-Briant, Saminathan v Public Prosecutor* and *Otto George Gfella v The King*. The presumption cannot be said to have been rebutted without sufficient evidence, ie such evidence as is reasonably sufficient to invite belief in its probable truthfullness. ... the presumption comes into operation only when the factum of payment is proved as it was to the satisfaction of the learned president in this case. If payment is not proved the presumption does not arise and consequently there is nothing which the accused is required to prove to the contrary.

[701] Tambahan pula, Mahkamah Agung dalam kes *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* memutuskan bagi tujuan menyangkal anggapan undang-undang di bawah s 50(1) ASPRM tertuduh mesti memberikan penjelasan yang jujur supaya mahkamah dapat menimbangkan atas imbangan kebarangkalian bahawa bahawa penjelasan jujur yang dikemukakan tertuduh berkemungkinan benar. Petikan penghakimannya adalah seperti berikut:

> In any event, in the instant case, once it is proved that the money RM15,000 had been given to or received by the accused the presumption under s 14 of the Act arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case. It was then for the accused to give an innocent explanation which the court considered more likely than not that it was true, ie on a balance of probabilities, the test applied in civil proceedings: *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (PC).

Inti pati pembelaan tertuduh

[702] Asas kepada pembelaan tertuduh kepada sembilan pertuduhan suapan di bawah s 16 ASPRM adalah perkara yang dipertuduhkan tidak berlaku. Tertuduh menafikannya, serta menyatakan tiada pengetahuan tentang perkara yang didakwa dalam sembilan pertuduhan tersebut. Pendirian ini menurut tertuduh telah pun dizahirkan dalam soalan-soalan balas pihak pembelaan kepada saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP21.

[703] Sememangnya pembelaan telah pun mengemukakan kenyataan pembelaan sebelum perbicaraan bermula menurut s 62 ASPRM. Kenyataan tersebut mengandungi pembelaan-pembelaan utama iaitu tertuduh tidak mempunyai pengetahuan berkenaan rasuah tersebut dan menafikan telah menerima apa-apa wang daripada SP21. Rujukan boleh dibuat kepada kenyataan pembelaan tersebut, umpamanya di perenggan 9 dan 10, seperti berikut:

> 9. Bagi tuduhan menerima suapan, pihak Pembelaan mena?kan penglibatan OKT dan beliau juga tidak pernah menerima ataupun memperolehi rasuah serta tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berkenaan dengan penerimaan rasuah tersebut. OKT juga tidak pernah menerima apa-apa wang rasuah daripada Ikhwan bin Zaidel melalui Zahid Md Arip sepertimana yang telah dipertuduhkan.
>
> 10. Malah, jika dilihat kepada tuduhan yang dikemukakan, hanya menunjukkan penglibatan Zahid Md Arip sahaja. Bahkan semua pembayaran wang telah dibuat kepada Zahid Md Arip sepertimana yang disebutkan di dalam pertuduhan terhadap OKT. Tiada sebarang keterangan yang menunjukkan pembayaran wang rasuah telah dibuat kepada OKT oleh Zahid Md Arip.

[704] Bagi tujuan pembelaan, tertuduh telah memanggil enam orang saksi, dengan beliau sebagai saksi pembelaan pertama. Beliau telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Adalah juga kehendak s 181(1) KTJ bahawa sekiranya seseorang tertuduh berhasrat memanggil saksi, tertuduh mestilah memberi keterangan terlebih dahulu.

[705] Saksi-saksi pembelaan adalah seperti berikut:

(a) SB1 — Tertuduh;

(b) SB2 — Zuraida bt Ariffn @ Shaari, setiausaha pejabat tertuduh;

(c) SB3 — Kamar Bashah bin Sharif, pegawai pengiring tertuduh;

(d) SB4 — Mohamad Jani bin Ismail, kawan tertuduh;

(e) SB5 — Dahalan bin Tunggal, kawan tertuduh; dan

(f) SB6 — Dr Mohamad Zakrul Azma bin Mohd Fauzi kawan kepada SB4.

[706] Adalah boleh dikatakan secara pokoknya, berdasarkan keterangan saksi pembelaan, termasuklah SB2 dan SB3, pendirian pembelaan penafian tertuduh cuba dikuatkan dengan pembelaan bahawa tiada aliran jejak atau *money trail* wang suapan yang dikatakan diterima oleh tertuduh daripada SP21 yang dapat ditunjuk atau dibuktikan, dan tiada siapa yang melihat penyerahan wang kepada tertuduh oleh SP21 sebanyak sembilan kali tersebut. Keduanya, dengan bergantungan kepada keterangan terutamanya SB4 dan SB5, adalah juga pembelaan tertuduh bahawa sebarang wang yang terlibat adalah sebenarnya untuk SP21. Pembelaan juga sekali lagi mendakwa SP21

sebenarnya mengenakan atau *implicate* tertuduh dan menyanggah kredibiliti SP21, serta menyatakan tiada keterangan yang menunjukkan wang RM3.09 juta diterima secara rasuah, dan juga tiada bantuan yang dilakukan oleh tertuduh untuk meluluskan pembelian MPHS.

[707] Mahkamah akan seterusnya menganalisa pembelaan ini dengan lebih terperinci.

(A) Pembelaan bahawa tiada keterangan yang sesiapa nampak penyerahan wang oleh SP21 ke tangan tertuduh

[708] Selain daripada keterangan SP21, yang disanggah pihak pembelaan, tiada bukti penerimaan wang oleh tertuduh. Pembelaan berhujah penafian oleh tertuduh diperjelaskan dengan keterangan beliau sendiri dan disokong pula oleh SB2 dan SB3.

[709] Pertamanya, seperti yang dihujahkan pihak pembelaan, tertuduh dalam keterangan bersumpah beliau telah menafikan SP21 telah menyerahkan wang di pejabat beliau di Menara FELDA sebanyak sembilan kali dengan membangkitkan ketidakmunasabahan keterangan P21. Tertuduh menafikan SP21 pernah membawa apa-apa bag apabila bertemu dengan beliau kerana beliau hanya membawa dokumen sahaja.

[710] Ini menyebabkan tertuduh memanggil dua kakitangan yang lazimnya bertugas di Tingkat 49 atau sentiasa bersama tertuduh, iaitu setiausaha (SB2) dan pegawai pengiring beliau (SB3). Pihak pendakwaan berhujah sebaliknya, dengan menyatakan pembawaan beg wang suapan tersebut dan penyerahan di bilik pejabat tertuduh oleh SP21 pun tidak dapat diketahui atau dilihat oleh sesiapa yang lain.

[711] Tertuduh menyatakan sudah pasti setiausaha beliau, SB2 dapat melihat setiap kali SP21 hadir berjumpa beliau kerana SB2 sentiasa berada di bilik SB2 yang boleh menyaksikan siapa yang masuk ke pejabat tertuduh. Tertuduh juga turut menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui kod akses kunci bilik beliau kerana sentiasa dibuka oleh SB2, dan pejabat beliau tidak mempunyai sebarang peti besi ataupun almari berkunci untuk membolehkan beliau menyimpan barang-barang berharga. Tertuduh juga menyatakan tidak munasabah untuk SP21 membawa wang berbentuk tunai di dalam jumlah yang begitu banyak tanpa disedari oleh sesiapa.

[712] Keduanya tertuduh menyatakan SB3 sebagai pengawal peribadi beliau adalah bersama dengan tertuduh daripada pagi sehingga sampai waktu pulang. SB3 yang membawa barangan beliau terutama beg pastinya dibawa oleh SB3

apabila beliau tiba atau pun keluar dari pejabat, maka SB3 sudah pastinya mengetahui sekiranya barang yang dibawa mempunyai wang.

Keterangan tertuduh

[713] Dalam pembelaannya tertuduh mengulangi juga yang dihujahkan pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan sebelum ini, seperti tertuduh telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengetahui bahawa SP21 telah berjumpa dengan SP16 bagi tujuan permintaan wang, dan juga menegaskan bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa menyampaikan apa-apa salam kepada SP16 melalui SP21 bagi maksud meminta sebarang wang. Tertuduh juga menyatakan tidak pernah menyampaikan 'salam' melalui SP21 yang membawa makna permintaan wang daripada tertuduh serta tiadanya kiasan bahawa 'salam' itu adalah bermaksud permintaan atau pun penerimaan wang.

[714] Tertuduh juga menyatakan beliau tidak pernah melakukan apa-apa tindakan yang membolehkan SP16 memberikan rasuah kepada beliau kerana beliau tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan pembelian MPHS, dan sebelum kelulusan pembelian MPHS berlaku dan semasa perjumpaan dua kali dengan SP16, tidak ada sebarang perbincangan mengenai habuan ataupun suapan berlaku di antara tertuduh, SP16 mahupun SP21. Tertuduh menjelaskan permintaan pinjaman untuk FlCSB daripada FELDA yang beliau sampaikan kepada Datuk Hanapi (SP5) adalah dilakukan dengan suci hati untuk menjaga kepentingan FICSB kerana mereka telah terlambat di dalam pembayaran dan perjanjian jual beli MPHS telah pun ditandatangani.

[715] Tambahannya, tertuduh berkata SP21 mempunyai niat untuk mengenakan tertuduh untuk selamatkan diri SP21 sendiri daripada dituduh oleh SPRM. Tertuduh menafikan ada menyuruh SP21 meminta political fund kerana pada masa tersebut beliau hanya Ahli Parlimen dan ketua bahagian sahaja tanpa kepentingan politik Sarawak. Tertuduh juga tidak berupaya untuk menerangkan Iebih lanjut tentang penerimaan wang yang dikatakan diberikan SP21 kepada tertuduh kerana pendirian beliau ialah tiada pengetahuan kewujudan wang tersebut dan tidak pernah mengetahui bahawa SP16 telah memberi wang yang dikatakan diberikan kepada tertuduh.

[716] Mahkamah mendapati ada beberapa pendekatan hujahan yang diambil oleh pihak pendakwaan yang tidak boleh diterima oleh mahkamah sebagai menyokong kes mereka. Ini adalah apabila pihak pendakwaan memberi sebarang hujahan yang bergantung kepada perkara yang dikatakan pembelaan tidak berlaku kerana pada asasnya kewujudan permintaan dan penerimaan suapan dinafikan oleh tertuduh.

[717] Umpamanya, pihak pendakwaan menyatakan kerana tiada sebarang aduan dibuat oleh tertuduh kepada SP16 selepas tertuduh menerima suapan-suapan tersebut daripada SP16 melalui SP21, ini menunjukkan suapan-suapan tersebut selamat diterima oleh tertuduh sebanyak sembilan kali. Mahkamah berpendapat adalah tidak selamat untuk menerima hujahan ini kerana pendirian pembelaan ialah kejadian permintaan oleh dan pemberian kepada tertuduh tidak berlaku, dan dengan itu tiada sebab untuk tertuduh membuat sebarang aduan kepada SP16.

[718] Satu asas utama pembelaan tertuduh ialah beliau tiada pengetahuan dan menafikan ada penerimaan wang suapan daripada SP16 yang diserahkan oleh SP21 sebanyak sembilan kali seperti dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut. Selaras dengan itu di peringkat pembelaan, tertuduh mengemukakan penjelasan bahawa apabila seseorang (SP21) membawa beg yang mengandungi wang yang besar dengan tangan, jika berlaku, ia tentunya diketahui oleh ramai orang kerana di pejabat tertuduh ramai orang lain menunggu untuk masuk ke pejabat atau menemui pegawai-pegawai tertuduh yang lain.

[719] Tetapi mahkamah dapati apabila disoalbalas oleh pihak pendakwaan, tertuduh juga mengakui tidak munasabah untuk SP21 membawa masuk suapan di hadapan orang yang sedang menunggu untuk berjumpa tertuduh. Sudah tentunya SP21 memastikan penyerahan wang kepada tertuduh dilaksanakan dalam keadaan yang tidak menimbulkan syak dalam pandangan sesiapa yang mungkin berada di persekitaran pejabat tertuduh. Juga jelas bahawa tiada seorangpun berada dalam pejabat tertuduh dan menyaksikan setiap kali suapan diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh. Keterangan SP21 sendiri adalah suapan-suapan telah diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh tanpa diketahui oleh orang lain.

[720] Keterangan menunjukkan tiada orang lain mengetahui suapan-suapan yang diserahkan SP21 kepada tertuduh kecuali tertuduh, SP16 dan SP21.

[721] Mahkamah amat faham bahawa kerana pembelaan tertuduh adalah perkara penyerahan suapan oleh SP16 melalui SP21 tidak pernah berlaku, pihak pembelaan menghujahkan ketiadaan keterangan yang menunjukkan ada orang lain melihat SP21 membawa bag (yang mengandungi wang tersebut) menuju ke pejabat tertuduh, bukan sekali, tetapi sembilan kali bermakna kejadian tersebut sememangnya tidak berlaku. Tetapi sebaliknya, pihak pendakwaan pula menyatakan ketiadaan saksi kepada pembawaan beg berisi wang tersebut oleh SP21 menyokong kes pendakwaan yang hanya tertuduh, SP16 dan SP21 sahaja yang terlibat dan berpengetahuan mengenainya.

[722] Mahkamah mendapati dalam konteks ini penafian dan penjelasan dalam keterangan tertuduh sahaja tidak membantu pembelaan beliau. Tetapi

seperti yang disebut sebelum ini, pembelaan tertuduh juga bergantung kepada hujahan bahawa setiausaha tertuduh (SB2) dan pegawai pengiring beliau (SB3) juga tiada pengetahuan tentang pertuduhan penerimaan suapan tersebut. Lebih sesuai jika keterangan tertuduh tersebut dinilai bersama keterangan-keterangan SB2 dan SB3.

Keterangan setiausaha pejabat tertuduh (SB2)

[723] Pihak pembelaan berhujah Zuraida bt Ariffin @ Shaari (SB2) bukanlah merupakan setiausaha pilihan tertuduh ataupun kenalan beliau. SB2 menjadi setiausahanya di atas arahan FELDA di mana beliau jelas tidak mempunyai kuasa untuk menolak arahan tersebut. Oleh itu SB2 tidak mempunyai apa-apa kepentingan mahu pun hubungan rapat dengan tertuduh. SB2 juga jelas tidak mempunyai apa-apa motif untuk membantu tertuduh ataupun memberikan keterangan palsu untuk memihak kepadanya. SB2 juga telah pun dipanggil oleh SPRM dan telah diambil keterangannya namun pihak pendakwaan telah memilih untuk tidak memanggil beliau sebagai saksi. Pihak pembelaan menyatakan seandainya SB2 ini dipanggil daripada peringkat pendakwaan lagi, dia semestinya dapat merungkaikan kebenaran tentang keterangan SP21 dan dapat mengesahkan bahawa SP21 tidak pernah membawa apa-apa beg masuk ke dalam bilik tertuduh.

[724] Tambahan pula tidak adanya *impeachment proceedings* dilakukan terhadap SB2 jika SB2 tidak bercakap benar sedangkan pendakwaan mempunyai rakaman percakapan SB2 semasa siasatan. Oleh itu, menurut pihak pembelaan kredibiliti SB2 adalah utuh dan keterangan beliau boleh diberikan sepenuh pergantungan dan dipercayai oleh mahkamah.

[725] Setelah penilaian dilakukan mahkamah, beberapa perkara patut dirujuk. Pertama, mahkamah ambil maklum bahawa tertuduh juga telah mengesahkan pintu bilik pejabat tertuduh dan pintu bilik SB2 bukan berdepan antara satu sama lain. Antara dua bilik tersebut ada satu bilik mesyuarat. Tertuduh sahkan daripada bilik SB2, setiausaha beliau tidak boleh nampak apa yang berlaku dalam bilik pejabat tertuduh. SB2 ketika disoalbalas mengakui beliau tidak nampak apa yang berlaku dalam bilik pejabat tertuduh, dan hanya boleh lihat setakat luar pintu bilik pejabat tertuduh sahaja.

[726] Pembelaan juga pada peringkat pendakwaan telah meletakkan kes pembelaan berkenaan kewujudan SB2 di pejabat tertuduh di mana SP21 sendiri mengakui bahawa SB2 hanya tiada di pejabat ketika tertuduh juga tidak hadir. SB2 sendiri dalam keterangan bersumpah beliau telah mengesahkan pada setiap masa tertuduh berada di pejabat, beliau sememangnya berada di pejabat menunggu tertuduh termasuk semasa waktu rehat dan sehingga tertuduh pulang, walau pun melebihi waktu pejabat.

[727] Dalam keterangan SB2 ketika disoalbalas oleh pihak pendakwaan, beliau berkata tidak pernah menyaksikan sebarang penyerahan suapan daripada SP21 kepada tertuduh dalam pejabat tertuduh. SB2 juga tidak pernah diberitahu oleh SP21 tentang sebarang penyerahan tersebut. Beliau tiada pengetahuan mengenainya.

[728] Memandangkan penemuan mahkamah sebelum ini di akhir kes pendakwaan bahawa penerimaan wang suapan berlaku dalam bilik pejabat tertuduh tanpa saksi lain, keterangan SB2 tentang beliau tidak boleh nampak perkara yang berlaku dalam bilik pejabat tertuduh tentunya tidak bermakna penerimaan wang suapan oleh tertuduh daripada SP21 sebanyak sembilan kali tidak berlaku.

[729] Kedua, persoalan seterusnya adalah sekiranya aksi SP21 membawa beg wang suapan menuju ke bilik pejabat tertuduh bagi tujuan penyerahan, seperti yang dinyatakan dalam sembilan pertuduhan penerimaan wang suapan tersebut, boleh disaksikan oleh orang lain. Pihak pembelaan menyatakan mustahil kejadian ini berlaku kerana pasti ada yang dapat melihat SP21 membawa beg yang berisi wang tunai yang banyak. Dan jika tiada yang lihat ini bermakna, menurut pihak pembelaan, perkara tersebut tidak berlaku.

[730] Mahkamah tidak ada masalah dengan isu kredibiliti SB2. Tetapi mahkamah mendapati keterangan yang lebih penting berkisar juga kepada perkara berlaku apabila SP21 datang ke pejabat tertuduh. Pendakwaan telah mencuba untuk mencabar kesahihan keterangan SB2 dengan meletakkan cadangan kepada SB2 bahawa SP21 tidak perlu melalui atau pun singgah di bilik SB2 sebelum berjumpa tertuduh. Berikut petikan sesi pemeriksaan balas SB2:

> S: Kamu sudah setuju. Kamu juga kalau ikut witness statement kamu, kamu pun sudah kata yang pegawai khas Tan Sri Isa ini dia kalau dia hendak masuk jumpa Tan Sri Isa dia tidak perlu minta kebenaran kamu termasuk Zahid Md Arip. Ini kamu kata di dalam witness statement.
>
> J: Ya.
>
> S: Saya katakan kepada kamu bahawa kalau begitu Zahid Md Arip tidak perlu minta kebenaran maknanya beliau juga boleh tidak singgah bilik kamu, bergantung kepada dia, dia boleh singgah atau dia tidak perlu singgah, betul?
>
> J: Betul.
>
> S: Kalau begitu Zahid Md Arip juga boleh kalau dia ada bawa sesuatu untuk Tan Sri Isa dia boleh juga jumpa Tan Sri Isa terus dan serah kepada Tan Sri terus tanpa melalui kamu sendiri. Dia boleh buat begitu, betul?
>
> J: Betul.

S: Adakah kamu setuju bahawa kalau begitu dia pun boleh hendak, terpulang kepada kamu sama ada dia hendak beritahu kamu atau pun tidak apa yang beliau serah kepada Tan Sri, betul? Terpulang kepada Zahid Md Arip sama ada hendak beritahu kepada kamu atau tidak sebab tadi kamu sudah setuju, bukan?

J: Ya.

S: Kamu tahu atau tidak berkenaan dengan suapan yang telah Zahid Md Arip serahkan kepada Tan Sri Isa di pejabat sebanyak 9 kali, kamu tahu atau tidak?

J: Tidak tahu.

[731] Keterangan ini jelas menunjukkan ada ketikanya SP21 boleh terus sahaja ke bilik pejabat tertuduh tanpa berhenti di bilik SB2. Ini bermakna kemungkinan berlakunya situasi di mana SP21 pergi terus ke pejabat tertuduh membawa wang dalam beg seperti dalam sembilan pertuduhan penerimaan suapan.

[732] Walau bagaimanapun, pihak pembelaan berhujah telah diperjelaskan pula oleh SB2 semasa pemeriksaan semula bahawa kejadian yang dicadangkan oleh pendakwaan tersebut tidak pernah berlaku kerana SP21 sememangnya sentiasa bertegur sapa dengan SB2 terlebih dahulu sebelum masuk ke bilik tertuduh, seperti berikut:

S: Kamu ditanya berkaitan dengan Zahid Md Arip ini apabila dia masuk adakalanya dia terus bawa barang I mean dikatakan bahawa ada keadaan yang mana dia masuk terus tidak menyapa kamu dan kamu setuju. Dalam kebanyakan hari yang Zahid Md Arip datang masuk bilik Tan Sri Isa ini yang kamu sentiasa ada, adakah hari-hari atau pun keadaan yang mana dia tidak menyapa kamu, tidak masuk ke bilik kamu?

J: Tidak pernah.

S: Bermakna all the time dia masuk dia akan singgah bilik kamu dahulu?

J: Dia akan singgah atau pun lambai. Dia akan bercakap-cakap.

S: Maknanya walaupun dia tidak semestinya minta kebenaran daripada kamu tetapi dia itu sendiri karakter dia kalau hendak masuk ke bilik Tan Sri Isa dia akan tetap menyapa atau pun singgah di bilik kamu, begitu?

J: Betul.

[733] Tetapi mahkamah mendapati keterangan penting SB2 adalah pengakuan beliau bahawa ada kalanya SP21 terus berjumpa tertuduh di bilik pejabat Pengerusi tanpa berhenti atau bertegur sapa dengan SB2 terlebih dahulu. Rujukan kepada petikan di atas ketika SB2 diperiksa semula oleh pihak pembelaan jelas menunjukkan bahawa mulanya SB2 setuju ada kalanya SP21 pergi terus tanpa berhenti bercakap dengan SB2. Kemudian soalan seterusnya SB2 jawab tidak pernah pula SB2 melakukan demikian.

[734] Ini percanggahan yang ketara. Dan dalam jawapan seterusnya SB2 menyatakan SP21 tetap menyapa atau singgah di bilik beliau. Tetapi SB2 jelas dalam pemeriksaan balas dan permulaan pemeriksaan semula memperakui ada situasi di mana SP21 pergi terus ke pejabat tertuduh tanpa berhenti berbual dengan SB2 di biliknya. Berdasarkan keseluruhan keterangan, mahkamah berpendapat SP21 telah mengatur pemberian wang tersebut, sebanyak sembilan kali dalam keadaan beliau tidak perlu mengambil risiko bertegur sapa dengan SB2 di bilik beliau, dengan terus sahaja berjalan menuju ke bilik pejabat tertuduh.

[735] Walaupun SB2 telah menyatakan sepanjang beliau menjadi setiausaha kepada tertuduh, SP21 tidak pernah membawa apa-apa bag apabila berjumpa dengan tertuduh, perlu ditekankan bahawa penyerahan wang oleh SP21 kepada tertuduh di pejabat tertuduh adalah perkara yang dirahsiakan. Jadi tiada sebab untuk SP21 menyapa SB2 atau membuat tindakan yang membolehkan SB2 nampak SP21 membawa beg ke bilik pejabat tertuduh dan mendedahkan perlakuannya membawa wang tersebut. SP21 juga memberi keterangan bahawa perkara ini hanya di antara beliau dan tertuduh sahaja. Tiada sesiapapun di pejabat yang mengetahui perkara ini.

[736] Tiada keterangan bahawa SP21 perlu ditemani oleh seorang pegawai yang lain atau SB2 jika ingin bertemu tertuduh.

[737] Ketiga, mengenai satu cadangan pendakwaan bahawa bilik SB2 mempunyai jalur yang menghalang pemandangan SB2 dan SB2 tidak dapat melihat sekiranya SP21 membawa beg sebelah kiri badannya, SB2 telah menjelaskan jalur di cermin tidak menyekat pandangan SB2 daripada bilik beliau ke luar bilik. Menurutnya jalur tersebut ada sebesar ibu jari dan jalur pun hanya separuh ke bawah sahaja. SB2 juga menidakkan kemungkinan beliau tidak nampak kalau SP21 membawa bag besar sebelah kiri SP21. Tambahan pula SB2 menyatakan saiz besar atau kecil bag pun sepatutnya (jika berlaku) beliau nampak sebab ada CCTV di biliknya.

[738] Tambahan pula SB2 dalam keterangannya berkata sekiranya SP21 berjalan menuju daripada bilik SP21 (di Tingkat 49 juga) ke pejabat tertuduh, berdasarkan lokasi bilik SB2, bahagian yang beliau boleh nampak adalah sisi kanan SP21. SB2 juga menyatakan sekiranya SP21 membawa beg pada sebelah kiri SP21, SB2 tidak boleh nampak kerana hanya bahagian kanan SP21 berada dalam pendangan. Perkara ini, juga dengan keadaan dinding cermin bilik SB2 yang berjalur menunjukkan pandangan beliau mengenaian kemasukan SP21 ke pejabat tertuduh adalah agak terhad. Ini juga menyumbang kepada rumusan SB2 tidak mungkin boleh mengetahui atau nampak SP21 membawa beg wang tersebut setiap masa.

[739] Seperti yang telah diterangkan, mahkamah berpendapat memandangkan tidak semestinya SB2 boleh atau telah melihat setiap satu pergerakan SP21 ke arah bilik pejabat tertuduh, persoalan sama ada SB2 boleh nampak jika tertuduh membawa beg di sebelah kiri badan SP21 melalui jaluran di cermin dinding bilik SB2 adalah menjadi isu sampingan sahaja dan juga tidak membantu pembelaan tertuduh.

[740] Mengenai rakaman CCTV pula, pegawai penyiasat (SP22) telah memberi keterangan bahawa CCTV yang diperiksa dalam siasatannya tidak membantu. Dalam lain perkataan, pihak pendakwaan tiada hasrat mengemukakan rakaman CCTV dalam perbicaraan ini, dan oleh itu tidak memberi salinan rakaman kepada tertuduh di bawah s 51A KTJ. Mahkamah juga telah mendapati kes prima facie berjaya ditunjukkan di akhir kes pendakwaan, tanpa keterangan mengenai CCTV. Tetapi dalam kes pembelaan pula, SB2 menyatakan sekiranya SP21 benar membawa beg ke bilik pejabat tertuduh, aksi tersebut patut dirakam CCTV yang terdapat dalam bilik SB2. Tetapi pihak pembelaan tidak pula cuba mengemukakan bukti CCTV ini.

[741] Keempat, tertuduh juga menyatakan SB2 mempunyai senarai kehadiran orang yang hendak bertemu tertuduh. Ini memang dijangka memandangkan tertuduh adalah Pengerusi FELDA. Tetapi keterangan SB2 menunjukkan bahawa beliau tidak mencatitkan kehadiran pelawat pelawat ke dalam bilik pejabat tertuduh. Ini dinyatakan dalam penyataan bertulis SB2 sendiri (PSSB2) di mana dalam soalan 2 (perenggan 3) 'Saya tidak membuat catatan penama tersebut sekiranya mereka berjumpa dengan Tan Sri'. Tiada keterangan jelas siapa yang sebenarnya memasuki pejabat pengerusi, pukul berapa mereka masuk dan barang yang dibawa oleh mereka tidak langsung dicatitkan oleh SB2.

[742] Apa pun, apabila disoal oleh peguambela tertuduh sendiri mengenai SP21, tertuduh akui SP21 tidak perlu kebenaran untuk masuk berjumpa tertuduh. Ini sebenarnya telah disahkan oleh SB2 seperti yang disebut sebelum ini. Dan dalam penyataan bertulisnya sendiri (PSSB2), SB2 telah menyebut 'bagi pegawai khas beliau, mereka boleh keluar masuk berjumpa dan berurusan dengan Tan Sri Isa tanpa meminta kebenaran dari saya' dan 'Memandangkan Zahid Md Arip adalah Pegawai Khas Tan Sri Isa Mohd Isa, beliau tidak memerlukan kebenaran saya untuk berjumpa dengan Tan Sri Mohd Isa'.

[743] Kelima, tertuduh mengulangi bahawa SB2 pasti nampak sesiapa yang masuk ke dalam bilik pejabat tertuduh kerana bilik SB2 bersebelahan bilik pejabat tertuduh, dan menghadap lif yang digunakan tertuduh. Keterangan tertuduh juga menambah, bukan sahaja SB2 yang patut nampak tetapi polis bantuan FELDA juga sentiasa ada di samping SB2. Tertuduh mengakui jika seseorang ingin menuju masuk ke dalam bilik pejabat tertuduh, ada

kemungkinan SB2 tiada di tempat duduknya kerana beliau pergi ke tandas seketika, tetapi ini didakwa jarang berlaku, kerana sekiranya SB2 tiada di tempat beliau, polis bantuan FELDA yang dikatakan berada di luar bilik pejabat tertuduh mesti tahu orang yang masuk ke dalam bilik pejabat tertuduh.

[744] Ini tentu sahaja melemahkan kes pembelaan kerana kemungkinan SP21 melakukan pembawaan beg ke bilik pejabat berlaku semasa SB2 pergi ke tandas. Memang tertuduh menyatakan mustahil SB2 tidak perasaan SP21 masuk ke bilik pejabat tertuduh setiap sembilan kali suapan diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh dengan mempersoalkan kemungkinan SB2 ke tandas dalam setiap sembilan situasi tersebut. Tetapi apabila disoal balas, mahkamah ambil maklum bahawa tertuduh setuju pula mungkin SB2 tidak nampak satu pun daripada sembilan kerana SB2 setiap kali tersebut tidak berada dalam bilik beliau.

[745] Di peringkat pembelaan juga, tertuduh membangkitkan keterangan bahawa adalah mustahil SP21 boleh masuk hantar suapan sewenang-wenangnya sebanyak sembilan kali kerana merupakan amalan pejabat tertuduh bahawa barang yang diberikan atau dihadiahkan kepada tertuduh perlu dihantar kepada SB2 terlebih dahulu. Mahkamah maklum ini juga prosedur biasa bagi kebanyakan organisasi tetapi apabila beliau disoalbalas sama ada ini adalah benar-benar amalan atau peraturan di pejabat beliau yang perlu dipatuhi setiap pegawai, tertuduh tidak pula dapat mengesahkannya, sekadar berkata 'sepatutnya melalui'.

[746] Mahkamah juga meneliti keterangan SB2 yang beliau menerima barang-barang hadiah dan pemberian bagi pihak tertuduh. SB2 juga menyatakan barang-barang yang beliau terima beliau buka dan semak terlebih dahulu dan beri kepada SB3 untuk dibawa pulang. SB2 tidak secara terus menjawab soalan siapa yang bertanggungjawab menyerahkan barang-barang tersebut kepada tertuduh. Oleh itu, keterangan tertuduh bahawa semua barang mesti dihantar kepada SB2 dan hanya SB2 menyerahkan barang tersebut kepada tertuduh bercanggah dengan yang dinyatakan oleh SB2 sendiri.

[747] Keenam, tertuduh juga, seperti yang baru disentuh sebelum ini, ada membangkitkan kehadiran polis bantuan di ruang legar antara bilik pejabat tertuduh dan bilik SB2 yang secara bergilir gilir berdiri berkawal pada setiap masa di luar pintu bilik pejabat tertuduh (dan terutamanya sekiranya SB2 tiada di bilik beliau). Signifikasinya ialah tertuduh berkata SP21 semestinya berjumpa polis bantuan tersebut jika benar SP21 membawa beg wang untuk tertuduh.

[748] Tetapi bila disoal balas pihak pendakwaan sama ada ada meja disediakan untuk polis bantuan FELDA bertugas di depan bilik pejabat

tertuduh, tertuduh berkata polis bantuan tidak boleh duduk ketika bertugas. Mahkamah rujuk kepada pelan kasar tingkat 49 (D282) yang dikemukakan melalui saksi pembelaan sendiri iaitu SB2, di mana tiada pula meja wujud di ruang legar antara luar pintu bilik pejabat tertuduh dan luar pintu bilik SB2. Walau bagaimanapun, terdapat satu kaunter di bahagian hadapan lif. Apa pun, polis bantuan tidak pula dipanggil oleh tertuduh untuk menyokong pembelaan beliau.

[749] Ketujuh, tambahan pula, mahkamah juga mendapati perkara mengenai dakwaan kehadiran polis bantuan di luar bilik pejabat tertuduh tidak langsung ditanya oleh pihak pembelaan kepada saksi-saksi pendakwaan seperti SP21 yang didakwa membawa wang dalam beg ke pejabat tertuduh, tetapi juga ketika SP5, SP15, SP16 dan SP19 atau pun SP22 memberi keterangan di mahkamah kerana mereka juga sepatutnya juga telah berurusan atau pergi ke pejabat tertuduh dan sepatutnya ditanya sama ada keberadaan polis bantuan FELDA di luar pintu pejabat tertuduh benar atau tidak.

[750] Kelapan, tertuduh juga disoal peguam sendiri yang bertanya sekiranya ada dalam bilik pejabat tertuduh, beliau telah mengarahkan SP21 meletakkan suapan di sudut meja tertuduh. Tetapi tertuduh menjawap beliau tidak ada dalam pejabat yang berkunci dan kerana permintaan meletak suapan atas meja -setiap kali sembilan lali suapan tidak pernah dan mustahil berlaku.

[751] Daripada jawapan yang diberikan tertuduh, mahkamah dapati keterangan tertuduh sebenarnya tidak jelas dan agak bercanggah mengenai sama ada beliau nafikan ada menerima suapan daripada SP21 dalam pejabatnya atau tertuduh tidak berada dalam bilik pejabat ketika suapan diserahkan oleh SP21 kepada beliau. Percanggahan ini timbul daripada keterangan tertuduh sendiri. Ini mengakibatkan kualiti keterangan tertuduh sedikit terjejas (rujuk kes *Nordin B Atan & Hamsan Hamid v Public Prosecutor* [1999] MLJU 646; [2000] 5 CLJ 334).

[752] Kesembilan, dalam keterangannya tertuduh juga cuba menunjukkan bahawa tahap keselamatan di pejabat beliau adalah tidak kukuh untuk beliau menyimpan barang berharga atau dokumen penting. Dokumen penting disimpan oleh SB2 dan bilik pejabat tertuduh sendiri hanya boleh dibuka dan ditutup menggunakan kod khas yang disimpan oleh SB2 dan polis bantuan FELDA, dan ditutup jika tertuduh tiada di pejabat. SB2 menyatakan beliau mengunci bilik pejabat tertuduh selepas beliau masuk menyusun meja tertuduh jika berada dalam keadaan yang tidak teratur.

[753] Mahkamah lebih setuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa keterangan yang dikemukakan sebenarnya menjurus kepada keadaan bilik pejabat tertuduh yang selamat. Tambahan pula tertuduh juga sahkan ada satu

bilik peribadi di dalam pejabat beliau yang digunakan untuk persalinan pakaian dan bersolat. Beliau juga akui dalam bilik peribadi tersebut ada almari. Menariknya apabila disoal sama ada tertuduh boleh simpan duit dalam almari tersebut, beliau menjawab tidak berani simpan duit di situ kerana almari tidak berkunci dan tiada laci.

[754] Tetapi ini merupakan satu lagi percanggahan keterangan tertuduh dengan yang dinyatakan oleh SB2 yang mengesahkan dalam bilik peribadi itu terdapat satu almari — *built-in wardrobe* yang mempunyai pintu dan juga laci (yang tidak berkunci). Mahkamah dapati keterangan tertuduh bahawa sejumlah wang tidak boleh disimpan di almari dalam bilik peribadi adalah tidak menyakinkan, lebih-lebih lagi tertuduh sendiri mengaku bahawa kakitangan tidak dibenarkan masuk ke dalam bilik peribadi beliau kecuali dengan kebenaran tertuduh.

[755] Kesepuluh. Ada lagi. Masih mengenai isu sama ada terdapat tempat sesuai untuk wang disimpan di bilik pejabat tertuduh. Tertuduh memberi keterangan di bilik pejabat beliau tiada peti besi atau kabinet berkunci. Tetapi bila disoalbalas, beliau akui pula ada laci di meja, dan di belakang meja pula, ada beberapa kabinet yang mempunyai laci walaupun kesemuanya tidak berkunci.

[756] Walaupun menafikan bahawa suapan yang telah diterima daripada SP21 disimpan dalam laci bawah meja (dan mahkamah maklum ini adalah kerana tertuduh menyatakan penerimaan suapan tidak berlaku), tertuduh bersetuju bahawa laci yang berada di bawah meja berada dalam kawalan beliau.

[757] Kesebelas, pihak pendakwaan juga menimbulkan satu isu yang perlu dijelaskan oleh mahkamah. Pihak pendakwaan menyatakan tertuduh akui SP21 tidak boleh arah tertuduh di mana suapan-suapan tersebut boleh disimpan. Pendakwaan menyatakan tertuduh akui ketika disoalbalas bahawa beliau boleh ambil sebahagian atau sedikit suapan dan isi dalam poket baju atau seluar beliau sendiri, dan tertuduh juga akui tiada orang menyedarinya dan tiada siapa yang periksa poket baju dan seluar tertuduh.

[758] Pihak pendakwaan seterusnya berhujah apabila dicadangkan kepada tertuduh bahawa itu lah bagaimana tertuduh membawa suapan keluar daripada pejabat, tertuduh mempertikaikan berapa banyak wang yang boleh masuk ke dalam poket (baju dan seluar) beliau. Apabila dicadangkan sekali lagi bahawa itu sebenarnya terpulang kepada tertuduh, beliau mengatakan soalan yang dikemukakan tidak betul dan enggan menjawab soalan yang dikemukakan. Pihak pendakwaan kemudian merumuskan ini hanya menunjukkan tertuduh cuba untuk berselindung daripada mengakui fakta

yang sebenar bahawa selepas beliau menerima suapan-suapan daripada SP16 melalui SP21, tertuduh telah mengambil suapan-suapan tersebut untuk keperluan sendiri.

[759] Adalah pendapat mahkamah bahawa jawapan oleh tertuduh tidak boleh dirumus sedemikian kerana pendirian beliau ialah tiada pemintaan dan penerimaan suapan oleh tertuduh yang pernah berlaku. Mahkamah faham bahawa jawapan yang beliau berikan dalam konteks ini adalah atas andaian permintaan dan penerimaan tersebut — semua sembilan transaksi tersebut — ada berlaku. Keterangan jawapan beliau adalah bertujuan untuk menunjukkan kejadian penerimaan suapan tidak berlaku atau tidak mungkin berlaku. Seperti tiada tempat untuk simpan wang di bilik pejabat, dan tidak mungkin SP21 bawa wang tanpa dilihat oleh setiausaha atau polis bantuan. Keterangan tertuduh mengenai perkara-perkara tersebut walau bagaimanapun relevan untuk memastikan sama ada kes pendakwaan telah berjaya dipatahkan pihak pembelaan atas imbangan kebarangkalian.

[760] Walau bagaimanapun, rumusannya, keterangan SB2 tidak membantu pembelaan tertuduh kerana hanya atas dasar beliau tidak melihat SP21 membawa beg menuju ke bilik pejabat tertuduh tidak bermakna perkara tersebut tidak pernah berlaku, atas pelbagai sebab yang digariskan di atas.

Keterangan pegawai pengiring tertuduh (SB3)

[761] Kamar Bashah bin Shariff (SB3) ialah seorang bekas anggota polis yang telah berkhidmat selama 35 tahun dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. Beliau berkhidmat dengan tertuduh sejak tahun 1982. Selepas tugasnya sebagai pengiring tertuduh tamat apabila tertuduh tidak lagi memegang jawatan Menteri Besar, SB3 menyambung tugas dengan PDRM kembali sebelum bersara. Dalam persaraan SB3 berkerja pula di FELDA sebagai pegawai pengiring tertuduh sebagai pengerusi.

[762] Tidak sukar untuk memahami tujuan utama SB3 dipanggil adalah untuk memberitahu mahkamah sekiranya beliau ada pengetahuan tentang penerimaan wang suapan sebanyak sembilan kali oleh tertuduh memandangkan seperti SB2, SB3 boleh dianggap sentiasa tahu keberadaan tertuduh di pejabat.

[763] SB3 memberikan keterangan beliau bertanggungjawab untuk membawa semua barangan tertuduh seperti beg kerana tertuduh sendiri tidak pernah membawa apa-apa keluar daripada pejabat beliau. Sekiranya tertuduh berurusan di luar, SB3 masuk dan ambil barang-barang di dalam pejabat yang

ingin dibawa bersama tertuduh. Jika banyak barang yang perlu dibawa, pemandu atau pegawai atau polis akan bantu bawa barang dari pejabat turun ke bawah. A

[764] SB3 mengesahkan bahawa beliau membuka dan melihat barangan yang dibawa beliau daripada bilik pejabat untuk membuat keputusan di bahagian mana dalam kereta barangan tersebut seharusnya diletakkan. B

[765] SB3 jelas menyatakan sepanjang ingatannya, dia tidak pernah melihat SP21 membawa masuk apa-apa beg kertas atau pun apa-apa beg masuk ke dalam bilik pejabat tertuduh. SB3 akui beliau tidak tahu sekiranya SP21 telah menyerahkan suapan sebanyak sembilan kali di dalam bilik tertuduh. Beliau tiada pengetahuan langsung tentang perkara tersebut. SB3 juga akui beliau tidak pernah menyaksikan sebarang suapan yang diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh dalam bilik tertuduh. C D

[766] Mahkamah dapati jelas SB3 mengesahkan tiada pengetahuan tentang aksi penyerahan wang suapan oleh SP21 kepada tertuduh. Isunya sekarang sama ada SB3 ada pengetahuan tentang tertuduh membawa wang suapan sendiri atau mengarahkan SB3 membawa wang tersebut. SB3 juga telah berkata bahawa semua barangan dan beg dibawa oleh SB3 dan bukannya tertuduh. SB3 seterusnya sahkan beliau tidak pernah nampak duit dan juga beg kertas yang digunakan oleh SP21 untuk isi wang bagi tujuan penyerahan kepada tertuduh. SB3 juga menyatakan bahawa sekiranya beg berisi wang diberikan kepada tertuduh, beliau mesti membawa beg tersebut namun hal ini tidak pernah terjadi. SB3 tidak pernah membawa apa-apa beg berisi duit. E F

[767] Mahkamah ambil maklum bahawa ketika disoal oleh pihak pembelaan, SB3 berkata jikapun berlaku suapan sebanyak sembilan kali yang dimasukkan dalam plastik kurier di dalam beg kertas, SB3 yang sepatutnya pegang wang tersebut. SB3 berkata tertuduh tidak akan bawa wang sendiri jika ia pernah berlaku. Tertuduh juga menyatakan beliau percaya SB3 kerana beliau telah berkhidmat dengan tertuduh sejak tahun 1982 hingga 2017. Ini konsisten dengan keterangan tertuduh yang berkata bahawa beliau akan menyuruh SB3 membawa dan memegang suapan-suapan tersebut jika benar beliau telah menerimanya daripada SP21. G H

[768] Ketika disoalbalas oleh pihak pendakwaan, SB3 sekali lagi mengesahkan bahawa beliau akan membawa dan memegang suapan yang diterima daripada SP21 sekiranya berlaku dan sekiranya disuruh berbuat demikian oleh tertuduh. Walau bagaimanapun, dalam keterangannya SB3 berkata: I

S: Ini satu soalan yang saya sudah tanyakan kepada Tan Sri Isa dan saya hendak minta kamu sahkan. Menurut Tan Sri Isa semasa beliau beri keterangan di Mahkamah beliau kata kalau benar beliau terima duit suapan daripada Zahid Md Arip duit suapan tersebut dia akan suruh kamu pegang dan bawa. Adakah kamu akan buat?

J: Saya akan buat.

S: Kenapa kamu akan pegang dan bawa duit suapan yang diserahkan oleh Tan Sri Isa kepada kamu?

J: Pengalaman saya sebagai seorang anggota polis saya pernah buat tugas-tugas escort terutama duit dan senjata. Duit adalah satu benda yang mustahak dan duit ini memerlukan pemerhatian yang rapi. Tidak boleh ditinggalkan merata tanpa pengawasan. Dan serah terima duit mestilah serentak. Itu pengalaman saya.

[**769**] Tetapi bila disoal lanjut oleh pihak pendakwaan jika ada tertuduh beri wang suapan untuk dipegang oleh SB3, SB3 menjawab 'beliau akan bawa duit'. Apabila ditanya sekali lagi oleh pihak pendakwaan tentang perkara yang sama, SB3 menjawab:

S: Jawab soalan yang saya tanya tadi. Kalau Tan Sri Isa ini terima duit suapan daripada Zahid Md Arip dan mengikut Tan Sri Isa dia akan serah kepada kamu untuk kamu pegang. Adakah kamu akan buat apa yang Tan Sri Isa suruh? Pegang duit suapan itu.

J: Saya boleh bawa duit tetapi saya tidak fikir Tan Sri Isa beritahu ini duit suapan yang dia terima. Saya penuh yakin Tan Sri Isa tidak akan beritahu saya ini duit daripada mana. Tetapi saya kalau diarahkan membawa duit, saya boleh bawa. Tetapi saya tidak fikir Tan Sri Isa akan beritahu saya ini duit suapan atau duit gaji dia.

S: Jadi maknanya adakah kamu setuju bahawa kamu sanggup berbuat demikian sebab itu adalah arahan daripada majikan kamu? Kamu sanggup buat sebab Tan Sri Isa suruh, begitu?

J: Saya boleh bawa duit tetapi saya tidak setuju apabila dikatakan duit suapan yang Tan Sri Isa terima suruh saya bawa.

S: Tidak, maknanya kamu setuju kamu akan buat maknanya saya tanya sekarang lanjutan daripada jawapan kamu, kamu buat sebab Tan Sri Isa itu bos kamu, setuju?

J: Setuju.

[**770**] Berdasarkan keterangan tertuduh dan SB3 tersebut, pihak pendakwaan berhujah adalah munasabah untuk mahkamah mempercayai bahawa selepas suapan-suapan diserahkan oleh SP16 melalui SP21 kepada tertuduh, tertuduh menyimpan suapan-suapan tersebut di dalam pejabat beliau dan kemudiannya mengarahkan SB3 membawa wang yang diletakkan dalam beg tersebut keluar dari pejabat untuk ditempatkan dalam kereta. Ini membuktikan suapan-suapan tersebut telah diterima oleh tertuduh.

[771] Mahkamah dapati ada sedikit percanggah dalam keterangan SB3. Mulanya beliau menyatakan tiada membawa wang. Kemudiannya beliau akui pula boleh membawa wang sekiranya diarah oleh tertuduh, dan tidak mungkin pula jika ianya wang rasuah, tertuduh akan maklumkan status wang tersebut kepada SB3.

[772] Mahkamah berpendapat walau pun SB3 tidak setuju beliau ada pernah bawa wang, keterangan SB3 menunjukkan yang SB3 boleh membawa wang kerana beliau sendiri mengesahkannya jika diarah tertuduh.

[773] Tambahan pula wang suapan dalam kes ini ditempatkan dalam beg kurier plastik yang diletakkan dalam beg kertas. Walaupun SB3 berkata beliau akan periksaan kandungan beg yang akan diletak dalam kereta tertuduh sebelum balik, sekiranya tertuduh mengarahkan SB3 terus sahaja menempatkan beg-beg tersebut ke dalam kereta, tidak mungkin SB3 ingkar dan masih ingin mendesak untuk periksa beg tersebut, terutamanya pula sekira SB3 dan tertuduh turun bersama-sama ketika tertuduh meninggalkan pejabat pada hari yang berkenaan. Perkara penting dalam keterangan SB3 dalam pemeriksaan balas ialah beliau akan bertindak atas arahan tertuduh. Ini berbeza dengan barangan hadiah yang diterima oleh SB2 bagi pihak tertuduh, yang SB3 ambil daripada bilik SB2.

Rumusan dan dapatan

[774] Pihak pembelaan berhujah tidak munasabah kejadian penyerahan suapan oleh SP21 kepada tertuduh benar-benar berlaku, kerana jika betul, sudah pasti SB2 akan dapat mengesahkan SP21 pernah membawa apa-apa beg berjumpa tertuduh dan SB3 dapat mengesahkan bahawa adanya beg yang beliau pernah bawa mengandungi wang.

[775] Tetapi mahkamah telah tunjukkan keterangan tertuduh, SB2 dan SB3 tidak kukuh untuk menyokong pembelaan tertuduh dan mahkamah berpuas hati keseluruhan keterangan tertuduh, SB2 dan SB3 dalam isu ini tidak membantu pembelaan tertuduh kerana SB2 tidak semestinya nampak atau sedar setiap kali SP21 masuk ke bilik pejabat tertuduh membawa beg yang dibawa yang berisi wang tersebut dan SB3 pula tidak semestinya tahu beg yang dibawa ke dalam kereta mengandungi wang, lebih lagi wang suapan. SP21 juga telah memberi kenyataan bahawa tiada yang tahu tentang penyerahan wang dari SP16 olehnya kepada tertuduh. Dan beliau selalu setiap kali ambil masa sehari atau dua selepas terima wang daripada SP16 untuk menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh di pejabat tertuduh setelah pastikan tertuduh ada masuk ke pejabat.

[776] Satu perkara penting. Mahkamah sedar transaksi-transaksi dalam pertuduhan-pertuduhan didakwa telah berlaku sebanyak sembilan kali. Tetapi perlu ditekankan bahawa sembilan kejadian itu berlaku dalam tempoh masa yang menjangkau lebih kurang 18 bulan, daripada Julai 2014 sehingga Disember 2015.

[777] Oleh yang demikian mahkamah tidak setuju dengan hujahan pihak pembelaan keterangan SP21 berkenaan penyerahan wang di dalam bilik pejabat tertuduh tidak disokong dengan mana-mana keterangan Iain tapi sebaliknya, keterangan tertuduh berkenaan isu ini telah disokong dengan keterangan SB2 dan SB3. Keterangan SP21 boleh diterima dan tidak terjejas dengan keterangan SB2 dan SB3 kerana walaupun pihak pembelaan berkata mereka telah memberikan penjelasan yang jujur berkenaan kejadian yang telah berlaku, kesaksian mereka tidak pun membantu pembelaan tertuduh. Keterangan mereka tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan, jauh sekali berjaya mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM mengenai penerimaan wang suapan tersebut secara rasuah sebagai upah.

[778] Ada lagi satu perkara yang menurut pihak pendakwaan melemahkan kes pembelaan berkaitan keterangan tertuduh, SB2 dan SB3. Mahkamah maklum hujahan pihak pendakwaan bahawa beberapa perkara yang dibangkitkan dalam keterangan tertuduh pertama kali dibangkitkan oleh beliau di peringkat pembelaan dan tidak pernah ditujukan oleh pihak pembelaan kepada saksi pendakwaan, khususnya SP21. Ini menurut pihak pendakwaan jelas menunjukkan satu pembelaan lewat, satu rekaan, dan cerita yang dibuat-buat oleh tertuduh.

[779] Seperti yang digariskan pihak pendakwaan ini termasuklah yang relevan kepada keterangan oleh SB2 dan SB3, iaitu:

(a) kebiasaannya SP21 datang membawa dokumen dan tidak bawa beg kertas atau beg besar yang lain;

(b) bilik pejabat tertuduh dikunci menggunakan kod khas yang hanya diketahui oleh SB2 dan polis bantuan FELDA. SB2 membuka dan menyiapkan bilik tertuduh. Pejabat tertuduh ditutup selain daripada waktu pejabat. Tiada sesiapa dibenarkan masuk ke bilik pejabat beliau;

(c) SB2 akan nampak orang yang masuk ke dalam bilik pejabat tertuduh kerana bilik SB2 berada di sebelah bilik tertuduh yang menghadap *lift* yang digunakan tertuduh, dan selain SB2 ada polis bantuan FELDA yang juga nampak orang yang masuk ke dalam bilik tertuduh;

(d) setiap seorang polis bantuan FELDA seorang bertugas bergilir-gilir berdiri di ruang legar antara luar pintu bilik pejabat dan pintu bilik SB2;

(e) kemungkinan SB2 tiada di bilik beliau kerana pergi ke bilik air sebentar tetapi ianya jarang berlaku. Jika SB2 tiada, polis bantuan Felda ada di luar bilik pejabat tertuduh;

(f) SB2 mengetahui individu yang masuk dalam bilik tertuduh untuk berjumpa tertuduh berdasarkan senarai kehadiran yang direkod dan disimpan oleh SB2;

(g) SB2 perlu tahu jika SP21 masuk ke dalam bilik tertuduh disebabkan bilik SP21 berada di hujung pejabat tertuduh di tingkat yang sama dan jika SP21 masuk pejabat tertuduh, SP21 mesti melalui beberapa kakitangan lain termasuk SB2;

(h) suapan dalam beg kertas dan beg hitam yang dibawa oleh SP21 dengan tangan ke pejabat tertuduh akan diketahui oleh orang lain kerana di pejabat tertuduh ramai orang menunggu untuk masuk ke pejabat berjumpa tertuduh atau pegawai-pegawai lain. Jika seseorang bawa satu beg sebanyak sembilan kali orang akan syak termasuk pegawai tertuduh terutama SB2;

(i) SB2 sememangnya tahu semua barang yang sampai kepada tertuduh mesti dihantar kepada SB2 kerana ia merupakan amalan pejabat tertuduh;

(j) memandangkan pejabat tertuduh berkunci dan mempunyai kod khas tiada sesiapa tahu, mustahil SP21 boleh masuk ke bilik tertuduh dan sewenang-wenangnya sebanyak sembilan kali meletakkan suapan di atas meja tertuduh;

(k) bilik tertuduh tiada peti besi atau almari berkunci untuk menyimpan barang berharga atau dokumen penting. Bilik diselia sepenuhnya oleh SB2. Dokumen penting disimpan oleh SB2. Tertuduh tidak menyimpan barang peribadi kecuali baju untuk diguna dalam majlis jika ada;

(l) tertuduh tidak pernah membawa beg atau barang sendiri;

(m) SB3 pada sepanjang masa berada bersama tertuduh; dan

(n) jika berlaku suapan yang diserahkan SP21 kepada tertuduh sebanyak sembilan kali dalam beg kertas dan beg hitam, suapan-suapan dalam beg tersebut akan dipegang oleh SB3. Sebagai pegawai pengiring kepada tertuduh, SB3 tertuduh bertanggungjawab membawa dan memegang barang milik tertuduh.

[780] Perkara-perkara ini telah pun dirujuk ketika mahkamah menganalisa dan menilai keterangan tertuduh, SB2 dan SB3. Tujuan mengulanginya kini adalah untuk menunjukkan perkara-perkara atau isu-isu tersebut sebenarnya tidak secara khususnya dibangkitkan oleh pihak pembelaan ketika menyoal

balas saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP21 yang membawa beg berisi wang dan pegawai FELDA dan FICSB yang berurusan dengan tertuduh seperti SP5 dan SP16 serta mereka yang ada pergi ke pejabat tertuduh seperti SP16 dan juga pegawai penyiasat (SP22).

[781] Pihak pembelaan walau bagaimanpun berhujah bahawa pada peringkat kes pendakwaan lagi mereka telah meletakkan pembelaan berkenaan kewujudan SB2 sebagai setiausaha di pejabat tertuduh. Ianya telah ditujukan kepada SP21 yang setuju bahawa SB2 hanya tidak berada di pejabat ketika tertuduh pun tiada. Berikut petikan soalbalas SP21 dalam isu ini:

S: Dan bagi hari Sabtu dan Ahad, Tan Sri Isa tidak akan ke pejabat, betul?

J: Ya.

S: Dan apabila Tan Sri Isa tiada di pejabat, PA dia juga tiada di pejabat, betul?

J: Ya.

S: PA maksud saya Zuraida?

J: Ya.

[782] Begitu juga dengan SB3. Pihak pembelaan juga berhujah bahawa pada peringkat kes pendakwaan lagi mereka telah meletakkan pembelaan berkenaan kewujudan SB3 sebagai individu yang mengikuti dan berada bersama tertuduh ke mana-mana saja. SP21 sendiri turut bersetuju perkara ini. Ini dapat dilihat melalui keterangan SP21 sendiri iaitu, seperti berikut:

S: Semasa kamu dalam proses menjadi seorang pegawai khas, adakah seorang bodyguard kepada Tan Sri Isa yang bernama Kamar?

J: Ada.

S: Kamu kenal dia?

J: Kenal.

S: Setuju atau tidak dengan saya kalau saya katakan bahawa Kamar ini di mana Tan Sri Isa berada, dia juga berada?

J: Setuju.

S: Dia akan lebih banyak berada bersama dengan Tan Sri Isa dibandingkan dengan kamu?

J: Betul.

S: Jadi kalau pada sesuatu hari seperti dalam pertuduhan atau pun sepertimana yang kamu nyatakan kepada Mahkamah ini, hari-hari tersebut Tan Sri Isa sebenarnya tidak berada sepertimana di dalam diary tersebut, Kamar adalah orang yang tahu sama ada Tan Sri Isa berada di situ atau tidak, betul?

J: Betul.

[783] Oleh itu, tertuduh menyatakan kes pembelaan berkenaan kewujudan dan keberadaan SB2 dan SB3 bersama-sama tertuduh telah diletakkan ketika dalam kes pendakwaan lagi, iaitu melalui SP21. Pihak pembelaan berhujah lanjut bahawa perkara tersebut yang diletakkan kepada saksi pendakwaan tidak perlu dilakukan secara terperinci. Ini adalah kerana tugas pembelaan ialah hanya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja. Teras atau asas pembelaan bahawa SB2 dan SB3 sentiasa berada bersama dengan tertuduh di pejabat telah pun diletakkan seawal mungkin.

[784] Pihak pembelaan merujuk keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Al Bakhtiar bin Ab Samat v Public Prosecutor* [2012] 4 MLJ 713; [2012] 3 MLRA 547 dan berhujah bahawa tugas pembelaan ialah untuk meletakkan pembelaan mereka yang penting, tetapi bukanlah memerlukan pembelaan meletakkan pembelaan mereka dengan terperinci. Menurut pihak pembelaan, mereka telah meletakkan pembelaan mereka yang penting bahawa SB2 sentiasa berada di pejabat semasa tertuduh berada di pejabat dan SB3 sentiasa bersama dengan tertuduh ke mana-mana. Dan pembelaan ini dizahirkan dengan lebih terperinci ketika di peringkat pembelaan apabila SB2 dan SB3 memberikan keterangan di mahkamah.

[785] Mahkamah bersetuju pembelaan penting mesti diletakkan kepada saksi pendakwaan. Ini juga bermakna perincian pembelaan juga mesti dibangkitkan di peringkat pendakwaan sekiranya perincian tersebut adalah juga sebahagian daripada teras pembelaan. Ianya bergantung kepada fakta dan keadaan sekeling kes tertentu.

[786] Walaupun dalam kes semasa, teras pembelaan adalah penafian kejadian penyerahan wang berlaku perincian hanya dibangkitkan di peringkat pembelaan yang tidak membolehkan prosiding bicara mendengar jawapan saksi pendakwaan mengenai perincian yang relevan kepada saksi tersebut.

[787] Umpamanya isu sekiranya SB2 dan SB3 nampak atau tidak SP21 membawa beg kertas atau beg warna hitam (yang mengandungi wang suapan), sudah tentu perkara tersebut perlu dan boleh diajukan kepada SP21 ketika SP21 disoalbalas di peringkat pendakwaan. Tetapi ianya tidak pernah diajukan oleh tertuduh secara khusus kepada SP21 ketika SP21 disoalbalas di peringkat pendakwaan dan ini menurut pihak pendakwaan menunjukkan apa yang cuba ditimbulkan tertuduh melalui SB2 dan SB3 merupakan satu pembelaan lewat, cerita yang dibuat-buat, rekaan dan suatu yang difikirkan kemudian (*afterthought*).

[788] Begitu juga dengan perincian lain, seperti isu keberadaan polis bantuan, interaksi biasa SP21 dengan SB2 semasa ingin berjumpa tertuduh, keadaan keselamatan pejabat tertuduh dan kehadiran sepanjang masa SB3 semuanya tidak diajukan kepada SP21.

[789] Walau bagaimanapun setelah meneliti semua keterangan yang berkenaan mahkamah setuju dengan hujah pihak pembelaan bahawa *teras* kepada pembelaan mereka bahawa tertuduh menafikan kejadian dan tidak mungkin SP21 ada membawa beg wang sebanyak sembilan kali tanpa disedari SB2 dan SB3 sudah dibangkitkan dan diajukan kepada SP21. Benar tiada banyak sangat soalan berkaitan SB2 dan SB3 diajukan kepada SP21. Hanya seperti yang dipetikkan di atas, sebagai contoh. Dan walaupun tidak spesifik, perkara yang disoal itu sahaja jelas mengenai setiausaha (SB2) dan pegawai pengiring (SB3), dua individu yang berada rapat di tugasan pejabat tertuduh.

[790] Mahkamah dapati ketiadaan soalan mengenai perincian pembelaan tersebut seperti jenis dan warna beg, kehadiran polis bantuan, keadaan dalam bilik pejabat tertuduh tidak patut dirumuskan sebagai pembelaan ini satu pemikiran terkemudian.

[791] Berkenaan SB3 umpamanya, teras atau asas pembelaan tertuduh adalah jelas dengan menyatakan bahawa SB3, selaku pegawai pengiring beliau, sentiasa berada di samping tertuduh, dan oleh itu SB3 tahu segala aktiviti yang dilakukan oleh tertuduh. Petikan berikut adalah merupakan cabaran-cabaran yang diletakkan kepada SP21 ketika beliau disoalbalas:

> S: Bukan kamu. Kamu tidak boleh bagi jawapan yang tepat, betul? Sebab bukan semua occasions kamu akan berada bersama dengan Tan Sri Isa, betul?
>
> J: Betul.
>
> S: Sama juga dengan Zuraida. Tidak semua occasions Zuraida akan bersama dengan Tan Sri Isa, setuju?
>
> J: Betul.
>
> S: Sama juga dengan pegawai-pegawai khas dia yang lain. Mereka akan ada situation whereby dia jaga, kamu jaga, orang ini jaga, ada alternate tetapi Kamar ini sentiasa berada dengan Tan Sri Isa, setuju?
>
> J: Setuju.

[792] Mahkamah dapati berdasarkan soalan-soalan tersebut, jelas perincian selanjutnya adalah sekadar perkara perincian spesifik yang khusus dan bukan teras pembelaan penting itu sendiri. Tertuduh memang boleh menyoal SP21 atau saksi pendakwaan lain dengan perincian ini. Tetapi ianya tidak dilakukan. Itu pilihannya sebagai seorang tertuduh. Tetapi bukanlah tanggungjawab tertuduh untuk membuktikan beliau tidak bersalah. Tertuduh hanya perlu

meletakkan pembelaan pentingnya di peringkat pendakwaan untuk tidak dianggap membuat pemikiran terkemudian. A

[793] Mahkamah mesti perjelaskan bahawa kalaupun diputuskan di akhir kes ianya satu pemikiran terkemudian, ini tidak bermakna pembelaan itu akan terus tidak diterima. Cuma mungkin nilainya lemah. B

[794] Tambahan pula isu yang berkaitan dengan perincian tersebut menjurus kepada keterangan bersifat penafian oleh kedua-dua pihak. Maksudnya, dengan perincian tersebut, pihak pembelaan berkata perkara penyerahan wang tidak mungkin berlaku kerana mereka yang sepatutnya nampak sekiranya ianya betul berlaku, tidak lihat kejadian sembilan kali itu. C

[795] Tetapi seperti dapatan mahkamah dan antara versi pihak pendakwaan juga, SB2 dan SB3 tidak tahu dan tidak nampak perkara tersebut. Maksudnya mengenai isu penting SP21 membawa beg ke bilik pejabat tertuduh, pendakwaan menyatakan tiada saksi yang melihat perbuatan rahsia ini. Ini juga tiada bezanya dengan versi pembelaan bahawa SB2 dan SB3 tiada pengetahuan tentang pembawaan beg dan penyerahan wang tersebut. Ini seolah cubaan 'to disprove the negative'. D E

[796] Ini boleh dibandingkan dengan satu pihak (tertuduh) menyatakan dalam satu perincian bahawa pihak yang lagi satu (saksi pendakwaan) ada berbuat tindakan sesuatu (*affirmative act*). Dalam situasi itu dalam pandangan mahkamah, kegagalan pihak pembelaan menyoalbalas saksi pendakwaan tentang perincian tindakan tersebut boleh dianggap satu fikiran kemudian kerana itu perkara perincian penting yang merupakan sebahagian daripada teras pembelaan yang patut diletakkan kepada saksi pendakwaan. Bezanya dengan kes semasa ini, tiada dakwaan oleh pihak pembelaan (yang berkenaan dengan SB2 dan SB3) yang SP21 berbuat sesuatu tindakan kerana pembelaannya adalah SP21 tidak mungkin melakukannya (menyerah wang suapan kepada tertuduh di pejabat). F G

[797] Dan dalam prosiding ini mahkamah dapati tanpa soalbalas mengenai perincian tersebut kes prima facie telah berjaya dibuktikan setelah penilaian maksimum dilakukan di peringkat akhir kes pendakwaan. Tiada cacatnya strategi pihak pembelaan untuk menyoal saksi mereka SB2 dan SB3 mengenai perincian tersebut yang kemudiannya melalui jawapan mereka, menjadi keterangan saksi pembelaan. H I

[798] Walau bagaimanapun, mahkamah telah pun, seperti di atas, menganalisa keterangan SB2 dan SB3 dan merumuskan ianya tidak membantu kes pembelaan, tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah

terhadap kes pendakwaan, dan jauh sekali menyangkal atau mematahkan anngapan penerimaan wang secara rasuah di bawah s 50(1) ASPRM atas imbangan kebarangkalian.

(B) Pembelaan bahawa permintaan wang daripada SP21 kepada SP16 adalah untuk kepentingan diri SP21 sendiri

[799] Pihak pembelaan menghujahkan wujud kemungkinan SP21 juga mempunyai pengetahuan tentang pembayaran-pembayaran oleh SP16 memandangkan terdapat keterangan-keterangan daripada SP21 sendiri bahawa beliau telah tanpa pertolongan dan pengetahuan daripada tertuduh, turut mengetahui isu-isu atau pun perkembangan projek pembelian MPHS ini daripada awal ia ditawarkan kepada FICSB lagi.

[800] Antara lainnya, dinyatakan bahawa keterangan menunjukkan SP21 mempunyai pengetahuan tentang status pembelian MPHS ini secara sendiri kerana beliau pergi ke Sarawak bersama pihak pengurusan FICSB, membantu menyampaikan surat kepada tertuduh untuk diminitkan, ambil maklum bahawa permohonan pertama GAPSB telah ditolak, 'follow up' dengan SP16 berkenaan cubaan beliau untuk menggunakan jalan Iain untuk menjual MPHS kepada FICSB, mempunyai maklumat terus daripada CEO FICSB (SP15) bahawa kertas cadangan akan dibentang lagi, mengaturkan mesyuarat untuk SP16 untuk berjumpa tertuduh sebanyak dua kali, dan juga sering melakukan pertemuan dengan SP16, termasuk yang tidak diketahui oleh tertuduh.

[801] Menurut pihak pembelaan, kejadian-kejadian ini sekiranya dilihat secara keseluruhan menunjukkan SP21 telah bertindak di Iuar bidang kuasa beliau untuk mengetahui setiap status cadangan pembelian MPHS ini. Jika dilihat di dalam keterangan beliau sendiri, beliau sendiri telah mencuba untuk campur tangan di dalam urusan MPHS bila mana beliau mendapat tahu daripada SP16 berkenaan kelewatan pembayaran kepada GAPSB dan kemudiannya SP21 memaklumkannya kepada tertuduh.

[802] Pihak pembelaan oleh itu menghujahkan bahawa timbul persoalan kemungkinan SP21 mempunyai pengetahuan tentang setiap transaksi yang berlaku sehingga sebenarnya menyebabkan beliau sendiri mengetahui pada masa bila beliau perlu untuk meminta wang kepada SP16, untuk diri sendiri.

[803] Mahkamah dapati perkara yang disandarkan oleh pembelaan ini kurang menyakinkan. SP21 adalah pegawai khas tertuduh. Perkara yang dirujuk ini tidak boleh dikatakan sebagai luar bidang tugas pegawai khas walaupun mungkin ada yang di luar pengetahuan tertuduh. Lagipun berdasarkan keterangan, SP21 kurang terlibat secara langsung selepas Lembaga

Pengarah FICSB memberi kelulusan pembelian MPHS. Tambahan pula jikapun SP16 memaklumkan SP21 mengenai kelewatan pembayaran oleh FICSB untuk disampaikan kepada tertuduh yang kemudiannya mengambil tindakan meluluskan dan memohon pembayaran, keterangan daripada SP16 adalah wang suapan tersebut adalah untuk tertuduh, bukannya SP21.

[804] Tidak mungkin juga hanya sebagai penyampai maklumat mengenai kelewatan pembayaran, SP21 diupah dengan RM3.09 juta. Selain itu, tiada asas menyokong teori wang tersebut semuanya diambil oleh SP21 untuk kegunaan sendiri dan tidak pun diserah kepada tertuduh, tanpa pengetahuan SP16. Ini telah dianalisa mahkamah di akhir kes pendakwaan. Tiada keterangan yang boleh memberi justifikasi mengubah dapatan mahkamah sebelum ini mengenai perkara ini.

[805] Pihak pembelaan membangkitkan isu bahawa berdasarkan kepada keterangan SP21 sendiri, daripada sembilan kali penerimaan wang tersebut, hanya ada dua kali sahaja kononnya dikatakan tertuduh telah menyampaikan 'salam' melalui SP21. Pihak pembelaan mempersoalkan bagaimana pula dengan tujuh permintaan yang lain. Ini bermakna penerimaan berkaitan tujuh yang lain bukan daripada arahan tertuduh tetapi daripada inisiatif SP21 sendiri untuk menghubungi SP16 dan meminta wang.

[806] Lagipun, bagaimana pula SP21 boleh mengetahui masa yang sesuai untuk membuat permintaan bagi tujuh lagi kali tersebut melainkan beliau sendiri mempunyai pengetahuan tentang pembayaran yang dilakukan oleh FICSB kepada GAPSB. Bila mana pihak pendakwaan gagal untuk mengesahkan SP21 tidak tahu tentang isu pembayaran ini, dan keterangan yang ada menunjukkan kemungkinan SP21 ini ada potensi untuk mengetahui berkenaan pembayaran ini tanpa perlu bertanya pada tertuduh, maka inferens yang seharusnya dibuat oleh mahkamah ini perlu memihak kepada tertuduh.

[807] Mahkamah telah meneliti dan menilai hujahan ini di akhir kes pendakwaan, dan pihak pembelaan tidak menimbulkan sebarang keterangan melalui saksi mereka yang menyokong pembelaan tertuduh. SP21 telah menerangkan dalam setiap sembilan kali transaksi yang dizahirkan dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut, sememangnya beliau menerima arahan daripada tertuduh melalui isyarat penyampaian kiriman salam kepada SP16, dan itulah coraknya dalam setiap sembilan transaksi, walaupun SP21 tidak menyatakan secara spesifik dalam penyataan bertulis beliau. Mahkamah juga telah mendapati sebelum ini bahawa keseluruhannya ini boleh dipercayai kerana antara lainnya, SP16 juga mengesahkan sebelum pemberian kali pertama bahawa jumlah yang akan diserahkan adalah sebanyak RM3 juta yang hanya boleh diberikan setelah pembayaran dibuat oleh FICSB kepada GAPSB menurut perjanjian jual beli MPHS.

Keterangan rakan tertuduh — Mohamad Jani bin Ismail (SB4) dan Dahalan bin Tunggal (SB5)

[808] Seperti yang dibincang sebelum ini, mahkamah tidak nafikan bahawa semasa memberikan keterangan bersumpah tertuduh telah menafikan adanya penerimaan wang daripada SP21. Ini, menurut pihak pembelaan bermakna tidak wujud apa-apa keterangan selain daripada SP21 untuk mengaitkan tertuduh dengan penerimaan wang. Dalam kes pembelaan, tertuduh menyatakan keterangan beliau ini juga kemudiannya telah disokong oleh dua rakan tertuduh, iaitu Mohamad Jani bin Ismail (SB4) dan Dahalan bin Tunggal (SB5) yang juga dikatakan merupakan kenalan kepada SP21. Fokus pembelaan ialah naratif bahawa wang suapan mengenai pembelian MPHS sebenarnya diambil oleh SP21 dan bukannya tertuduh. Ini bukan sahaja menafikan penerimaan oleh tertuduh, tetapi juga mendakwa SP21 sebenarnya yang mengambil wang suapan.

[809] SB4 dalam keterangannya kepada mahkamah menyatakan bahawa pada bulan Jun 2018, ketika SB4 bertemu dengan SP21, SB4 telah diberitahu oleh SP21 bahawa SP21 telah menerima wang sejumlah RM2 juta disebabkan bantuannya dalam penjualan MPHS. Keterangan SB4, dalam penyataan bertulis (PSSB4), secara spesifiknya, dikemukakan semula seperti yang berikut:

> Jadi saya yang ditemani Encik Dahalan yang mana akan turut bersama-sama menghadiri mesyuarat tersebut telah pergi menemani Zahid Md Arip untuk menghisap rokok. Semasa kami sedang menghisap rokok, saya bertanyakan kepada beliau 'tentu saudara Zahid sudah banyak duit kerana telah dilantik menjadi kepada SETPOL PM. Zahid Md Arip kemudiannya membalas dengan bersahaja dan menyatakan bahawa beliau ada sedikit duit apabila menjadi orang penghubung dalam urusan penjualan Hotel Merdeka Palace di Sarawak, di mana beliau telah menerima RM2 juta sebagai tanda ucapan terima kasih. Saya kemudiannya bertanya kepada beliau apakah Tan Sri Isa mengetahui berkenaan perkara ini dan Zahid Md Arip telah menyatakan bahawa Tan Sri Isa tidak mengetahui berkenaan transaksi ini.

[810] Malah SB4 turut merekodkan satu akuan bersumpah pada 11 Oktober 2019 (D283) di mana dalam akuan bersumpah tersebut, SB4 yang langsung tidak berkaitan dengan penjualan MPHS turut secara jelas menyatakan berkenaan kejadian tersebut:

> Beliau berkata bahawa selepas selesai semua urusan jual beli Hotel itu pihak penjual telah memanggil beliau ke Sarawak dan memberi kepada beliau sebanyak 2 juta ringgit sebagai tanda ucapan terima kasih.

[811] Menurut pihak pembelaan, keterangan yang dibuat oleh SB4 ini selari dengan keterangan SP16 di mana wang tersebut diserahkan kepada SP21, yang mana turut diakui oleh SP21 kepada SB4 bahawa SP21 telah pergi ke Sarawak

untuk menerima wang tersebut daripada penjual (SP16). Perkara itu dikatakan turut diakui oleh SP21 kepada SB4 bahawa wang tersebut adalah untuk SP21, dan tertuduh dalam kes ini tidak mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut.

[812] Menurut SB4, yang pernah berkidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia selama 22 tahun, perjumpaan dengan SP21 di Hotel Pulse Grande Putrajaya ini adalah permintaan kenalan SB4 dan SB5, Dr Mohamad Zakrul Azma bin Mohd Fauzi (SB6), yang ingin mengemukakan satu cadangan perniagaan (*business proposal*) bagi pihak satu syarikat daripada Jepun kepada Kerajaan.

[813] SB4 bertindak sebagai perantara untuk mengadakan pertemuan antara SB6 bersama wakil pelabur syarikat Jepun itu dengan SP21 (yang SB4 kenali sejak SP21 berkhidmat dengan tertuduh bermula 2011) yang ketika itu baru dilantik sebagai setiausaha politik kepada Perdana Menteri selepas pilihanraya umum ke-14 bulan Mei 2018. Latar belakang pertemuan ini disokong oleh keterangan SB5 yang dijemput oleh SB4 untuk menemani SB4 ke pertemuan itu yang dimulakan dengan berbuka puasa, dan disahkan juga oleh SB6 sendiri.

[814] Versi pihak pembelaan ialah SB4 mendakwa pada 8 Jun 2018 jam lebih kurang 10 malam di Hotel Pulse Grande Putrajaya, ketika sedang menemani SP21 menghisap rokok sebelum berjumpa sekumpulan pelabur dari Jepun, setelah ditanya, SP21 telah mengaku kepada SB4 bahawa SP21 ada sedikit duit apabila menjadi orang penghubung dalam urusan penjualan MPHS, di mana beliau telah diberikan sebanyak RM2 juta sebagai tanda ucapan terima kasih, dan perkara ini tidak diketahui tertuduh. Pengakuan oleh SP21 ini didakwa turut didengar oleh SB5.

[815] Selepas perbualan tersebut, kedua-dua, SB4 dan SB5 telah menceritakan apa yang mereka dengar daripada SP21 kepada tertuduh.

[816] Dalam satu keterangan yang amat penting, SB4 mengemukakan ketika perbicaraan di mahkamah ini satu surat akuan sumpah bertarikh 11 Oktober 2019 (D283) yang mengandungi pengakuan yang dikatakan dibuat oleh SP21 pada 8 Jun 2018 (tarikh asalnya 6 Jun 2018) seperti berikut:

> Dengan sesungguhnya dan sebenarnya saya telah mengaku pada 06 June 2018 dalam jam 9.00 malam di Pulse Grande Hotel Putrajaya, saya telah berjumpa Saudara Zaid Mat Arip. Memang kami ada temujanji untuk berjumpa yg sepatutnya jam 6.00 petang sehingga berbuka puasa bersama dengan pelabur dari Japan. Semasa Saudara Zaid Mat Arip sampai saya bersama Tn Hj Dahlan bin Tunggal menunggu beliau di pintu masuk. Saudara Zaid Mat Arip ajak merokok terlebih dahulu sebelum masuk ke bangunan Hotel. Semasa perbualan dengan

A Saudara Zaid saya ada berkata 'tentu Saudara Zaid sudah banyak duit kerana dilantik jadi SETPOL PM'. Beliau memberi tahu saya bahawa beliau adalaa sedikit duit kerana menjadi penghubung dalam urusan penjualan Hotel Merdeka Palace di Sarawak. Beliau berkata bahawa selepas selesai semua urusan jual beli Hotel itu, pehak penjual telah memanggil beliau ke Sarawak dan memberi beliau sebanyak 2 juta ringgit sebagai tanda ucapan terima kasih. Beliau juga berkata beliau mengambil sebanyak 1 juta ringgit buat simpanan dan sejuta ringgit lagi beliau agihkan kepada kawan-kawan politik. Saya bertanya adakah Tan Sri Isa tahu dalam soal duit ni. Beliau memaklumkan kepada saya bahawa Tan Sri Isa tidak tahu dalam soal duit ini.

C **[817]** Dalam keterangannya, SB4 menyatakan beliau mengingati pengakuan SP21 kepada mereka berlaku pada 8 Jun 2018 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya kerana isu berkenaan SP21 dan tertuduh sudahpun dilaporkan di seluruh media dan sebagai individu-individu (SB4 dan SB5) yang terlibat dalam politik serta sudah lama mengenali tertuduh sudah pasti beliau mengetahui akan isu pembelian hotel di Sarawak. Apabila SB4 sedar terdapat percanggahan di antara perkara yang diceritakan oleh SP21 kepada mereka dengan apa yang dilaporkan di media, SB4 berkeputusan membuat surat akuan sumpah (D283) tersebut pada 11 Oktober 2019 untuk memberitahu mahkamah apa yang diceritakan oleh SP21 kepada beliau.

[818] Walau bagaimanpun, SB4 telah meminda tarikh dalam surat akuan sumpah (D283) setelah menyedari kesilapan tarikh, dengan tarikh baru 8 Jun 2018 (dan bukannya 6 Jun 2018). Ini adalah kerana dua hari sebelum SB4 memberi keterangan di mahkamah (3 September 2020), beliau menemui bukti berdasarkan gambar (D284) yang diperolehi daripada SB6 dikatakan mengesahkan perjumpaan yang berlaku di Hotel Pulse Grande, Putrajaya mengandungi tarikh 8 Jun 2018.

G **[819]** Secara keseluruhannya perkara tersebut disahkan oleh SB5 yang juga telah membuat surat akuan sumpah (D285) pada 15 Oktober 2019 yang konsisten dengan surat akuan sumpah yang dibuat oleh SB4 (D283) dan juga telah meminda tarikh perjumpaan di Hotel Pulse Grande Putrajaya daripada 6 Jun 2018 kepada 8 Jun 2018 atas sebab sama.

[820] Pihak pendakwaan menolak keterangan oleh SB4 dan SB5 mengenai pengakuan yang dikatakan dibuat oleh SP21 dan menghujahkan ianya satu rekaan dan pemikiran terkemudian semata-mata. Kemasukan surat-surat akuan sumpah tersebut adalah dibantah kerana dokumen-dokumen itu tidak pernah dikemukakan sebelum ini dan tidak juga dirujuk dalam notis pembelaan (D12) seperti yang diwajibkan oleh s 62 ASPRM (perbincangan dan keputusan mahkamah mengenai bantahan ini dirujuk kemudian).

[821] Setelah meneliti keterangan-keterangan SB4 dan SB5 dan keseluruhan

keterangan kes ini, mahkamah mendapati terdapat beberapa perkara yang menjadi tanda tanya mengenai keterangan mereka yang menjurus kepada rumusan yang keterangan mereka mengenai isu ini tidak boleh dipercayai. Ianya langsung tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan and pastinya gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s 50(1) ASPRM atas imbangan kebarangkalian. Mahkamah ingin bangkitkan sepuluh masalah mengenai keterangan mereka.

[822] Pertama, masa yang diambil oleh SB4 dan SB5 untuk membuat surat akuan sumpah masing-masing pada 11 Oktober 2019 dan 15 Oktober 2019 adalah agak lama sejak kejadian di mana SP21 membuat pengakuan menerima RM2 juta tersebut, yang dikatakan SB4 dan SB5 berlaku pada 8 Jun 2018. Lebih setahun.

[823] SB4 menjelaskan dalam keterangan lisannya bahawa beliau membuat surat akuan sumpah (D283) pada 11 Oktober 2019 selepas mengetahui kes tertuduh di mahkamah tular dan menyedari terdapat percanggahan iaitu apa yang diceritakan oleh SP21 kepada beliau tidak sama dengan apa yang dilaporkan di media. Tujuannya adalah untuk memberitahu mahkamah apa yang diceritakan oleh SP21 kepada beliau. SB5 juga memberikan sebab yang tiada bezanya mengapa surat akuan sumpah beliau hanya dibuat pada 15 Oktober 2019.

[824] Mahkamah ambil maklum bahawa ketika disoalbalas oleh pihak pendakwaan, SB4 mengaku bahawa sebagai sahabat tertuduh, beliau mengambil tahu perkembangan kes tertuduh daripada laporan media. Beliau mengetahui kes terhadap tertuduh sejak tertuduh ditangkap dan direman oleh SPRM pada 2017. SB4 tahu tertuduh terpaksa memakai baju oren ketika direman SPRM berdasarkan laporan media. Beliau juga tahu dari media bahawa bukan sahaja tertuduh, tetapi juga SP21 telah direman atas permohonan SPRM pada Ogos 2017 berkaitan laporan kes pembelian hotel MPHS. Juga penting untuk ditekankan bahawa SB4 tahu semasa beliau maklumkan pengakuan yang didakwa dibuat SP21 kepada SB4 dan SB5 pada 8 Jun 2018, tertuduh ketika itu belum dituduh di mahkamah.

[825] Mengapa surat akuan sumpah tidak dibuat sejurus selepas dakwaan pengakuan oleh SP21 pada 8 Jun 2018 tidak dapat jawapan yang meyakinkan. Paling tidakpun setelah tertuduh dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 14 Disember 2018 dengan sepuluh pertuduhan serius yang berkaitan pembelian MPHS tersebut, kerana perkara itu sepatutnya masih lagi segar dalam ingatan SB4 dan SB5.

[826] Alasan yang diberikan oleh SB4 dan SB5 mengenai masa yang diambil membuat surat akuan sumpah hanya dalam bulan Oktober 2019 walaupun

kejadian pengakuan SP21 berlaku dalam bulan Jun 2018, dan akhirnya mendedahkan surat akuan sumpah mereka buat kali pertama di mahkamah pada 3 September 2020, lebih dua tahun lepas kejadian adalah kerana percanggahan tentang apa yang diberitahu oleh SP21 kepada mereka dengan apa yang dilaporkan sebagai prosiding mahkamah.

[827] Apakah percanggahan ini? Mahkamah faham, walaupun percanggahan ini tidak dijelaskan secara khusus oleh dua saksi pembelaan ini, ianya merujuk kepada pertuduhan rasuah terhadap tertuduh dan pengakuan penerimaan wang oleh SP21, di mana kedua-duanya berkaitan dengan pembelian MPHS oleh FICSB.

[828] Tetapi ketika diperiksa balas oleh pihak pendakwaan, SB4 akui beliau mengikuti perkembangan kes terhadap tertuduh termasuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi bermula pada 7 Oktober 2019. Dan memandangkan SB4, sebagai seorang rakan tertuduh, mengikuti perkembangan kes sejak tertuduh ditangkap, kemudian direman dalam tahun 2017 dan akhirnya didakwa di mahkamah hujung 2018 pastinya SB4 faham dari laporan media bahawa pertuduhan yang pertama kali diketahui umum pada 14 Disember 2018 ketika pertuduhan-pertuduhan pertama kali dibaca di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur ialah penerimaan suapan suapan sebanyak sembilan kali berjumlah RM3.09 juta daripada SP16 *melalui SP21* sebagai upah atas bantuan tertuduh meluluskan pembelian MPHS berjumlah RM160 juta dan juga kesalahan pecah amanah melibatkan pembelian MPHS.

[829] Mengapa pula, setelah dikata dimaklumkan oleh SP21 dalam bulan Jun 2018, dan kemudiannya dengan pengetahuan tentang tertuduh dan SP21 disiasat dan direman seawal Ogos 2017 lagi, dan setelah pertuduhan di bawa ke mahkamah terhadap tertuduh sejak Disember 2018, SB4 berkata hanya membuat surat akuan sumpah (D283) dalam bulan Oktober 2019 kerana percanggahan itu. Ini sukar untuk dipercayai. Tambahan pula pada 11 Oktober 2019 semasa surat akuan sumpah itu diwujudkan, SP21 pun masih belum dipanggil untuk memberi keterangan terhadap tertuduh.

[830] Bukan itu saja, pada hari pertama perbicaraan kes ini pada 7 Oktober 2019 pihak pendakwaan telah mengemukakan ucapan pembukaan (P13) dengan memaklumkan kepada mahkamah tentang keterangan yang akan dikemukakan untuk membuktikan kes terhadap tertuduh bagi kesalahan pecah amanah jenayah dan kesalahan menerima suapan di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Antara 7 Oktober 2019 dan 25 Oktober 2019, seramai 16 saksi telah dipanggil memberi keterangan. SP21 sendiri memberi keterangan lengkap tentang suapan-suapan berjumlah RM3.09 juta yang diterima oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21 hanya pada 13 dan 14 Januari 2020.

[831] SB5 juga memberi keterangan yang serupa. Beliau sahkan beliau tahu pengakuan dibuat oleh SP21 pada 8 Jun 2018. SB5 tahu SP21 dan tertuduh direman pada 2017 daripada media sosial dan suratkhabar. Beliau tahu SPRM masih menyiasat kes tertuduh dalam 2018 yang akhirnya menyaksikan sepuluh pertuduhan didakwa terhadap tertuduh pada bulan Disember 2018.

[832] Kedua, walaupun isu pengakuan SP21 dibangkitkan dalam surat-surat akuan sumpah bertarikh 11 Oktober 2019 dan 15 Oktober 2019 yang masing-masing ditandatangani oleh SB4 (D283) dan SB5 (D285), fakta mengenai kewujudan surat-surat akuan sumpah itu sendiri langsung tidak dirujuk dalam penyataan bertulis SB4 (PSSB4) dan SB5 (PSSB5) yang diserahkan kepada pihak pendakwaan di bawah Seksyen 402B KTJ dan dibaca di mahkamah ketika SB4 dan SB5 memberi keterangan pada 3 September 2020. Dokumen sepenting itu hanya dikemukakan pertama kali oleh SB4 dan SB5 ketika mereka memberi keterangan lisan setelah selesai membaca penyataan saksi mereka pada hari 3 September 2020 tersebut.

[833] Ini agak membingungkan. SB4 sendiri, ketika disoalbalas oleh pihak pendakwaan, sahkan surat akuan sumpah beliau memang berada dalam simpanan beliau sejak tarikh diwujudkan pada 11 Oktober 2019. SB4 juga sahkan memiliki surat akuan sumpah ini sebelum beliau membuat pernyataan bertulis (PSSB4). Beliau juga setuju surat akuan sumpah itu telah diserahkan kepada peguambela tertuduh lebih kurang tiga bulan sebelum pernyataan bertulis (PSSB4) disediakan oleh SB4. Pihak pendakwaan sendiri menerima pernyataan tersebut pada 6 Ogos 2020.

[834] SB4 memberi satu penjelasan mengenai ketiadaan rujukan surat akuan sumpah itu dalam penyataan saksi beliau. Beliau terlupa. Ini sukar diterima. Tidak munasabah SB4 sekadar terlupa untuk menyatakan isu sepenting ini. Lebih-lebih lagi menurutnya pihak pembelaan juga telah diberi surat akuan sumpah tersebut sebelum penyediaan penyataan bertulis SB4.

[835] SB5 pula tidak disoalbalas oleh pihak pendakwaan mengenai tiada rujukan surat akuan sumpah beliau bertarikh 15 Oktober 2019 dalam penyataan bertulis SB5 sendiri (PSSB5).

[836] Ketiga, bolehkah kejadian pengakuan SP21 yang didakwa pihak pembelaan berlaku 8 Jun 2018 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya seperti yang dikatakan oleh SB4 dan SB5 dipercayai?

[837] Dalam surat akuan sumpah (tetapi tidak di dalam pernyataan bertulis mereka) SB4 dan SB5 menyatakan SP21 telah mengaku kepada mereka berdua bahawa selepas selesai semua urusan jual beli MPHS, pihak penjual telah memanggil beliau ke Sarawak dan memberi beliau sebanyak RM2 juta sebagai

tanda ucapan terima kasih. Menurut SB4 dan SB5 dalam surat akuan sumpah mereka, SP21 juga berkata beliau mengambil sebanyak RM1 juta buat simpanan dan RM1 juta lagi beliau agihkan kepada kawan-kawan politik.

[838] Mengapa perkara cerita pemergian SP21 ke Sarawak untuk mengambil wang RM2 juta dan pengagihannya tidak dinyatakan dalam pernyataan bertulis SB4 dan SB5 tetapi hanya ditambah ketika memberi keterangan di Mahkamah dengan cara pengemukaan surat akuan sumpah mereka?

[839] Mahkamah mendapati dalam apa keadaan pun, naratif SP21 mendapat upah RM2 juta (termasuklah penerimaannya di Sarawak) kerana bantuan beliau sebagai orang tengah dalam pembelian MPHS bercanggah dengan keseluruhan keterangan kes ini. Perkara ini tidak pernah timbul dalam keterangan (berkenaan pemergian SP21 untuk menerima wang bagi pihak tertuduh dalam transaksi ketujuh) saksi pendakwaan seperti SP16 yang menyerahkan wang kepada tertuduh (melalui SP21), abangnya Roney bin Zaidel (SP18) yang bersama SP16 menyerahkan wang dalam pertuduhan pindaan kelapan kepada SP21 di Kuching atau pun oleh pegawai penyiasat (SP22).

[840] Bukan itu sahaja, pembelaan langsung tidak menimbulkan surat akuan sumpah (D283 dan D285) oleh SB4 dan SB5 kepada saksi-saksi pendakwaan tersebut untuk mendapat reaksi mereka. Ini akan dianalisa dengan lebih lanjut kemudian.

[841] Menurut keterangan yang telah dikemukakan pihak pendakwaan, SP21 pergi ke Kuching dua kali. Pertama semasa melawat MPHS bersama-sama SP15 dan pasukan FICSB pada awal November 2013 yang meninjau sama ada cadangan pembelian MPHS patut disyorkan. Kali kedua pula pada hujung bulan Ogos 2015, setelah diminta oleh SP16 untuk berjumpa beliau di rumah abangnya (SP18) dan mengambil suapan berjumlah RM300,000 untuk diserahkan kepada tertuduh. Selepas sehari dua SP21 terima wang tersebut, SP21 telah menyerahkan beg hitam yang mengandungi wang tersebut kepada tertuduh di pejabatnya di Tingkat 49, Menara FELDA, seperti yang dirujuk sebelum ini. Ini adalah suapan kali ketujuh (pertuduhan pindaan kelapan) yang diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh pada satu tarikh antara 20 Ogos 2015 hingga 30 Ogos 2015.

[842] Tiada keterangan menunjukkan SP16 pernah menjemput SP21 ke Sarawak untuk memberi RM2 juta kepada SP21. Pihak pembelaan berhujah keterangan yang dibuat oleh SB4 ini selari dengan keterangan SP16 di mana wang tersebut diserahkan kepada SP21, yang mana turut diakui oleh SP21 terhadap SB4 bahawa SP21 telah pergi ke Sarawak untuk menerima wang

tersebut daripada SP16. Ini turut diakui oleh SP21 kepada SD4 bahawa wang tersebut adalah untuknya dan tertuduh dalam kes ini tidak mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut.

[843] Rumusan oleh pihak pembelaan ini terlalu longgar. Keterangan menunjukkan pemergian ke Sarawak oleh SP21 yang bertujuan mengambil wang adalah dengan penglibatan abang SP16, iaitu SP18, dan tujuannya seperti yang disahkan oleh SP16 adalah untuk diserahkan oleh SP21 kepada tertuduh. Jumlah yang diserahkan di rumah SP18 di Kuching bukan RM2 juta, tetapi RM300,000.

[844] Apa pun, jika betulpun pengakuan penerimaan RM2 juta oleh SP21 (yang sebenarnya tidak benar kerana tiada bukti yang boleh dipercayai), ini tidak secara terusnya menidakkan penerimaan wang suapan sejumlah RM3.09 juta oleh tertuduh. RM2 juta sebagai hadiah kepada SP21 mungkin saja wang yang lain daripada wang suapan yang diberikan kepada tertuduh. Lagipun, soalan yang dikatakan ditanya oleh SB4 kepada SP21 di pertemuan yang didakwa berlaku pada 8 Jun 2018 ialah sama ada SP21 (dan bukannya tertuduh) yang sudah mempunyai banyak duit. Semua ini menunjukkan kelemahan naratif yang diketengahkan oleh pihak pembelaan.

[845] SP21 juga tidak pernah dibuktikan telah menerima suapan sebanyak RM2 juta berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh SP22. Tiada juga bukti menunjukkan RM1 juta telah diagihkan kepada rakan politik SP21. Tiada keterangan menunjukkan RM1 juta disimpan oleh SP21 mahupun RM1 juta telah diagihkan oleh SP21 kepada SP15, SP16, SP17.

[846] Keempat, perlu dinyatakan bahawa bukan sahaja SB4 dan SB5 hanya membuat surat akuan sumpah masing-masing lebih setahun selepas kejadian pengakuan SP21. Mereka berdua juga langsung tidak merujuk kewujudan surat-surat akuan sumpah itu dalam penyataan bertulis SB4 (PSSB4) dan SB5 (PSSB5).

[847] Bukan itu sahaja. Malah, SB4 sahkan ketika disoalbalas oleh pihak pendakwaan bahawa dakwaan pengakuan SP21 menerima wang itu juga telah dimaklumkan oleh SB4 kepada tertuduh selepas kejadian pada 8 Jun 2018. Namun tiada tindakan susulan dilakukan oleh sama ada SB4, SB5 atau pun tertuduh sendiri, walaupun penyiasatan dilakukan terhadap tertuduh dan SP21 pada tahun 2017 lagi, dan tertuduh hanya didakwa di mahkamah bulan Disember 2018.

[848] Mahkamah dapati tiada langsung cadangan, lebih lagi keterangan, bahawa tertuduh meminta SB4 dan SB4 melaporkan perkara tersebut atau pun

melaporkan SP21 sendiri kepada SPRM. SB4 dan SB5 pun tidak memberi sebarang maklumat tersebut kepada SPRM, apa lagi surat akuan sumpah mereka.

[849] SB4 berkata beliau tidak membuat sebarang laporan kepada SPRM kerana beliau tidak anggap wang RM2 juta yang dikatakan diterima SP21 sebagai rasuah. Ini sukar diterima kerana beliau sendiri yang buat surat akuan sumpah yang mendedahkan pengakuan penerimaan oleh SP21 yang dikatakan menerima wang atas penglibatannya sebagai orang tengah dalam pembelian MPHS. SB4 juga sedia maklum daripada laporan media mengenai tahanan reman tertuduh dan SP21 oleh siasatan SPRM daripada tahun 2017 lagi. Tentunya maklumat tersebut boleh membantu siasatan. Alasan yang juga tidak meyakinkan diberikan oleh SB5 ialah beliau sebenarnya tidak terfikir untuk memaklumkan kepada SPRM pengakuan SP21 pada 2018 walaupun sedia maklum bahawa SPRM sedang waktu itu giat menyiasat tertuduh.

[850] Mahkamah patut nyatakan fakta penting di mana sebenarnya tertuduh sendiri, walaupun dikatakan dimaklumkan mengenai pengakuan SP21 oleh SB4 dan SB5, juga tidak mengambil sebarang tindakan memberi maklumat kepada SPRM bagi tujuan membantu siasatan dan membersihkan nama beliau dalam tempoh siasatan. Tambahan pula, mecurigakan juga bahawa walaupun SB4 dan SB5 berkata mereka telah memaklumkan tertuduh mengenai pengakuan penerimaan wang oleh SP21 berkaitan MPHS, nama SB4 dan SB5 pun langsung tidak timbul dalam keterangan tertuduh sendiri. Apatah lagi tentang dakwaan pengakuan oleh SP21 itu.

[851] Kelima, cadangan pihak pendakwaan bahawa SP21 tidak pernah mengaku terima duit kepada SB4 dan SB5 ada meritnya. Naratif pihak pendakwaan adalah SP21 berperanan sebagai orang tengah kepada tertuduh untuk meminta dan menerima suapan daripada SP16 bagi pihak tertuduh. SP21 juga telah memberi rakaman percakapan kepada SPRM semasa siasatan dan keterangan beliau berikan di mahkamah pula adalah sebagaimana yang beliau berikan dalam siasatan. SP21 tidak menyatakan di mahkamah beliau telah memberi keterangan yang berbeza selain daripada apa yang diberitahu di mahkamah.

[852] Oleh itu, boleh dipersoalkan apakah motif SP21 menceritakan apa-apa berkaitan MPHS kepada SB4 dan SB5 yang tiada kena mengena langsung dengan pembelian MPHS. Mereka juga tiada jawatan dalam FICSB dan FELDA. Ketika disoalbalas, SP21 sebelum ini menyatakan dengan jelas bahawa beliau mengenali SB4 dan SB5 tetapi tidak rapat. Sebaliknya mereka berdua adalah kawan rapat tertuduh. SB4 mengenali tertuduh sejak tahun 1994 terutamanya permulaannya kerana penglibatan mereka dalam sukan tinju yang mana tertuduh pernah menjadi Presiden Malaysia Boxing

Federation, dan SB5 pula sejak 1976 disebabkan penglibatan mereka dalam UMNO. Sebaliknya, SB4 dan SB5 hanya mula mengenali SP21 sejak beliau berkhidmat sebagai pegawai khas tertuduh di FELDA.

[853] Semasa disoalbalas oleh pihak pendakwaan, SB4 sahkan SP21 tidak pernah sebelum itu memberitahu SB4 mengenai MPHS, lawatan beliau ke Sarawak, perjumpaannya dengan SP16 dan tentang SP21 terima wang sebanyak sembilan kali dan menyerahkannya kepada tertuduh.

[854] Mahkamah berpendapat tiada sebab munasabah untuk SP21 memberitahu atau mengaku kepada SB4 dan SB5, apatah lagi secara tiba-tiba, apa-apa mengenai MPHS dan peranan beliau berkaitan dengannya, lebih-lebih lagi tentang peranan beliau memegang wang yang banyak bagi tujuan apa sekalipun. Tambahan pula diketahui umum ketika itu bahawa SP21 sendiri dan juga tertuduh sebelumnya dalam tahun 2017 pernah direman dalam siasatan berkaitan MPHS.

[855] Keenam, tiada keterangan jelas tarikh sebenar pertemuan di Hotel Pulse Grande Putrajaya — sama ada pada 6 Jun 2018 atau 8 Jun 2018. SB4 tidak merujuk sebarang tarikh dalam penyataan bertulis beliau (PSSB4). Ketika memberi keterangan di mahkamah, SB4 menjelaskan bahawa dua hari sebelum memberi keterangan, beliau telah berusaha mencari bukti untuk memastikan tarikh perjumpaan tersebut. Beliau memberi keterangan menemui bukti perjumpaan di Hotel Pulse Grande berlangsung pada 8 Jun 2018 berdasarkan sekeping gambar (D284) yang memaparkan beberapa individu yang dikenalpasti sebagai SB4 sendiri, SB5, SP21, SB6 (pemilik kamera) dan para pelabur daripada Jepun.

[856] Tetapi gambar tersebut (D284) tiada tertera sebarang tarikh. Oleh itu keterangan SB4 bahawa beliau meminda tarikh daripada 6 Jun 2018 kepada 8 Jun 2018 kerana mengikut tarikh yang tercatat pada gambar itu tidak tepat sama sekali. SB5, yang hanya mengikut SB4 ke pertemuan di hotel tersebut, memberi keterangan yang tiada bezanya mengenai pindaan yang beliau lakukan.

[857] Ketujuh, keterangan SB4 dan SB5 berkenaan perjumpaan berdasarkan gambar (D284) yang dicam oleh mereka di mahkamah adalah juga tidak meyakinkan. SB4 mengatakan beliau mengetahui tentang tarikh sebenar perjumpaan di Hotel Pulse Grande Putrajaya berdasarkan tarikh 8 Jun 2018 yang tercatit pada gambar yang diambil pada tarikh berlaku kejadian tersebut. Ini menurutnya gambar eksh D284 yang dikatakan dihantar oleh SB6 kepada beliau. SB4 berkata gambar (D284) disimpan oleh SB6 dan SB4 telah minta SB6 menghantar gambar tersebut kepada SB4.

[858] Tetapi bila disoalbalas, SB4 setuju tarikh dan masa tidak tertera di gambar (D284). Beliau menyatakan pula tarikh dan masa ada di gambar lain, menjelaskan beliau merujuk beberapa gambar yang lain, salah satu gambarnya adalah eksh D284 tersebut. Dan dikatakan gambar-gambar lain tersebut diambil pada hari yang sama, tempat yang sama dan ada juga tertulis tarikh.

[859] SB5 juga berkata dia menerima gambar (D284) yang dihantar oleh DW6 kepada beliau. Beliau juga sahkan ketika disoalbalas bahawa gambar (D284) sebenarnya tidak bertarikh. Tetapi SB5 memberi keterangan bahawa ada tarikh pada gambar yang beliau lihat dalam telefon, dan juga berkata terdapat tarikh pada gambar lain.

[860] Menurut SB6 pula (seorang doktor dan kenalan kepada SB5) yang kameranya dikatakan diguna untuk ambil gambar tersebut, gambar itu (D284) tidak pernah ditunjuk atau diberi kepada SB4 dan SB5. SB6 ada menunjuk gambar (D284) kepada mereka dua hari sebelum memberi keterangan (1 September 2020) sebagai respons pertanyaan SB4 dan SB5 mengenai memori gambar D284. SB6 juga sahkan hanya ada satu gambar D284 dalam folder album di telefon bimbit Samsung Note 5 beliau. Tiada keterangan lain sama ada terdapat gambar-gambar lain yang merujuk kepada pertemuan di Hotel Pulse Grande Putrajaya. Apa pun tidak dinafikan daripada gambar (D284) sahaja, tiada rujukan ianya diambil di Hotel Pulse Grande Putrajaya, dan walaupun diambil oleh kamera SB6, orang yang mengambil gambar tersebut ialah dikata seorang pelayan di hotel tersebut, kerana SB6 sendiri seperti yang dikatakan sebelum ini, juga muncul dalam gambar D284 tersebut.

[861] Tiada bukti yang menyokong keterangan SB4 dan SB5 bahawa mereka terima gambar D284 dan juga gambar-gambar lain (seperti contohnya disimpan dalam telefon bimbit mereka) yang dikatakan menunjukkan perjumpaan berlaku pada 8 Jun 2018 di Hotel Pulse Grande Putrajaya. Kewujudan gambar-gambar lain yang dikatakan menunjukkan berlakunya perjumpaan tersebut, seperti sekiranya ada disimpan dalam album telefon bimbit SB6 juga tidak disahkan secara berasingan.

[862] Kelapan, ketulenan gambar (D284) juga boleh dipersoalkan. Mahkamah maklum bahawa gambar asal perjumpaan yang disimpan dalam telefon Samsung Note 5 (D286) yang ditunjukkan oleh SB6 di mahkamah mengandungi *stamp* tarikh '18/6/2018' dan masa tidak direkodkan. Bukannya 8 Jun 2018. Kemudian, dalam keterangannya SB6 akui gambar (D284) tidak mengandungi tarikh dan masa.

[863] SB6, pemilik kamera Samsung Note 5, yang merupakan kenalan kepada SB4 dan SB5 juga sahkan gambar itu boleh diedit, walaupun beliau sendiri berkata tidak tahu bagaimana. SB6 tambah bahawa tarikh dan masa

dalam gambar juga boleh diedit. Beliau memberi keterangan bahawa gambar itu dan telefon beliau (D286) pun tidak pernah diserah kepada SPRM untuk disiasat. Beliau sendiri setuju ketulenan gambar tersebut hanya boleh disahkan oleh pakar.

[864] Kesembilan, pindaan yang dilakukan oleh SB4 dan SB5 kepada tarikh kejadian di mana dikatakan SP21 mengaku menerima wang RM2 juta daripada 6 Jun 2018 kepada 8 Jun 2018 tidak pula dinyatakan di dalam surat akuan sumpah mereka yang merujuk kepada 6 Jun 2018. Surat-surat akuan sumpah dibuat dalam bulan Oktober 2019. Mengapa keduanya tidak bertindak untuk meminda tarikh di dalam dokumen itu sendiri. Sebaliknya mereka meminda tarikh dengan menyatakannya dalam pernyataan saksi mereka dan dalam keterangan di mahkamah.

[865] Mahkamah maklum bahawa SB4 dan SB5 mendakwa mereka hanya tahu tentang tarikh sebenar dua atau tiga hari sebelum memberi keterangan setelah melihat gambar yang dikirim oleh SB6. Tetapi untuk mewujudkan keterangan yang berasaskan sesuatu surat akuan sumpah, SB4 dan SB5 sepatutnya memastikan segala peraturan berkenaan dengannya adalah dipatuhi. Sebarang ketidakpatuhan boleh dijadikan sebab untuk menyangkal kebolehpercayaan kenyataan dalam surat akuan sumpah tersebut. Dalam kes ini, seperti yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan, SB4 dan SB5 sepatutnya mematuhi Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 dengan meminda tarikh dalam surat-surat akuan sumpah (D283 dan D285) di hadapan pesuruhjaya sumpah dan menandatangani ringkas ke atas perubahan pada tarikh 8 Jun 2018 yang dibuat di dalam dokumen-dokumen tersebut.

[866] Pesuruhjaya sumpah pula seterusnya mesti menandatangani secara ringkas serta menurunkan cop meterai kecil pindaan ke atas kedua-dua surat akuan sumpah tersebut menurut k 11(2)(c), Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018. Peruntukannya adalah jelas, dan seperti berikut:

> Commissioner For Oaths Rules 2018
>
> 11 Conduct and functions of a Commissioner for Oaths
>
> (2) In performing his functions, a Commissioner for Oaths shall personally attend to any person requiring his services, and shall —
>
> ...
>
> (c) initial, affix small seal and ensure the deponent initial any alteration made in the document to be sworned or affirmed; ...

[867] Kesepuluh, isu yang amat penting yang telah pun disentuh sebelum ini. Iaitu kegagalan tertuduh untuk membangkitkan banyak perkara yang ditimbulkan oleh saksi-saksi pembelaan seperti SB4 dan SB5 ketika

menyoalbalas saksi pendakwaan seperti SP16, SP22 dan terutama sekali SP21. Mahkamah dapati tidak boleh dinafikan bahawa fakta-fakta khusus tentang pengakuan yang dikatakan dibuat pada 8 Jun 2018 di Hotel Pulse Grande Putrajaya oleh SP21 kepada SB4 dan SB5 dalam surat-surat akuan sumpah dan penyataan bertulis mereka langsung tidak diajukan semasa SP21 disoalbalas di peringkat pendakwaan.

[868] Memang benar pihak pembelaan ada timbulkan nama-nama SB4 dan SB5 semasa soalbalas SP21 di peringkat pendakwaan. Tetapi ini hanyalah tentang tertuduh menyoalbalas SP21 sekiranya kenal rapat SB4 dan SB5 atau tidak dan sama ada SP21 ada berjumpa SB4 dan SB5 dan mengaku kepada mereka SP21 ada terima duit. SP21 menjawab beliau tidak mengaku terima duit di hadapan SB4 dan SB5 dan mereka adalah rakan kepada tertuduh.

[869] Tetapi perincian penting yang disahkan oleh SB4 dan SB5 tentang pertemuan dan pengakuan SP21 kepada mereka berdua yang dikatakan berlaku pada tarikh 8 Jun 2018 di lokasi Hotel Pulse Grande, Putrajaya dan kewujudan gambar D284 itu tidak pula dibangkitkan langsung. Perkara lain adalah fakta SP21 telah dipanggil ke Sarawak selepas selesai urusan jual beli MPHS dan diberi RM2 juta sebagai tanda terima kasih, dan SP21 mengambil RM1 juta untuk simpanan dan RM1 juta pula diagih-agihkan kepada kawan-kawan politik beliau. Tiada juga soalan kepada SP21 mengenai penyataan SB4 dan SB5 bahawa apabila ditanya oleh SB4 sama ada tertuduh tahu mengenai penerimaan wang oleh SP21, SP21 dikatakan menjawab 'Tan Sri Isa tidak tahu berkenaan transaksi ini'.

[870] Hakikatnya, SP21 tidak dicabar langsung di peringkat pendakwaan mengenai fakta-fakta khusus yang dinyatakan oleh SB4 dan SB5 dalam surat-surat akuan sumpah dan penyataan bertulis mereka.

[871] Adakah ini suatu pemikiran kemudian atau *afterthought*?

[872] Pihak pembelaan kata tidak. Mereka berhujah pihak pembelaan hanya perlu untuk menimbul dan meletakkan pembelaan yang penting (*crucial*) sahaja kepada saksi-saksi pendakwaan. Pembelaan secara terperinci tidak perlu pada peringkat pendakwaan. Pembelaan-pembelaan secara terperinci ini hanya kemudiannya dizahirkan untuk menjadi keterangan ketika tertuduh dan saksi pembelaan memberikan keterangan di peringkat pembelaan sekiranya tertuduh dipanggil untuk membela diri.

[873] Seperti yang dirujuk sebelum ini, tugas pihak pembelaan hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja terhadap kes pendakwaan. Tidak timbulnya beban untuk tertuduh untuk membuktikan ketidakbersalahan mereka ketika di peringkat pendakwaan.

[874] Pihak pembelaan merujuk kes Mahkamah Rayuan *Public Prosecutor v Amrizal bin Abdullah* [2017] MLJU 219; [2016] MLRHU 108 berkenaan dengan tatacara bagaimana pembelaan harus meletakkan pembelaan mereka kepada saksi-saksi pendakwaan. Tengku Maimun Tuan Mat JCA (sekarang CJ) berkata seperti berikut:

> [30] In the light of the above evidence, we agreed with the following ?ndings of the learned trial judge (Record of Appeal Vol 1: pg 34):
>
> ...
>
> [52] But how far is this to extend? Must each and every detail be raised in order for the accused not to run the risk of his defence being characterised as an afterthought? Bearing in mind the respective burdens upon the parties and especially the fact that the accused person needs only to raise a reasonable doubt, the sufficiency of putting across one's case has to be assessed on a case to case basis. I therefore do not think that any form of generalisation can be made that a failure to put each and every detail must necessarily result in the defence being rejected as an afterthought.
>
> [31] If we may add, to our minds, the answer to His Lordship's question as to the extent of putting one's case, can be found in *Wong Swee Chin*, where it specifically made reference to 'a crucial part of the case', not on every detail of the case. Hence although the character Udin was not specifically put, we found no error in the learned trial judge's finding that the defence was not an afterthought defence.

[875] Pihak pembelaan terus berhujah bahawa hanya pembelaan yang penting sahaja mesti dibangkit dan diletakkan kepada saksi pendakwaan. Perincian kes, di peringkat itu tidak perlu. Ini dikatakan jelas dalam kes duluan penting *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 yang menyatakan bahawa pembelaan yang perlu diletakkan dan dicabar kepada saksi-saksi pendakwaan adalah pembelaan-pembelaan yang *crucial*. Jika tidak, barulah pembelaan tersebut menjadi satu pembelaan yang terkemudian. Petikan daripada penghakiman Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (HRH pada ketika itu) dalam kes itu amat relevan, seperti berikut:

> Mr Jagjit Singh also raised as one of his main grounds of appeal that the trial judge erred in law when he held that the failure of the defence to cross examine the two prosecution witnesses on the ammunition actually found in the trouser pockets of the appellant at the time of his arrest (the subject-matter of the third charge) constituted a clear admission of the charge of possession by the appellant. We consider that statement of the law as a misdirection. A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[876] Dalam kes Mahkamah Rayuan *Al Bakhtiar bin Ab Samat v Public*

Prosecutor [2012] 4 MLJ 713; [2012] 3 MLRA 547 diputuskan juga bahawa pembelaan-pembelaan penting (*crucial*) ini kemudiannya dizahirkan menjadi satu keterangan sekiranya tertuduh dipanggil untuk membela diri di mana ianya melalui proses 'crystallised into evidence'.

[877] Pihak pembelaan juga membuat rujukan kepada satu keputusan mahkamah ini sendiri dalam kes *Pendakwa Raya v Huang Qiang* [2020] MLJU 895; [2020] 7 AMR 160 di mana telah dijelaskan berikut:

> [73] However, as correctly stated by the learned trial judge, the basis of the defence of the respondent, which was the denial of the occurrence of the incident, had been made clear during the prosecution case. The argument that this evidence of DW1 constituted a fabrication or recent invention is of little merit. The interruption in the journey to and from the dry gym and the evidence that they both stopped before entering the pool area would be evidence supporting the respondent's case that the rape could not have taken place if the duration of time involved was properly examined.
>
> [74] Furthermore, it should be recognized that whilst issues may have been raised by the defence at the prosecution stage, those are at that stage sufficient merely for the purpose of ascertaining whether or not a prima facie case can be proved. But significantly, these issues are not yet evidence of the defence when introduced at the prosecution stage. They could generally only be adduced as evidence at the defence stage.

[878] Mahkamah rujuk kembali kepada saksi-saksi pembelaan SB2 dan SB3, di mana pihak pendakwaan juga telah menghujahkan pihak pembelaan gagal untuk menyoal dan meletakkan pelbagai perkara mengenai isu berkenaan SP21 membawa beg berisi wang untuk diserahkan kepada tertuduh di pejabat tertuduh di Tingkat 49 Menara FELDA. Seperti yang diterangkan sebelum ini, mahkamah telah mendapati tiada isu pemikiran terkemudian (*afterthought*) tentang pembelaan tertuduh yang berkenaan dengan SB2 dan SB3 kerana pembelaan yang penting atau terasnya telah diletakkan kepada SP21. Walau bagaimanapun, penemuan mahkamah adalah keseluruhan keterangan SB2 dan SB3 tidak membantu pembelaan tertuduh.

[879] Merujuk kepada SB4 dan SB5 pula, pembelaan bahawa SB4 dan SB5 pernah bertemu dengan SP21 dan SP21 ada memberitahu kepada mereka bahawa SP21 ada menerima wang sebanyak RM2 juta sebagai tanda ucapan terima kasih juga, dihujahkan pihak pembelaan, turut diletakkan, dicabar dan dicadangkan kepada SP21 ketika beliau disoal balas. Pihak pembelaan bergantung kepada petikan kepada soal balas berikut:

> S: Setuju atau tidak dengan saya kalau saya katakan bahawa kamu pernah mengaku dekat kawan kamu 2 orang ini iaitu seorang bernama Dahalan bin Tunggal dan seorang bernama Mohd Jani bin Ismail, kamu kenal mereka?

J: Kenal.

S: Kawan kamu, bukan?

J: Kenal.

S: Rapat?

J: Tidak rapat.

S: Semuanya tidak rapat. Bila tiba kita hendak tanya, tidak rapat. Bila Hj Ikhwan yang baru kenal sudah boleh jadi rapat. Tidak apalah tidak kenal pun tidak apalah. Tidak rapat pun tidak apalah. So, kamu pernah berjumpa dengan mereka ini, bukan?

J: Pernah.

S: Selepas kamu ditangkap pun kamu pernah berjumpa dengan mereka, bukan?

J: Ya.

S: Setuju atau tidak dengan saya kalau saya katakan bahawa kamu ada jumpa dengan mereka untuk mengaku bahawa kamu ada ambil duit?

J: Tidak setuju.

[880] Pihak pembelaan berhujah, berdasarkan petikan kepada soal balas terhadap SP21 di atas, adalah jelas bahawa pembelaan berkenaan dengan pengakuan SP21 yang telah memberitahu kepada SB4 dan SB5 berkenaan dengan penerimaan wang rasuah telah pun diletakkan kepada SP21. Walau pun SP21 menafikan cadangan berkenaan, menurut pihak pembelaan, mahkamah tidak boleh menyatakan bahawa pembelaan ini merupakan satu pembelaan yang terkemudian memandangkan pembelaan ini pernah dicadangkan kepada SP21. Fakta-fakta pembelaan ini kemudiannya telah dizahirkan menjadi keterangan yang kukuh apabila SB4 dan SB5 memberikan keterangan di mahkamah. Keterangan tersebut kemudiannya telah disokong oleh keterangan SB6 dan seterusnya disokong oleh gambar dalam eksh D284.

[881] Mahkamah dapati adalah benar di peringkat pendakwaan, tertuduh ada sedikit menyoalbalas SP21 tentang SB4 dan SB5. Benar SP21 akui kenal mereka berdua tetapi SP21 menafikan beliau pernah mengaku terima duit kepada SB4 dan SB5 (menurut keterangan SB4 dan SB5 kemudian, mereka bukan kenalan rapat SP21 tetapi mereka kawan tertuduh).

[882] Itu sahaja soal balas berkenaan SP21 yang diajukan kepada SB4 dan SB5. Cukupkah soalan sedikit itu dijadikan satu teras penting pembelaan bahawa SP21 yang mengambil wang rasuah dan bukannya tertuduh?

[883] Pihak pembelaan tidak pernah mengajukan soalan khusus atau perincian kepada SP21 bahawa SP21 pernah bertemu SB4 dan SB5 pada

tarikh 8 Jun 2018 yang berlokasi di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Tiada juga soalan kepada SP21 sama ada beliau ada beritahu SB4 dan SB5 bahawa 'beliau ada sedikit duit apabila menjadi orang penghubung dalam urusan penjualan Hotel Merdeka Palace di Sarawak di mana beliau telah diberikan sebanyak RM2 juta sebagai tanda ucapan terima kasih' seperti yang disebut dalam penyataan saksi SB4 dan SB5. Tiada juga soalan kepada SP21 mengenai penyataan SB4 dan SB5 bahawa apabila ditanya oleh SB4 sama ada tertuduh tahu mengenai penerimaan wang oleh SP21, SP21 dikatakan menjawab 'Tan Sri Isa tidak tahu berkenaan transaksi ini'.

[884] Mahkamah mesti tekankan bahawa perkara pengakuan oleh SP21 yang didakwa berlaku pada 8 Jun 2018 telah dimaklumkan kepada tertuduh sejurus selepas kejadian oleh SB4 dan SB5, menurut keterangan mereka sendiri. Mereka juga tahu tertuduh dan SP21 disiasat dan direman oleh SPRM pada tahun 2017 lagi. Mengapa tertuduh tidak menyoal SP21 mengenai perkara-perkara ini ketika SP21 di kandang saksi untuk memberi peluang ianya disangkal atau dijelaskan oleh SP21?

[885] Perlu diingatkan dalam kes Mahkamah Rayuan *Public Prosecutor v Amrizal bin Abdullah* yang dirujuk pihak pembelaan sendiri, seperti yang dipetik sebelum ini, panel Mahkamah Rayuan yang dalam kes itu dipengerusikan oleh Tengku Maimun Tuan Mat JCA (sekarang CJ) bersetuju bahawa mengambil kira beban atas pihak-pihak, persoalan cukup atau tidaknya peletakan sesuatu kes kepada pihak bertentangan mestilah dinilaikan dalam setiap kes tanpa satu peraturan bersifat am yang terpakai dalam semua kes. Sebenarnya kes itu juga menyatakan tiada peraturan am boleh dipakai dalam semua kes bahawa kegagalan meletakkan setiap *perincian* kepada pihak lawan mesti mengakibatkan pembelaan ditolak kerana pemikiran kemudian.

[886] Perincian yang dibangkitkan melalui SB4 dan SB5 ini boleh dibezakan dengan fakta khusus yang ditimbul oleh SB2 dan SB3 sebelum ini. Mahkamah ulangi sekali lagi bahawa perincian mengenai keterangan SB2 dan SB3 jika pun terlebih dahulu disoal kepada SP21 adalah bersifat penafian (bahawa tiada sesiapa melihat kejadian) kerana versi pembelaan adalah kejadian sembilan kali penyerahan wang oleh SP21 kepada tertuduh di pejabat tertuduh tidak berlaku. Pihak pembelaan menafikan SP21 ada melakukan penyerahan wang suapan di pejabat tertuduh. Pendakwaan pula berkata ianya berlaku tetapi sama ada disembunyikan oleh SB2 dan SB3 atau mereka pun tidak tahu ianya berlaku. Mahkamah telah mendapati SB2 dan SB3 tidak sedar kejadian tersebut berlaku.

[887] Situasi mengenai perincian yang dinyatakan oleh SB4 dan SB5 pula amat berbeza. Mereka mendakwa SP21 telah melakukan sesuatu tindakan (*affirmative act*) iaitu membuat pengakuan kepada mereka mengenai

penerimaan wang oleh SP21 sebagai hadiah berkaitan pembelian MPHS. Mereka ada tarikh dan tempat spesifik, dan mereka berkata ada lagi mendengar SP21 berkata-kata mengenai pemergian ke Sarawak, jumlah wang, pengetahuan tertuduh mengenainya dan kegunaan wang RM2 juta tersebut. Mahkamah berpendapat perincian ini adalah sebahagian daripada teras penting pembelaan mengenai perbuatan pengakuan SP21 yang sepatutnya diajukan dan diletakkan kepada beliau semasa kes di peringkat pendakwaan.

[888] Benar, SP21 ada menafikan membuat sebarang pengakuan tetapi pembelaan langsung tidak menyoal SP21 semua perincian khusus mengenai pengakuan tersebut. Perincian yang diketahui oleh SB4 dan SB5 dan tertuduh sendiri pada 8 Jun 2018 atau sejurus selepas itu. Perincian yang direkodkan dalam surat akuan sumpah dalam bulan Oktober 2019 yang dibuat oleh SB4 dan SB5 yang kemudiannya dipanjangkan lagi dalam penyataan bertulis mereka. Dan juga seperti yang dinyatakan di atas, semua fakta berkaitan dengan pengakuan, termasuk kewujudan surat-surat akuan sumpah dan gambar (D284) langsung tidak pada bila-bila masa pun, dilaporkan kepada SPRM yang menyiasat dan mereman tertuduh, dan SP21 sejak 2017, yang membawa pertuduhan-pertuduhan rasuah ke atas tertuduh bulan Disember 2018 yang dilaporkan meluas di media massa yang mana jelas pertuduhan rasuah adalah berasaskan penerimaan wang oleh tertuduh yang diberikan SP16 melalui SP21.

[889] Memang benar seperti dihujahkan oleh pihak pembelaan, penimbulan nama-nama SB4 dan SB5 ini semasa kes pendakwaan lagi membolehkan pihak pendakwaan menyiasat individu-individu ini bagi memastikan kesahihan keterangan mereka sebelum pihak pembelaan membawa mereka sebagai saksi. Ia adalah merupakan prinsip undang-undang matan bahawa siasatan masih boleh dijalankan semasa perbicaraan seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215.

[890] Memang tidak dinafikan siasatan masih boleh dijalankan ketika prosiding jenayah sedang berjalan. Contohnya dalam satu keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Ng Yiu Kwok and Ors v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 166 tiada masalah tentang penyiasatan yang dilakukan setelah perbicaraan bermula untuk mencari saksi (*maker of document*) yang perlu untuk bentangkan keterangan sebagai ekshibit yang telah pun dikemukakan oleh pendakwaan sebagai *identification document*. Dan prinsip utama ialah mahkamah hanya perlu memastikan sesuatu keterangan itu boleh diterima (*admissible*) dan bukannya bagaimana ianya diperolehi.

[891] Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat ianya merupakan keputusan pendakwaan untuk menentukan sekiranya penyiasatan mengenai

SB4 dan SB5 diperlukan berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan SP21 ketika disoalbalas. Seperti yang diterangkan sebelum ini soalan adalah sekiranya beliau kenal SB4 dan SB5; dan jika beliau ada mengaku terima wang di hadapan mereka, yang dinafikan SP21. Itu sahaja tanpa maklumat lain. Oleh itu adalah mudah difahami mengapa pendakwaan tidak berminat untuk membuat sebarang penyiasatan mengenai SB4 dan SB5 kerana langsung daripada jawapan tersebut tiada yang menjejaskan kes pendakwaan atau pun yang memberikan maklumat yang mungkin boleh mengubah versi naratif pihak pendakwaan.

[892] Sesungguhnya beban atas pendakwaan sepanjang prosiding perbicaraan jenayah adalah untuk membuktikan kebersalahan tertuduh melampaui keraguan munasabah. Dan di akhir kes pendakwaan, berpaksikan kepada saksi-saksi mereka, termasuk SP21, mereka telah berjaya membuktikan kes secara prima facie. Ini juga tidak termasuk fakta bahawa penjelasan kewujudan SB4 dan SB5, sekiranya relevanpun, tidak pernah dibangkitkan sebelum ini langsung, malah juga nampaknya tidak kepada pegawai penyiasat (SP22).

[893] Mahkamah setuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa dalam kes *Amrizal bin Abdullah* yang merupakan satu keputusan Mahkamah Tinggi, selepas ditangkap kerana dadah yang ditemui di bahagian tempat duduk belakang pemandu, tertuduh telah memberitahu pihak polis beliau tiada pengetahuan tentang dadah yang ditemui dalam kereta tersebut. Tertuduh telah pun di peringkat awal memaklumkan kepada polis bahawa tertuduh dijanji oleh seseorang bernama 'Bunung' bahawa tertuduh akan dibayar upah RM2,000 sekiranya beliau memandu kereta dan menyerahkan kereta kepada seorang bernama 'Udin' di Butterworth. Tertuduh juga memandu ke arah polis ke pasaraya tempat beliau bekerja untuk mengesan Bunung, tetapi tidak berjaya. Oleh itu Mahkamah Tinggi mendapati kerana tertuduh telah mendedahkan identiti dan peranan Bunung kepada pihak polis sejurus selepas beliau ditangkap, pembelaan beliau bukanlah bersifat difikirkan kemudian.

[894] Juga dalam kes *Al Bakhtiar bin Ab Samad* tertuduh telah mengemukakan pembelaan secara terperinci di peringkat pendakwaan berdasarkan soalbalas yang dikemukakan bahawa dadah yang dijumpai dalam bilik bukan milik tertuduh, dadah tersebut ditemui oleh polis ketika serbuan dan beliau tidak pernah menunjukkan dadah kepada pihak polis. Di peringkat pembelaan pula, tertuduh memanggil saksi-saksi untuk menunjukkan dadah tersebut milik orang lain yang tinggal dalam rumah tersebut dan bilik tersebut boleh diakses oleh orang lain. Mahkamah Rayuan mendapati pembelaan yang dikemukakan tertuduh juga bukan suatu yang difikirkan kemudian.

[895] Mahkamah dapati fakta dalam kes-kes tersebut amat berbeza dengan pendekatan yang diambil oleh tertuduh dalam kes semasa di mana perkara

berkaitan pengakuan penerimaan RM2 juta oleh SP21 yang didakwa diberitahu oleh SP21 kepada SB4 dan SB5, dan juga pengakuan yang dikatakan dibuat oleh SP21 kepada tertuduh bahawa SP21 telah terpaksa 'implicate' tertuduh (dihurai selepas ini), bukan sekali tapi dua kali, semuanya langsung tidak dibangkitkan semasa soal balas SP21 atau mana-mana saksi dalam kes pendakwaan. Apatah lagi perkara-perkara tidakpun dimaklumkan kepada pihak polis.

[896] Kedudukan isu ini di sisi undang-undang telah dinyatakan oleh mahkamah ini dalam kes yang dirujuk oleh pihak pembelaan, iaitu *Pendakwa Raya v Huang Qiang* [2020] MLJU 895; [2020] 7 AMR 160, seperti berikut:

> [76] It is after all incumbent on the defence to have introduced the key defence which constituted its case at the prosecution stage in any event. This is a rule of essential justice. The case of the defence must be put to the material witnesses of the prosecution. The former Federal Court had ruled in *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 that a failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of a witness's testimony.
>
> [77] Such failure may also move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention. Which is not the case presently. It is thus clear that the defence of an accused can be ascertained not merely from his own evidence but also the line of cross-examination of the prosecution's witnesses (see *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215).
>
> [78] In particular, the following observations by Edgar Joseph Jr FCJ in *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 AMR 817 merit reproduction:
>
> > Speaking generally, in a criminal trial, the whole point and purpose of the defence having to put its case to such of the prosecution witnesses as might be in a position to admit or deny it, is to enable the prosecution to check on whether an accused's version of the facts is true or false, and thus avoid the adverse comment, that the defence is a recent invention -in other words, 'kept up its sleeve', as it were -and revealed for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, thus detracting from the weight to be accorded to the defence. However, failure on the part of the defence to put its case, as aforesaid, can never, by itself, relieve the prosecution of its duty of establishing the charge against the accused beyond any reasonable doubt.
> >
> > At this stage, we would interpolate to remark — though we are digressing somewhat from the point concerning the onus of proof — that the judge went so far as to hold 'that the defence by its failure so to put such questions to the prosecution witnesses ought not to be allowed to raise such issues at the defence stage'. In this, he was clearly wrong, since it is settled law that, although a court may view with suspicion a defence which has not been put to the appropriate prosecution witnesses who might have personal knowledge of the points at issue, the court is still bound to consider the defence, however weak, and to acquit if

A not satisfied that the prosecution has discharged the burden of proof which rests upon it.

[897] Isunya adalah kebolehpercayaan saksi-saksi pembelaan yang memberi keterangan yang sepatutnya boleh dibangkitkan dan diletakkan kepada saksi-saksi pendakwaan. Seperti yang dinyatakan dengan ringkas dan padat oleh Zaki Tun Azmi CJ dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236

> [36] This is however not to say that there is any burden placed on the accused to disprove any guilt or to prove innocence. It is only assessing the credibility of a witness, in this case the second appellant's credibility. In order to determine whether an accused was telling the truth, one of the consideration is whether he had indicated his defence during the prosecution's case ...

[898] Oleh yang demikian mahkamah putuskan bahawa pembelaan mengenai pengakuan yang dikatakan dibuat oleh SP21 kepada SP4 dan SP5 adalan suatu pembelaan lewat atau *afterthought*, dan sebenarnya satu cerita yang dibuat-buat, dan satu rekaan yang lemah. Ini sahaja sudah secara seriusnya menjejaskan pembelaan tertuduh.

[899] Sekiranya, seperti sepatutnya, sembilan isu yang lain diambil kira juga, tiada kesangsian bahawa nilai kebolehpercayaan keterangan-keterangan kedua-dua saksi pembelaan ini, SB4 dan SB5 mengenai dakwaan pengakuan oleh SP21 tersebut tidak boleh diterima. Keterangan-keterangan SB4 dan SB5 (dan SB6) tidak langsung menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, dan sama-sekali gagal mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM.

(C) Pembelaan bahawa SP21 sengaja membabitkan atau 'implicate' tertuduh

[900] Dalam keterangannya tertuduh mengulangi dakwaan SP21 mempunyai motif untuk mengenakan atau 'implicate' tertuduh dengan kesalahan menerima suapan. Di akhir kes pendakwaan mahkamah telah membuat dapatan bahawa tiada sebab mahupun keterangan yang menyokong naratif ini.

[901] SP21 adalah pegawai khas tertuduh sejak 2011 hingga Disember 2016. Tiada keterangan oleh tertuduh sendiri yang beliau mempunyai masalah dengan SP21 sepanjang tempoh tersebut. Tertuduh setuju SP21 merupakan pegawai bawahan beliau yang menjalankan tugas seperti yang diarah oleh tertuduh. SP21 menerima arahan langsung daripada tertuduh termasuk arahan lisan. Tetapi tertuduh mengatakan SP21 tidak berprinsip dalam politik kerana sering melompat parti. Tertuduh berkata beliau telah memecat SP21

daripada memegang jawatan pegawai khas politik selepas SP21 lantang mengkritik Kerajaan ketika itu dan membuat pula kenyataan menyokong Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun, mahkamah dapati adalah penting untuk dititikberatkan bahawa penamatan kontrak SP21 diakui oleh tertuduh tiada kaitan dengan pembelian MPHS.

[902] Oleh itu, berdasarkan keterangan yang diberikan tertuduh sendiri, tiada sebab untuk SP21 'implicate' tertuduh kecuali SP21 mendedahkan perkara sebenar mengenai suapan-suapan yang telah diterima daripada SP16 melalui SP21. Ini juga selari dengan dapatan di akhir kes pendakwaan bahawa dakwaan SP21 adalah seorang saksi yang berkepentingan dan mahu mengenakan tertuduh kerana telah membuat *bold* beberapa perkataan dalam penyataan bertulisnya dan kerana mula melibatkan tertuduh hanya selepas beberapa hari direman SPRM, dan setelah meminda tarikh-tarikh pertuduhan bukan bukti beliau mahu atau telah mengenakan tertuduh.

(D) Pembelaan bahawa SP21 ada mengaku kepada tertuduh sendiri

[903] Tetapi tertuduh dalam keterangan lisan beliau ada menimbulkan perkara baru mengenai SP21. Ini adalah dakwaan bahawa SP21 ada membuat pengakuan kepada tertuduh bahawa SP21 ada mengenakan atau 'implicate' tertuduh. Pengakuan ini, menurut tertuduh berlaku bukan sekali, tapi dua kali.

[904] Insiden pertama adalah ketika tertuduh melawat bapa saudara SP21, Halim Jaafar yang meninggal dunia pada 28 Januari 2018, di mana semasa berbual di bawah pokok, SP21 meminta maaf kepada tertuduh kerana beliau terpaksa menggunakan nama tertuduh dan 'implicate' tertuduh kerana SP21 tidak tahan ketika direman di bangunan lama SPRM sebab salah satu bilik di lokap SPRM dikatakan berhantu, yang menyebabkan beliau tertekan. Tertuduh terkejut dan berkata kepadanya apa yang dilakukan SP21 tidak betul. Tertuduh meminta SP21 membetulkan perkara tersebut. SP21 berjanji untuk membetulkannya. Tapi tiada apa-apa berlaku selepas pertemuan tersebut.

[905] Keterangan tertuduh menceritakan insiden kedua pengakuan SP21 kepada tertuduh. Ini adalah ketika tertuduh yang ditemani isteri dan seorang peguam bernama Bakar melaporkan diri di pejabat SPRM. Kebetulan SP21 juga ada di situ. Tertuduh mengingatkan SP21 supaya membetulkan fakta sebelum kes di bawa ke mahkamah kerana ini juga melibatkan maruah tertuduh. Tertuduh memberi keterangan bahawa SP21 berjanji akan membetulkan kenyataannya kepada SPRM. SP21 pada ketika itu telah pun memegang jawatan Setiausaha Politik Perdana Menteri. Tetapi tiada juga apa-apa yang berlaku sehinggalah tertuduh didakwa di mahkamah.

[906] Jelas kepada mahkamah, perkara-perkara ini langsung tidak disoal kepada SP21 di peringkat pendakwaan. Tiada soalan diajukan kepada SP21 bahawa SP21 tertekan disebabkan keadaan beliau teruk dan tidak tahan ketika direman di bangunan lama SPRM dan salah satu bilik di lokap SPRM ada hantu. Lebih penting lagi, pihak pembelaan tidak langsung menyoalbalas SP21 bahawa SP21 telah mengaku kepada tertuduh pada 28 Januari 2018 ketika beliau menziarahi kematian bapa saudara SP21 di mana SP21 meminta maaf kepada tertuduh kerana dikatakan terpaksa 'implicate' tertuduh dan berjanji akan membetulkan pernyataan yang diberikan kepada SPRM.

[907] Juga tiada langsung soalan kepada SP21 mengenai perjumpaan kali kedua di bangunan SPRM di mana tertuduh mengingatkan SP21 supaya membetulkan pernyataan beliau sebelum perkara ini dibawa ke mahkamah dan SP21 berjanji akan berbuat demikian.

[908] Perlu juga diambil kira bahawa tertuduh tidak pernah menyoalbalas SP21 bahawa perbualan di SPRM tersebut telah didengar oleh peguam bernama Bakar dan isteri tertuduh sendiri. Namun tertuduh tidak memanggil mereka sebagai saksi pembelaan untuk menyokong keterangan tertuduh.

[909] Lebih membingungkan lagi, walaupun SP21 dikatakan mengaku *implicate* dan setuju untuk betulkan rakaman percakapannya dengan SPRM tetapi tidak menunaikannya, tidak pula tertuduh pada bila-bila masa melaporkan perkara pengakuan-pengakuan SP21 itu kepada pegawai penyiasat SPRM. Ini memang ganjil kerana tertuduh direman lapan hari dalam bulan Ogos 2017 dan disiasat oleh SPRM. Dua perjumpaan dengan SP21 berlaku dalam 2018 sebelum beliau didakwa di mahkamah pada bulan Disember 2018. Tetapi tertuduh tidak langsung memberi maklumat ini kepada SPRM yang mungkin (jika benar) boleh membantu tertuduh sendiri. Tapi sama sekali tidak beliau lakukan.

[910] Ini amat sukar untuk difahami apa lagi dipercayai kerana perjumpaan kedua dikatakan berlangsung di SPRM sendiri, dan pengakuan oleh SP21 dikatakan didengar oleh seorang peguam tertuduh sendiri. Alasan tertuduh tidak tahu beliau boleh maklum pegawai penyiasat SPRM mengenai apa yang diberitahu oleh SP21 kepada beliau dan beliau tiada peluang untuk melakukannya adalah teramat lemah, tidak munasabah dan tidak boleh diterima langsung.

[911] Pihak pembelaan menghujahkan walaupun fakta dakwaan pengakuan oleh SP21 sebanyak dua kali kepada tertuduh itu langsung tidak diletakkan kepada mana-mana saksi pendakwaan, teras penting pembelaan adalah jelas, dengan menyatakan bahawa SP21 cuba untuk mengenakan atau *implicate* tertuduh sejak beliau berada di tahanan reman lagi. Berdasarkan rungkaian isu

kegagalan pihak pembelaan untuk menyoal SP21 mengenai pengakuan beliau di dua perjumpaan dengan tertuduh di atas, mahkamah dapati hujahan pihak pembelaan ini tidak bermerit.

[912] Dakwaan tertuduh mengenai dua pertemuan di mana SP21 dikatakan mengaku kepada tertuduh adalah perincian khusus yang amat penting dan sepatutnya dibangkitkan dan disoal kepada SP21 di peringkat pendakwaan. Kerana dakwaan tertuduh adalah SP21 ada membuat pengakuan kepada tertuduh, perkara penting mengenai pengakuan tersebut mestilah dibangkitkan ketika pemeriksaan balas SP21 di peringkat pendakwaan.

[913] Oleh itu, berdasarkan prinsip undang-undang yang ditekankan dalam kes-kes yang dirujuk di atas, dan seperti sebelumnya, pembelaan ini juga adalah satu pemikiran kemudian atau *afterthought* dan rekaan baru semata-mata.

[914] Ini juga langsung tidak membantu hujahan pembelaan bahawa SP21 merupakan seorang saksi berkepentingan yang telah membabitkan atau *implicate* tertuduh berdasarkan alasan yang tidak kukuh seperti beliau *bold* perkataan tertentu dalam penyataan bertulisnya, mendedahkan kepada SPRM penglibatan tertuduh hanya setelah berberapa hari SP21 direman dan meminda tarikh-tarikh dalam pertuduhan. Setelah meneliti semua keterangan ini mahkamah dapati tiada justifikasi untuk tidak mempercayai keterangan SP21 yang naratifnya mahkamah dapati konsisten, dan selari dengan bukan sahaja keterangan saksi lain tetapi juga keseluruhan keadaan dan situasi kes ini.

[915] Oleh itu mahkamah dapati usaha pihak pembelaan menyoal lagi isu kebolehpercayaan keterangan SP21 (dan SP16) tidak bermerit kerana tiada keterangan pembelaan yang mengugat penemuan terdahulu mengenai *credibility* mereka. Walaupun SP22 sahkan tiada keterangan lain kecuali keterangan lisan SP21 mengenai serahan suapan kepada tertuduh oleh beliau, juga tiada dokumen atau CCTV, dan wang suapan pun tidak diketahui jumlah oleh SP21, serta wang tunai pun tidak dikemukakan, mahupun dimasukkan ke dalam mana-mana akaun bank, ini tidak bermakna kes pendakwaan adalah tidak dibuktikan. Keterangan SP21 mengenai suapan yang telah diterima tertuduh pada tarikh-tarikh dalam pertuduhan pindaan selari dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam kes ini.

[916] Mahkamah juga mengambil maklum bahawa pihak pembelaan juga tidak secara jelas mempertikaikan kredibiliti SP21 dan juga SP16 atas sebab mereka berdua berperanan dalam pertuduhan kesalahan penerimaan wang suapan oleh tertuduh di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Mahkamah sendiri sudah membuat dapatan bahawa mereka adalah saksi yang *credible* dan keterangan mereka boleh dipercayai.

[917] Tidak dinafikan juga SP16 telah bertindak sebagai pemberi wang suapan rasuah dan SP21 sebagai perantara yang menyerahkan semua wang tersebut kepada tertuduh. Walau bagaimana pun, sekiranya SP21 dan SP16 dianggap rakan sejenayah (*accomplices*) sekalipun, s 133 Akta Keterangan 1950 menyebut bahawa seseorang rakan sejenayah ialah saksi yang berwibawa terhadap orang tertuduh; dan sesuatu sabitan tidak menyalahi undang-undang semata-mata oleh sebab sabitan itu berpunca daripada testimoni tidak disokong yang diberikan oleh seorang rakan sejenayah (apa pun, dalam kes ini terdapat keterangan sokongan seperti oleh SP17 dan SP11).

[918] Tambahan juga, s 52 ASPRM pula menyatakan walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah ASPRM, tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah memberikan apa-apa suapan, atau telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu.

(E) Pembelaan bahawa SP21 berkomplot dengan beberapa saksi lain

[919] Mahkamah mendapati tiada bukti SP21 berkomplot dengan individu lain seperti SP15, SP16 dan SP17 untuk berkongsi wang suapan tersebut dan menipu dan melakukan penganiyaan kepada tertuduh seperti yang sekali lagi dibangkitkan pihak pembelaan. SP21 sendiri adalah pegawai khas tertuduh. Beliau berkhidmat di bawah arahan tertuduh sebagai Pengerusi FELDA. Telah dinyatakan sebelum ini tiada keterangan yang menunjukkan SP21 yang berkhidmat dengan tertuduh mempunyai motif untuk menyalahgunakan kedudukan tertuduh bagi meminta suapan daripada SP16 untuk diri SP21 sendiri.

[920] Tambahan pula, apakah keperluan untuk SP16 menyerahkan lebih RM3 juta kepada SP21 yang hanya merupakan pegawai khas tertuduh dan tidak mempunyai sebarang kuasa dalam proses pembelian MPHS daripada GAPSB oleh FICSB, termasuk dalam aspek rundingan, kelulusan dan pembayaran. Tiada sebab munasabah untuk SP17 dan SP16 sebagai ahli perniagaan yang beroleh manafaat daripada persetujuan dan kelulusan FICSB atas pembelian MPHS daripada GAPSB untuk merancang menipu dan menganiaya tertuduh pula. Tambahan pula sumber wang suapan tersebut adalah daripada bayaran pembelian MPHS oleh FICSB kepada GAPSB yang telah membolehkan SP16 membayar komisen kepada JVESB seperti yang dijanjikan berdasarkan peranan JVESB sebagai agen.

[921] Oleh yang demikian, mahkamah mendapati naratif yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan bahawa wang suapan sebenarnya dikeluarkan atas rancangan konspirasi oleh SP15, SP17, SP16 dan SP21 atas dasar keperluan

untuk 'political funds' yang sebenarnya diseleweng oleh mereka yang berkomplot berkongsi habuan wang komisen hasil daripada penjualan MPHS dan menjadikan tertuduh sebagai mangsa adalah langsung tidak bermerit. Mahkamah tidak terima teori ini. Tiada keterangan, termasuk oleh saksi pembelaan yang membayangkan perkara ini sebenarnya telah berlaku.

(F) Pembelaan bahawa tertuduh tidak terlibat

[922] Perlu diulangi seperti yang didapati di akhir kes pendakwaan bahawa penglibatan tertuduh dalam permintaan suapan dengan memberitahu SP21 untuk terima apa-apa yang mungkin diberi oleh SP16 adalah dilakukan sejurus selepas kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB dan lawatan ucapan terima kasih oleh SP16 dan Ibrahim bin Baki. Permintaan kemudiannya diaktifkan dengan kiriman 'salam' tertuduh kepada SP16 melalui SP21. Kali pertamanya ini berlaku sejurus perjanjian jual beli MPHS ditandatangani dan selepas tertuduh menandatangani arahan pembayaran RM16 juta atau 10% harga belian MPHS kepada Gegasan Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB). Ini diikuti dengan aturan kiriman 'salam' yang serupa untuk lapan permintaan yang berikutnya.

[923] Kecuali perkara yang berkaitan dengan tarikh kejadian dan jumlah wang yang terlibat, dalam setiap sembilan situasi, tertuduh memberi isyarat kepada SP21 untuk menyampai 'salam' tertuduh kepada SP16. SP16 kemudiannya membuat usaha untuk mendapatkan wang tunai untuk seterusnya diserahkan oleh SP16 kepada SP21 bagi tujuan pemberian oleh SP21 kepada tertuduh.

[924] Satu perbezaan penting dalam situasi selain daripada pertuduhan penerimaan suapan pertama adalah penglibatan SP17 daripada JVESB dalam urusan pengeluaran wang daripada bank untuk diserahkan kepada SP16 bagi tujuan penyerahan kepada tertuduh. Pengeluaran wang oleh JVESB pula adalah bersumberkan bayaran komisen yang dijanji dan dibayar oleh GAPSB kepada JVESB atas pembelian MPHS. Dalam setiap sembilan situasi juga SP21 menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh ketika SP21 berjumpa tertuduh di pejabat Pengerusi FELDA. Semua ini mahkamah dapati tidak berjaya disangkal oleh mana-mana keterangan saksi pembelaan.

[925] Adalah diulangi, mahkamah dapati memang benar, tiada siapa yang menyaksikan penerimaan wang oleh tertuduh yang diserahkan oleh SP21, walau satu pun daripada sembilan pertuduhan. Telah diterangkan sebelum ini SP21 sendiri menyatakan tentang kerahsiaan perkara ini dan tiada sesiapa pun yang tahu mengenai penyerahan wang kepada tertuduh. Tertuduh sendiri pun setuju ketika disoalbalas bahawa tidak munasabah SP21 membawa wang untuk diserahkan ketika ada kakitangan berhampiran pejabat tertuduh.

Kesaksian SB2 dan SB3, mahupun SB4 dan SB5 pula tidak membantu pembelaan tertuduh, seperti yang dihuraikan sebelum ini.

[926] Walaupun kes pendakwaan tidak kurang penggantungannya kepada keterangan SP21, Mahkamah juga perlu memberi penekanan bahawa dalam sesuatu penilaian keterangan kes, yang penting adalah kualiti dan bukannya kuantiti keterangan. Keterangan adalah untuk dipertimbangkan oleh mahkamah, bukan untuk dikira (rujuk *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* [1996] 5 MLJ 473). Prinsip ini selaras dengan peruntukan s 134 Akta Keterangan 1950 yang menyebut tiada bilangan tertentu bagi saksi dikehendaki dalam mana-mana kes untuk membuktikan sesuatu fakta. Keterangan seorang saksi sahaja, jika dipercayai adalah mencukupi untuk mengesahkan sesuatu fakta (rujuk *Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 3 MLJ 457).

[927] Dan sebenarnya tidak boleh dinafikan keterangan SP21 disokong juga oleh keterangan pemberi wang suapan sendiri iaitu SP16 yang jelas menyatakan tujuan penyerahan kepada SP21 adalah untuk diberikan kepada tertuduh. Tiada juga keraguan tentang sumber wang tunai tersebut, yang merupakan wang SP16 sendiri bagi tuduhan rasuah yang pertama dan pengeluaran wang tunai di Maybank Cawangan Jelapang oleh SP17 yang juga disaksikan oleh Pengurus Maybank Cawangan Jelapang (SP11) berkenaan dengan lapan pertuduhan rasuah yang lain.

[928] Pihak pembelaan juga dalam kes peringkat pembelaan mengulangi hujahan mereka yang mempertikaikan mengenai permintaan wang yang diminta oleh tertuduh melalui SP21 dengan ungkapan 'Kalau dia orang bagi apa-apa nanti kau ambillah'. Dihujahkan ini tidak bermaksud untuk diambil dan diberi kepada tertuduh. Persoalan yang dibangkitkan ialah kenapa pihak pendakwaan bersandarkan hanya kepada pemahaman dan andaian SP21 semata-mata untuk bertindak menuduh tertuduh sedangkan beban pihak pendakwaan adalah untuk membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Dengan bersandarkan kefahaman dan andaian SP21 semata-mata tanpa keterangan lain adalah menjurus kepada satu keraguan yang amat munasabah terhadap kes pendakwaan telah dibangkitkan.

[929] Didakwa lagi bahawa pelbagai tafsiran boleh dibuat terhadap kenyataan tertuduh. Mungkin ianya sebenarnya pemberian oleh SP16 kepada SP21. Tambahan pula tertuduh berkata 'Kau ambil lah' bukannya tertuduh berkata, 'Kau ambillah bagi pihak aku' atau 'Kau ambillah dan kemudian beri pada aku'. Lagipun tidak semestinya 'pemberian apa-apa' itu berkait dengan kelulusan pembelian MPHS.

[930] Pihak pembelaan terus mempertikaikan permintaan wang kali pertama oleh tertuduh yang didapati bermula apabila tertuduh dikatakan meminta SP21 untuk menelefon SP16 dan sampaikan salam tanya khabar. Dan SP21 berkata beliau faham tentang arahan tertuduh tersebut adalah bukan sekadar salam biasa tetapi salam yang mempunyai makna iaitu untuk mendapatkan dana politik. SP21 menyatakan bahawa pemahaman beliau dari kiriman salam itu adalah bermaksud untuk meminta wang dari SP16.

[931] Setelah meneliti keseluruhan keterangan di akhir kes pembelaan, mahkamah dapati tiada sebarang asas yang boleh memberi justifikasi mengubah dapatan mahkamah di akhir kes pendakwaan. Ini bukan semata-mata kerana SP21 sendiri jelas berkata yang difahami dari ayat-ayat itu adalah tertuduh bermaksud apa-apa jua yang diberi oleh SP16 atau Ibrahim Baki kepada beliau maka dia perlu terima bagi pihak tertuduh.

[932] Mahkamah ulangi lagi keputusan di akhir peringkat pendakwaan di mana setiap inti pati sembilan pertuduhan pindaan di bawah s 16(a)(A) ASPRM telah dibuktikan berdasarkan keterangan langsung SP21, saksi-saksi pendakwaan lain seperti SP16 dan juga disokong melalui keterangan SP17 serta keterangan berdokumen, terutamanya yang dikemukakan Pengurus Maybank Cawangan Jelapang (SP11) yang secara langsung dan kumulatif telah menunjukkan tertuduh bukan sahaja telah mengarahkan SP21 mendapatkan suapan daripada SP16 bagi pihak tertuduh tetapi juga menerima daripada SP21 suapan-suapan seperti dalam sembilan pertuduhan tersebut bagi diri tertuduh sendiri.

[933] Dan mengambil risiko sering ulang (*at the risk of repetition*), seperti yang telah dianalisa sebelum ini di akhir kes pendakwaan juga, dapatan tersebut disokong juga oleh konteks dan situasi semasa ungkapan-ungkapan yang dilafazkan tertuduh kepada SP21. Pertamanya, 'kalau diorang bagi apa-apa nanti kau ambillah' diucapkan oleh tertuduh kepada SP21 selepas lawatan SP16 dan Ibrahim bin Baki ke pejabat tertuduh dalam bulan Mei 2014, sebelum perjanjian jual beli MPHS ditandatangani, tetapi setelah Lembaga Pengarah FICSB memberi kelulusan pembelian MPHS. Tujuan lawatan itu pun untuk mengucapkan terima kasih mereka kepada tertuduh atas kelulusan tersebut. Tambahan pula selepas ungkapan pertama tersebut, SP21 ada memberitahu SP16 yang tertuduh memerlukan *political funds*.

[934] Keduanya, perkataan-perkataan 'Ada Sarawak tu call?' dan 'Kau call lah dia orang, kirim salam tanya khabar' pula adalah ketika perjanjian jual beli MPHS dan dokumen bayaran RM16 juta atau 10% deposit baru sahaja ditandatangani (termasuk oleh tertuduh sebagai seorang *authorised signatory* FICSB), masing-masing pada 27 Jun 2014 dan 30 Jun 2014.

[935] Oleh yang demikian, mahkamah kekal dengan penemuan bahawa perkara penting ini bukan saja gagal disangkal oleh pihak pembelaan. Sebarang keraguan munasabah juga gagal ditimbulkan oleh pihak pembelaan terhadap kes pendakwaan ini.

(G) Pembelaan bahawa tiada keterangan RM3.09 juta diterima secara rasuah dan tiada bantuan yang dilakukan oleh tertuduh untuk meluluskan pembelian MPHS

[936] Pihak pembelaan menghujahkan bahawa tiada langsung timbul keterangan mana-mana saksi pendakwaan bahawa wang RM3.09 juta diminta secara rasuah atau diterima secara rasuah oleh tertuduh sebagai upah baginya membantu bagi meluluskan pembelian MPHS. Malah, dikatakan saksi-saksi pembelaan memperkukuhkan pembelaan apabila keterangan yang dibawa ke mahkamah konsisten dengan pembelaan yang telah dicadangkan semasa kes pendakwaan.

[937] Seperti yang telah mahkamah dapati di akhir kes pendakwaan, atas dasar penerimaan wang suapan oleh tertuduh telah dibuktikan, anggapan di bawah s 50(1) ASPRM telah bangkit dan terpakai terhadap tertuduh. Beban adalah di atas beliau, sekiranya berhasrat untuk memperolehi kebebasan daripada sembilan pertuduhan tersebut, untuk mematahkan anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian. Anggapan tersebut ialah penerimaan wang suapan tersebut adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah di atas penglibatan tertuduh dalam memberi kelulusan pembelian MPHS oleh FICSB daripada GAPSB.

[938] Seksyen 16(a)(A) dan sembilan pertuduhan suapan memperuntukkan bahawa kesalahan adalah kerana penerimaan adalah secara rasuah sebagai upah. Pihak pendakwaan perlu membuktikan tertuduh menerima suapan tersebut secara rasuah untuk dirinya sebagai upah daripada SP16 melalui SP21. Tetapi s 50(1) ASPRM terpakai dalam kes ini dan ianya di atas tertuduh untuk mematahkan anggapan penerimaan wang suapan daripada SP16 adalah secara rasuah sebagai upah.

[939] Mahkamah perlu membangkitkan dua isu penting. Pertama, perkataan 'rasuah' tidak didefinasikan dalam ASPRM. Rujukan boleh dibuat terhadap nas kes-kes terdahulu. Ianya diterangkan dalam kes yang dirujuk oleh pihak pendakwaan, *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 seperti berikut:

> 'Corrupt' means 'doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil feelings and evil intentions.' (see *Lim Kheng Kooi v Reg* [1957] 1 MLJ 199; [1957] 1 LNS 36); 'purposely doing an act which the law forbids' (see *R v Smith* [1960] 1 All ER 256).

[940] Keduanya, elemen 'rasuah' adalah niat jahat, curang atau mens rea kepada kesalahan di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Tetapi adalah suatu fakta bahawa mustahil niat jenayah seseorang itu boleh dibuktikan melalui keterangan langsung tentang apa yang minda beliau fikirkan. Oleh yang demikian undang-undang membenarkan inferens dibuat berdasarkan fakta dan keadaan sekeliling bagi membuktikan niat seseorang itu. Dan sama ada keadaan sekeliling menunjukkan kewujudan niat jenayah seseorang pula adalah merupakan persoalan fakta dalam setiap kes.

[941] Dalam konteks ini, kes yang sama, *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, ada memutuskan beberapa perkara penting mengenai konsep 'rasuah' ini yang ada kaitannya dengan kes semasa. Pertamanya, telah diputuskan bahawa penggunakan kedudukan untuk mendapatkan suapan untuk diri sendiri boleh dianggap termasuk dalam kesalahan rasuah. Raja Azlan Shah FJ menyatakan seperti berikut:

> 'Corrupt' is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or a guilty mind, then he is liable under the section. Thus if the accused used his position to solicit gratification with a guilty mind, he is caught within the ambit of the section. The real point is whether there is soliciting a political donation with a corrupt intention.

[942] Keduanya, keterangan bagaimana pembayaran untuk suapan dibuat boleh menunjukkan kewujudan mens rea secara rasuah tersebut. Ini dinyatakan dalam kes tersebut seperti berikut:

> The manner in which the payments were made is a relevant consideration in the present case. It is in evidence that the bank was asked to make them in cash. Smorthwaite said that he asked Peter Lim to find out how such payment should be made, and his answer was in cash, no receipt. That is substantiated by the evidence of payments in cash. The bank could, and it is very much in their power, make the payment by way of cheque, or for that matter in one lump sum in cash. But they were coerced to make it in cash, and strangely enough, in two payments. This strange behaviour necessitated the bank in opening the New Building — Property Suspense Account for their accounting purposes.
>
> Then, the 'request' for the so-called donation. That is another telling point against the accused. In ordinary circumstances, the presentation of a donation, be it by way of cheque or otherwise, is preceded by certain formalities, for example, a representative of the donor firm would personally hand it to the donee at a proper place and in the presence of witnesses; not in some 'back alley'. I am quite sure that the donor wants to be present to show that he is participating in whatever worthy cause the donee is undertaking, be it politics, charity, education or welfare. The donation is then properly presented and properly acknowledged. In the present case, the donation was 'presented' in a very strange way. It was made in two substantial payments, one at the airport on the eve of the accused's departure overseas, and the other, literally from a locked tin-box kept at the bank at the accused's disposal. Granted that the accused could receive a cash donation, the

A question arises as to why did he not take the whole lot at one time and have it deposited in the Special Fund Account at the Mercantile Bank? Why on two separate occasions, and an interval of 7 1/2 months? Is not such conduct contrary to human instinct and human nature, unless there is the overwhelming stimulus of guilt? It does appear somewhat curious and not a little disquieting that a donation should be demanded and accepted in this manner; it is incomprehensible in its motivation, unless there is a consciousness of guilt. The manner how the donation was demanded and received, in my view, lends credence to the prosecution story that it was being solicited with a corrupt mind. If the defence wish to say that the two payments were innocently demanded and received, it is for the accused to explain them. It is not the law that the prosecution has to eliminate all possible defences or circumstances which may exonerate the accused. Of course I am not unmindful of the onus on the prosecution to establish a prima facie case in the first instance, and that it is not enough for them to establish the facts and then to throw the onus on the accused to prove his innocence. The substratum of the prosecution case is galling; it discloses a trail of surreptitious cash payments demanded and received, long and wide enough to sustain an inference that the donation was solicited with a corrupt mind.

[943] Aspek ini selari dengan keputusan satu lagi nas di mana Mohamed Azmi J (pada ketika itu) dalam kes *Ahmad Shah bin Hashim v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 77 yang juga menyatakan fakta berkaitan permintaan dan persetujuan untuk menerima suapan menunjukkan niat secara rasuah. Berikut petikan penghakiman yang berkenaan:

... the facts that the soliciting and subsequent agreement to accept for himself the one percent commission were done corruptly are supported by the manner in which the gratification was to be paid.

[944] Menurut fakta dan keterangan kes yang dirungkai sebelum ini, mahkamah membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai niat menerima wang suapan secara rasuah apabila tertuduh telah mengatur rancangan untuk meminta suapan daripada SP16 selepas pertemuan kedua antara tertuduh dengan SP16 dan Ibrahim Baki di pejabat Pengerusi di Menara FELDA. Tertuduh juga telah memberi arahan kepada SP21 untuk mendapatkan suapan untuk dirinya (walaupun secara tersirat yang difahami oleh kedua-duanya berdasarkan konteks ianya dibuat).

[945] Inferens kewujudan niat menerima suapan secara rasuah juga boleh dilihat melalui cara bagaimana suapan-suapan tersebut diterima oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21. Kesemua suapan-suapan tersebut telah diterima oleh tertuduh tanpa bukti dokumen penerimaan kerana suapan adalah dalam bentuk wang tunai yang diisi dalam beg-beg kertas (dan beg hitam bagi penerimaan yang ketujuh) dan diberikan secara berperingkat sebanyak sembilan kali dalam jangkamasa tempoh lebih dari setahun. Kesemua suapan

tersebut juga diserahkan di pejabat tertuduh dan diketahui oleh tertuduh, SP21 (penghantar) dan SP16 (pemberi) sahaja. Mahkamah juga ingin merujuk kepada pemerhatian penting Raja Azlan Shah FJ dalam kes*Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, seperti berikut:

> It is also salutary to remember that in a corruption case, direct testimony of wholly disinterested witnesses can seldom, if ever, be forthcoming. It is invariably circumstantial evidence which has to be availed of in such a case.

[946] Perlu diulangi bahawa SP21 adalah pegawai khas tertuduh sendiri, yang tentunya dipercayai oleh tertuduh untuk tugasan tersebut, ketika itu. Dan tiada sebab SP21 pula untuk meminta dan menerima suapan untuk diri sendiri daripada SP16 kerana SP21 bukan merupakan Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah FICSB atau individu yang boleh terlibat membuat keputusan untuk membeli MPHS pada harga yang ditawarkan oleh GAPSB.

[947] Pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa pada tarikh-tarikh dalam pertuduhan pindaan kedua hingga kesepuluh, tertuduh telah menerima suapan untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21, iaitu wang tunai RM100,000, RM140,000, RM300,00, RM250,000, RM500,000, RM500,000, RM300,000, RM500,000 dan RM500,000 di pejabat beliau di Tingkat 49, Menara FELDA. Semuanya berjumlah RM3.09 juta.

[948] Persoalannya sekarang adalah setelah tertuduh mengemukakan keterangan-keterangan pembelaan melalui saksi-saksi beliau, sama ada pihak pembelaan berjaya menunjukkan suapan-suapan tersebut telah tidak diterima oleh tertuduh sebagai upah kerana peranan beliau meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB seperti yang didakwa dalam sembilan pertuduhan tersebut.

[949] Penilaian maksimum keterangan di akhir kes pendakwaan mendapati bahawa wang suapan-suapan tersebut telah diterima oleh tertuduh untuk dirinya daripada SP16 melalui SP21 sebagai upah kepada tertuduh disebabkan beliau telah membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB yang bernilai RM160 juta. Keterangan berkaitan dengannya telah pun dianalisa sebelum ini. Ringkasnya telah dibincangkan sebelum ini bahawa setelah Lembaga Pengarah FICSB yang dipengerusi oleh tertuduh meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB daripada GAPSB dan selepas SP16 dan Ibrahim bin Baki bertemu tertuduh untuk memberi ucapan terima kasih atas kelulusan oleh FICSB tersebut, tertuduh telah dalam beberapa perbualan memaklumkan secara tersirat kepada SP21 untuk menerima wang jika diberi SP16 dan kemudian menyuruh SP21 secara isyarat meminta wang daripada SP16. Jika tiada kelulusan pembelian MPHS oleh Lembaga Pengarah FICSB mustahil perkara permintaan wang ini boleh bangkit.

[950] Juga telah diterangkan sebelum ini bahawa SP16 telah menjelaskan suapan yang telah diberikan kepada tertuduh melalui SP21 adalah sebagai upah seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan. Setelah dimaklumkan oleh SP21, SP16 telah akhirnya menyatakan persetujuan untuk memberi suapan sebanyak RM3 juta kepada tertuduh melalui SP21 dan ini berlaku sebelum perjanjian jual beli MPHS dimeterai pada 27 Jun 2014. Telah juga dinyatakan sebelum ini SP16 telah berbincang dengan Ibrahim bin Baki mengenai permintaan suapan itu dan menyatakan beliau dan Ibrahim bin Baki tiada pilihan dan terpaksa akur untuk memenuhi permintaan tersebut kerana mereka khuatir dengan pengaruh tertuduh yang mungkin melenggahkan bayaran kepada GAPSB atau pun membatalkan urusniaga pembelian MPHS kerana sebelum ini FICSB telah pun menolak cadangan pembelian MPHS. Lagi sekali ini menunjukkan penerimaan wang suapan oleh tertuduh adalah upah daripada SP16 yang disebabkan peranan tertuduh dalam pemberian kelulusan pembelian MPHS.

[951] Lagi satu bukti terang yang menunjukkan suapan adalah upah disebabkan penglibatan tertuduh yang membantu memberi kelulusan pembelian MPHS adalah suapan-suapan dalam setiap pertuduhan adalah diberi kepada dan diterima oleh tertuduh selepas bayaran-bayaran di bawah perjanjian jual beli MPHS diselesaikan secara berperingkat oleh FICSB kepada GAPSB. Kesemua suapan yang diterima tertuduh juga diberikan oleh SP16 dengan menggunakan sumber hasil komisen berjumlah RM10 juta penjualan MPHS yang dibayar oleh GAPSB kepada JVESB (yang sebahagian besarnya telah diserahkan kembali kepada SP16).

[952] Kecuali penerimaan wang suapan yang pertama berjumlah RM100,000 yang diminta sebagai *advance* (pertuduhan pindaan kedua) yang awalnya bersumberkan SP16 sendiri kerana wang bayaran 10% pada ketika itu (menurut SP16) belum lagi sampai kepada GAPSB untuk membolehkan komisen dibayar kepada JVESB. Ini pun selepas itu ditolak daripada jumlah RM3 juta tersebut.

[953] Keterangan-keterangan tersebut, selain daripada yang telah juga dirungkai sebelum ini adalah terang lagi jelas — pemberian kepada dan yang lebih penting, menurut pertuduhan-pertuduhan di bawah s 16(a)(A) ASPRM ini, penerimaan wang suapan adalah sebagai upah kepada tertuduh atas penglibatan atau bantuan beliau dalam sebahagian Lembaga Pengarah FICSB yang telah memberi kelulusan pembelian MPHS.

[954] Persoalan dibangkitkan oleh pihak pembelaan sekiranya wujud keadaan di mana tertuduh membantu untuk meluluskan pembelian MPHS. Pihak pembelaan menghujahkan jika dilihat pada keterangan saksi pendakwaan, tidak ada petunjuk bahawa tertuduh telah membantu dalam meluluskan

pembelian MPHS tersebut. Oleh itu tuduhan bahawa terdapatnya bantuan daripada tertuduh supaya meluluskan pembelian MPHS itu tidak dapat ditegakkan. Tidak wujud keterangan bagi menunjukkan bahawa kelulusan pembelian MPHS dibuat hasil daripada pengaruh tertuduh kepada Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain.

[955] Menurut pihak pembelaan lagi, tiada keterangan jelas yang tertuduh mencuba untuk memujuk, mendorong jauh sekali mengarahkan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah FICSB untuk memberikan persetujuan bagi kelulusan pembelian MPHS. Menurut pihak pembelaan, keterangan SP5 yang menyatakan wujudnya *implied consent* terhadap pembelian MPHS ini juga membuktikan bahawa tertuduh dan Lembaga Pengarah FICSB di dalam memutuskan pembelian MPHS ini tidak melebihi kuasa yang telah dimandatkan oleh FELDA. Juga tiada keterangan yang tertuduh berkata hasrat untuk mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah FICSB bagi meluluskan pembelian berkenaan. Sebaliknya seperti yang dirujuk sebelum ini, SP16 sendiri sahkan tiada permintaan dibuat oleh tertuduh dalam pertemuannya bersama SP16 dan Ibrahim bin Baki.

[956] Mahkamah ingin menerangkan sekali lagi bahawa bagi tujuan pertuduhan yang dirangka menurut s 16(a)(A) ASPRM seperti dalam kes semasa, upah yang diterima seseorang tertuduh tidaklah mesti berasaskan sesuatu penglibatan atau perlakuan tindakan beliau yang dianggap suatu salahlaku, curang atau melanggar undang-undang. Penglibatan atau tindakan tersebut boleh juga *neutral* atau *innocent* kerana inti pati pertuduhan dan peruntukan s 16(a)(A) itu hanya memerlukan pembuktian bahawa upah diterima kerana sesuatu yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh tertuduh sahaja. s 16(a)(A) merujuk kepada upah disebabkan seseorang 'melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi'. Perlakuan apa-apa itu, seperti, dalam kes semasa, terlibat dalam Lembaga Pengarah FICSB membuat keputusan meluluskan pembelian MPHS tidak perlu ditunjukkan dengan sendirinya sebagai satu kesalahan atau melanggar undang-undang.

[957] Seperti yang dihujahkan secara agak tepatnya oleh pihak pendakwaan, hampir semua fakta yang bersumberkan tertuduh di peringkat pendakwaan dan pembelaan mempunyai kaitan dengan kedudukan dan fungsi beliau sebagai Pengarah FICSB dan Pengerusi FICSB. Tentunya tertuduh dalam kapasiti kedua-dua jawatan tersebut terlibat secara kolektif dan secara individu dalam meluluskan pembelian MPHS pada harga RM160 juta. Ini memang tidak boleh dinafikan sama sekali. Penting untuk ditegaskan bahawa walaupun tertuduh telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan pecah amanah jenayah berkaitan pembelian MPHS, segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang diambil oleh beliau dalam kapasiti sebagai Pengerusi FICSB

dan Pengarah FICSB terus relevan dan berkait rapat dengan pertuduhan suapan yang diterima oleh tertuduh daripada SP16 melalui SP21 (rujuk kes Mahkamah Persekutuan dalam *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401).

[958] Tiada sebab lain mengapa suapan diberikan kepada beliau. Ianya telah jelas diterangkan oleh pemberi sendiri, SP16 iaitu kerana diminta oleh tertuduh. Ini adalah selepas tertuduh bersama Ahli Lembaga Pengarah FICSB yang lain meluluskan pembelian MPHS dan disebabkan SP16 dan Ibrahim bin Baki tidak mahu kelulusan pembelian tersebut diganggu atau perlaksanaan pembelian dibatalkan atas dasar pengaruh tertuduh sebagai Pengerusi dan Pengarah FICSB sekiranya suapan upah tidak diberi kepada tertuduh. Lagipun mahkamah juga telah menyatakan sebelum ini bahawa bagi tujuan s 16(a)(A) ASPRM upah yang diberikan tidaklah mesti sebagai balasan suatu tindakan oleh penerima yang bertentangan dengan undang-undang. Jikapun tindakan tersebut adalah menurut batasan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, *mischief* yang mahu dituju untuk diakas oleh s 16 adalah permintaan dan penerimaan wang suapan sebagai upah kerana tindakan tersebut.

[959] Dalam lain perkataan mahkamah mendapati selain daripada anggapan statutori s 50(1) ASPRM, pihak pendakwaan telah membuktikan elemen atau inti pati bahawa wang-wang suapan dalam semua sembilan pertuduhan di bawah s 16(a)(A) tersebut adalah telah diterima oleh tertuduh sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian MPHS oleh FICSB, dimana tertuduh memberi kelulusan sebagai sebahagian daripada Lembaga Pengarah FICSB yang juga dipengerusikan olehnya.

[960] Mahkamah sedia maklum bahawa s 50(1) ASPRM menganggap penerimaan wang oleh tertuduh adalah dilakukan secara rasuah dan sebagai upah penglibatannya dalam kelulusan pembelian MPHS oleh FICSB. Tetapi Mahkamah dapati tiada keterangan saksi pembelaan atau mana-mana keterangan lain yang berupaya menyangkal anggapan statutori ini.

[961] Pihak pembelaan juga merujuk kes *Public Prosecutor v Alias bin Md Yusof* [2019] 6 MLJ 392; [2019] 7 CLJ 618 di mana anggapan di bawah s 50 ASPRM telah berjaya dipatahkan oleh pembelaan. Tetapi dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi itu (dan bukan oleh Mahkamah Rayuan seperti dihujah oleh pihak pembelaan) yang mana rakaman video dan transkrip dikemukakan, berbeza dengan kes semasa di mahkamah ini, terdapat beberapa percanggahan yang menimbulkan banyak keraguan. Antaranya, saksi penting pendakwaan (seorang pegawai SPRM yang menyamar sebagai pekerja di kedai VCD haram) (SP6) mengatakan yang dia telah mengira wang sebelum diserahkan kepada tertuduh (seorang pegawai penguatkuasa Bahagian

Kawalan Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri). Namun tiada pula paparan sedemikian dari rakaman video ekshibit. Keduanya, SP6 mendakwa tertuduh telah menyuruhnya menyerahkan wang kepada tertuduh di dalam kereta dan bukannya di dalam restoran. Tapi, keterangan ini juga tiada dalam rakaman video atau pun di dalam transkrip.

[962] Ketiga, saksi itu menyatakan tertuduh memasukkan wang yang diterima ke dalam poket namun ini juga tiada di dalam rakaman video yang memaparkan tertuduh memasukkan barang yang diterima (yang dikatakan sampul nipis warna biru yang tidak dibuka) ke dalam begnya. Dan tertuduh sendiri menyatakan sebenarnya bukan saksi itu (SP6) yang telah berjumpa dengannya. Ada lagi. Seorang saksi yang lain (pemilik sebenar kedai VCD yang digunakan SPRM untuk perangkap) (SP14) memberi keterangan beliau kenal seorang saksi yang lain iaitu SP11 (ketua kepada tertuduh di Bahagian Kawalan Penapisan Filem) tetapi SP11 menafikannya pula. SP11 juga berkata beliau tidak ingat sekiranya beliau telah menyuruh tertuduh berjumpa dengan SP14. SD3 seorang pemandu pejabat di Bahagian Kawalan Penapisan Filem pula memberi keterangan SP11 telah beberapa kali berjumpa dengan SP14 di kedai kopi, yang memberi sokongan kepada penjelasan tertuduh bahawa beliau menerima arahan dari SP11 untuk berjumpa dengan SP14 atau agennya SP6 pada hari yang berkenaan (dan bukannya versi pendakwaan yang tertuduh meminta SP6 datang bertemu tertuduh untuk memberi wang).

[963] Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Prosecutor v Alias bin Md Yusof* [2019] 6 MLJ 392; [2019] 7 CLJ 618 telah bersetuju dengan dapatan mahkamah sesyen bahawa penjelasan oleh tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan dan menyangkal anggapan yang dibuktikan diakhir kes pendakwaan. Merujuk kepada kes semasa pula, perbezaannya ketara. Berdasarkan analisa yang telah ditekankan sebelum ini, tiada percanggahan, mahupun keterangan lain yang ditimbulkan pihak pembelaan, terutamanya oleh saksi-saksi yang dipanggil mereka, yang berupaya menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan atau pun mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM.

(H) Isu lain — Penyerahan dokumen oleh pihak pembelaan dan kepatuhan s 62 APSRM

[964] Semasa keberlangsungan kes pembelaan, pihak pembelaan telah mengemukakan antara lainnya, surat-surat akuan sumpah oleh SB4 (D283) dan SB5 (D285), gambar perjumpaan di antara SP21 dan SB4 bersama SB5 (D284) dan Iakaran pejabat Tingkat 49 Menara FELDA (D282). Pihak pendakwaan telah membantah kemasukan dokumen-dokumen ini di atas alasan bahawa ianya tidak dikemukakan semasa notis pembelaan diserahkan. Dokumen-dokumen tersebut tidak pernah dikemukakan oleh tertuduh

kepada pihak pendakwaan menurut s 62(1)(a) dan (b) ASPRM. Tambahan pula, fakta berkaitan dokumen-dokumen tersebut tidak pernah dinyatakan dalam notis pembelaan (D12).

[965] Notis pembelaan, seperti yang dinyatakan sebelum ini, telah dikemukakan selaras dengan peruntukan s 62 ASPRM. Hujah pihak pembelaan ialah s 62 ASPRM ini adalah merupakan satu peruntukan yang serupa dengan peruntukan di bawah s 51 KTJ (mahkamah fikir pembelaan sebenarnya bermaksud s 51A) di mana ia hanyalah merupakan satu peruntukan bersifat prosedur dan kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut di bawah s 62 tidak akan menyebabkan dokumen tersebut tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan di mahkamah. Pihak pembelaan merujuk kepada kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Pendakwa Raya* [2019] MLJU 190; [2019] 5 CLJ 93 bagi menyokong hujah mereka.

[966] Pihak pendakwaan membantah kerana dokumen-dokumen tersebut hanya dikemukakan di peringkat pembelaan. Ini tidak mematuhi s 62 ASPRM yang memperuntukkan seperti berikut:

> 62 Pernyataan pembelaan
>
> Apabila penyerahan dokumen oleh pihak pendakwaan telah dilakukan menurut seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah, tertuduh hendaklah, sebelum permulaan perbicaraan, menyerahkan dokumen yang berikut kepada pihak pendakwaan:
>
> (a) suatu pernyataan pembelaan yang menyatakan secara am jenis pembelaan dan perkara mengenai pendakwaan yang dibantah oleh tertuduh, dengan menyatakan sebabnya; dan
>
> (b) suatu salinan mana-mana dokumen yang akan dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan bagi pembelaan.

[967] Setelah mendengar hujahan ringkas oleh kedua-dua pihak, Mahkamah membenarkan surat akuan sumpah (D283) dan surat akuan sumpah (D285) (dan yang lain) dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan pembelaan kerana kandungannya konsisten dengan inti pati pembelaan yang dinyatakan dalam notis pembelaan (D12) iaitu penafian penerimaan suapan oleh tertuduh. Mahkamah terutamanya mengambil maklum bahawa dalam sistem keadilan jenayah, dan untuk memastikan perbicaraan yang adil, tertuduh hendaklah sentiasa diberi peluang dan ruang untuk membuat pembelaan yang efektif. Ini termasuklah memberi ruang yang seluas mungkin untuk membolehkan seseorang tertuduh membina pembelaan yang difikirkan sesuai dan sebarang bukti atau keterangan diterima-masuk sebagai keterangan di mahkamah. Penilaian tentang *weight* dan kebolehpercayaan keterangan tersebut, setelah diterima masuk adalah perkara berbeza dan perlu dilakukan di akhir perbicaraan. Mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 telah

menerangkan prinsip ini seperti berikut:

> [1948] I decided that even if the basis for this application was an afterthought or a recent invention by the accused, this would not be a valid reason to bar the accused from leading evidence in his defence. Under the law, an accused in his defence is entitled to procure and lead any relevant evidence of his choice. Furthermore, it is settled law that even if a defence is not put to the prosecution witnesses, the court is still bound to consider the defence, however weak.
>
> [1949] I am especially mindful of the following passage from the judgment of Edgar Joseph Jr SCJ in a landmark decision of the Supreme Court in the case of *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705, which reads:
>
> > At this stage, we would interpolate to remark — though we are digressing somewhat from the point concerning the onus of proof — that the judge went so far as to hold 'that the defence by its failure so to put such questions to the prosecution witnesses ought not to be allowed to raise such issues at the defence stage. In this, he was clearly wrong, since it is settled law, that although a court may view with suspicion a defence which has not been put to the appropriate prosecution witnesses who might have personal knowledge of the points at issue, the court is still bound to consider the defence, however weak, and to acquit if not satisfied that the prosecution has discharged the burden of proof which rests upon it ...
>
> [1950] Nevertheless, the weight to be given to this expert evidence, should it be tendered, including on whether the credibility of the defence of the accused is adversely affected by any afterthought, is for this court to determine at the end of the case. The evidentiary value of the intended evidence is an issue to be determined at the end of the trial.
>
> [1951] This would ensure that the best evidence on the authenticity of the disputed documents is made available to this court. It is the duty of this court to ensure that the integrity of the trial process and the constitutional right of the accused to a fair trial is upheld at all times.

[968] Tambahan pula, mahkamah dapati adalah terang dan jelas bahawa s 62(1)(a) hanya mensyaratkan pembelaan dinyatakan *secara am* sahaja dalam notis pembelaan. Isu dalam kes ini adalah ketidakpatuhan s 62(1)(b) kerana dokumen-dokumen tersebut tidak diberitahu awal kepada pihak pendakwaan. Apakah kesan ketidakpatuhan? Adakah dokumen-dokumen tersebut mesti ditolak dan tidak boleh diterima?

[969] Pihak pembelaan mencadangkan s 62 ASPRM adalah seperti s 51A KTJ. Seksyen 51A menyatakan:

> 51A Delivery of certain documents
>
> (1) The prosecution shall before the commencement of the trial deliver to the accused the following documents —

(a) a copy of the information made under section 107 relating to the commission of the offence to which the accused is charged, if any;

(b) a copy of any document which would be tendered as part of the evidence for the prosecution; and

(c) a written statement of facts favourable to the defence of the accused signed under the hand of the Public Prosecutor or any person conducting the prosecution.

(2) Notwithstanding paragraph (c), the prosecution may not supply any fact favourable to the accused if its supply would be contrary to public interest.

(3) A document shall not be inadmissible in evidence merely because of non-compliance with subsection (1).

(4) The Court may exclude any document delivered after the commencement of the trial if it is shown that such delivery was so done deliberately and in bad faith.

(5) Where a document is delivered to the accused after the commencement of the trial, the Court shall allow the accused —

(a) a reasonable time to examine the document; and

(b) to recall or re-summon and examine any witness in relation to the document.

[970] Boleh diperhatikan s 51A KTJ mensyaratkan pihak pendakwaan menyerahkan kepada tertuduh sebelum perbicaraan bermula semua dokumen yang pihak pendakwaan berhasrat untuk gunakan dalam kes pendakwaan. Ini serupa dengan tanggungjawab pembelaan untuk menyerahkan dokumen yang ingin dikemukakan oleh mereka dalam kes pembelaan sebelum perbicaraan bermula. Seksyen 51A adalah bertujuan untuk perbicaraan jenayah mencapai sebaik mungkin prinsip 'equality of arms' supaya pihak tertuduh tahu apa dokumen yang ingin digunakan terhadap mereka.

[971] Tetapi s 62 pergi lagi jauh. Tertuduh dalam kes di bawah ASPRM juga perlu mengemukakan kepada pihak pendakwaan sebelum perbicaraan bermula dokumen yang pembelaan ingin gunakan. Tiada undang-undang lain yang mewajibkan tertuduh berbuat demikian dalam kanun jenayah selain daripada di bawah ASPRM.

[972] Juga boleh dilihat bahawa s 51A ada menyebut tentang kesan sekiranya dokumen tidak diberi lebih awal kepada tertuduh tetapi cuma dikemukakan ketika dalam perbicaraan. Ini ada dalam s 51A(3), (4) dan (5) yang sebenarnya dimasukkan kemudian hasil satu pindaan kepada s 51A itu. Peruntukan tersebut dengan terangnya menyatakan sesuatu dokumen tidak boleh tidak diterima sebagai keterangan semata-mata kerana dibangkitkan lewat dan bukan sebelum perbicaraan bermula. Mahkamah boleh menolak

kemasukkannya sekiranya kelewatan adalah disengajakan dan berniat jahat. Dan apabila dikemukakan lewat, pihak pembelaan mesti diberi masa untuk meneliti dokumen tersebut dan boleh juga memanggil dan memeriksa mana-mana saksi mengenainya.

[973] Tetapi s 62 ASPRM tiada peruntukan yang menyatakan kesan pengemukaan dokumen pembelaan selepas perbicaraan telah bermula. Mahkamah berpendapat prinsip dari peruntukan s 51A KTJ patut juga terpakai untuk s 62 ASPRM. Ini konsisten dengan prinsip 'equality of arms' dan dengan objektif sistem keadilan jenayah yang mementingkan perbicaraan yang adil. Juga patut dinyatakan bahawa sebelum pindaan yang memasukkan s 51A(3), (4) dan (5) pun, mahkamah telah memutuskan kegagalan mengemukakan dokumen lebih awal adalah perkara prosedur sahaja, dan tiada kesan terhadap *admissibility* atau kebolehterimaan dokumen-dokumen tersebut (rujuk *Public Prosecutor v Mohd Fazil bin Awaludin* [2009] 7 MLJ 741; [2009]2 CLJ 862).

[974] Seperti yang dirujuk oleh pihak pembelaan, mahkamah ini ada sebelum ini membuat analisa tentang isu yang serupa dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Pendakwa Raya* [2019] MLJU 190; [2019] 5 CLJ 93 (dalam keputusan yang dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan) di mana mahkamah menolak hujahan bahawa kerana rakaman percakapan adalah *admissible*, rakaman percakapan mestilah diserahkan kepada pihak pembelaan, seperti berikut:

> *Section 62 of the MACC Act does not assist the applicant*
>
> [41] The applicant then raises the important argument about that unique provision of s 62 of the MACC Act. It reads as follows:
>
> > 62 Defence statement
> >
> > Once delivery of documents by the prosecution pursuant to section 51A of the Criminal Procedure Code has taken place, the accused shall, before commencement of the trial, deliver the following documents to the prosecution:
> >
> > (a) a defence statement setting out in general terms the nature of the defence and the matters on which the accused takes issue with the prosecution, with reasons; and
> >
> > (b) a copy of any document which would be tendered as part of the evidence for the defence.
>
> [42] This provision imposes on the applicant, as the accused the obligation to disclose the above matters to the prosecution upon the latter's adherence to s 51A of the CPC.
>
> [43] The applicant submitted orally and in writing that documents delivered to the defence under s 51A necessarily are a subset of the documents obtained during the

course of investigation, which I cannot disagree. But the applicant further asserted that these are admissible as of right, and which admission, should be at the prerogative of both parties.

[44] This, I think, is quite misconceived. The applicant continued to adopt this line of reasoning which I find unsustainable. This is because, as I have stated earlier, even if these documents are automatically admissible, it does not follow, as night follows day, that they can and should be inspected by or delivered to the applicant as of right. If the applicant's argument were accurate, there is no necessity for Parliament to make MACC Act rely on s 51A in s 62 of the MACC Act in the first place.

[45] *The law in this country in respect of criminal pre-trial disclosure has seen incremental but significant amendments. Section 51A of CPC was a very significant introduction to the corpus of our law on criminal procedure. Section 62 of the MACC Act is no less important in that context.* The applicant in its written submission probably aptly described s 62 as:

> a unique departure from the general law in its approach to pre-trial disclosure. The only reasonable view to take of Section 62 of the MACCA 2009 is as progressive piece of legislation, a flare in the dark by the legislature, which brings us closer to the equality of arms principle.

[46] I cannot agree more. And at the same time, it reinforces the point that what was submitted by the applicant to be the law demanding disclosure cannot be sustained in the absence of clear legislative prescriptions to such effect. But other than s 51A of the CPC and s 62 of the MACC Act, no other provisions exist. Automatic disclosure plainly cannot be founded on the non-obstante clauses.

[47] Yet the applicant contended that s 51A of the CPC is 'woefully inadequate to meet the defence halfway, so to speak', and urged this court to instead give full effect to the rule of law in this regard.

[48] This, however, this court cannot do. It is not for the courts to make laws. It is so trite there is no need to mention even an authority to support this fundamental principle. The court will however continue to ensure justice and fair play are strictly upheld throughout the proceedings involving the applicant, as equally it would always for others, within the framework of the existing rules on disclosure.

[49] *Furthermore, both s 51A of the CPC and s 62 of the MACC Act are not concerned with the issue of admissibility. As such, failure to adhere to these disclosure obligations does not affect admissibility simply because they do not form a substantive due process but instead constitute only procedural requirements. The statutory provision is procedural and not evidential (see the High Court decision in Public Prosecutor v Mohd Fazil bin Awaludin* [2009] 7 MLJ 741; [2009]2 CLJ 862).

[50] *Indeed, sub-s (3) of s 51A (as were sub-ss (4) and (5)) which was introduced by the Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2012 makes it crystal clear that non-compliance with the obligation to deliver the requisite documents stated in sub-s (1) does not render them inadmissible in evidence.*

[51] *And as correctly stated by the respondent, these provisions certainly have nothing to do with the duty on the part of the prosecution to prove a prima facie case prior to the accused being called to enter his defence; and neither does it remove the need for the*

prosecution to prove its case beyond a reasonable doubt at the end of the entire case.

[52] The MACC Act for instance, despite the interpretation of ready admissibility ascribed to s 30 therein by the applicant, expressly in s 62 refers to s 51A of the CPC as governing statements under MACC Act as well. Section 62 goes further and compels the production of documents intended to be relied on by the defence to the prosecution.

[53] The point is this. If automatic admissibility is true, such that it would not have been necessary to enact any express provisions on production, in my judgment it would not have been necessary for the MACC Act to enact s 62 in the first place.

[54] The fact that s 62 exists supports the view that production does not necessarily follow from the admissibility of all such statements and documents. More crucially the 'production must necessarily result from the admissibility' argument cannot also be sustained because the very s 62 of the MACC which concerns production makes it crystal clear that the law governing pre-trial production of documents by the prosecution under the MACC Act is s 51A of the CPC.

[55] Section 62 reinforces the law on s. 51A of the CPC, and in the absence of provisions similar to ss 51 and 51A of the CPC in the MACC Act or in the AMLATFA, the jurisprudence on these two provisions of the CPC would therefore also govern rules on production of statements and documents under the MACC Act and the AMLATFA. (Penekanan ditambah.)

[975] Dalam satu kes terkini Mahkamah Persekutuan iaitu *Benjamin William Hawkes v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 417; [2020] 8 CLJ 267 telah diputuskan lagi bahawa kegagalan pengemukaan dokumen sebelum mulanya perbicaraan di bawah s 51A KTJ tidak menjejaskan kemasukkan atau *admissibility* dokumen tersebut.

[976] Oleh yang demikian, dalam kes semasa dokumen-dokumen yang dibantah pihak pendakwaan telah diterima masuk kerana ketidakpatuhan s 62(1)(b) ASPRM tidak menjejaskan kebolehmasukan atau *admissibility* dokumen-dokumen tersebut. Pihak pendakwaan juga sering diberi masa untuk memeriksa dokumen yang tidak dikemukakan lebih awal untuk memberi peluang yang adil dan munasabah kepada pihak pendakwaan untuk membuat persiapan pemeriksaan balas yang sewajarnya.

[977] Tetapi *admissibility* dokumen-dokumen tersebut tidak bermakna 'weight' atau nilai mereka adalah diterima sepenuhnya. Kebolehpercayaan dokumen-dokumen tersebut adalah isu yang berbeza. Mahkamah telah menilai dan bincangkan dokumen-dokumen tersebut dengan panjang lebar sebelum ini. Setelah menilai semua keterangan dalam kes ini seperti di atas, mahkamah telah putuskan kenyataan dalam dokumen-dokumen tersebut merupakan meragukan, satu *afterthought* atau rekaan semata-mata. Tiada nilai bermakna yang dibangkitkan oleh dokumen-dokumen tersebut. Pihak pembelaan tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas

kes pendakwaan dan sama sekali gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM di atas imbangan kebarangkalian.

RUMUSAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES

[978] Oleh yang demikian berdasarkan alasan-alasan panjang lebar yang dinyatakan dalam penghakiman ini, mahkamah membuat keputusan bahawa setelah menilai keseluruhan keterangan dan bukti dalam perbicaraan ini didapati pihak pembelaan telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 50(1) ASPRM di atas imbangan kebarangkalian bahawa penerimaan-penerimaan wang suapan oleh tertuduh seperti dalam sembilan pertuduhan tersebut adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah bagi membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak bernilai RM160 juta oleh FICSB.

[979] Pembelaan tertuduh adalah bersifat pemikiran terkemudian, tidak konsisten dan hanyalah penafian tanpa sokongan yang berasas atau yang boleh dipercayai. Mahkamah juga mendapati pembelaan tertuduh dalam konteks keseluruhan keterangan kes ini juga telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah. Rujukan perlu dilakukan terhadap kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857 di mana Ariffin Zakaria FCJ (kemudiannya CJ) mengulangi prinsip penting berkenaan beban bukti pihak pendakwaan yang mesti diikuti dalam sistem prosiding jenayah negara, seperti berikut:

> [13] In our criminal law at the close of the defence case what the court needs to decide is whether the defence had succeeded to raise any reasonable doubt on the prosecution case. If the answer is in the positive then the accused person is without more entitled to his acquittal. It has to be remembered always that at no time, except in special circumstances, the burden of proof is cast on the defence: the burden rest all throughout on the prosecution to prove its case beyond any reasonable doubt (see *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ Rep 311) ...
>
> ...
>
> [21] It is against this background that the defence case ought to be tested, to see whether it has succeeded to cast any reasonable doubt on the prosecution case. The burden on the defence throughout is a light one as stated by Mohamed Azmi SCJ in *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* at p 171 (MLJ):
>
> > To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for

this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the reasonable doubt test.

[980] Dalam kes semasa, selepas mengguna pakai pendekatan dalam kes *Mat v Public Prosecutor* seperti yang diterangkan sebelum ini, mahkamah dapati penjelasan pembelaan tertuduh bukan sahaja tidak boleh dipercayai atau diterima, malah juga tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah tentang kebersalahan tertuduh di bawah sembilan pertuduhan s 16(a)(A) tersebut. Sehubungan dengan itu, ianya adalah sesuatu yang terus bermakna untuk memahami pengertian konsep keraguan munasabah yang juga telah terdahulunya dijelaskan oleh Sharma J dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 MLRH 91, seperti berikut:

The following definition of 'reasonable doubt' is often quoted:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there.' Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[981] Pihak pendakwaan dengan itu telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dalam semua sembilan pertuduhan penerimaan suapan terhadap tertuduh. Oleh yang demikian tertuduh didapati bersalah dan disabitkan dengan kesemua sembilan pertuduhan di bawah s 16(a)(A) ASPRM tersebut.

PROSES MITIGASI DAN HUKUMAN

[982] Peguam tertuduh diminta untuk terus mulakan proses mitigasi. Peguam terpelajar bermula dengan merujuk kepada latar belakang tertuduh yang dihujahkan telah banyak menabur jasa dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, terutamanya kerana beliau pernah lama berkhidmat

sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan, selama lebih 22 tahun dan juga pernah menjawat tanggungjawab sebagai Menteri kabinet berportfolio Kementerian Wilayah Persekutuan.

[983] Tertuduh, yang telah berumur 72 tahun ada masalah kesihatan yang berkaitan penyakit jantung dan perlu mendapat rawatan dua bulan sekali di Institut Jantung Negara. Tertuduh adalah seorang pesara tanpa sumber pendapatan lain. Sabitan kesalahan di mahkamah ini juga merupakan yang pertama buat beliau. Tiada keraguan bahawa beliau telah memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM, dan beliau tidak pernah merungut tentang tindakan yang diambil ke atas beliau, apa lagi membuat sidang akhbar dan sebagainya. Beliau juga meghormati sistem mahkamah dan tidak pernah gagal mahupun lambat untuk menghadiri perbicaraan di mahkamah.

[984] Peguam bijaksana juga membangkitkan tentang fakta kes, di mana dihujahkan pembelian MPHS diluluskan Lembaga Pengarah FICSB tanpa bantuan tertuduh, dan walaupun keputusan mahkamah dikatakan dihormati, menyatakan tertuduh tiada memainkan apa-apa peranan dalam permintaan wang suapan daripada SP16. Tiada juga keterangan mengenai kegunaan wang oleh tertuduh untuk apa-apa tujuan sekalipun. Dihujahkan juga bahawa pihak-pihak lain yang terlibat dan berkepentingan seperti SP15, SP16 dan SP21 tidak pula didakwa, dan ini adalah tidak adil jika tidak diambil kira oleh mahkamah.

[985] Pihak pembelaan memohon agar hukuman bagi sembilan sabitan penerimaan wang suapan tersebut diperintah untuk laksanakan secara serentak kerana semuanya adalah berkenaan dengan pembelian MPHS yang merupakan satu transaksi. Ini juga selaras dengan 'totality principle'. Bagi denda pula, pihak pembelaan mencadangkan jumlah yang paling minimum.

Hujahan pemberatan pihak pendakwaan

[986] Pihak pendakwaan memberi penekanan kepada niat Parlimen yang jelas ingin membenteras rasuah yang merupakan satu jenayah yang serius, dan begitu berleluasa. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685 telah menerangkan niat Parlimen adalah berdasarkan maksud peruntukan undang-undang statut yang berkenaan.

[987] Mahkamah juga mesti mengambil kira kepentingan awam lebih daripada kepentingan tertuduh. Dengan merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 240, dihujahkan bahawa individu, seperti tertuduh, yang berkedudukan tinggi dan mempunyai pengaruh dalam sebuah organisasi

merupakan pertimbangan yang mewajarkan hukuman berat dikenakan ke atas tertuduh. Penekanan ke atas perancangan dan premeditasi jenayah yang dipelopori Tertuduh merupakan peranan yang harus ditentukan oleh mahkamah.

[988] Tambahan pula, rasuah melibatkan jumlah wang yang besar seperti RM3.09 juta yang telah dilakukan oleh individu yang memegang jawatan dan kuasa dalam institusi awam mewajarkan hukuman penjara 'custodial sentence' yang panjang dikenakan. TPR terpelajar juga menyatakan tertuduh tidak menunjuk penyesalan (*did not show any remorse*) atas kesalahannya (ini dibantah peguam terpelajar atas alasan pengakuan penyesalan mungkin menjejaskan rayuan ke Mahkamah Rayuan) dan tidak mengambil sebarang tindakan untuk memulangkan wang suapan yang diterima beliau.

[989] Pihak pendakwaan menekankan bahawa secara keseluruhannya hujahan mitigasi tertuduh tidak dapat mengatasi kepentingan awam, keseriusan kesalahan rasuah yang dilakukannya, keperluan mengenakan hukuman bersifat deteren kepadanya dan pencegahan kepada bakal pesalah selain daripada peranan yang dimainkan tertuduh yang secara keseluruhannya mewajarkan hukuman penjara yang panjang, yang dicadangkan selama 12 tahun, dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan bagi setiap sembilan pertuduhan pindaan di bawah s 16(a)(A) ASPRM dan dibaca bersama s 24 ASPRM.

Penilaian mahkamah

Pembukaan

[990] Adalah sudah diakui bahawa elemen kepentingan awam adalah paling mustahak dalam proses penentuan hukuman. Rujukan perlu dibuat hanya kepada pemerhatian oleh Hashim Yeop Abdullah Sani J (pada ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256, seperti berikut:

> One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v Kenneth John Ball* as follows:
>
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest.

[991] Setiap hukuman juga mestilah mencerminkan betapa seriusnya setiap pertuduhan (rujuk *Public Prosecutor v Khairuddin* [1982] 1 MLJ 331) Hukuman semestilah berkadaran (*proportionate*) dengan kesalahan yang disabitkan (rujuk keputusan Supreme Court Kanada dalam *R v Ipeelee* [2012] SCC 13) dan dalam semua keadaan fakta dan keadaan sekeliling kes mesti

diambil kira. Ini bermakna mahkamah wajib menilai keseluruhan kes, tahap serius kesalahan, fakta mengenai bagaimana jenayah itu dilakukan, faktor penglibatan tertuduh dan sebarang faktor mitigasi (rujuk keputusan Mahkamah Agung dalam *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; [1987] 2 CLJ 405).

[992] Mahkamah harus mengulangi kepentingan empat prinsip and objektif penting sesuatu hukuman iaitu pembalasan, pencegahan, penghalangan dan pembaikpulihan — *retribution, deterrence, prevention and rehabilitation.* Dan asas kepada penilaian semua prinsip tersebut adalah kepentingan awam. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 mengesahkan bahawa, dalam konteks ini, adalah tugas Mahkamah untuk pertahan dan menjaga kepentingan awam.

[993] Kes *Public Prosecutor v Loo Chang Hock* [1988] 1 MLJ 316; [1988] 1 CLJ 76 juga relevan kerana diputuskan mahkamah sepatutnya memerintahkan hukuman bersifat pencegahan dalam keadaan di mana kesalahan jenayah berkenaan dilakukan dengan perancangan, seperti dalam kes semasa yang melibatkan sembilan transaksi permintaan dan penerimaan wang suapan rasuah oleh tertuduh (dengan jumlah yang semakin banyak dalam transaksi terkemudian).

Peruntukan undang-undang berkenaan hukuman kesalahan penerimaan rasuah

[994] Kuasa mahkamah untuk menjatuhkan hukuman telah baru-baru ini dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Letitia Bosman v Public Prosecutor and other appeals (No 1)* [2020] 5 MLJ 277 yang menerangkan tentang kuasa menjatuhkan hukuman menurut s 183 KTJ adalah salah satu daripada cabang kuasa kehakiman mahkamah. Azahar Mohamed CJ (Malaya) berkata seperti berikut:

> [40] It is undisputed that in the context of criminal law, the courts have the judicial power to try offences. What then is the judicial power in relation to sentencing or punishment in a criminal trial? To my mind, the answer to this question is entirely clear. In my opinion, it is evident from the way in which our court treated the matter it has very much become part of our law that the court's judicial power is to pass or impose punishment or sentence according to law at the conclusion of a criminal trial and upon conviction of an accused person (see generally ss173 and 183 of the Criminal Procedure Code ('the CPC'), *Public Prosecutor v Yee Kim Seng* [1983] 1 MLJ 252 ('Yee Kim Seng'), *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 ('Jafa bin Daud'), *Dato' Yap Peng, Kok Wah Kuan v Public Prosecutor* [2007] 5 MLJ 174 ('Kok Wah Kuan'))
>
> ...

[123] Now, all criminal trials should be conducted in accordance with the provisions of the CPC (see s 3). It is clear from the provisions in Chapter XX of the CPC that deals with the procedure in 'Trials Before the High Court' in ss 178-183 that sentencing process takes place after the conclusion of a trial that is upon the conviction of an accused person. Section 182A provides for the procedure at the conclusion of a criminal trial. If the court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the court shall find the accused guilty and he may be convicted thereon (see s 182A(2)). Notably, the provision that immediately follows s 182A is s 183, which expressly provides that 'if the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law.

[995] Hukuman bagi kesalahan menerima suapan di bawah s 16(a)(A) ASPRM adalah diperuntukan di bawah s 24 ASPRM, yang mana peruntukan yang berkenaan menyatakan seperti berikut:

24 Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23

(1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 apabila disabitkan boleh —

(a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan

(b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

...

[996] Seksyen 24 ASPRM memperuntukkan dua jenis hukuman iaitu pertama, hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan kedua, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10 ribu Ringgit mengikut mana yang lebih tinggi.

[997] Walau bagaimanapun hujahan pihak pendakwaan bahawa kedua-dua hukuman tersebut mesti dikenakan di bawah s 24 tersebut adalah tidak tepat.

[998] Mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 telah menghuraikan dengan panjang lebar pemakaian s 24 ASPRM mengenai hubungkait hukuman penjara dan denda dan telah merumuskan bahawa walau pun hukuman penjara tidak bersifat mandatori (kerana kewujudan expresi 'shall be liable' dan bukan 'shall be punished'), di mana s 24 menyatakan 'boleh dipenjara' dan 'boleh dedenda', sekiranya mahkamah putuskan untuk menjatuhkan hukuman penjara, hukuman denda mesti juga diperintahkan. Beberapa petikan relevan daripada kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319 adalah seperti

berikut:

> [2918] The phrase 'pass sentence according to law' in s 183 of the CPC means that the sentence imposed must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles (see *Re Chang Cheng Hoe & Ors* [1966] 2 MLJ 252; [1966] 1 LNS 155).
>
> ...
>
> [2924] In contrast, the words 'shall be liable' do not make the prescribed form of punishment mandatory. Instead, these are construed as merely permissive or directory (see *Public Prosecutor v Mohd Salim Hamiddulrahman* [1998] MLJU 254; [1998] 4 CLJ 199). The analysis on the applicability of the exercise of judicial discretion to bind over would also similarly apply here.
>
> ...
>
> [2934] For present purposes, I would be inclined to follow this authority in *Public Prosecutor v Mohd Salim Hamiddulrahman* because it dealt with a similar penal provision as found in s 24 of the MACC.
>
> [2936] Accordingly, in my view, for the conviction for the charge of abuse of position under s 23 of the MACC Act, first, s 24 is to be construed as being directory because of the expression 'shall be liable' which precedes the penalties of both jail term and fine. This court may strictly exercise its discretion to decide whether or not to impose the penalties stated therein. Secondly, if this court decides to impose any of the penalties, the terms and quantum as specified in the penal provision of s. 24 must be followed. Thirdly, as made clear in *Public Prosecutor v Mohd Salim Hamiddulrahman*, because of the conjunction 'and' connecting the two penalties, and since they are preceded by a single expression 'shall be liable', if this court decides to pass a jail sentence, it must also impose a fine, in accordance with the quantum formula in the provision.

[999] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101; [2005] 1 CLJ 421 yang melibatkan kesalahan rasuah di bawah s 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Khas) No 22 Tahun 1970 menyatakan dengan jelas bahawa kerana sifat kesan rasuah yang jauh menjangkau, hukuman yang bersesuaian adalah penjara, seperti berikut:

> ... As we have quoted earlier in this judgment, the aim of the Ordinance is to bring to book renegade politicians and public servants who abuse their positions. The effect of any punishment imposed is to deter politicians and public servants from conducting their public affairs in a corrupt manner (see *Public Prosecutor v Dato' Haji Mohamed Muslim bin Haji Othman*). It has been held that imprisonment should not be imposed if there is an alternative punishment provided by the legislation in the punishment section. However, it has equally been held that imprisonment may be the only suitable form of punishment despite the provision of an alternative punishment, in view of the gravity of the offence and to serve public interest (see *Kang Yeow Hooi & Ors v Public Prosecutor* [1954] 1 MLJ 233; [1954] 1 LNS 31). From the authorities we have considered earlier, there is no doubt that in cases involving corruption, imprisonment would be a proper sentence unless there

> are extenuating circumstances against the imposition of such a sentence. We find there is none in the present case. From the factual matrix of this case, it can be seen in no uncertain terms that the respondent, as a politician had, whilst holding a public office of some stature, used his public position to his advantage and obtained a monetary benefit as a consequence of it. The nature of the abuse is in the financial advantage that he gained from the use of his office. Having said the above, it is our unanimous decision that this appeal be and is hereby allowed. We would therefore set aside the sentences of fines imposed by the CA and in place substitute a sentence of two (2) years imprisonment on each amended charge. The sentences are to run concurrently. The fines, if paid, are to be refunded to the respondent'.

[1000]Mahkamah seterusnya ambil maklum bahawa sejak dahulu lagi, malah sebelum Merdeka, dalam kes *Rex v Teo Cheng Lian* [1949] 1 MLJ 170 dalam penghakiman Gordon-Smith J menyatakan:

> Bribery and corruption of officialdom is like a cancer which may grow and destroy the whole body ... Like Caesar's wife, officials (including Judges) must be above suspicion and lack of confidence in this respect strikes at the whole foundation of good Government.
>
> ... I do not think that the mere imposition of a fine is likely to act as a deterrent in this class of offence.

[1001]Itu kata-kata dalam penghakiman yang di buat di negara ini lebih tujuh dekad yang lalu. Namun, mahkamah ambil notis kehakiman (*judicial notice*) bahawa jenayah rasuah semakin buruk dan lebih berleluasa berbanding era tersebut.

[1002]Oleh yang demikian, memandangkan kes rasuah adalah serius, seperti yang dicerminkan oleh hukuman berat dalam s 24 itu sendiri, dan mengambil kira fakta kes jenayah rasuah yang dilakukan oleh tertuduh melibatkan jumlah wang yang besar, dan dilakukan dengan terancang berkait dengan pembelian MPHS ketika tertuduh menjawat kedudukan tertinggi sebagai Pengerusi FELDA, institusi yang ditubuh Parlimen untuk membangunkan tanah dan taraf kehidupan para peneroka, mahkamah tiada kesangsian bahawa hukuman penjara dalam kes ini adalah memang sepatutnya dijatuhkan.

[1003]Ini bermakna hukuman denda juga oleh itu adalah mandatori. Memandangkan jumlah yang terlibat, sebanyak RM3.09 juta adalah tinggi, formula hukuman denda dalam s 24 ASPRM yang mewajibkan denda paling kurang sebanyak lima kali ganda sahaja sudah bermakna denda sebanyak RM15.45 juta, satu jumlah yang amat besar, mahkamah berkeputusan denda minima RM15.45 juta itu, yang merupakan sebanyak lima kali ganda jumlah keseluruhan wang suapan dalam sembilan pertuduhan sebanyak RM3.09 juta adalah memadai.

[1004]Mahkamah telah mendengar hujahan mitigasi tertuduh yang disampaikan oleh peguam terpelajar. Namun mahkamah mesti juga nyatakan bahawa sebahagian hujahan beliau mungkin menjurus kepada perkara yang tidak berkaitan dengan jenayah tetapi lebih berkait dengan situasi tertuduh sendiri, umpamanya beliau sudah berumur 72 tahun, dikatakan bermasalah kesihatan dan tiada punya kewangan selain sebagai seorang pesara.

[1005]Walau pun mahkamah mengambil kira perkara-perkara tersebut, seperti yang dibangkitkan pihak pendakwaan, rujukan kepada kes *Public Prosecutor v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor* [2013] 8 MLJ 70 adalah relevan, di mana telah diputuskan seperti berikut:

> [14] The sentencing court must only consider circumstances that mitigate the crime and not those that are personal to the offender and unconnected to the crime such as hardship to the offender and his family if he is sent to prison. These are matters that the offender should have thought of before committing the offence. If he was brave enough to tempt fate and got caught he must be brave enough to face the natural and probable consequences of his act. But if for any valid reason there is a need to temper justice with mercy a proper balance has to be struck between sympathy for the offender and the pain and suffering that he had inflicted on his victim or the damage that his criminal activity had done to society.

[1006]Sering dikatakan bahawa walaupun kes-kes terdahulu atau *judicial precedent* memainkan peranan yang kecil dalam proses hukuman sekiranya tiada maklumat latar belakang yang dituduh dan fakta kes, trend sebelum dan terkini hukuman yang dijatuhkan dalam kes terdahulu berkenaan kesalahan yang serupa adalah bermanafaat dalam pertimbangan hukuman yang berada dalam lingkungan yang konsisten dan tidak terlalu jauh daripada kes-kes berkesalahan yang serupa.

[1007]Mahkamah mengambil maklum hujahan bantuan pihak pendakwaan yang merujuk kepada beberapa kes yang terdahulu di bawah s 16(a)(A) ASPRM. Umpamanya, dalam kes *Sim Ah Leng v Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)* [2019] MLJU 1823 di mana tertuduh disabitkan atas satu kesalahan menerima suapan RM7,000 dan dijatuhkan hukuman 24 bulan dan denda RM35,000 (tiga bulan penjara jika gagal bayar). Hukuman telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi.

[1008]Dalam kes *Sanusi bin Abdul Rashid lwn Pendakwa Raya* [2018] MLJU 1879 pula, tertuduh disabitkan atas tiga pertuduhan. Pertama di atas permintaan suapan sebanyak RM30,000 di mana beliau dihukum penjara empat tahun dan denda RM150,000, jika gagal bayar, 15 bulan penjara. Kedua adalah sabitan di atas kesalahan permintaan suapan RM7,000 (penjara empat tahun bermula dan denda RM35,000; jika gagal bayar, empat bulan penjara). Ketiga, penerimaan suapan RM7,000 (penjara empat tahun dan denda

RM35,000; jika gagal bayar, empat bulan penjara). Semua hukuman dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi.

[1009]Dalam satu kes yang lain, *Ezli Effifuddin Chik & Satu Lagi lwn Pendakwa Raya* [2018] 1 LNS 1096 di mana hukuman yang dijatuhkan mahkamah sesyen telah juga dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi, jumlah nilai suapan adalah di antara RM1,200 dan RM3,000 dalam tiga pertuduhan dan tertuduh dikenakan hukuman penjara lima tahun dan denda RM15,000; dan jika gagal bayar, satu tahun penjara. Satu lagi kes ialah *Pendakwa Raya v Chua Beng Seong and another appeal* [2016] MLJU 1212 di mana satu pertuduhan penerimaan suapan sebanyak RM350,000 menyaksikan sabitan yang mengakibatkan tertuduh dihukum penjara tiga tahun dan denda RM1.75 juta, dan jika gagal bayar, enam bulan penjara. Hukuman juga dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi.

[1010]Oleh itu boleh disimpulkan berdasarkan kes-kes tersebut bahawa bagi kesalahan di bawah s 16 ASPRM yang jauh tidak sampai setengah juta RM pun, hukuman penjara adalah di antara dua dan lima tahun. Dalam kes semasa, jumlah suapan, dengan sabitan sembilan kesalahan adalah RM3.09 juta. Namun, mahkamah mesti tegaskan mahkamah bertanggungjawab menilai fakta dan hal keadaan mengikut merit setiap kes dan menentukan tempoh hukuman penjara yang bersesuaian. Rujukan juga boleh dibuat kepada kes *Public Prosecutor v Murugesan a/l Muniyandi* [2012] 6 MLJ 805 di mana Mahkamah Rayuan menyatakan:

> [13] ... It is also a principle in sentencing that the sentencing court should also look at the sentences imposed in other cases for a similar offence. It must, however, be borne in mind that no two cases can have exactly the same facts as to the minutest details and each case has to be decided on its own merits; *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 referred (see para 13).

Keputusan hukuman

[1011]Mahkamah mesti tekankan lagi bahawa kesalahan berkaitan jenayah rasuah adalah amat serius. Rasuah menganggu-gugat pertumbuhan ekonomi, menafikan hak rakyat mendapat perkhidmatan efisyen dan umpama barah yang melemahkan sistem demokrasi dan keluhuran undang-undang negara.

[1012]Dengan itu, setelah mengambil kira dan menilai setiap faktor mitigasi dan pemberatan yang dinyatakan seperti di atas, dan setelah merujuk kepada kes-kes terdahulu, bagi tujuan mencapai tujuan hukuman yang mampu secara dekat memenuhi kriteria prinsip dan objektif penjatuhan hukuman, terutamanya pencegahan dan pembalasan (rujuk kes *Public Prosecutor v Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186), dalam penghakiman Mahkamah, penentuan seimbang yang mencerminkan hukuman yang paling berkadaran

(*proportionate*), saksama (*fair*) dan berpatutan (*appropriate*) di bawah s 24 ASPRM terhadap tertuduh atas sabitan sembilan pertuduhan kesalahan menerima suapan di bawah s 16 ASPRM ialah *enam tahun penjara* bagi setiap satu sabitan kesalahan pertuduhan *dan denda sejumlah RM15,450,000*, seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan	Nilai Suapan	5 Kali Nilai Suapan
Kedua	RM 100,000	RM 500,000
Ketiga	RM 140,000	RM 700,000
Keempat	RM 300,000	RM1,500,000
Kelima	RM 250,000	RM1,250,000
Keenam	RM 500,000	RM2,500,000
Ketujuh	RM 500,000	RM2,500,000
Kelapan	RM 300,000	RM1,500,000
Kesembilan	RM 500,000	RM2,500,000
Kesepuluh	RM 500,000	RM2,500,000
Jumlah keseluruhan		RM15,450,000

[1013]Mahkamah juga berpendapat bahawa kesemua sembilan kesalahan adalah berkait rapat antara satu sama lain kerana melibatkan perkara penerimaan suapan atas peranan tertuduh dalam urusan pembelian MPHS yang diserahkan dalam sembilan transaksi oleh orang yang sama (SP16) melalui individu yang sama (SP21) bersumberkan dana wang yang juga sama. Kesemuanya adalah 'intimately connected with each other' (rujuk kes Mahkamah Persekutuan, *Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 240) yang mewajarkan hukuman penjara untuk semua sembilan sabitan kesalahan tersebut dijalankan secara serentak.

[1014]Mahkamah juga berpendapat perintah ini selari dengan 'totality principle' (rujuk kes *Public Prosecutor v Teo Heng Chye* [1989] 3 MLJ 205; [1990] 1 CLJ 194) kerana hukuman penjara yang dilaksanakan secara berturut-turut, atau satu lepas satu selesai boleh dianggap dalam kes ini melanggar prinsip undang-undang yang melarang hukuman yang bersifat menghancurkan atau 'crushing sentence' (rujuk kes *Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 321).

[1015]Mahkamah juga menjatuhkan hukuman pemenjaraan dua tahun sebagai 'default penalty' jika tertuduh gagal membayar denda. Ini adalah secara berturutan menurut sembilan sabitan yang tersebut.

PENANGGUHAN PERLAKSANAAN HUKUMAN

[1016]Pihak pembelaan kemudiannya memaklumkan akan membuat rayuan dan terus memohon untuk menangguh perlaksanaan kedua-dua hukuman

penjara dan denda. Ini dibantah oleh pihak pendakwaan. Mahkamah mendengar hujahan berkaitan fakta dan tempoh pemenjaraan yang tidak dapat diberi pampasan sekiranya rayuan kemudiannya dibenarkan (*irreversible*) dan juga risiko jangkitan virus Covid-19 sekiranya tertuduh yang berusia 72 tahun dimasukkan ke penjara ketika situasi mengusarkan pandemik yang melanda ketika ini.

[1017]Pihak pembelaan juga merujuk kepada keputusan mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319, terutamanya kepada isu keperluan mematuhi perkara 8 Perlembagaan Persekutuan (semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang) dan perkara berkaitan jumlah denda yang terlalu tinggi yang dikatakan memustahilkan pembayaran boleh dilakukan terus, walaupun sekiranya peruntukan s 283 KTJ (termasuk mengenai pemberian masa untuk membayar denda dan pembayaran secara ansuran) dicadangkan untuk diguna pakai.

[1018]Pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa walaupun antara nas utama yang sering dirujuk mengenai penangguhan perlaksanaan hukuman adalak kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Public Prosecutor* [2004] 1 MLJ 497; [2004] 1 CLJ 592 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, banyak kes terutamanya di mahkamah majistret dan mahkamah sesyen yang tidak secara tegasnya mematuhi prinsip yang digariskan dalam kes tersebut. Di sini konsep kesamarataan mengenai perlindungan undang-undang di bawah perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ditekankan oleh pihak pembelaan.

[1019]Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membuat keputusan untuk membenarkan permohonan tersebut setelah berpuas hati tertuduh berjaya menunjukkan kewujudan keadaan khas atau 'special circumstances' yang memberi justifikasi kepada penangguhan kepada perlaksanaan hukuman — bukan sahaja pemenjaraan tetapi juga denda (rujuk kes *Public Prosecutor v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808; [2020] 8 CLJ 319).

[1020]Sehubungan dengan itu, mahkamah memerintahkan jaminan sebanyak RM1.5 juta mestilah dibayar oleh tertuduh, dan bagi tujuan tersebut tertuduh perlu menambah jumlah RM700,000 kerana jaminan yang telah dikenakan ke atas beliau sebelum ini ketika mula dipertuduhkan adalah RM800,000. Syarat lain jaminan awal adalah dikekalkan dan sebagai tambahannya, beliau juga dikehendaki melaporkan diri ke balai polis berdekatan rumah pada setiap 1 haribulan sehingga tamat proses rayuan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan atas tuduhan pecah amanah jenayah;

disabitkan untuk sembilan kesalahan penerimaan suapan rasuah; perlaksanaan hukuman dan denda ditangguhkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju